




# Laporan Tahunan 2022

Annual Report

**PERBADANAN  
ASET KERETAPI**  
*Railways Assets Corporation*







**PERBADANAN ASET KERETAPI**

# Laporan Tahunan 2022

Annual Report

CETAKAN PERTAMA 2024

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak PERBADANAN ASET KERETAPI.

Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City,  
63502 Putrajaya Sepang, Selangor Darul Ehsan

T: +603 8939 2020 F: +603 8939 2222/ 6018

Media Sosial : Railway Assets Corporation

Laman Sesawang: [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)



## ISI KANDUNGAN TABLE OF CONTENTS

- 005 Visi, Misi dan Moto  
*Vision, Mission and Motto*
- 006 Perkhidmatan Kami  
*Our Services*
- 007 Pencapaian RAC 2022  
*RAC Achievements 2022*
- 008 Sorotan 2022  
*2022 Highlights*
- 012 Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah  
*Chairman's Message*
- 022 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chief Executive Officer's Statement*

### SEKSYEN 1: PROFIL KORPORAT SECTION 1: CORPORATE PROFILE

- 032 Maklumat Korporat  
*Corporate Information*
- 034 Denotasi Logo RAC  
*RAC's Logo Denotation*
- 035 Penubuhan RAC  
*RAC's Establishment*
- 038 Punca Kuasa RAC  
*Powers of RAC*
- 041 Piagam Pelanggan  
*Client's Charter*
- 042 Saluran Khidmat Pelanggan  
*Customer Service Channels*
- 043 Jenis-Jenis Aset Kereta Api  
*Types of Railway Assets*
- 044 Data Tanah dan Infrastruktur Kereta Api  
*Land and Railway Infrastructure Data*
- 048 Senarai Aktiviti Komersial RAC  
*List of RAC's Commercial Activities*

- 049 Carta Organisasi RAC 2022  
*RAC's Organisational Chart 2022*
- 050 Barisan Pihak Pengurusan RAC 2022  
*RAC Management Line-up 2022*

## SEKSYEN 2: KEPIMPINAN SECTION 2: LEADERSHIP

- 058 Lembaga Pengarah RAC  
*RAC Board of Directors*
- 061 Barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC 2022  
*Members of RAC's Board of Directors In 2022*
- 070 Jadual Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC 2022  
*RAC Board of Directors' Meetings In 2022*
- 071 Senarai dan Bilangan Kehadiran Ahli ke Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC 2022  
*RAC Board of Directors' Meeting Attendance In 2022*
- 072 Jawatankuasa Yang Dipengerusikan dan Dianggotai oleh Lembaga Pengarah RAC 2022  
*RAC Board of Directors' Meeting Attendance In 2022*

## SEKSYEN 3: TADBIR URUS KORPORAT, INTEGRITI DAN PEMATUHAN SEKSYEN 3: CORPORATE GOVERNANCE, INTEGRITY AND COMPLIANCE

- 082 Pengenalan  
*Introduction*
- 083 Kawalan Dalaman  
*Internal Control*
- 087 Ke Arah Pengukuhan Integriti Organisasi  
*Fostering Organisational Integrity*
- 091 Laporan Audit Dalam 2022  
*Internal Audit Report 2022*

## SEKSYEN 4: PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK SEKSYEN 4: HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT

- 099 Aktiviti Komersial RAC  
*RAC Commercial Activities*
- 111 Prestasi Hasil dan Tunggakan  
*Revenue Performance and Arrears*
- 114 Pengurusan Tanah Kereta Api  
*Railway Land Management*
- 128 Pengurusan Aset Kereta Api  
*Management of Railway Assets*

## SEKSYEN 5: MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN INFRASTRUKTUR REL SECTION 5: BOOSTING RAILWAY LAND DEVELOPMENT & IMPROVING RAIL INFRASTRUCTURE

- 138 Projek Pembangunan Tanah Kereta Api  
*Railway Land Development Projects*
- 148 Projek Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Kereta Api  
*Infrastructure Development Projects and Railway Facilities*
- 160 Projek Pembangunan Secara Usaha Sama dengan Swasta  
*Development Projects in Joint Venture with The Private Sector*



## **SEKSYEN 6: MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN** **SEKSYEN 6: EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION**

- 168 *Memperkasa Fungsi RAC & Tindakan Perundangan*  
*Empowering RAC's Functions & Legal Action*
- 168 *Kemuktamadan Perjanjian*  
*Finalised Agreements*
- 171 *Tindakan Perundangan*  
*Legal Action*

## **SECTION 7: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT** **SECTION 7: DEVELOPMENT OF QUALITY HUMAN RESOURCES AND INCULCATING ICT CULTURE**

- 176 *Pengurusan Sumber Manusia Berkualiti dan Pembudayaan ICT*  
*Development of Quality Human Resources and Inculcating ICT Culture*
- 177 *Pembangunan Organisasi*  
*Organisational Development*
- 187 *Pengukuhan ICT*  
*Strengthening ICT*
- 189 *Perolehan*  
*Procurement*

## **SEKSYEN 8: PENGURUSAN ADUAN AWAM & PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC** **SECTION 8: PUBLIC COMPLAINTS MANAGEMENT & RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC**

- 194 *Pengurusan Aduan Awam*  
*Management of Public Complaints*
- 196 *Pengukuhan Imej dan Jenama RAC*  
*Re-Imaging and Branding of RAC*
- 211 *Program Tanggungjawab Sosial Korporat*  
*Corporate Social Responsibility Programme*
- 215 *Program Dalaman*  
*Internal Programmes*
- 219 *Keberkesanan Media Sosial*  
*Effectiveness of Social Media*

## **SEKSYEN 9: INISIATIF KELESTARIAN HIJAU DAN TENAGA BOLEH BAHARU** **SECTION 9: GREEN SUSTAINABILITY AND RENEWABLE ENERGY INITIATIVES**

- 224 *Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu RAC*  
*RAC's Renewable Energy Roadmap*


**SEKSYEN 10: PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN**  
**SECTION 10: FINANCIAL AND ACCOUNTS MANAGEMENT**

- 230 Pengurusan Kewangan dan Akaun  
*Financial and Accounts Management*
- 231 Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi  
*Establishment of Railway Assets Corporation Fund*
- 232 Analisis Prestasi Kewangan  
*Financial Performance Analysis*
- 242 Analisis Kedudukan Kewangan  
*Financial Position Analysis*
- 244 Pembayaran Balik Hutang  
*Repayment of Debts*

**SEKSYEN 11: LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA  
KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2022****SECTION 11: AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S FINANCIAL STATEMENT  
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2022**

- 248 Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi bagi  
Tahun Berakhir 31 Disember 2022  
*Auditor-General's Report on RAC's Financial Statement for the Year Ended 31 December  
2022*





## VISI VISION

**PENERAJU TRANSFORMASI  
PENGURUSAN ASET KERETA API  
YANG MAMPAN MENJELANG 2030**

**LEADING THE TRANSFORMATION  
OF SUSTAINABLE RAILWAY ASSET  
MANAGEMENT BY 2030**



## MISI MISSION

Kami komited untuk :

- Mengurus dan melaksanakan pembangunan aset kereta api secara dinamik, efisien dan sistematik untuk memajukan industri rel negara dan menjana pendapatan yang mampan.
- Perbadanan Aset Keretapi berperanan sebagai :
  - i. Pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api dengan RAC mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh Pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti, iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang.
  - ii. Pengurus dan perancang perniagaan bagi menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

*We are committed to:*

- *Manage and develop railway assets dynamically, efficiently and systematically to drive growth of the national rail industry and generate long-term sustainable income.*
- *The role and functions of Railway Assets Corporation are as below:*
  - i. *As manager and administrator of railway assets, RAC also assumed all liabilities incurred by the Malayan Railway Administration (KTM) to enable the successor company, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) to operate without any debt.*
  - ii. *RAC functions as manager and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government.*



## MOTO MOTTO

**MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA  
EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSET MANAGEMENT**

## PERKHIDMATAN KAMI OUR SERVICES



### PENYEWAAN/PAJAKAN RENTAL/LEASE

Penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api di sepanjang koridor bagi tujuan komersial.  
*Rental and lease of railway land along the corridor for commercial purposes.*



### PEMBANGUNAN TANAH LAND DEVELOPMENT

Projek pembangunan berasaskan transit telah digariskan sebagai satu daripada teras strategi dalam usaha RAC meningkatkan pendapatan dan memastikan hasil yang berterusan.

*Transit oriented development project has been underlined as one of RAC's strategic thrusts to boost income and ensuring continuous revenue.*



### PENGIKLANAN ADVERTISING

Cabang komersial yang akan diperkasakan melalui libat urus secara aktif aktiviti ini di atas tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran.

*Commercial arm to be empowered through active public engagement on railway land along the alignment.*



### PENGUATKUASAAN ENFORCEMENT

Pengeluaran notis, pengusiran dan pemantauan bagi aktiviti pencerobohan demi keselamatan operasi kereta api.

*Issuing notice as well as conducting eviction and monitoring works to ensure railway operational land are safe from illegal occupation and encroachment.*



### PENTADBIRAN TANAH LAND ADMINISTRATION

Tadbir urus bagi tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab.

*Administration of titled railway land and gazetting of railway land under reserve category.*



### TUMPANG LALU WAYLEAVE

Kebenaran yang diberikan kepada agensi mana-mana pihak untuk menggunakan tanah kereta api.

*Approval to relevant agencies/parties for use of railway land.*



### PELUPUSAN ASET DISPOSAL OF ASSETS

Pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik untuk menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos penyelenggaraan yang tinggi.

*Systematic asset management helps minimise or reduce maintenance costs.*



### PENYELENGGARAAN ASET ASSET MAINTENANCE

Memastikan aset dan infrastruktur dipantau, diselenggara dan dibaik pulih supaya ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

*To ensure assets and infrastructure are monitored, managed and maintained so that they are always in good working order and safe for use.*



## PENCAPAIAN RAC 2022 RAC ACHIEVEMENTS 2022

20%


Peningkatan komponen sewaan dalam hasil urusniaga pertukaran  
*Increase in revenue from the rental component in exchange transactions*



**RM63.7** juta  
million  
Hasil keseluruhan daripada urusniaga pertukaran  
*Overall revenue from the exchange transactions*



**Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) RAC 2022-2026** diluluskan Lembaga Pengarah RAC pada 21 Oktober 2022  
*The RAC Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2022-2026 was approved by the RAC Board of Directors on 21 October 2022*



**RM13.5 Juta** diperuntukkan bagi kerja naik taraf dan pembinaan platform baharu bagi memenuhi keperluan perkhidmatan DMU di Kelantan dan Pahang  
*A total of RM13.5 million has been allocated for upgrading and construction of new platforms for DMU services in Kelantan and Pahang.*

**Penubuhan Unit Rel** selaras dengan usaha RAC untuk memantapkan tabdir urus dan aspek teknikal keretapi. Penubuhan unit ini menggariskan dua (2) fungsi utama iaitu Penetapan Polisi  
*The establishment of the Rail Unit was in line with RAC's efforts to strengthen governance and railway technical aspects. It was inceptioned with two (2) key functions namely Policy Decision-Making*




**Pengenalan RAILS** melalui aplikasi di telefon bimbit. Aplikasi tersebut boleh dimuat turun melalui Google Play/App Store/Huawei App Gallery  
*Introduction of the Railway Assets Intelligence System (RAILS) mobile application. The app can be downloaded via Google Play/App Store/Huawei App Gallery.*

48%

peningkatan aktiviti sewaan dan pajakan bagi tanah rizab kereta api  
*surged in rental and leasing activities for railway reserve land*


**RM25.724** juta  
million  
kutipan hasil bagi kategori ini  
*revenue collection for this category*




29%

peningkatan hasil sewaan dan pajakan bagi tanah yang berstatus hak milik  
*surged in rental and lease income for land with ownership status*

**RM7.449** juta  
million  
kutipan hasil bagi kategori ini  
*revenue collection for this category*




**RM54** juta  
million  
nilai pelaksanaan inisiatif Park n Ride di Stesen Keretapi Rawang  
*Implementation of the Rawang Railway Station Park n Ride initiative*



**Inisiatif Little Free Library (LFL) di lima (5) stesen** kereta api di Perak iaitu Ipoh, Kampar, Tanjong Malim, Kuala Kangsar dan Taiping dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
*Little Free Library (LFL) initiative at five (5) railway stations in Perak namely in Ipoh, Kampar, Tanjong Malim, Kuala Kangsar and Taiping in collaboration with Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*

Pelaksanaan Projek **Membaik Pulih Stesen Keretapi Seremban** yang diiktiraf sebagai bangunan warisan oleh Jabatan Warisan Negara  
*Restoration of Seremban Railway Station which has been recognised as a heritage building by the National Heritage Department*



**RM5** juta  
million  
diperuntukkan untuk kerja-kerja pemantauan dan pengenggaraan tanah kereta api  
*allocated for railway land monitoring and maintenance works*



Pelaksanaan **Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya** Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak  
*Implementation of Facilities for the Public and OKU (Disabled Persons) Project at Batu Gajah Railway Station, Perak*

**3 Pejabat Urusan Wilayah RAC** iaitu di Utara, Selatan dan Timur diwujudkan bagi melancarkan dan memudahcara operasi RAC  
*3 RAC Regional Operation Offices namely in the North, South and East have been set up for seamless service delivery.*



# SOROTAN 2022

## 2022 HIGHLIGHTS

### JANUARI JANUARY

- **7 Januari 2022** - Penyerahan sumbangan kepada Masjid Al Ehsan & Surau Al Hidayah di Hulu Langat dan Surau Nurul Iman, Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam yang terkesan akibat tragedi banjir besar di Selangor.

*7 January 2022 – Handing over of contributions to Masjid Al Ehsan & Surau Al Hidayah in Hulu Langat and Surau Nurul Iman, Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam which were badly hit by the massive floods in Selangor.*



- **15 April 2022** – Majlis penyerahan sumbangan di bawah Program Ziarah Kasih Ramadan 1443H untuk empat (4) rumah kebajikan di sekitar Lembah Klang.

*15 April 2022 – Handing over of contributions under the Ziarah Kasih Ramadan 1443H programme to four (4) welfare homes in the Klang Valley.*

### APRIL APRIL

- **17 Januari 2022** – Perpustakaan Mini RAC diwujudkan di Stesen Keretapi Butterworth. Perpustakaan ini adalah yang kedua disediakan oleh RAC selepas yang pertama di Stesen Keretapi Dabong, Kelantan.

*17 January 2022 – RAC opened a Mini Library at Butterworth Railway Station. This is the second provided by RAC after the first library at Dabong Railway Station, Kelantan.*



### FEBRUARI FEBRUARY

- **10 Februari 2022** – Lawatan kerja RAC ke Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

*10 February 2022 – RAC working visit to Sabah State Railway Department.*



- **18 Mei 2022** - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Antara RAC dan MYISP Dot Com Sdn. Bhd. berhubung Cadangan Pembangunan Rangkaian Optik Ekspres – Sambungan Backbone dan Aset Infrastruktur Rangkaian Di Sepanjang Koridor Kereta Api Nasional.

*18 May 2022 – Signing of a Memorandum of Agreement (MOA) between RAC and MYISP Dot Com Sdn. Bhd. to build and manage the Express Optical Network (EON) fibre infrastructure along the National Railway Corridor.*

### MEI MAY



## SOROTAN 2022 2022 HIGHLIGHTS

### MAC MARCH

- **15 Mac 2022** - Lawatan kerja RAC ke Lembaga Pelabuhan Johor untuk taklimat pelaksanaan Badan Berkanun Yang Diasingkan & Dibebaskan Saraan (BBDS).

*15 March 2022 - RAC working visit to Johor Port Authority for a briefing on the implementation of the Statutory Bodies with Separate Remuneration (BBDS) scheme.*



- **22 Mac 2022** - Majlis Menandatangani Perjanjian Pengoperasian Perkhidmatan Lintasan Rata Awam (LRA) Antara RAC dan Keretapi Tanah Melayu Berhad.

*22 March 2022 – Signing of a Public Level Crossing (LRA) Agreement between RAC and Keretapi Tanah Melayu Berhad.*



- **25 - 28 Mac 2022** – Penyertaan RAC pada Hari Usahawan Negara 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

*25 - 28 March 2022 – RAC's participation at the National Entrepreneurs Day 2022 at World Trade Centre Kuala Lumpur.*



- **17 Jun 2022** – Majlis Penyerahan Projek di bawah Program Strategik Memperkasakan Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) Zon Utara di Stesen Keretapi Parit Buntar.

*17 June 2022 – Handing over of PEMERKASA (People and Economic Strategic Empowerment Programme) Project for the Northern Zone at Parit Buntar Railway Station.*



- **18 & 19 Jun 2022** - Program Hari Bertemu Pelanggan 2022 Zon Utara yang diadakan di Stesen Keretapi Taiping, Perak dan Stesen Keretapi Butterworth, Pulau Pinang.

*18 & 19 June 2022 – Meet the Client's Day 2022 programme for the northern zone at Taiping Railway Station, Perak and Butterworth Railway Station, Penang.*

### JUN JUNE

## SOROTAN 2022 2022 HIGHLIGHTS

### JULAI JULY

- **1 Julai 2022** - Pengerusi Lembaga Pengarah RAC YBhg. Datuk Seri Isham Ishak yang juga Ketua Setiausaha MOT mengadakan lawatan ke beberapa lokasi aset kereta api di Ipoh termasuk Stesen Keretapi Ipoh dan Hotel Majestic sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Ke-107.

*1 July 2022 – RAC Chairman Datuk Seri Isham Ishak who is also MOT Secretary-General visited several railway asset locations in Ipoh including Ipoh Railway Station and Majestic Hotel in conjunction with RAC Board of Directors' 107th Meeting.*



- **15 Julai 2022** - Sesi Penyerahan Bantuan Banjir Baling oleh wakil Kelab Sosial dan Kebajikan RAC Majlis Bersama Jabatan, PUSPANITA RAC dan AKRAB RAC. Program ini diadakan dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia.

*15 July 2022 – Handing over of Baling Flood Relief Assistance by Representatives of RAC Social and Welfare Club, RAC Joint Department Council, RAC PUSPANITA and RAC AKRAB. This programme is held in collaboration with Yayasan Food Bank Malaysia.*



- **18 Julai 2022** – Majlis Pengiktirafan Kluang Rail Coffee sebagai *The Oldest Railway Kopitiam in Malaysia* oleh Malaysia Book of Records.

*18 July 2022 – Kluang Rail Coffee officially inducted into the Malaysia Book of Records as The Oldest Railway Kopitiam in Malaysia.*



- **5 Oktober 2022** – YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Dato' Muhammad Bin Hj. Abdullah, Undang Luak Johol dan delegasinya mengadakan kunjungan hormat ke RAC.

*5 October 2022 – YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Dato' Muhammad Bin Hj. Abdullah, Undang Luak Johol and his delegation paid a courtesy visit to RAC.*



- **7 Oktober 2022** - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Datuk Seri Isham Ishak yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC merasmikan Sesi Libat Urus Antara Jabatan Kerajaan Tempatan, RAC dengan pihak PBT Mengenai Kadar Cukai Taksiran Sumbangan Membantu Kadar Ke Atas Harta-Harta Teknikal.

*7 October 2022 - Secretary-General of the Ministry of Transport YBhg. Datuk Seri Isham Ishak who is also RAC Chairman officially opened the Engagement Session between the Local Government Department, RAC and PBT on the Tax Assessment/Contribution in Aid Rates on Technical Property.*



- **14 Oktober 2022** - Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat RAC Tahun 2022 di Kompleks Sukan Uptown Sports, Bangi.

*14 October 2022 – RAC Sports Tournament 2022 in conjunction with National Sports Day at Uptown Sports Complex, Bangi.*

### OKTOBER OCTOBER



## SOROTAN 2022 2022 HIGHLIGHTS

### OGOS AUGUST


- **5 Ogos 2022** - Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan RAC Ke-30.

*5 August 2022 – RAC marks 30th Anniversary of its inception.*



- **11-14 Ogos 2022** – Penyertaan RAC dalam Rail Technology Expo 2022.

*11-14 August 2022 – RAC's participation at Rail Technology Expo 2022 at KL Sentral Station.*



### SEPTEMBER SEPTEMBER

- **14 September 2022** – Mural bertemakan Bunga Raya sempena sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022 di Stesen Taman Wahyu. Bunga Raya yang dilambangkan sebagai Bunga Perpaduan diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 28 Julai 1960.

*14 September 2022 – A colourful mural featuring Malaysia's national flower, the Bunga Raya (hibiscus) is one of the attractions at the Taman Wahyu Station to commemorate the National Day & Malaysia Day 2022. A symbol of unity, the hibiscus was declared as the National Flower by Malaysia's first Prime Minister Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj on 28 July 1960.*



- **11 November 2022** - Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBr. En Adam bin Abu Hanipah, Timbalan Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) YBr. Profesor Dr. Mazita binti Puteh menunjukkan struktur *Little Free Library* yang akan diletakkan di lima (5) stesen kereta api di Perak iaitu Ipoh, Kampar, Tanjung Malim, Kuala Kangsar dan Taiping.

*11 November 2022 – RAC Chief Executive Officer YBr. En Adam bin Abu Hanipah and Deputy Vice Chancellor of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) YBr. Professor Dr. Mazita binti Puteh pointing to the Little Free Library structures to be set up at five (5) railway stations in Perak namely Ipoh, Kampar, Tanjung Malim, Kuala Kangsar and Taiping.*



- **2 Disember 2022** - Lembaga Pengarah RAC diketuai Pengerusinya YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak melakukan lawatan ke Menara Sentral RAC di Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.

*2 December 2022 – RAC Board of Directors led by RAC Chairman Datuk Seri Isham bin Ishak visited Menara Sentral RAC at Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.*

### NOVEMBER NOVEMBER

### DISEMBER DECEMBER

# PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat baginda.

*In the name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful. All praises and thanks be to Allah Almighty, prayers and peace of Allah be upon the noble Prophet and upon his family and companions, the honourable followers.*

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**A**lhamdulillah,, izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dapat kita bersama-sama mengharungi 2022 dengan jayanya. Saya menghargai komitmen Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dalam menerbitkan Laporan Tahunan 2022 sebagai rujukan dan imbasan kepada pelaksanaan fungsi dan peranan Perbadanan ini selaku pemilik dan pengurus aset-aset kereta api di negara ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak, dalam menyempurnakan penerbitan laporan ini.

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun semasa, pendapatan yang diterima RAC daripada hasil langsung atau dikenali sebagai urusan pertukaran merangkumi aktiviti sewaan tanah kereta api termasuk tumpang lalu, keuntungan atas pelupusan aset serta pendapatan-pendapatan lain. Jumlah keseluruhan pendapatan yang diterima Perbadanan ini melalui sumber ini pada 2022 adalah sebanyak RM63.7 juta.

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**A**lhamdulillah, All Praise be to Allah S.W.T. *By whose Grace and Blessings, we have been able to successfully navigate through 2022 with exceptional accomplishments. I appreciate Railway Assets Corporation (RAC)'s commitment in producing the 2022 Annual Report which serves as reference and highlights the Corporation's functions and roles as owner and manager of railway assets in the country. On this note, I would like to congratulate everyone involved, either directly or indirectly, in the successful completion of this report. Congratulations and well done.*

## FINANCIAL PERFORMANCE

*During the current year, revenue received by RAC from direct income or known as exchange transactions covering railway land rental activities including wayleave, profit from asset disposal as well as other revenue. Total revenue received by the Corporation from this source in 2022 stood at RM63.7 million.*



## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE

Pada tahun semasa, beberapa komponen daripada hasil langsung menunjukkan peningkatan dalam penjana pendapatan antaranya hasil daripada faedah simpanan tetap yang telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM12 juta berbanding RM9 juta pada 2021. Selain itu, turut mencatatkan peningkatan adalah hasil daripada aktiviti komersial iaitu RM39 juta berbanding RM33 juta yang direkod pada tahun sebelumnya.

Peningkatan jumlah hasil yang diterima ini adalah signifikan kepada RAC memandangkan sejak 2015, Perbadanan ini tidak lagi menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan operasinya. Selain itu, pendapatan RAC turut berpunca daripada pelunasan geran atau dikenali dengan urusniaga bukan pertukaran. Pada tahun semasa jumlah hasil daripada sumber ini adalah sebanyak RM93 juta.

Pada tahun semasa, RAC telah mencatatkan belanja operasi sebanyak RM55.42 juta dengan RM37.53 juta digunakan bagi Belanja Pentadbiran manakala sebanyak RM17.89 juta digunakan untuk Belanja Pengurusan Aset merangkumi bayaran cukai tanah, cukai taksiran dan kerja-kerja melibatkan penyelenggaraan aset-aset kereta api. Langkah ini selaras dengan usaha Perbadanan ini untuk memastikan bahawa aset, terutamanya tanah-tanah kereta api yang berhampiran kawasan kediaman dan tumpuan awam diselenggara dengan baik bagi mengurangkan aduan dan mengelakkan pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

### PRESTASI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PROJEK PERKERETAPIAN

Selaku pemilik dan pengurus aset kereta api yang dibiayai Kerajaan, projek-projek di bawah pembangunan infrastruktur dan projek perkeretapian terus menjadi fokus utama Perbadanan ini. Sehingga penghujung 2022, antara projek pembangunan yang telah berjaya dilaksanakan adalah pembinaan Stesen Kereta Api Kajang 2 dan Menara Sentral RAC di Brickfields, Kuala Lumpur. Projek-projek ini, selain meningkatkan nilai hartanah di kawasan tersebut, ia juga menjanjikan pulangan jangka masa panjang kepada RAC bagi memastikan kestabilan kewangan sekali gus membolehkan Perbadanan ini terus menjalankan tugas dan peranannya sebagaimana yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta463).

*During the current year, several components from direct income showed an increase in revenue from among others, income from interest on fixed deposits to RM12 million compared to RM9 million in 2021. Besides that, income from commercial activities stood at RM39 million compared to RM33 million recorded in the previous year.*

*The higher income received is significant for RAC given that since 2015, this Corporation has not been receiving any allocation from the Federal Government to manage its operations. Besides that, RAC income is also generated from amortisation of grant or known as non-exchange transactions. During the current year, total income from this source stood at RM93 million.*

*During the current year, RAC's operating expenditure stood at RM55.42 million with RM37.53 million utilised for Administrative Expenses while a total of RM17.89 million was utilised for Asset Management Expenses covering payment of land tax, assessment tax and works related to maintenance of railway assets. This is in line with efforts by the Corporation to ensure that assets, especially railway land sited near residential and public places are well maintained to minimise complaints and to avoid encroachments by irresponsible parties.*

### PERFORMANCE OF INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT AND RAILWAY PROJECTS

*As owner and manager of railway assets financed by the Government, infrastructure development and railway projects continued to be the main thrust of the Corporation. As at end-2022, development projects which have been successfully implemented are the construction of Kajang 2 Railway Station and Menara Sentral RAC in Brickfields, Kuala Lumpur. These projects, in addition to boosting the property values in the respective areas, are also expected to provide long-term returns and financial sustainability for RAC while allowing the Corporation to continue to perform its duties and roles as stipulated under Railways Act 1991 (Act 463).*



## PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN'S MESSAGE

Selain itu, bagi memastikan tanah-tanah kereta api yang berpotensi tinggi dapat memberikan pulangan yang optimum, RAC juga telah melaksanakan kaedah pembangunan secara *Request for Proposal*. Pada tahun semasa, sebanyak dua (2) lot tanah hak milik RAC telah ditawarkan melalui kaedah ini iaitu di Lot 315, Jalan Chan Sow Lin dan Lot 5, Jalan Ampang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedua-dua lot tanah ini dapat menghasilkan nilai *Gross Development Value* (GDV) sebanyak RM879.45 juta. Hasil daripada RFP tersebut, Memorandum Perjanjian Pembangunan bersama syarikat Tanjung Ratna Sdn. Bhd. bagi Lot 315, Jalan Chan Sow Lin telah ditandatangani. Perjanjian ini dapat memberikan jaminan pulangan minimum di antara RM165.83 juta hingga RM216.65 juta kepada RAC.

Selain itu, RAC juga telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak) bagi merealisasikan Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral yang merupakan cadangan pembangunan berdasarkan kolaborasi dengan anggaran nilai GDV adalah sebanyak RM3.0 bilion. Struktur kolaborasi di antara RAC dan SSI Perak yang dicadangkan ialah menerusi penubuhan anak syarikat (JV Co.).

Di bawah pembangunan infrastruktur, tahun 2022 menyaksikan Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya (OKU) bernilai RM6.5 juta di Stesen Keretapi Tanjong Malim, Perak selesai dilaksanakan. Bagi meneruskan inisiatif ini, Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak juga akan dilengkapi dengan fasiliti untuk OKU. Pelaksanaan projek ini adalah lanjutan permintaan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Gajah yang mahukan kemudahan OKU disediakan bagi menangani kesukaran golongan terbabit untuk menaiki tren. Langkah ini membuktikan keprihatinan RAC dalam memastikan kebajikan golongan ini dititikberatkan dengan melaksanakan peningkatan terhadap kemudahan-kemudahan awam yang disediakan Kerajaan, agar ia boleh akses dengan mudah oleh setiap lapisan masyarakat.

*Besides that, to ensure high potential railway land can generate optimum returns, RAC has also implemented a Request for Proposal (RFP) development initiative. During the current year, two (2) titled RAC land lots were offered through this initiative namely Lot 315, Jalan Chan Sow Lin and Lot 5, Jalan Ampang, Federal Territory Kuala Lumpur. Both land lots are expected to realise s Gross Development Value (GDV) of RM879.45 million. As a result of the RFP initiative, a Memorandum of Development Agreement was inked between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd for Lot 315, Jalan Chan Sow Lin. This agreement can provide minimum guaranteed returns of between RM165.83 million to RM216.65 million for RAC.*

*During the year under review, RAC has also signed a Memorandum of Agreement (MOA) with SSI Perak for the Ipoh Sentral Property Development Project, a proposed development based on collaboration between RAC and Perak State Secretary Inc (SSI Perak) with GDV estimates of RM3.0 billion. The structure of the collaboration between RAC and SSI Perak which has been proposed in the MOA is the establishment of a subsidiary (JV Co).*

*Under infrastructure development, the year 2022 saw the successful implementation of the Public and Disabled Persons (OKU) Facilities Project worth RM6.5 million at Tanjong Malim Railway Station, Perak. Under this initiative, the Batu Gajah Railway Station was also equipped with OKU-friendly facilities. The project was carried out upon request from the Batu Gajah Community Service Centre for facilities to be provided for OKU who faced difficulties in boarding the train at the station. This initiative proves that RAC is sensitive to the welfare and needs of this group and in line with the Government's aspiration of ensuring uniformity in the provision of facilities for the OKU at all public places as well as to ensure that the facilities are easily accessible by every level of the community.*

## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE

Selaras dengan pengenalan 13 set tren kereta api jenis Diesel Multiple Unit (DMU) bagi operasi laluan rel Sektor Pantai Timur yang merangkumi Kelantan dan Pahang, RAC telah melaksanakan projek pembinaan platform yang baharu. Projek ini dilaksanakan bagi memastikan pengguna tren tersebut, yang beroperasi secara henti-henti di kawasan pedalaman, dapat menikmati perkhidmatan rel dengan lebih selesa dan selamat. Keadaan semasa di stesen-stesen kereta api dan hentian kecil di 37 buah lokasi adalah tidak menepati piawaian, bahaya dan tidak selesa kepada para kebanyakan pengguna. Pembinaan platform ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa di mana pada 2022, fasa 1 pembinaan kemudahan ini melibatkan lapan (8) lokasi di Kelantan antaranya di Bonut Susu, To'Uban, Kg. Baru Sg Mengkuang, Ulu Temiang dan Kuala Gris.

Pada akhir 2022, RAC telah melaksanakan Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban yang dianggarkan menelan belanja RM9.57 juta. Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk memulihara stesen kereta api tersebut yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara sejajar dengan nilai sejarahnya yang unik di mana menara jam di stesen kereta api ini masih lagi berfungsi dengan baik sehingga kini. Kerja baik pulih ini juga dibuat bagi memastikan kemudahan di stesen kereta api tersebut yang telah mencapai usia 119 tahun memenuhi keperluan penumpang memandangkan stesen ini adalah antara stesen kereta api yang mempunyai jumlah pengguna yang tinggi. Sejumlah 637,999 penumpang telah mendapatkan perkhidmatan rel di stesen ini pada 2022.

Melalui Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Pengangkutan, RAC telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembinaan Projek Park & Ride di Stesen Keretapi Rawang dengan peruntukan sebanyak RM54 juta. Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk meningkatkan kemudahan awam di stesen kereta api di samping menggalakkan penggunaan pengangkutan rel sebagai pilihan utama rakyat untuk mobiliti. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2025.

*Following the introduction of 13 new Diesel Multiple Unit (DMU) trains for the East Coast Rail Stretch Sector covering Kelantan and Pahang, RAC has undertaken the construction of new platforms. This project aims to provide a comfortable and safe journey for commuters of this train service which operates with immediate stops at remote areas. At present, the railway stations and small rail terminals at 37 locations do not meet the rail safety standards, uncomfortable and could pose danger to most passengers. Construction of the platforms will be carried out in three (3) phases whereby in 2022, phase 1 of the facilities involved eight (8) locations in Kelantan among others at Bonut Susu, To'Uban, Kg. Baru Sg Mengkuang, Ulu Temiang and Kuala Gris.*

*As at end-2022, RAC has carried out Maintenance of the Seremban Railway Station Building in Negeri Sembilan which is expected to cost RM9.57 million. The project is aimed at preserving the station which was gazetted as a National Heritage Building by the National Heritage Department. The building has a unique historic value in that it is the only railway station building with a clock tower that is in good working condition and well preserved till today. Maintenance works were undertaken to ensure the 119-year old railway station will be able to meet the needs of passengers given that it has among the railway stations with high passenger traffic. A total of 637,999 passengers used the rail service at the station in 2022.*

*Through the Federal Government Allocation under the Ministry of Transport Development Expenditure Allocation, RAC has been entrusted with the responsibility of undertaking the construction of the Park & Ride Project at Rawang Railway Station with an allocation of RM54 million. The project is aimed at enhancing public facilities at the railway station in addition to encouraging the public to use the train as their preferred choice of transportation. The project is expected to be completed at the end of 2025.*



## PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN'S MESSAGE

Sebanyak RM10.5 juta telah diperuntukkan kepada RAC untuk melaksanakan inisiatif di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) 2021 bagi merancakkan semula ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19 khususnya untuk sektor pembinaan. Peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pengangkutan secara berfasa kepada RAC menyaksikan pada 2022, Projek Pembinaan Park & Ride di tiga (3) stesen kereta api di Sektor Utara iaitu Stesen Keretapi Parit Buntar, Stesen Keretapi Bukit Tengah dan Stesen Keretapi Gurun telah dilaksanakan. Selain itu, Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Stesen serta Membekal dan Memasang CCTV di Stesen Keretapi Tanjung Malim dan pembinaan hentian Hentian di Stesen Keretapi Kuala Gris turut dilaksanakan.

Bagi aspek baik pulih dan penyelenggaraan aset kereta api, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Kerja-kerja yang dilaksanakan melibatkan pembersihan kawasan parkir terbuka dan parkir bertingkat yang tidak dioperasikan oleh pihak operator, kuarters, bangunan, pembersihan tanah-tanah kereta api dan sistem saliran serta pembaikan pagar sempadan.

Selain itu, pada tahun semasa juga, RAC telah memeterai Perjanjian Pengoperasian Perkhidmatan Lintasan Rata Awam (LRA) dengan pihak operator iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). LRA merupakan satu daripada elemen penting bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan penumpang serta pergerakan orang ramai yang melintasi landasan kereta api di jajaran lama. Melalui perjanjian ini, Perbadanan ini telah bersetuju untuk melantik KTMB untuk mengoperasi, menyelenggara dan menguruskan 48 buah LRA dengan kos sebanyak RM4.4 juta setahun.

### INISIATIF BAHARU & PENGUKUHAN JENAMA

Pengenalan inisiatif Tenaga Boleh Baharu (TBB) oleh RAC pada 2021 menyaksikan dua (2) projek telah dikenal pasti untuk direalisasikan bertujuan menyediakan fasiliti pengangkutan yang cekap, bersih dan memberi impak yang minimum kepada alam sekitar dan sumber semula jadi.

*A total of RM10.5 million has been allocated to RAC to undertake the initiative under the Strategic Programme to Empower the People and the Economy (PEMERKASA) 2021 to boost Malaysia's recovery amidst the challenging COVID-19 economic landscape, especially for the construction sector. The allocation which was channelled by the Ministry of Transport in stages to RAC saw the implementation of several projects in 2022, namely the Construction of Park & Ride at three (3) railway stations at the Northern Sector that is Parit Buntar Railway Station, Bukit Tengah Railway Station and Gurun Railway Station. Other projects implemented are the Station Infrastructure Facilities Upgrading Project and Supplying and Installing CCTV at Tanjung Malim Railway Station as well as the construction of a terminal station with intermediate stops at Kuala Gris Railway Station.*

*For restoration and maintenance of railway assets, a total of RM5 million has been allotted for this purpose. Works undertaken involved open parking areas and elevated car parks that are not managed by operators, quarters, buildings, clearing of railway land and cleaning of drainage system as well as repairs of border fences.*

*At the same time, RAC has signed a Public Level Crossing Agreement (LRA) with the operator, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). The LRA is a crucial element in ensuring a smooth operation as well as safety of passengers and pedestrians crossing railway tracks at old stretches. Under this agreement, the Corporation has signed an agreement to appoint KTMB to operate, maintain and manage 48 level crossings at a cost of RM4.4 million annually.*

### NEW INITIATIVES & BRAND ENHANCEMENT

*Under RAC's Renewable Energy (RE) initiative introduced in 2021, two (2) projects were identified for implementation to provide efficient and clean transport facilities with minimum impact on the environment and natural resources.*

## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE

Inisiatif ini digerakkan bertujuan untuk mengurangkan kos operasi yang semakin meningkat sekali gus mencapai objektif ke arah ekosistem pengangkutan hijau. Melalui TBB, Perbadanan ini dapat memastikan pembangunan sistem pengangkutan adalah cekap, bersih dan kukuh dengan kesan yang minimum kepada alam sekitar.

Inisiatif baharu yang diterokai ialah melalui pemasangan lampu solar untuk kegunaan stesen-stesen kereta api termasuk di tempat letak kenderaan. Melalui inisiatif ini ia akan membantu mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik dan memastikan pencahayaan di kawasan tempat letak kereta api sentiasa dalam keadaan baik sekali gus menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna. Selain itu, RAC juga sedang mengkaji keberkesanan untuk menggunakan lampu LED sebagai sumber pencahayaan di semua stesen-stesen kereta api.

Sejajar dengan pengenalan Dasar Automotif Nasional (NAP), RAC merancang untuk bekerjasama dengan syarikat berpotensi untuk menyediakan stesen pengecas kenderaan elektrik (ChargeEV) di stesen-stesen kereta api terpilih mulai 2023. Kemudahan ini adalah satu daripada usaha RAC untuk menyokong pemilikan kenderaan elektrik di negara ini selain dapat menyumbang kepada sumber pendapatan baharu kepada RAC.

Dalam kerancangan melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan meneroka perniagaan baharu, RAC tidak ketinggalan dalam melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat antaranya dengan penyediaan kemudahan perpustakaan mini di Stesen Keretapi Butterworth. Kemudahan ini adalah yang kedua dilaksanakan selepas ia diwujudkan di Stesen Keretapi Dabong di Kelantan.

*This initiative is expected to reduce escalating operational costs, hence realising the objective towards a green transport ecosystem. Through the RE initiative, this Corporation can ensure the transport system is efficient, clean and resilient with minimum effects on the environment.*

*Among the new initiatives undertaken by RAC are equipping railway stations in the country with solar power including at vehicle parking areas. This initiative helps reduce carbon emissions, offset RAC's electricity usage as well as ensuring proper lighting and visibility at vehicle parking areas hence ensuring commuters' safety and well-being. At the same time, RAC is also studying the effectiveness of installing light-emitting diodes (LED) at all railway stations.*

*In line with the introduction of the National Automotive Policy (NAP), RAC plans to collaborate with companies with the potential to provide electric vehicle charging stations (ChargeEV) at selected railway stations beginning 2023. This initiative is also part of RAC's efforts in support of electric vehicle ownership in the country besides providing the Corporation with a new source of revenue.*

*In its endeavour to implement various development projects and explore new businesses, RAC remains committed to its Corporate Social Responsibility (CSR) programme, among others through the setting up of a mini library for the public at Butterworth Railway Station. This library is the second provided by RAC after Dabong Railway Station in Kelantan.*



## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE

Selain itu, inisiatif ini turut dijalankan secara kerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris di bawah program *Little Free Library* (LFL). Sebanyak lima (5) stesen kereta api di Perak iaitu Ipoh, Kampar, Tanjung Malim, Kuala Kangsar dan Taiping telah dilengkapi dengan LFL. Selain itu, bantuan sumbangan berjumlah RM10,000 turut disalurkan kepada mangsa banjir di Baling, Kedah melalui Yayasan Food Bank Malaysia. Semoga bantuan yang salurkan ini dapat meringankan beban yang ditanggung mangsa yang terlibat bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

### PENGHARGAAN DAN HARAPAN

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC di atas segala kerjasama dan khidmat bakti yang telah diberikan sepanjang saya menduduki kerusi Pengerusi Lembaga Pengarah RAC.

Ucapan ini juga ditujukan kepada para pemegang taruh, kementerian, jabatan serta agensi persekutuan dan negeri di atas dorongan dan sokongan yang diberikan, RAC mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada barisan pihak pengurusan RAC yang diketuai oleh YBr. En. Adam bin Abu Hanipah selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan seluruh warga kerja RAC atas komitmen dan kesungguhan yang diterjemahkan dalam memastikan perancangan yang dibuat dalam mengurus dan membangunkan aset kereta api dapat dilaksanakan dengan jayanya. Mendukung visi sebagai **PENERAJU TRANSFORMASI PENGURUSAN ASET KERETA API YANG MAMPAN MENJELANG 2030**, saya percaya dan yakin dengan komitmen yang dizahirkan ini, Perbadanan ini mampu mencipta lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang.

*This initiative is also undertaken in collaboration with Universiti Pendidikan Sultan Idris under the Little Free Library (LFL) programme. Five (5) railway stations in Ipoh, Kampar, Tanjung Malim, Kuala Kangsar and Taiping were equipped with the LFL. Besides that, contributions worth RM10,000 were also handed over to flood affected residents in Baling, Kedah through Yayasan Food Bank Malaysia. It is hoped that the assistance could alleviate the victims' financial burden, as the Malay saying goes, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.' (A trouble shared is a trouble halved).*

### APPRECIATION AND HOPES

*As I bid farewell, I would like to express my heartfelt gratitude and highest appreciation to all RAC Board of Directors for the cooperation and services extended during my tenure as RAC Chairman.*

*My sincere thanks also go to the stakeholders, ministries, departments as well as federal and state agencies. Through their encouragement and unwavering support, RAC has been able to discharge its responsibilities as manager and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government.*

*I would also like to take this opportunity to record my appreciation to RAC management headed by YBr. En Adam bin Abu Hanipah as Chief Executive Officer and the entire RAC staff for their commitment and determination in ensuring all plans in managing and developing railway assets could be successfully implemented. Upholding the vision "**LEADING THE TRANSFORMATION OF SUSTAINABLE RAILWAY ASSET MANAGEMENT BY 2030**", I believe and am confident with the commitment shown, the Corporation will be able to create more successes in the years ahead.*



## PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah CHAIRMAN'S MESSAGE

Akhir kata, selaras dengan moto **MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA**, saya amat berharap agar komitmen yang kerja keras yang ditunjukkan pada tahun ini akan berterusan agar tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan akan dapat direalisasikan. Saya juga mendoakan warga kerja RAC akan terus berkerja dalam satu pasukan dalam setiap pelaksanaan program dan projek demi memartabatkan industri perkeretapian negara.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas daripada,

*In conclusion, in line with the motto **EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSET MANAGEMENT**, it is my sincere hope the commitment and hard work shown this year will be maintained to ensure that the duties and responsibilities which have been entrusted on the Corporation can be realised. I pray that all RAC staff will continue to work as a team in every programme and project that is implemented in line with efforts toward elevating the national railway industry to a higher level.*

*Thank you.*

*Yours sincerely,*

**DATUK SERI ISHAM ISHAK**

Pegerusi  
Chairman



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat baginda.

*In the name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful. All praises and thanks be to Allah Almighty, prayers and peace of Allah be upon the noble Prophet and upon his family and companions, the honourable followers.*

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**A**lhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada 2022, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan telah berjaya melaksanakan semua tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan.

Bagi memastikan RAC terus berdaya saing, berdaya maju serta dapat memberi sumbangan kepada industri perkeretaapian negara, Perbadanan ini sentiasa komited dan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan fungsi dan peranannya dalam mengurus, mentadbir dan membangunkan aset-aset kereta api. Oleh yang demikian, RAC dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik dasar dan strategi agar setiap program dan perkhidmatan yang diberikan kekal relevan dengan keperluan semasa.

Saya dengan ini berbesar hati melaporkan kemajuan dan pencapaian projek-projek dan aktiviti-aktiviti utama yang telah dilaksanakan Perbadanan ini sepanjang 2022.

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**A**lhamdulillah, All Praise be to Allah S.W.T. by whose Grace and Blessings, Railway Assets Corporation (RAC), an agency under the Ministry of Transport has in 2022 effectively fulfilled all responsibilities entrusted on the Corporation.

*To ensure RAC maintains its competitiveness and viability as well as contributing to the growth of the national railway industry, this Corporation remains steadfast in its commitment to perform its functions and roles in managing, administering and developing the national railway assets in the country. Towards this end, RAC has made continuous improvements to its policies and strategies to ensure its programmes and services remain relevant to current needs.*

*I am proud to present our annual report, which showcases the progress and achievements of key projects and activities undertaken by the Corporation throughout 2022.*



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT

### PENGURUSAN SERTA PEMBANGUNAN ASET DAN INFRASTRUKTUR KERETA API

Selaku pemilik dan pengurus aset-aset kereta api, aktiviti komersial RAC sentiasa menjadi fokus utama Perbadanan ini dalam memastikan penajanaan hasil daripada aset-aset tersebut dapat dioptimumkan. Kini, selaras dengan perkembangan teknologi semasa, proses mengkomersialkan aset-aset tersebut yang sebelum ini dibuat secara atas talian telah ditambah baik dengan pengenalan aplikasi mobile RAILS yang boleh dimuat turun melalui sistem operasi iOS, Android dan Huawei. Usaha ini dibuat bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk menggalakkan akses perkhidmatan agensi kepada rakyat secara digital dengan cara yang lebih mudah, cepat dan tepat. Aplikasi mudah alih ini mula digunakan pada Disember 2022 dan akan digunakan sepenuhnya menjelang 2023.

Menyedari bahawa tanah-tanah kereta api berada di pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia, aspek pencukaian menjadi isu utama yang perlu ditangani secara 'menang-menang'. Oleh itu, Sesi Libat Urus Antara Jabatan Kerajaan Tempatan, RAC dengan pihak PBT Mengenai Kadar Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar Ke Atas Harta-Harta Teknikal telah diadakan pada 7 Oktober 2022. Sebanyak 31 PBT hadir ke sesi ini bagi mendengar cadangan dan seterusnya mendapatkan persetujuan bersama mengenai kaedah pengasingan kadar cukai taksiran yang dikenakan ke atas harta-harta teknikal kereta api dengan harta yang kereta api yang boleh dikomersialkan. Sesi tersebut secara dasarnya telah menerima reaksi yang positif oleh kesemua PBT yang terlibat.

Selain itu, gerak kerja Pengauditan, Verifikasi, Pengemaskinian, Penyusunan Senarai Induk Tanah-Tanah Kereta Api telah dibuat bertujuan untuk memastikan rekod tanah di bawah seliaan RAC adalah tepat, sah dan boleh digunakan sebagai sumber rujukan terkini. Hasil daripada gerak kerja ini, data mengenai keluasan tanah kereta api mengikut negeri, jumlah peratusan tanah mengikut jenis dan keluasan tanah kereta api mengikut pemilikan dapat dikenalpasti. Perbadanan ini juga turut melaksanakan Sesi Libat Urus Bersama PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pengubahan zon guna tanah serta menaik taraf kelas guna tanah ke atas tanah rizab dan hak milik.

### MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND INFRASTRUCTURE

*As owner and manager of railway assets, RAC's commercial operations are the key focus of this Corporation to ensure optimum revenue is generated from the assets. To stay current with technology trends, RAC took the digital leap by going mobile. The process of commercialising its assets which was previously conducted on line, has now entered into a new dimension with the introduction of the Railway Assets Intelligence System (RAILS) mobile application, which can be downloaded through established operating systems such as iOS, Android and Huawei. This is in line with the Government's aspiration to ensure the people have digital access to the agency's services through simple, fast and accurate procedures. Introduced in December 2022, this mobile application will be fully operational by 2023.*

*Cognisant of the fact that railway land are sited in various states in Peninsular Malaysia, taxation aspects emerged as the key issue that has to be addressed through a win-win approach. As such, an engagement session between the Local Government Department, RAC and the Local Authorities (PBT) on Tax Assessment Rates and Contribution in Aid Rates (CMK) on Technical Properties was held on 7 October, 2022. A total of 31 PBT attended this session to listen to proposals and to reach a consensus on the separation of tax assessment rates imposed on railway technical assets as well as railway assets that can be commercialised. The session in principle received positive reaction from all PBT involved.*

*Besides that, activities related to Auditing, Verification, Updating and Preparing of Master List of Railway Land, were undertaken to ensure land records under RAC's supervision were accurate, authentic and could be used as the latest source of reference. Following the exercise, data related to railway land acreage according to states, total (percentage) land based on type and railway land acreage based on ownership, can be identified. This Corporation also held engagement sessions with PLANMalaysia at State and PBT levels for changes to land use zone as well as upgrading of land use classification on reserve and titled land.*



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT

Dari semasa ke semasa, RAC sentiasa memastikan aset-aset kereta api yang dimilikinya dipantau, diselenggara dan dibaik pulih bagi memastikan aset-aset tersebut dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna rel. Pada masa ini, kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan baik pulih aset yang terlibat dengan operasi kereta api adalah di bawah tanggungjawab KTMB manakala bagi aset di luar kawasan operasi, kerja-kerja tersebut dibuat oleh RAC.

Melihat daripada aspek pembangunan tanah-tanah kereta api yang berpotensi, projek pembangunan berorientasikan transit kekal menjadi pilihan sebagai konsep pembangunan yang akan dilaksanakan. Pada tahun semasa, melalui kolaborasi antara RAC dengan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral telah dimeterai. Turut diikat dengan perjanjian adalah projek pembangunan di atas Lot 315, Chan Sow Lin, Kuala Lumpur bersama Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Bagi projek-projek peningkatan infrastruktur kereta api, projek pembinaan bangunan Park & Ride di Stesen Keretapi Rawang dan projek-projek di bawah PEMERKASA yang menggunakan peruntukan di bawah Geran Persekutuan telah dan sedang dilaksanakan.

Di sebalik penjanaaan hasil melalui aktiviti komersial terhadap aset-aset kereta api, pada tahun semasa, RAC telah menyumbang semula kepada rakyat melalui pelaksanaan Projek Kemudahan OKU di Stesen Keretapi Batu Gajah seperti laluan *tactile*, tandas dengan ciri-ciri khusus dan kemudahan lif, Projek Pemuliharaan Bangunan Stesen Keretapi Seremban dan Projek Pembinaan Platform Kereta Api *Diesel Multiple Unit* (DMU) untuk jajaran sektor Pantai Timur merangkumi Kelantan dan Pahang.

### PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN ORGANISASI

Dalam aspek pengukuhan organisasi, RAC telah menubuhkan Unit Rel pada Ogos 2022. Matlamat utama penubuhan unit ini adalah selaras dengan usaha Perbadanan ini untuk memantapkan tadbir urus teknikal dan sebagai langkah kawalan dalaman bagi memastikan pengurusan aspek teknikal kereta api dibuat mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Penubuhan unit ini menggariskan dua (2) fungsi utama iaitu Penetapan Polisi dan Perancangan Sektor Rel serta Pengurusan Aset Rel (Operasi Kereta Api).

*RAC undertakes regular monitoring, supervision and maintenance of its railway-owned assets to ensure they are in good working condition and safe for use by railway commuters. At the same time, monitoring, supervision and maintenance of railway operational assets are under KTMB's jurisdiction while assets outside operational areas fall under RAC's responsibility.*

*For RAC, transit-oriented development (TOD) is poised to be its future thrust in unlocking the sustainable potential of its railway land. During the current year, RAC entered into a collaboration agreement with Perak State Secretary Inc (SSI Perak) to jointly develop the Ipoh Sentral Property Development Project. Also sealed was an agreement for a development project on Lot 315, Chan Sow Lin, Kuala Lumpur with Tanjung Ratna Sdn Bhd. For railway infrastructure upgrading projects, construction of Park & Ride building project at Rawang Railway Station and projects under PEMERKASA utilising Federal Grant allocation have and are in the implementation stage.*

*During the current year, RAC has ploughed back its revenue generated from commercialisation of railway assets to the people through the OKU (People with Disabilities) Facilities Project at Batu Gajah Railway Station such as tactile path (for visually impaired pedestrians), toilet with special features and lift facilities at Seremban Railway Station Building Restoration Project and Construction of Railway Platform for Diesel Multiple Unit (DMU) trains for the East Coast stretch sector covering Kelantan and Pahang.*

### STRENGTHENING ORGANISATIONAL GOVERNANCE

*To strengthen organisational governance, RAC has set up a Rail Unit in August 2022. The unit is aimed at strengthening its technical capabilities as well as its internal control system to ensure its railway technical management procedures comply with the regulations in force. This unit was set up with (2) two key functions: Policy-Making and Planning of Rail Sector and Rail Asset Management (Railway Operations).*

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT

Selain itu, Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC yang bersidang pada 9 Julai 2021 telah bersetuju agar Pejabat Urusan Wilayah (PUW) diwujudkan di Zon Utara, Zon Pantai Timur dan Zon Selatan. Pewujudan PUW ini bertujuan membantu pengurusan aset dan infrastruktur kereta api, pengurusan dan pemantauan aktiviti komersial serta penyelesaian kepada isu-isu aduan. Untuk permulaan operasi PUW, seramai sembilan (9) kakitangan telah dilantik ke jawatan masing-masing bagi mengisi kekosongan di pejabat urusan wilayah.

Selaras dengan pengenalan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, RAC telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) RAC 2022-2026 yang menggariskan empat (4) Bidang Keutamaan dengan disokong 20 Pelan Tindakan. Pelan ini juga merupakan satu bentuk kawalan dalaman dan dokumen dasar yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur bagi mengurangkan kerenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Seiring perkembangan pesat ekonomi dan kemajuan pelbagai industri, amatlah penting bagi sesebuah organisasi memiliki kecekapan dalam menguruskan tugas dan perkhidmatan, sama ada dalaman mahupun luaran. Kemajuan teknologi komunikasi membolehkan sesebuah organisasi itu berhubung dengan pelanggan, pihak pengurusan dan pekerja secara lebih pantas dan efisien.

Justeru, bagi memastikan perancangan pelaksanaan inisiatif RAC berasaskan ICT selari dengan hala tuju pendigitalan di peringkat nasional, Perbadanan ini telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan RAC 2021-2025 dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Dengan visi Pendigitalan Aset Kereta Api Secara Inklusif Pemacu Pengurusan dan Pembangunan Sektor Rel Negara, PSP RAC 2021-2025 telah menggariskan tiga (3) teras strategik dan 11 pelan tindakan bagi memastikan misi mengintegrasikan data aset kereta api secara berpusat dapat menyokong pembangunan sektor rel negara.

*Besides that, the RAC Board of Directors' Meeting on 9 July, 2021 gave their approval for the setting up of Regional Operation Offices (PUW) in the North Zone, East Coast Zone and South Zone. The PUW was set up to provide seamless operations in respect of management of railway assets and infrastructure, management and monitoring of commercial activities as well as resolving issues arising from public complaints. To kick off the PUW operations, nine (9) staff had been appointed to fill up the vacancies at the regional offices.*

*In line with the introduction of the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023, RAC has developed the RAC National Anti-Corruption Plan (NACP) 2022-2026 which outlines four (4) Key Priority Areas together with a 20-Point Action Plan. This plan is a form of internal control and policy document for the Corporation's resources to be directed, monitored and measured to reduce bureaucratic red tape as well as to prevent corruption, power abuse and misappropriation.*

*Technology has revolutionised the way organisations operate. It can facilitate highly efficient and clear communication at its best – with customers, management and different levels of employees.*

*In this regard, the RAC Digitalisation Strategic Plan (PSP) for the period 2021 to 2025 has been launched to symbolise the culmination of efforts undertaken toward the development of the plan. The RAC PSP 2021-2025 was formulated in line with the Public Sector Digitalisation Strategic Plan 2011-2025 to meet the requirements for improvements to the work processes and services in this Corporation. The plan was developed in collaboration with the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). With the vision of Inclusive Railway Asset Digitalisation as the Driver of National Rail Sector Management and Development, the PSP 2021- 2025 encompasses three (3) strategic thrusts and 11 strategies to ensure the mission of centrally integrating railway asset data can complement the development of the national rail sector*



## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT

### PENINGKATAN IMEJ DAN PENGURUSAN PEMEGANG TARUH

Sepanjang 2022, pelbagai program dan aktiviti di bawah peningkatan imej, promosi dan pengurusan pemegang taruh telah dianjurkan. Antara program tersebut adalah Program Hari Bertemu Pelanggan 2022 Zon Utara yang berlangsung di Stesen Keretapi Taiping dan Stesen Keretapi Butterworth. Program tersebut turut dimeriahkan dengan Kempen Derma Darah dan Pendermaan Organ, penyertaan ruai promosi daripada KTMB dan perkhidmatan Mobile JPJ. Selain itu, penyertaan RAC sebagai pempamer dalam Rail Technology Expo (RTX 2022) dan Hari Usahawan Negara 2022 membolehkan Perbadanan ini membina imej dalam kalangan pemain industri di samping mempromosikan perkhidmatan dan produk komersial RAC.

RAC juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang melibatkan penyertaan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Menerusi program-program ini, usaha untuk memperkenalkan RAC sebagai sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan infrastruktur dan projek-projek kereta api di negara ini dapat dilaksanakan. Antaranya ialah penyediaan Perpustakaan Mini RAC di Stesen Keretapi Butterworth, pelaksanaan inisiatif Little Free Library (LFL) di lima (5) stesen kereta api di Perak iaitu kolaborasi bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), penyerahan sumbangan berupa pek terbuka puasa, barangan keperluan dapur dan wang tunai di bawah Program Ziarah Ramadan 1443H kepada empat (4) rumah kebajikan dan Sesi Penyerahan Bantuan Banjir Baling dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia. Lebih daripada 40 kotak makanan dan barangan keperluan peribadi termasuk tikar, bantal dan selimut bernilai lebih RM10,000 diagihkan kepada penduduk kampung yang terlibat.

### REBRANDING AND MANAGEMENT OF STAKEHOLDERS

*Throughout 2022, various programmes and activities were implemented under image rebranding, promotion and the management of stakeholders. Among others, Meet Client's Day 2022 for the North Zone at Taiping Railway Station and Butterworth Railway Station were held, with activities such as Blood Donation Campaign, organ donation as well as promotional booths from KTMB and RTD Mobile services. Besides that, RAC's participation at Rail Technology Expo (RTX 2022) and Entrepreneurs' Day 2022 allows the Corporation to build its brand awareness among industry players while promoting its services and commercial products.*

*RAC is also actively engaged in Corporate Social Responsibility (CSR) programmes with participation from various levels of the community. Through these programmes, RAC took the opportunity to introduce the Corporation as a government agency responsible for infrastructure development and railway projects in the country. Among others, the establishment of RAC Mini Library at Butterworth Railway Station, that is the Little Free Library (LFL) initiative at five (5) railway stations in Perak in collaboration with Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), distribution of buka puasa food packs, cooking essentials and cash, Program Ziarah Ramadan 1443H to four (4) charitable homes and presentation of Baling Flood Aid in collaboration with Yayasan Food Bank Malaysia. Over 40 food packs and personal essential items including mats, pillows and blankets worth over RM10,000 were handed over to the affected villagers.*

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT

Program dalaman dengan penglibatan warga kerja RAC turut diadakan bertujuan untuk meningkatkan semangat setiakawan dan kerjasama berpasukan. Antara program yang diadakan adalah penganjuran *Retreat Key Performance Indicator (KPI) RAC 2022*, Program Kasih Ramadan bersama Ahli Lembaga Pengarah RAC, penganjuran sesi Townhall yang diadakan dari semasa ke semasa, sambutan Ulang Tahun Penubuhan RAC Ke-30, penganjuran Kejohanan Sukan RAC Tahun 2022 sempena sambutan Hari Sukan Negara dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada lapan (8) kakitangan RAC. Tahniah diucapkan!

### SEKALUNG BUDI, SEUNTAI KASIH

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pengurusan tertinggi Kementerian Pengangkutan dan barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC atas sokongan padu dan kepercayaan yang diberikan kepada Pengurusan RAC untuk melaksanakan pelbagai program ke arah memperkasakan sektor perkeretapian negara.

RAC akan terus berusaha mencipta kejayaan dengan mengatur strategi-strategi yang lebih komprehensif dan dinamik mengikut arus semasa bagi memastikan pelaksanaan projek dan program selaras dan mendukung dasar dan inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua warga cemerlang RAC di pelbagai peringkat atas komitmen dan perkhidmatan yang sangat baik demi menjayakan visi dan misi organisasi. Semoga terus gigih berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang demi memperkasa organisasi dan industri perkeretapian negara.

Sekian, terima kasih.

*In-house programmes with participation from RAC staff were held to promote esprit de corps for employee engagement at work. Among the initiatives undertaken are the RAC 2022 Retreat Key Performance Indicator (KPI), Program Kasih Ramadan with RAC Members of the Board, Townhall sessions which were held from time to time, RAC's 30th Anniversary Celebration, RAC Sports Tournament 2022 in conjunction with the National Sports Day and the Excellent Service Awards to eight (8) RAC staff. Congratulations to the recipients!*

### ACKNOWLEDGEMENT AND APPRECIATION

*I would like to take this opportunity to express my sincere thanks to the top management of the Ministry of Transport and RAC Board of Directors for their unwavering support and continued confidence in RAC Management to deliver various programmes aimed at empowering the national railway sector.*

*RAC will strive for greater heights through a more comprehensive and dynamic strategies based on current trends to ensure the projects and programmes implemented are aligned with the policies and initiatives introduced by the Government.*

*My heartfelt appreciation also goes to all RAC staff at all levels for their commitment and services in achieving our vision and mission. I hope that you will continually deliver excellent service in line with our aspirations toward empowering the organisation and the national railway industry.*

*Thank you.*



**Adam bin Abu Hanipah**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Chief Executive Officer





030

Perbadanan Aset Keretapi  
Railway Assets Corporation

# Seksyen 1

SECTION 1

**PROFIL  
KORPORAT**  
CORPORATE PROFILE







# MAKLUMAT KORPORAT CORPORATE INFORMATION

## PENGERUSI CHAIRMAN

**YBhg. Datuk Seri Isham Ishak**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan  
*Secretary-General  
Ministry of Transport Malaysia*

## AHLI MEMBER

**YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan  
*Director-General of Federal Land and Mines  
Department*

**YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed**  
Setiausaha Bahagian  
Sektor Strategik dan Am  
Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan  
Kementerian Kewangan  
*Secretary of the Government Investment  
Companies (GIC) Division, Ministry of Finance*

**YBhg. Dato' Teh Kean Ming**  
Pengarah Urusan  
*Managing Director*  
JKG Land Berhad

**YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching**  
Pengarah Urusan  
*Managing Director*  
JQS International Sdn. Bhd.

## EX- OFFICIO

**YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chief Executive Officer*

## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT COMMITTEE

YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed  
YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain  
Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam  
*Representative of Public Service Department*  
Wakil Kementerian Pengangkutan  
*Representative of Ministry of Transport*  
Wakil Kementerian Pengangkutan  
*Representative of Ministry of Transport*  
Wakil Kementerian Pengangkutan  
*Representative of Ministry of Transport*  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah

## JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN DEVELOPMENT WORKING COMMITTEE

YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching  
YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain  
(dilantik mulai 23 Jun 2022)  
*(appointed on 23 June 2022)*  
YBhg. Dato' Ir. Teh Kean Ming  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah

## JAWATANKUASA STRATEGIK DAN PELABURAN STRATEGIC AND INVESTMENT COMMITTEE

YBhg. Dato' Teh Kean Ming  
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed  
YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah

## JAWATANKUASA AUDIT AUDIT COMMITTEE

YBhg. Dato' Dr Amiruddin bin Muhamed  
YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah



## MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB DISCIPLINARY BOARD MEETING

Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.1)  
*Management and Professional Group (No.1)*

Pengerusi *Chairman*:

YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.2)  
*Management and Professional Group (No.2)*

Pengerusi *Chairman*:

YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah

Kumpulan Pelaksana (No.1)  
*Implementer Group (No. 1)*

Pengerusi *Chairman*:

YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain

## MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB DISCIPLINARY APPEALS BOARD COMMITTEE

Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.2)  
*Management and Professional Group (No.2)*

Pengerusi *Chairman*:

YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

Kumpulan Pelaksana (No. 1)  
*Implementer Group (No. 1)*

Pengerusi *Chairman*:

YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

Kumpulan Pelaksana (No.2)  
*Implementer Group (No. 2)*

Pengerusi *Chairman*:

YBrs. En Adam bin Abu Hanipah

## MAKLUMAT IBU PEJABAT/ PEJABAT URUSAN WILAYAH HEADQUARTERS INFORMATION / REGIONAL OFFICES

### Ibu Pejabat Headquarters

Perbadanan Aset Keretapi  
Tingkat 16, IOI City Tower 2,  
Lebuhr IRC, IOI Resort City  
62502 Putrajaya Sepang,  
Selangor Darul Ehsan.

**T:** 03 - 8939 0200

**F:** 03 - 8939 0222

**E:** info@rac.gov.my

### Pejabat Urusan Wilayah Utara Northern Regional Office

G-21, Pusat Perniagaan Perdana Jaya,  
Jalan Permatang Rawa,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang.

**T:** 04-5720400

**F:** 04-5720422

**E:** puwu@rac.gov.my

### Pejabat Urusan Wilayah Selatan Southern Regional Office

PS70, Jalan Bandar Satelit Sebang 3,  
Seksyen 1, Bandar Satelit Sebang,  
78000 Pulau Sebang,  
Alor Gajah, Melaka.

**T:** 06-4150300

**F:** 06-4150322

**E:** puws@rac.gov.my

### Pejabat Urusan Wilayah Timur East Coast Regional Office

PT5177, Jalan Kempas 1/2,  
Bandar Utama Gua Musang,  
18300 Gua Musang, Kelantan.

**T:** 09-9140500

**F:** 09-9140522

**E:** puwt@rac.gov.my

## DENOTASI LOGO RAC

### RAC'S LOGO DENOTATION

#### WARNA BIRU BLUE

Melambangkan sikap dinamik, profesional, kestabilan dan kepercayaan warga kerja RAC

*Symbolising the dynamism, professionalism, stability and trustworthiness of RAC staff*

#### WARNA OREN ORANGE

Melambangkan sikap warga kerja RAC yang tegas, proaktif dan gigih semasa menjalankan tugas.

*Symbolising the firm, proactive and hardworking attitude of RAC staff in discharging their duties*



#### AKRONIM RAC RAC ACRONYM

Melambangkan prinsip RAC yang sentiasa ingin maju, efisien dan proaktif dalam melaksanakan fungsinya sebagai pengurus dan pemilik kepada aset dan infrastruktur kereta api di negara ini

*Symbolising RAC's principles of always being progressive, efficient and proactive in performing its functions as the caretaker of the railway assets and infrastructure in the country*

#### FON FONT

Reka bentuk fon **Italic** yang mengikut hala tuju kereta api direka secara ringkas dengan dua jalur melambangkan dua perniagaan teras RAC iaitu pengurusan dan pembangunan aset serta infrastruktur kereta api

*The **italic** font following the direction of the train was designed simply using two lines that symbolise RAC's two core businesses, namely management and development of railway assets and infrastructure*



# PENUBUHAN RAC

## RAC'S ESTABLISHMENT



### ORDINAN KERETAPI 1948 RAILWAY ORDINANCE 1948

- Dimansuhkan
- *Revoked*

### PENJENAMAAN SEMULA PAK REBRANDING OF PAK

- Penjenamaan semula akronim PAK kepada **RAC** yang merujuk kepada **Railway Assets Corporation**
- Akronim **RAC** mula digunakan pada 19 November 2015
- *Rebranding of PAK acronym to **RAC** which refers to **Railway Assets Corporation***
- **RAC** acronym officially put into use on 19 November 2015

### PENGGUBALAN AKTA KERETAPI 1991 FORMULATION OF RAILWAYS ACT 1991

- Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ditubuhkan pada 1 Ogos 1992
- Semua harta kereta api di bawah tadbir urus Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) terletak kepada RAC
- Operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
- Semua liabiliti yang ditanggung oleh pentadbiran KTM terdahulu diambil alih RAC bagi membolehkan KTMB beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang
- *Railway Assets Corporation was established on 1 August 1992*
- *All railway assets under KTM administration and railway land held by the Federal Land Commissioner (FLC) are vested in RAC*
- *Railway service operations are taken over by the successor company, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)*
- *All liabilities under KTM administration are taken over by RAC to enable the successor company, KTMB to operate without any debt*

## LATAR BELAKANG

Perbadanan Aset Keretapi atau lebih dikenali sebagai RAC adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) yang bertanggungjawab sebagai pemilik, pengurus dan perancang perniagaan bagi menterjemah aset-aset kereta api yang dibiayai Kerajaan kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. RAC ditubuhkan bagi membantu industri kereta api di Malaysia berkembang maju dan berdaya saing serta setanding dengan industri kereta api di negara-negara maju.

## BACKGROUND OF ESTABLISHMENT

*Railway Assets Corporation (RAC) or better known as RAC is a Federal Government Statutory Body under the Ministry of Transport (MOT) entrusted with the responsibility as owner, manager and business planner to govern and interpret Government-funded railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government. Since inception, RAC has taken on the key role of driving sustainable growth of Malaysia's railway industry to be competitive and at par with the rail sector in the developed world.*

## PENUBUHAN RAC RAC'S ESTABLISHMENT

RAC secara rasminya ditubuhkan pada 1 Ogos 1992 serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menjadi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) melalui Warta Kerajaan P.U. (B) 401/1992 bertarikh 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan Akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM serta tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC, manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu KTMB. Selain bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api, RAC juga mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang. Keputusan Kerajaan mengkorporatkan KTM menjadi KTMB adalah bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya industri kereta api negara terhadap Kerajaan.

Misi RAC sangat jelas iaitu untuk mengurus dan membangunkan aset-aset kereta api bagi memajukan semula infrastruktur kereta api melalui perancangan dan pelaksanaan pengurusan aset secara sistematik dan bernilai tinggi. Hasrat ini mampu dicapai dengan adanya visi iaitu **Peneraju Transformasi Pengurusan Aset Kereta Api Yang Mampan Menjelang 2030**. Jika dilihat kepada fungsi Perbadanan ini, ia nyata telah memainkan peranan yang penting dalam mengurus dan membangunkan hartanah kereta api agar aset-aset ini dapat menjana pendapatan kepada Kerajaan, sekali gus memperkasa industri rel di negara ini.

*RAC was officially established on 1 August 1992 concurrently with the corporatisation of Keretapi Tanah Melayu (KTM) into Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). The Corporation was set up under the Railways Act 1991 (Act 463) through the Government Gazette P.U. (B) 401/1992 dated 1 August 1992. With the formulation of the Act, all railway assets previously under KTM's purview as well as railway land under the Federal Land Commissioner (FLC) were vested in RAC while railway service operations were taken over by the successor company, KTMB. As manager and administrator of railway assets, RAC has also taken over all liabilities incurred by the KTM administration to allow the successor company, KTMB to operate without any debt. The decision to corporatise KTM into KTMB was driven by the need to reduce the national railway industry's overdependence on the Government.*

*RAC's mission is clear, that is to manage and develop railway assets for rail infrastructure redevelopment through the implementation of high value and systematic asset management. This mission can be realised with the vision **Leading the Transformation of Sustainable Railway Asset Management by 2030**. Looking at the functions of the Corporation, it has indeed played an important role in managing and developing railway assets capable of generating income for the Government, hence empowering the railway industry in the country.*



## PENUBUHAN RAC RAC'S ESTABLISHMENT

Tugas dan tanggungjawab RAC adalah seperti berikut:

*RAC's duties and responsibilities are as follows:*



Rajah 1: Tanggungjawab RAC menurut Akta Keretapi 1991 (Akta 463)  
Diagram 1: RAC Responsibilities under Railways Act 1991 (Act 463)

## PUNCA KUASA RAC

### POWERS OF RAC

Punca kuasa RAC seperti yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463) adalah seperti berikut:

- i. Memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Seksyen 89 (1)];
- ii. Penubuhan, Keanggotaan, Fungsi [Seksyen 89(2) dan 89(8)];
- iii. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Seksyen 90(1)];
- iv. Peletakhakkan harta daripada Pentadbiran KTM kepada Perbadanan ini [Seksyen 92(2)];
- v. Peletakhakkan harta daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Perbadanan ini [Seksyen 93];
- vi. Segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap Perbadanan ini atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Seksyen 95);
- vii. Pelantikan kakitangan [Seksyen 96(1)];
- viii. Penubuhan Kumpulan Wang RAC [Seksyen 98(1) – 98 (4)]; dan
- ix. Mengurusniagakan harta tak alih [Seksyen 103].

*Powers of RAC as enshrined in the Railways Act (Act 463) are as follows:*

- i. Acquire and enjoy movable and immovable property [Section 89 (1)];*
- ii. Establishment, Membership and Functions [Section 89(2) and 89(8)];*
- iii. Appointment of Chief Executive Officer [Section 90(1)];*
- iv. Vesting of KTM property in the RAC [Section 92(2)];*
- v. Vesting of property acquired by FLC in the RAC [Section 93];*
- vi. Liabilities enforceable against the RAC or FLC [Section 95];*
- vii. Appointment of staff [Section 96(1)];*
- viii. Establishment of RAC Fund [Section 98(1) – 98 (4)]; and*
- ix. Deal with any immovable property [Section 103].*

## BIDANG TUGAS RAC MENGIKUT AKTA KERETAPI 1991 (AKTA 463)

### PENUBUHAN, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI

## FUNCTIONS OF RAC ACCORDING TO RAILWAYS ACT 1991 (ACT 463)

### ESTABLISHMENT, MEMBERSHIP AND FUNCTIONS

#### SEKSYEN 89 (8) | SECTION 89 (8)

- a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara:-
  - i. Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;
  - ii. Segala harta yang terletak pada atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;

- a) *To manage, administer and maintain:-*
  - i. All property and rights of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance which by virtue of Section 92 are vested in the Corporation;*
  - ii. All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance which by virtue of Section 93 are vested in the Corporation, and to manage and administer all liabilities in respect thereof;*



## PUNCA KUASA RAC POWERS OF RAC

- |   |  |
|---|--|
| <p>b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api; dan</p> <p>c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.</p> | <p>b) <i>To promote and undertake projects for the development or redevelopment of any railway infrastructure or facilities; and</i></p> <p>c) <i>To carry out and perform such other functions as may be prescribed by the Minister under this Act.</i></p> |
|---|--|

### PEMBUBARAN PENTADBIRAN KERETA API TANAH MELAYU DAN PELETAKHAKKAN HARTA PADA PERBADANAN:

### DISSOLUTION OF MALAYAN RAILWAY ADMINISTRATION AND VESTING OF ITS PROPERTY IN THE CORPORATION:

#### SEKSYEN 92 | SECTION 92

- |  |   |
|--|---|
| <p>a) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang wujud di bawah Ordinan termansuh adalah dibubarkan;</p> <p>b) Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Kereta api Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletak hak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakkan, penyerahhakkan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai “Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu”, “Keretapi Tanah Melayu” atau “Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu” berhubung dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai “Perbadanan Aset Keretapi”.</p> | <p>a) <i>The Malayan Railway Administration in existence under the repealed Ordinance is dissolved;</i></p> <p>b) <i>All property, rights and liabilities of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance shall, upon commencement of this Act, vest in the Corporation without any conveyance, assignment or transfer whatsoever and all references to “Malayan Railway Administration”, “Malayan Railway”, or “General Manager, Malayan Railway” in relation to such property and any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the “Railway Assets Corporation”.</i></p> |
|--|---|

## PUNCA KUASA RAC POWERS OF RAC

### PELETAKHAKKAN HARTA PADA PERBADANAN

#### SEKSYEN 93 | SECTION 93

Segala harta yang terletak pada, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah terletak pada Perbadanan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakkan, penyerahhakkan atau pemindahan bagi hak milik, estet, atau kepentingan yang serupa dan selama pemegangan serupa sebagaimana ia telah terletak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubung dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

### VESTING OF PROPERTY IN THE CORPORATION

*All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance shall vest in the Corporation under this Act without any conveyance, assignment or transfer whatsoever for the like title, estate, or interest and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the commencement of this Act and all references to the "Federal Land Commissioner" in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".*

### PERBADANAN BOLEH MELUPUS HARTA TAK ALIH TERLETAKHAK PADANYA

#### SEKSYEN 103 | SECTION 103

Perbadanan boleh menjual, memindahhakkan, memindahkan, memajakkan, menyerahhakkan, menyerah balik dan memulangkan, menggadai janji, menggadaikan, memindahhakkan semula, menyerahhakkan semula atau seliaannya mengurusniagakan mana-mana harta tak alih yang disebut dalam Seksyen 93 atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

### THE CORPORATION MAY DISPOSE OF IMMOVABLE PROPERTY VESTED IN IT

*The Corporation may sell, convey, transfer, lease, assign, surrender and yield up, mortgage, charge, reconvey, reassign, or otherwise deal with any immovable property referred to in Section 93 upon such terms and conditions as the Minister deems fit.*



# PIAGAM PELANGGAN CLIENT'S CHARTER



## **PEROLEHAN DAN PELUPUSAN ASET** **PROCUREMENT AND ASSET DISPOSAL**

Perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur kereta api melalui tender dan sebut harga diproses dalam tempoh 180 hari

*Procurement and disposal of railway infrastructure assets through tender and quotation will be processed within 180 days*



## **PENYEWAAN DAN TUMPANG LALU** **RENTAL AND WAYLEAVE**

Permohonan sewaan aset kereta api dan tumpang lalu akan diproses dalam tempoh 60 hari

*Application for rental of railway assets and wayleave will be processed within 60 days*



## **PAJAKAN** **LEASE**

Permohonan pajakan tanah kereta api akan diproses dalam tempoh 90 hari

*Application for lease of railway land will be processed within 90 days*



## **PEMBANGUNAN** **DEVELOPMENT**

Permohonan pembangunan di atas tanah-tanah kereta api akan diproses dalam tempoh 180 hari

*Application for development on railway land will be processed within 180 days*

## SALURAN KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE CHANNELS



Laman Sesawang | *Official Website*  
[www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)

Alamat | *Address*  
**Ibu Pejabat  
Headquarters**

Tingkat 16, IOI City Menara 2, Lebuhraya  
IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya  
Sepang, Selangor.  
T: (+603) 8939 0200  
F: (+603) 8939 0222



• **Pejabat Urusan Wilayah Utara**  
*Northern Regional Office*  
T: (+604) 572 0400  
F: (+604) 572 0422



• **Pejabat Urusan Wilayah Selatan**  
*Southern Regional Office*  
T: (+606) 415 0300  
F: (+606) 415 0322



• **Pejabat Urusan Wilayah Timur**  
*East Coast Regional Office*  
T: (+609) 914 0500  
F: (+609) 914 0522

Media Sosial | *Social Media*  
Railway Assets Corporation



**Sistem Pengurusan Aduan Awam**  
*(SISPAA)*  
**Public Complaints Management  
System (SISPAA)**  
E-mel | *Email*  
<https://mot.spab.gov.my/>

**Modul Aduan RAILS**  
*RAILS Complaints Module*



E-mel | *Email*  
[info@rac.gov.my](mailto:info@rac.gov.my)

WhatsApp  
Respon@RAC  
(+6019) 2008 533  
Hotline Komersial | *Commercial Hotline*  
(+6019) 2009 253




Hotline RAILS  
(+603) 8939 0255  
Hotline Hasil | *Revenue Hotline*  
(+6019) 2930 691



# JENIS-JENIS ASET KERETA API

## TYPES OF RAILWAY ASSETS




Rajah 3: Jenis-jenis aset kereta api  
Diagram 3: Types of railways assets



# DATA TANAH DAN INFRASTRUKTUR KERETA API

## LAND AND RAILWAY INFRASTRUCTURE DATA

JUMLAH PERATUSAN DAN KELUASAN TANAH KERETA API MENGIKUT KATEGORI PADA 2022  
TOTAL PERCENTAGE AREA OF RAILWAY LAND BASED ON CATEGORIES IN 2022



**Tanah Operasi:** Tanah kereta api yang terlibat sepenuhnya dengan operasi kereta api seperti landasan.  
**Operational Land:** Railway land that is totally involved in railway operations, such as railway tracks.

Jumlah keluasan  
Total size  
**27,931.19**  
ekar  
acres


**Tanah Surplus:** Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi kereta api seperti di kawasan stesen dan sekitar.  
**Surplus Land:** Land that is attached to railway operational areas such as stations and surrounding areas.

Jumlah keluasan  
Total size  
**1,862.08**  
ekar  
acres

**Tanah Poket:** Tanah kereta api yang terpisah daripada operasi kereta api. Pernah digunakan sebagai tapak kuarters atau kawasan kuari/ yad.  
**Pocket Land:** Railway land that is separated from railway operation. Previously used as site for quarters or quarry/ yard areas.


Jumlah keluasan  
Total size  
**1,241.39**  
ekar  
acres

**JUMLAH PERATUSAN DAN KELUASAN TANAH KERETA API MENGIKUT NEGERI PADA 2022**  
*TOTAL PERCENTAGE AREA AND OF RAILWAY LAND BY STATE IN 2022*




**JUMLAH PERATUSAN DAN KELUASAN TANAH KERETA API BERDASARKAN JENIS PEMILIKAN PADA 2022**

*TOTAL PERCENTAGE & AREA OF RAILWAY LAND BASED ON OWNERSHIP IN 2022*



## JUMLAH INFRASTRUKTUR KERETA API YANG DIMILIKI RAC RAILWAY INFRASTRUCTURE OWNED BY RAC






Keretapi Tanah Melayu Berhad

# Peta Rangkaian

## Petunjuk

- Landasan Berkembar
- Landasan Tunggal
- Landasan Ditutup
- Stesen dan Perhentian
- \*Stesen DiRaja



1. Abdullah Hukum 3,351
- Angkasapuri 3,900
- Pantai Dalam 7,400
2. Pelanduk 7,400
- Jalan Tempyer 8,400
- Kg. Datar Maran 11,500
- Seri Setia 12,200
3. Selesa Jaya 13,450
4. Subang Jaya 16,900
5. Batu Tiga 19,650
6. Shah Alam 24,200
7. Padang Jawa 27,950
- Bukit Badak 31,700
8. Klang 34,470
9. Teluk Pulai 36,800
- Teluk Gedung 37,800
- Kg. Raja Uda 40,070
10. Jalan Kestam 41,250


SECTION	(KM)	LENGTH (KM)		
		Route	Track	Rail
<b>NORTHERN REGION</b>				
Butterworth – Tanjung Malim	0.000 – 303.000	303.000	606.000	1212.000
Bukit Mertajam – Padang Besar	0.000 – 159.000	159.000	318.000	636.000
Butterworth – NBCT	0.000 – 3.145	3.145	3.145	6.290
<b>TOTAL</b>	<b>465.145</b>	<b>924.145</b>	<b>1848.290</b>	
<b>CENTRAL REGION</b>				
Tanjung Malim – Seremban	303.000 – 461.000	158.000	316.000	632.000
Kuala Lumpur – Port Klang	0.000 – 43.200	43.200	86.400	172.800
Simpang Batu – Batu Caves	0.000 – 9.000	9.000	18.000	36.000
Port Klang – Pulau Indah	43.200 – 57.700	14.500	14.500	29.000
Jalan Kestam – North Port Klang	0.000 – 6.750	6.750	6.750	13.500
Subang Jaya – Terminal Sitypark	0.000 – 8.157	8.157	16.314	32.628
Seremban – Port Dickson	0.000 – 36.000	36.000	36.000	72.000
<b>TOTAL</b>	<b>275.607</b>	<b>493.964</b>	<b>987.928</b>	
<b>SOUTHERN REGION</b>				
<b>Seremban – Woodlands</b>				
a) Seremban – Gemas	461.000 – 562.500	101.500	203.000	406.000
b) Gemas – Woodlands	562.500 – 759.500	197.000	197.000	394.000
Gemas – Kuala Krau	0.000 – 150.000	150.000	150.000	300.000
Kempas Bharu – Pasir Gudang	0.000 – 34.500	34.500	34.500	69.000
Kempas Bharu – Tanjung Pelepas	0.000 – 31.750	31.750	31.750	63.500
Segamat Inland Port	0.000 – 2.000	2.000	2.000	4.000
<b>TOTAL</b>	<b>516.750</b>	<b>618.250</b>	<b>1236.500</b>	
<b>EASTERN REGION</b>				
Kuala Krau – Tumpat	150.000 – 527.800	377.800	377.800	755.600
Pasir Mas – Rantau Panjang	0.000 – 18.700	18.700	18.700	37.400
<b>TOTAL</b>	<b>396.500</b>	<b>396.500</b>	<b>793.000</b>	
Loop, Yard and Sidings	-	-	346.772	693.544
<b>GRAND TOTAL</b>	<b>1654.002</b>	<b>2782.631</b>	<b>5565.262</b>	
<b>SAY</b>	<b>1655.000</b>	<b>2783.000</b>	<b>5566.000</b>	

© Hak Cipta: KTM  
Uraian Jalan (Route/Plan) - ukur & pelukis - est. 1222  
Kemaskini: 02 - 01 - 2019



# SENARAI AKTIVITI KOMERSIAL RAC

## LIST OF RAC'S COMMERCIAL ACTIVITIES





# CARTA ORGANISASI RAC 2022

## RAC'S ORGANISATIONAL CHART 2022



# BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022

## RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022

### PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GENERAL MANAGER'S OFFICE

- 1 Adam bin Abu Hanipah**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chief Executive Officer*  
Gred Utama Jusa C (Terbuka)  
*Premier Grade Jusa C (Open)*  
KUP M54



### UNIT HAL EHWAL KORPORAT CORPORATE AFFAIRS UNIT

- 2 Ane Salfarizan binti Mispani**  
Pegawai Penerangan Gred S44  
*Information Officer Grade S44*
- 3 Siti Faraameera binti Zainuddin**  
Pegawai Perhubungan Media dan  
Pengurusan Pemegang Taruh  
*Media Relations And Stakeholder  
Engagement Officer*



### UNIT UNDANG-UNDANG LEGAL UNIT

- 4 Mohd Faiz bin Mat Zin**  
Pegawai Undang-Undang Gred  
L41/44  
*Legal Officer Grade L41/44*
- 5 Siti Athiqah binti Kamarul  
Baharin**  
Pegawai Eksekutif Undang-Undang  
*Legal Executive Officer*



### UNIT INTEGRITI & PEMATUHAN INTEGRITY & COMPLIANCE UNIT

- 6 Nik Massidee bin Nik Harun**  
Pegawai Tadbir Gred N48  
*Administrative Officer Grade N4*
- 7 Mohd Shayradzi bin Hamdan**  
Juruaudit Gred W41  
*Auditor Grade W41*





## BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022



### UNIT PERANCANGAN PERNIAGAAN & STRATEGIK BUSINESS AND STRATEGIC PLANNING UNIT

- 8 **Aimi Marlina binti Omar**  
Pegawai Tadbir Gred N48  
*Administrative Officer Grade N48*
- 9 **Nurul Huda binti Shamsuddin**  
Pegawai Eksekutif Komersial  
*Commercial Executive Officer*
- 10 **Ashimah binti Abdullah Sani**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
*Administrative Officer Grade N41*
- 11 **Mohamad Faris bin Faizal**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
*Administrative Officer Grade N41*

### UNIT REL RAIL UNIT

- 12 **Ir. Ts. B. Vicknesh A/L  
Balasubramaniam**  
Ketua Pegawai Rel  
*Chief Rail Officer*
- 13 **Muhammad Faris bin  
Mohamad Suzaini**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*
- 14 **Amir Zulhilmi bin Mohd Zaini**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*
- 15 **Abdullah bin Reduan**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*
- 16 **Mohd Irawan bin Yusob**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*

## BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022

### RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022

#### BAHAGIAN PEMBANGUNAN DEVELOPMENT DIVISION

- 17 Tan Lai Kum**  
Arkitek Landskap Gred J44  
*Landscape Architect Grade J44*

#### UNIT PENGURUSAN PROJEK 1 PROJECT MANAGEMENT UNIT 1

- 18 Nurain binti A Razak**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*

#### UNIT PENGURUSAN PROJEK 2 PROJECT MANAGEMENT UNIT 2

- 19 Ir. Ts. Ahmad Safwan bin Zulkafli**  
Jurutera Gred J41  
*Engineer Grade J41*
- 20 Mohamad Azizi bin Ahmad Adzhar**  
Arkitek Gred J41  
*Engineer Grade J41*

#### UNIT KONTRAK & UKUR BAHAN CONTRACT & QUANTITY SURVEY UNIT

- 21 Azlina binti Basri**  
Jurujukur Bahan Gred J41  
*Quantity Surveyor Grade J41*

#### BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH DEVELOPMENT DIVISION

##### KOSONG VACANT

Pengurus Kanan Hartanah Gred 52 (T)  
*Senior Property Manager Grade 52 (T)*

#### UNIT PENGURUSAN TANAH LAND MANAGEMENT UNIT

- 22 Wan Mohd Amzar bin Wan Mohd Afandi**  
Jurujukur Tanah Gred J41  
*Land Surveyor Grade J41*
- 23 Mohd Faizal bin Ahmad Helme**  
Jurugeospasial Gred J41  
*Geospatialist Grade J41*





## BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022



24



25

### UNIT PENGURUSAN FASILITI FACILITY MANAGEMENT UNIT

24 **Mohd Khairi bin Mohd Taib**  
Jurutera Gred J41/J44  
Engineer Grade J41/J44

25 **Nik Mohamad Nazmi bin Nik Mohd Salim**  
Jurutera Gred J41  
Engineer Grade J41



26



27

### UNIT PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH LAND DEVELOPMENT PLANNING UNIT

26 **Mohd Shafiq bin Zolkifli**  
Jurutera Gred J44  
Engineer Grade J44

27 **Nik Adzlin binti Nik Abd Aziz**  
Pegawai Eksekutif Perancangan Hartanah (I)  
Property Planning Executive (I)

28 **Nik Zayani Zabidah binti Nik Zabidi**  
Pegawai Eksekutif Perancangan Hartanah (II)  
Property Planning Executive (I)

29 **Nazarisah binti Md Resat**  
Pegawai Perancang Bandar Gred J41  
Town Planning Officer Grade J41

30 **Nabilah binti Zainuddin Nazri**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
Administrative Officer N41



28



29



30

## BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022

### RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022

#### BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION

- 31 Chong Ka Foo**  
Pengurus Pentadbiran & Kewangan  
Gred 48 (T)  
*Administration & Finance Manager  
Grade 48 (T)*



32



#### UNIT SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE UNIT

- 32 Mohd Shahir bin Elias**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
*Administrative Officer Grade N41*



34



#### UNIT PENTADBIRAN ADMINISTRATION UNIT

- 33 Mohd Ghazali bin Aman**  
Pegawai Tadbir Gred N44  
*Administrative Officer Grade N44*




36



#### UNIT PEROLEHAN PROCUREMENT UNIT

- 34 Shela binti Saari**  
Pegawai Tadbir Gred N44  
*Administrative Officer Grade N44*



37



#### UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT INFORMATION MANAGEMENT UNIT

- 35 Ts. Akhmal Hisham bin  
Mohd Mishani**  
Pegawai Teknologi Maklumat  
Gred F41/44  
*Information Technology Officer  
Grade F41/44*

#### UNIT KEWANGAN FINANCE UNIT

- 36 Mohd Farid bin Awang**  
Ketua Pegawai Kewangan  
*Chief Finance Officer*
- 37 Nur Fatimahtul Zahra binti  
Mohd Ali Napiah**  
Akauntan Gred WA41/44  
*Accountant Grade WA41/44*



## BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2022 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2022



### BAHAGIAN KOMERSIAL LAND DEVELOPMENT PLANNING UNIT

---

- 38 **Siti Mariam binti Md Isa**  
Pengurus Hartanah Gred 44 (T)  
*Property Manager Grade 44 (T)*

### UNIT SEWAAN RENTAL UNIT

---

- 39 **Mohamad Roashaaree bin Ab Rahim**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
*Administrative Officer Grade N41*
- 40 **Muhammad Arif Fahmi bin Zainal Abidin**  
Pegawai Tadbir Gred N41  
*Administrative Officer Grade N41*

### UNIT KREDIT DAN PEMANTAUAN CREDIT AND MONITORING UNIT

---

- 41 **Amir Farhan bin Zamri**  
Pegawai Penilaian Gred W41/44  
*Valuation Officer Grade W41/44*

### PEJABAT URUSAN WILAYAH REGIONAL OFFICES

---

#### WILAYAH SELATAN SOUTHERN REGION

- 42 **Norashikin binti Kamarudin**  
Pengurus Wilayah (Selatan)  
*Regional Officer (Southern)*

#### WILAYAH UTARA NORTHERN REGION

- 43 **Abdul Wafiy Hadana binti Abd Hadi**  
Pengurus Wilayah (Utara)  
*Regional Officer (Northern)*

#### WILAYAH TIMUR EAST COAST REGION

- 44 **Mohd Fakhurulrazi bin Shamsudin**  
Pengurus Wilayah (Timur)  
*Regional Officer (East Coast)*



056

Perbadanan Aset Keretapi  
Railway Assets Corporation

# Seksyen 2

SECTION 2

**KEPIMPINAN**  
LEADERSHIP





## LEMBAGA PENGARAH RAC RAC BOARD OF DIRECTORS

Landskap tadbir urus korporat nasional dan global kini telah melalui satu proses perubahan yang pesat. Tadbir urus korporat tidak lagi hanya tertumpu kepada isu-isu pematuhan undang-undang korporat yang konvensional serta peraturan dan dasar yang sedia ada sahaja. Takrifan amalan tadbir urus korporat sudah berkembang luas dengan merangkumi aspek pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, pelaporan kewangan yang telus, hala tuju strategik perniagaan yang jelas, tanggungjawab sosial korporat dan amalan perniagaan yang berhemat serta berintegriti.

Oleh yang demikian, kejayaan jangka panjang sesebuah organisasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh dan pihak berkepentingan secara kolektifnya bergantung kepada peranan Lembaga Pengarah. Dalam hal ini, peranan Lembaga Pengarah secara umumnya adalah untuk:

- ▶ Menetapkan dan memantau objektif pelan perniagaan dan hala tuju strategik;
- ▶ Mengkaji semula dasar dan prosedur untuk memastikan budaya korporat yang diamalkan selari dengan prinsip integriti dan akauntabiliti;
- ▶ Mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman, sistem maklumat pengurusan dan pematuhan terhadap undang-undang yang berkaitan; dan
- ▶ Memantau prestasi pengurusan dan membuat semakan dari semasa ke semasa.

Dalam erti kata lain, ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menetapkan hala tuju strategik sesebuah organisasi, dan pada waktu yang sama berfungsi sebagai badan pengawasan dalam memastikan organisasi mempunyai sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berkesan untuk mendorong amalan tadbir urus korporat yang berkualiti.

Selaras dengan perubahan dimensi baharu ini, RAC terus komited dalam memastikan tadbir urus korporat yang baik dapat diamalkan. Justeru itu, amat penting bagi setiap ahli Lembaga Pengarah mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Pada tahun semasa, Ahli Lembaga Pengarah dan semua jawatankuasa yang dianggotai oleh Lembaga Pengarah telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang signifikan. Ini

*Today's national and global corporate governance landscape has undergone a process of rapid change. It no longer focuses on issues of compliance with conventional corporate laws and existing rules and policies. The definition of corporate governance practices has expanded to include aspects of risk management, internal control systems, transparent financial reporting, clear business strategic direction, corporate social responsibility and prudent business practices with integrity.*

*The Board of Directors has a vital role to play in steering the organisation to long-term success and ensuring service delivery performance is aligned with stakeholders' expectations and needs collectively. The Board of Directors among others is responsible for:*

- ▶ *Establishing the business plan's objectives and monitoring the execution of the the strategic plan for the organisation;*
- ▶ *Reviewing policies and procedures to ensure that the corporate culture practices are aligned with the principles of corporate integrity and accountability;*
- ▶ *Reviewing the effectiveness of the organisation's internal control system and management support as well as ensuring compliance with applicable laws and regulations; and*
- ▶ *Monitoring the management's performance and setting a time for the periodic review of its performance as part of its annual calendar of commitments.*

*In other words, the Board members have the responsibility to set the strategic direction of an organisation, and at the same time serve as the governing body in ensuring that the organisation has an effective risk management system and internal control system to drive quality corporate governance practices.*

*In line with this new dimension, RAC remains committed to ensuring that the best corporate governance is practised. As such, it is crucial that every member of the Board of Directors should be familiar with their basic roles and responsibilities. During the current year, all Board members, who are also members of the respective committees, have discharged their roles and responsibilities*



## LEMBAGA PENGARAH RAC RAC BOARD OF DIRECTORS

dibuktikan dengan komitmen masing-masing yang diterjemahkan melalui kehadiran mereka pada mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang 2022.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus RAC serta merupakan badan utama yang merangka dan menentukan dasar serta hala tuju Perbadanan ini untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti RAC adalah selaras dengan matlamat penubuhan Perbadanan ini.

Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik RAC agar bertepatan hasrat penubuhan dengan core business yang dijalankan. Lembaga Pengarah juga turut terlibat dalam program-program anjuran RAC dan mengadakan perbincangan secara *ad hoc* apabila diperlukan bagi memberikan pandangan, nasihat dan buah fikiran.

### IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah menerima elaun bulanan dan elaun mesyuarat seperti yang diluluskan oleh YB Menteri Pengangkutan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022.

### PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Lembaga Pengarah akan diberi tempoh yang mencukupi bagi meneliti sebarang kertas cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

### INTEGRITI

Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisytiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

*as evidenced by their presence at the Board Committee meetings held throughout 2022.*

### DUTIES AND RESPONSIBILITIES OF BOARD OF DIRECTORS

*The Board of Directors is responsible for RAC's overall governance and is the key governing body in setting the policies and direction for the organisation and ensuring that they are consistent with strategic goals and objectives. The Board of Directors is also fully responsible for approving key policies and ensuring RAC's operations and activities are aligned with the overall objectives of the Corporation.*

*The Board is also responsible for assessing and monitoring the performance of RAC's strategic roadmap to ensure that it is in line with the objectives of its establishment and core business. Members of the Board are also involved in programmes organised by RAC as well as in ad hoc discussions whenever required, by sharing their thoughts and opinions on the operations.*

### BOARD OF DIRECTORS' REMUNERATION

*The Board of Directors receive monthly allowances and allowances for attending meetings as approved by YB Minister of Transport effective 1 July 2022.*

### DECISION-MAKING PROCESS

*The Board of Directors will be given ample time to evaluate any proposals to ensure good and effective decisions.*

### INTEGRITY

*Any Board member who has, or thinks he or she has a conflict of interest should disclose the conflict publicly. Board members with conflicts of interest should abstain from voting on any matters where there is a conflict or potential conflict of interest.*

## LEMBAGA PENGARAH RAC RAC BOARD OF DIRECTORS

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun semasa, Lembaga Pengarah RAC telah mengadakan enam (6) mesyuarat fizikal bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan pengurusan dan pembangunan tanah-tanah kereta api termasuk meneliti cadangan projek pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti, pengurusan kewangan dan organisasi termasuk sumber manusia, hal ehwal pentadbiran tanah kereta api dan perancangan program serta aktiviti di RAC. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh isu dasar dan polisi yang diguna pakai. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan oleh Setiausaha Lembaga Pengarah.

### KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH RAC

Pelantikan Ahli Lembaga RAC adalah tertakluk kepada Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dengan ia perlu dibuat oleh Menteri Pengangkutan mengikut kapasiti seperti berikut:



- a) Menteri hendaklah melantik seorang daripada kalangan anggota Perbadanan untuk menjadi Pengerusi; dan
- b) Pengerusi dan empat (4) anggota lain hendaklah membentuk korum dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan.

### BOARD OF DIRECTORS' MEETINGS

*During the current year, the RAC Board of Directors has convened six (6) physical meetings to discuss various issues pertaining to management and development of railway land including evaluating proposals for projects related to development, management and maintenance of facilities, financial and organisational management including human resource, railway land administration matters and planning of programmes as well as activities at RAC. Besides that, discussions also focused on policies that are in practice. All inputs from the discussions and decisions from the meetings will be minuted by the Secretary of the Board.*

### COMPOSITION OF RAC BOARD OF DIRECTORS

*The appointment of members of RAC Board of Directors is in accordance with Section 89(2) of the Railways Act 1991 (Act 463) and shall be done by the Minister of Transport:*

- a) *Minister must appoint one of the members to become Chairman of the Board; and*
- b) *Chairman and four (4) other members shall form the quorum at any Board meeting.*



## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

### PENGERUSI CHAIRMAN

### YBHG. DATUK SERI ISHAM ISHAK

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan  
Secretary-General of Ministry of Transport  
12 Mac 2020 hingga 11 Mac 2022 &  
12 Mac 2022 hingga 16 Januari 2023  
12 March 2020 to 11 March 2022 &  
12 March 2022 to 16 January 2023



Anak kelahiran Johor Bahru, Johor ini dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) mulai 25 November 2019. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan dari 17 Februari 2019 hingga 24 November 2019 dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dari 2 Julai 2018 hingga 16 Februari 2019.

Berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Strategik dari Peter Drucker School of Management, Claremont Graduate University, California, Amerika Syarikat, beliau pernah berkhidmat di beberapa bahagian berkaitan perdagangan serta industri antarabangsa dan serantau di MITI termasuk Pemudah Cara Perdagangan, Perancangan Strategik, WTO, APEC dan ASEAN.

Beliau juga berjaya membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia semasa berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di SME Corporation Malaysia, sebuah agensi di bawah MITI, dari 2014 hingga 2016. Selain itu, Datuk Seri Isham telah menghabiskan lima tahun di Amerika Syarikat dari 2006 hingga 2011 sebagai Penasihat Menteri di Pejabat MITI Washington DC.

Datuk Seri Isham juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Tan Sri Rafidah Aziz dari 2004 hingga 2006 dan Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Kelima Malaysia. Ketika dalam perkhidmatan awam, beliau juga pernah dilantik sebagai Ketua Perunding Malaysia bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dari 2016 hingga 2018.

*Born in Johor Bahru, Johor, Datuk Seri Isham Bin Ishak was appointed Secretary-General of the Ministry of Transport (MOT) on 25 November 2019. Prior to that, he was Secretary-General of the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC) from 17 February 2019 to 24 November 2019 and Secretary-General of the Ministry of International Trade and Industry Malaysia (MITI) from 2 July 2018 to 16 February 2019.*

*A Master's holder in Strategic Management from the Peter Drucker School of Management, Claremont Graduate University, California, USA, Datuk Seri Isham bin Ishak has served in a number of divisions related to international and regional aspects of trade and industry at MITI, including Trade Facilitation, Strategic Planning, WTO, APEC and ASEAN.*

*He has also successfully assisted the Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) in Malaysia while serving as the Chief Operating Officer (COO) and Deputy Chief Executive Officer at SME Corporation Malaysia, an agency under MITI from 2014 to 2016. He has also served for five years in the US from 2006 to 2011 as the Minister Counsellor at MITI Washington D.C. Office.*

*Datuk Seri Isham bin Ishak was also Special Officer to the former Minister of International Trade and Industry Tan Sri Rafidah Aziz from 2004 to 2006, and Special Officer to Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi, the 5th Prime Minister of Malaysia. During his tenure in the civil service, he was appointed Chief Negotiator for Malaysia for the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) Agreement from 2016 to 2018.*

## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Perunding Malaysia bagi Kerjasama TransPasifik (TPP) yang kemudiannya dikenali sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dari 2011 hingga 2015. Beliau merupakan seorang daripada Perunding Malaysia untuk Pertubuhan Pembangunan-8 (D-8) bagi Kerjasama Ekonomi dan juga Peneraju Malaysia bagi Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan ASEAN (CCS).

Semasa berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI, Datuk Seri Isham juga dilantik sebagai Pegawai Ekonomi Kanan untuk Malaysia (SEOM), yang tugas utamanya adalah mengawasi pelaksanaan Pelan Pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) di Malaysia dan ASEAN. Beliau merupakan wakil Malaysia di Pasukan Petugas Tahap Tinggi untuk Integrasi Ekonomi ASEAN (HLTF-EI), kumpulan tertinggi dalam kalangan pegawai ekonomi di ASEAN semasa beliau berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha MITI.

Datuk Seri Isham juga merupakan Peneraju Malaysia dalam Jawatankuasa Pegawai Kanan untuk Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (SOCA), yang merupakan satu daripada tiga (3) tonggak ASEAN bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup melalui aktiviti koperasi yang berorientasi manusia, berpusat kepada manusia, mesra persekitaran dan terarah kepada mempromosikan pembangunan lestari untuk menghadapi cabaran baharu di ASEAN.

Bagi menghargai pencapaian beliau kepada negara, Datuk Seri Isham dikurniakan beberapa anugerah kecemerlangan pencapaian termasuk Sahabat Darjah Kesetiaan kepada Mahkota Malaysia oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2014 dan Darjah Pangkuan Seri Melaka pada 2016.

*He was also Deputy Chief Negotiator for Malaysia for the Trans-Pacific Partnership (TPP) Agreement – later known as the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) – from 2011 to 2015. He was also one of the Malaysian Negotiators for the Developing-8 (D-8) Organisation for Economic Cooperation and also the Malaysian Lead for the ASEAN Coordinating Committee on Services (CCS).*

*While serving as MITI Deputy Secretary-General (Trade), Datuk Seri Isham bin Ishak was also appointed Senior Economic Official for Malaysia (SEOM), whose main task was to oversee the implementation of the ASEAN Economic Community (AEC) Development Plan in Malaysia and ASEAN. He was also the Malaysian representative on the High-Level Task Force for the ASEAN Economic Integration (HLTF-EI), the highest group among economic officials in ASEAN during his tenure as Secretary-General of MITI.*

*He is also the Malaysian Lead in the Senior Officials Committee for the ASEAN Socio-Cultural Community Council (SOCA), which is also one of the three pillars of ASEAN which aims to improve the quality of life through human-oriented, human-centred, environmentally-friendly cooperative activities and geared towards promoting sustainable development to meet new challenges in ASEAN.*

*In recognition of his contributions to the nation, Datuk Seri Isham bin Ishak was bestowed with several awards including Sahabat Darjah Kesetiaan kepada Mahkota Malaysia by the Yang di-Pertuan Agong in 2014 and Darjah Pangkuan Seri Melaka in 2016.*



## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

### AHLI MEMBER

### YBHG. DATUK

### MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN

Ketua Pengarah

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Director-General of Federal Land and Mines Department  
26 April 2022 hingga 25 April 2023  
26 April 2022 to 25 April 2023



Dilahirkan di Kelantan pada 3 Ogos 1971, Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain merupakan pemegang kelulusan Sarjana Muda Ekonomi (dengan Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1995. Beliau kemudiannya menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Sains Sosial (Sains Pembangunan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2012.

Datuk Muhammad Azmi berkhidmat sebagai penjawat awam selama 26 tahun dengan memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1996 di mana beliau ditempatkan sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Sepanjang kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam, Datuk Muhammad Azmi telah berkhidmat di beberapa agensi Kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Wilayah Persekutuan dan pernah memegang jawatan sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Hasil daripada sumbangan cemerlang beliau dalam perkhidmatan awam, Datuk Muhammad Azmi dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu pada 2001, 2004, 2009 dan 2013.

Datuk Muhammad Azmi juga dikurniakan darjah kebesaran antaranya Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) dan Panglima Mahkota Wilayah (PMW), masing-masing pada 2009 dan 2018. Beliau turut menerima gelaran Mejar Kehormat Askar Wataniah pada 2020.

*Born in Kelantan on 3 August 1971, Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain holds a Bachelor's Degree in Economics (with Honours) from Universiti Malaya in 1995. He later pursued his studies in Master of Social Science (Development Planning) at Universiti Kebangsaan Malaysia in 2012.*

*Datuk Muhammad Azmi, who brings with him 26 years' experience in the public sector, started his career as an Administrative and Diplomatic Officer (PTD) in 1996 and has held the post of Assistant Director at the Economic Planning Unit (EPU) of the Prime Minister's Department.*

*He has served in various capacities in several departments and ministries including the Public Service Department (PSD) and the Federal Territory Ministry and has held the position as President of Putrajaya Corporation. He is now Director-General of Federal Land and Mines.*

*For his service, he was awarded the Excellent Service Award in 2001, 2004, 2009 and 2013.*

*Datuk Muhammad Azmi had also been conferred the Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) in 2009, Panglima Mahkota Wilayah (PMW) in 2018 and received the title of Mejar Kehormat Askar Wataniah.*

## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

### AHLI MEMBER

### YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan  
Kementerian Kewangan

*Secretary of the Government Investment Companies Division (GIC)  
Ministry of Finance*

18 Disember 2021 hingga 17 Disember 2022 &

18 Disember 2022 hingga 17 Disember 2023

18 December 2021 to 17 December 2022 &

18 December 2022 to 17 December 2023



Mulai 1 Ogos 2018, Dato' Dr. Amiruddin Muhamed telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, Syarikat Pelaburan Kerajaan (SBSPK), Kementerian Kewangan sehingga kini.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), jawatan yang dipegangnya sejak 2014.

Sebelum itu, beliau menyandang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan bermula di Bahagian Perakaunan dan Pembangunan Pengurusan di mana beliau memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah.

Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan, MKD (Inc) dan Penswastaaan di mana beliau memegang jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kanan. Antara tugas beliau adalah menguruskan aktiviti pengkorporatan dan penswastaaan agensi di bawah bidang kuasa Kementerian tertentu. Beliau kemudian berpindah ke Bahagian Pelaburan Strategik.

Dato' Dr Amiruddin merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari Durham University, United Kingdom. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan Ekonomi) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Dato' Dr Amiruddin Muhamed is currently Secretary of the Government Investment Companies Division (GIC) of the Ministry of Finance.*

*Before his appointment to the position on 1 August 2018, he was the Chief Executive Officer of Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), a position which he held from 2014.*

*Prior to that, he held several positions in the Ministry of Finance, beginning with the Accounting Development and Management Division where he was Assistant Director.*

*He then moved to the Investment, MKD (Inc) and Privatisation Division where he was the Senior Principal Assistant Secretary. Among his tasks was to manage the corporatisation and privatisation activities of agencies under the jurisdiction of specific ministries. He later moved to the Strategic Investment Division.*

*Dato' Dr Amiruddin holds a Doctor of Philosophy in Accounting and Finance from Durham University in the United Kingdom. He has a Master of Economics (Economic Development) and Bachelor of Accounting (Honours.) from Universiti Kebangsaan Malaysia.*



## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

### AHLI MEMBER

### YBHG. DATO'

### TEH KEAN MING

Ahli Lantikan Menteri Pengangkutan  
*Appointed Member Minister of Transport*  
1 Mei 2021 hingga 30 April 2022 &  
1 Mei 2022 hingga 30 April 2023  
*1 May 2021 to 30 April 2022 &  
1 May 2022 to 30 April 2023*



Sebagai lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, University of New South Wales, Australia, Dato' Teh Kean Ming memulakan kerjaya beliau sebagai Residen Jurutera Awam dan Struktur serta terlibat dalam pelbagai projek termasuk Projek Dayabumi Fasa 3 dan Menara Maybank.

Beliau kemudian menyertai IJM Construction Sdn. Bhd. dan berkhidmat selama 27 tahun dengan memegang pelbagai jawatan termasuklah Ketua Bahagian Hartanah, Pengurus Besar Kumpulan dan jawatan terakhir sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan sebelum meneruskan kariernya sebagai Pengarah Urusan di JKG Land Berhad bermula pada 1 Julai 2015.

Beliau juga merupakan ahli Board of Engineers, Malaysia (B.E.M), Institution of Engineers, Malaysia (MIEM) dan Professional Engineer (P.Eng). Beliau pernah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, Scomi Group Berhad, ERMS Berhad, Road Builder (M) Holdings Berhad dan Matang Berhad.

Atas jasa dan pengalaman beliau dalam bidang pembinaan, Dato' Teh telah dianugerahkan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N) dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) Pulau Pinang.

*Holder of a Bachelor's Degree in Civil Engineering from University of New South Wales, Australia, Dato' Teh Kean Ming began his career as Resident Civil and Structure Engineer and was involved in several local projects including Dayabumi Phase 3 and Menara Maybank projects.*

*He then joined IJM Construction Sdn Bhd and served the company for 27 years by holding several posts including Head of Property Division, Group General Manager, and the last being the Chief Executive Officer and Managing Director before assuming the position as Managing Director of JKG Land Berhad from 1 July 2015.*

*He is also a member of Board of Engineers, Malaysia (B.E.M), Institution of Engineers, Malaysia (MIEM) and Professional Engineer (P.Eng). He has also served as Board member of IJM Corporation Berhad, IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, Scomi Group Berhad, ERMS Berhad, Road Builder (M) Holdings Berhad and Matang Berhad.*

*For his vast experience in construction, he was conferred Penang's Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) and Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) awards.*

## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

### AHLI MEMBER

### YBRS. SR. DR.

### NGOH WEI CHING

Ahli Lantikan Menteri Pengangkutan  
*Appointed Member Minister of Transport*  
14 Ogos 2021 hingga 13 Ogos 2022 &  
14 Ogos 2022 hingga 13 Ogos 2023  
14 August 2021 to 13 August 2022 &  
14 August 2022 to 13 August 2023



Sr. Dr. Ngoh Wei Ching memiliki kelayakan akademik dan menganggotai beberapa organisasi serta menerima pelbagai anugerah yang melayakkan beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC.

Berikut adalah antara anugerah yang diterima beliau:

- ▶ Pemenang Anugerah Juruukur Muda RISM (2019)
- ▶ Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) (2018)
- ▶ Ijazah Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan, Victoria University (2017)
- ▶ Anggota Institut Penimbangtara Malaysia (MIArb) (2014)
- ▶ Anggota Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) United Kingdom (2011)
- ▶ Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi Malaysia (2007)
- ▶ Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bahan, Universiti Teknologi Malaysia (2003)

Sr Dr. Ngoh ialah seorang Juruukur Bahan bertauliah dan penimbang tara berdaftar yang mempunyai lebih 18 tahun pengalaman dalam bidang ukur bahan profesional dan pengurusan projek bagi industri pembinaan dan pembangunan hartanah. Beliau merupakan Pengarah Urusan JQS International Sdn Bhd yang mempunyai tiga (3) cawangan iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Melaka.

*Sr. Dr. Ngoh Wei Ching's academic credentials and his extensive experience in several organisations as well as various awards under his belt stand him in good stead as a member of the RAC Board.*

*Below are some of his achievements:*

- ▶ *Winner of the Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) Young Surveyors Award (2019)*
- ▶ *Fellow of Royal Institution of Surveyors Malaysia (2018)*
- ▶ *PhD in Business Administration from Victoria University (2017)*
- ▶ *Member of The Malaysian Institute of Arbitrators (MIArb) (2014)*
- ▶ *Member of the Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), United Kingdom (2011).*
- ▶ *Master of Business Administration, Universiti Teknologi Malaysia (2007)*
- ▶ *Bachelor's Degree (Honours) in Quantity Surveying, Universiti Teknologi Malaysia (2003)*

*Sr. Dr. Ngoh Wei Ching is a registered Quantity Surveyor and arbitrator with 18 years of experience in professional quantity surveying and project management for construction and property development sectors. He is currently Managing Director of JQS International Sdn Bhd, which has three (3) branches in Kuala Lumpur, Johor Bahru and Melaka.*



## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

Pelanggan beliau meliputi jabatan dan agensi Kerajaan, syarikat milik Kerajaan dan lebih 30 syarikat di Malaysia dan luar negara. Beliau juga telah menyelia dan menyempurnakan lebih 250 projek di Malaysia, Singapura, Australia dan United Kingdom.

Sr Dr. Ngoh merupakan Presiden RISM Johor dan Felo RISM Malaysia. Beliau juga sering dijemput menjadi penceramah di universiti-universiti tempatan dan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya dalam bidang ukur bahan.

*His corporate clients come from various sectors including the Government, Government-owned companies and more than 30 firms in Malaysia and abroad. He has successfully managed over 250 types of projects in Malaysia, Singapore, Australia and the United Kingdom.*

*Sr. Dr. Ngoh Wei Ching is also President of RISM Johor and a Fellow of RISM Malaysia. He is often invited as guest speaker at local universities and secondary schools nationwide to share his knowledge and experience in quantity surveying.*

## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

**AHLI EX-OFFICIO  
EX-OFFICIO MEMBER**

**YBRS. EN.**

**ADAM BIN ABU HANIPAH**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Aset Keretapi  
Chief Executive Officer  
Railway Assets Corporation

8 Ogos 2020 hingga 7 Ogos 2023  
8 August 2020 to 7 August 2023



Anak kelahiran Selangor ini merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Sosial (Kajian Antarabangsa) dari Universiti Malaysia Sarawak, Diploma Pengurusan Awam dari INTAN dan Sarjana Perhubungan Antarabangsa dari Monash University, Australia.

Memulakan kerjaya sebagai Ketua EDP yang juga Penyelia Penyelidikan Pasaran di Research Pacific (M) Sdn. Bhd. pada 1991, beliau seterusnya berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak pada 1994. Kerjaya beliau berkembang ke bidang pendidikan dengan menjadi pensyarah di Institut Pengurusan Dinamik di Kuching, Sarawak pada 2000 dan sebagai Penolong Pensyarah/Koordinator Program di Universiti Tun Abdul Razak pada 2002.

Anak sulung daripada lima beradik ini kemudiannya menceburi sektor awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan memegang beberapa jawatan antaranya Setiausaha Kedua di Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam mulai 2005, sebelum dilantik menjadi Setiausaha Pertama di kedutaan yang sama sehingga 2008. Berikut adalah antara jawatan yang disandang beliau sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar RAC pada 8 Ogos 2020 (jawatan tersebut ditukar kepada Ketua Pegawai Eksekutif pada 21 Oktober 2022):

*Born in Selangor, En. Adam Bin Abu Hanipah holds a Bachelor's Degree (Hons) in Social Science (International Studies) from Universiti Malaysia Sarawak, a Diploma in Public Management from INTAN and a Masters in International Relations from Monash University, Australia.*

*He began his career as Head of EDP and Market Research Supervisor at Research Pacific (M) Sdn Bhd in 1991. En. Adam Abu Hanipah then served as Assistant Town and Country Planning Officer at the Land and Survey Department, Sarawak in 1994. He later expanded his career into education when he became lecturer at the Institute of Dynamic Management in Kuching, Sarawak in 2000 and Assistant Lecturer/Programme Coordinator at Universiti Tun Abdul Razak in 2002.*

*The eldest of five siblings later entered the public sector as Administrative and Diplomatic Officer and held several positions including Second Secretary at the Malaysian Embassy in Hanoi, Vietnam from 2005 before serving as First Secretary at the same embassy until 2008. Here are some of the positions he held before being appointed RAC General Manager on 8 August 2020 (as of 21 October 2022 the post of General Manager has been renamed Chief Executive Officer):*



## BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS

- ▶ 2008 - Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam
- ▶ 2010 - Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Kementerian Pelajaran
- ▶ 2013 - Timbalan Pengarah, Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
- ▶ 2014 - Setiausaha Bahagian, Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol, Parlimen.
- ▶ 2015 - Timbalan Pengarah, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Putrajaya
- ▶ 2016 - Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan
- ▶ 2017 - Setiausaha Sulit Kanan, Pejabat Menteri Tugas-tugas Khas, Jabatan Perdana Menteri
- ▶ 2018 - Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).
- ▶ 2008 - *Principal Assistant Director of Human Capital Development Division, Public Service Department*
- ▶ 2010 - *Principal Assistant Secretary of Procurement and Asset Management, Ministry of Education*
- ▶ 2013 - *Deputy Director, Sectoral Section, Selangor State Economic Planning Unit*
- ▶ 2014 - *Division Secretary of International Relations and Protocol, Parliament of Malaysia*
- ▶ 2015 - *Deputy Director of Land and Mines Director's Office*
- ▶ 2016 - *Principal Assistant Secretary of Procurement Division, Ministry of Defence*
- ▶ 2017 - *Senior Private Secretary at the Office of Minister of Special Functions, Prime Minister's Department*
- ▶ 2018 - *Director of Management Service Division, Valuation and Property Services Department (JPPH).*



# JADUAL MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH RAC 2022

## RAC BOARD OF DIRECTORS' MEETINGS IN 2022

BILANGAN 1  
TAHUN 2022  
NO 1  
YEAR 2022



18 FEBRUARI FEBRUARY 2022

**4/6** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE

(seorang Ahli Lembaga Pengarah RAC belum dilantik)  
(A RAC Board Member has not been appointed)

BILANGAN 2  
TAHUN 2022  
NO 2  
YEAR 2022



13 APRIL 2022

**4/5** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE

(seorang Ahli Lembaga Pengarah RAC belum dilantik)  
(A RAC Board Member has not been appointed)

BILANGAN 3  
TAHUN 2022  
NO 3  
YEAR 2022



30 JUN JUNE 2022

**6/6** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE

BILANGAN 4  
TAHUN 2022  
NO 4  
YEAR 2022



19 OGOS AUGUST 2022

**6/6** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE

BILANGAN 5  
TAHUN 2022  
NO 5  
YEAR 2022



21 OKTOBER OCTOBER 2022

**6/6** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE

BILANGAN 6  
TAHUN 2022  
NO 6  
YEAR 2022



2 DISEMBER DECEMBER 2022

**6/6** JUMLAH KEHADIRAN  
ATTENDANCE



# SENARAI DAN BILANGAN KEHADIRAN AHLI KE MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH RAC 2022

## RAC BOARD OF DIRECTORS' MEETING ATTENDANCE 2022

AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD MEMBER	JABATAN/ AGENSI DEPARTMENT/ AGENCY	STATUS	KEHADIRAN ATTENDANCE
YBHG. DATUK SERI ISHAM ISHAK	Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan <i>Secretary-General Ministry of Transport</i>	Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah <i>Chairman Board Member</i>	6/6
YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED	Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan Kementerian Kewangan <i>Secretary of the Government Investment Companies Division Ministry of Finance</i>	Ahli Lembaga Pengarah <i>Board Member</i>	6/6
YBHG. DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN (Dilantik mulai 26 April 2022) <i>(Appointed on 26 April 2022)</i>	Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan <i>Director-General of Federal Land and Mines Department</i>	Ahli Lembaga Pengarah <i>Board Member</i>	4/6
KOSONG	Unit Perancang Ekonomi <i>Economic Planning Unit</i>	Ahli Lembaga Pengarah <i>Board Member</i>	0/6
YBHG. DATO' TEH KEAN MING	Pengarah Urusan <i>Managing Director</i> JKG Land Berhad	Ahli Lembaga Pengarah <i>Board Member</i>	6/6
YBRS. SR. DR. NGOH WEI CHING	Pengarah Urusan <i>Managing Director</i> JQS International Sdn. Bhd.	Ahli Lembaga Pengarah <i>Board Member</i>	6/6
YBRS. EN. ADAM BIN ABU HANIPAH	Ketua Pegawai Eksekutif RAC <i>RAC Chief Executive Officer</i>	Ahli Ex-Officio <i>Ex-Officio Member</i>	6/6

# JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKAN DAN DIANGGOTAI OLEH LEMBAGA PENGARAH RAC *RAC BOARD OF DIRECTORS'* *MEETING ATTENDANCE 2022*

## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

- ▶ Meneliti, menimbang dan memperakukan perkara berkaitan penstrukturan dan penyusunan semula organisasi RAC untuk kelulusan muktamad di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti, menimbang dan memperakukan pengambilan dan pelantikan pegawai dan kakitangan RAC secara lantikan tetap atau kontrak termasuklah penetapan dan pelarasan gaji pekerja RAC untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti, menimbang dan memperakukan pengesahan atau penamatan perkhidmatan pegawai dan kakitangan RAC untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti, menimbang dan memperakukan pertukaran pelantikan pegawai dan kakitangan RAC daripada suatu skim perkhidmatan ke suatu skim perkhidmatan yang lain untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Melaksanakan fungsi Lembaga Kenaikan Pangkat untuk mempertimbangkan dan memperakukan mana-mana cadangan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan RAC untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC; dan
- ▶ Meneliti hal ehwal yang berkaitan dengan perkhidmatan dan memberikan ulasan, pandangan dan syor untuk tindakan pelaksanaan seterusnya.

## HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT COMMITTEE

- ▶ *To study, consider and endorse matters related to RAC's restructuring and reorganisation for RAC Board's final approval;*
- ▶ *To study, consider and endorse the recruitment and appointment of RAC officers and staff on a permanent or contract basis including staff salary determination and adjustment for RAC Board decision;*
- ▶ *To study, consider and endorse confirmation or termination of service of RAC officers and staff for RAC Board decision;*
- ▶ *To study, consider and endorse the appointment of an RAC officer or staff to a post in another scheme of service for RAC Board decision;*
- ▶ *To exercise its functions as the Promotion Board to consider and endorse any acting position and promotion of RAC officers and staff for RAC Board decision; and*
- ▶ *To discuss matters related to the service and provide comments, views and recommendations for further action.*



<b>KEAHLIAN MEMBERSHIP</b>	<b>STATUS</b>	<b>KEHADIRAN ATTENDANCE</b>
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed	Pengerusi <i>Chairman</i>	6/6
YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain	Ahli <i>Member</i>	2/6
Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam <i>Representative from Public Service Department</i> Puan Rozzana binti Rahmat	Ahli <i>Member</i>	6/6
Wakil Kementerian Pengangkutan <i>Representative from Ministry of Transport</i> Puan Rabiah Sathee binti Abdullah	Ahli <i>Member</i>	3/6
Wakil Kementerian Pengangkutan <i>Representative from Ministry of Transport</i> Puan Noorzilawati binti Ramli	Ahli <i>Member</i>	2/6
Wakil Kementerian Pengangkutan <i>Representative from Ministry of Transport</i> Puan Siti Khalijah binti Zakariya	Ahli <i>Member</i>	1/6
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah	Ahli Ex-Officio <i>Ex-Officio Member</i>	6/6

## JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN

- ▶ Meneliti dan memperhalusi cadangan pembangunan hartanah RAC yang berpotensi dibangunkan dari semasa ke semasa serta memperakui cadangan tersebut untuk diangkat ke Lembaga Pengarah RAC untuk dimuktamadkan;
- ▶ Meneliti, memberikan ulasan dan syor ke atas draf Pelan Induk Perancangan Pembangunan Hartanah RAC, Pelan Tindakan Khas Pembangunan Hartanah RAC dan dasar serta garis panduan bagi kawalan perancangan pembangunan hartanah milik RAC. Selain itu, ia turut memperakui draf, cadangan dasar dan garis panduan tersebut untuk diangkat ke Lembaga Pengarah RAC untuk dimuktamadkan;
- ▶ Meneliti, mempertimbangkan dan memperakui cadangan terma dan syarat pembangunan serta *needs statement* projek pembangunan yang dicadangkan untuk kelulusan muktamad Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti, memperhalusi, mempertimbangkan dan memperakui draf cadangan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi aktiviti-aktiviti pembangunan hartanah untuk pertimbangan dan kelulusan muktamad Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti, memperhalusi dan mempertimbangkan cadangan pelantikan perunding, peguam cara dan pembekal perkhidmatan pengurusan fasiliti, pengurusan hartanah dan insuran broker bagi pengurusan dan perkhidmatan aset-aset milik RAC seperti bangunan, stesen kereta api dan lokomotif serta memperakui cadangan tersebut untuk diangkat ke Lembaga Pengarah RAC untuk dimuktamadkan;
- ▶ Memastikan kepentingan RAC terpelihara dalam setiap penilaian cadangan pembangunan dan perkhidmatan yang dipertimbangkan daripada aspek kewangan dan perundangan;
- ▶ Meneliti dan memperakukan peletakhakan tanah rizab dan tanah hak milik RAC untuk dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC bagi maksud dimuktamadkan;
- ▶ Meneliti dan memperakukan perizaban tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan semula di bawah RAC untuk dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC bagi maksud dimuktamadkan;

## DEVELOPMENT WORKING COMMITTEE

- ▶ *To study and refine proposals for potential RAC property development on a –case-by-case basis and make recommendations for RAC Board decision;*
- ▶ *To study, give comments and make recommendations with regard to the draft RAC Property Development Master Plan, RAC Property Development Action Plan and policies as well as guidelines for development planning control of RAC-owned property. It also endorses the draft, proposed policies and guidelines for RAC Board decision;*
- ▶ *To study, consider and endorse proposed terms and conditions for development as well as needs statement for the proposed development project for RAC Board approval;*
- ▶ *To study, refine, consider and endorse Standard Operating Procedures (SOP) draft proposal for property development activities for consideration and approval by the RAC Board;*
- ▶ *To study, refine and consider proposals for appointment of consultant, solicitor and service providers for facility management, property management and insurance broker for management and servicing of RAC-owned assets such as buildings, railway stations and locomotives for RAC Board decision;*
- ▶ *To ensure RAC's interests are protected at every valuation process for proposed development and services for consideration from finance and legal aspects;*
- ▶ *To endorse the vesting of reserve land and RAC reserve and titled land for RAC Board decision;*
- ▶ *To study and endorse the reservation of land under RAC's reacquisition for RAC Board decision;*



- ▶ Meneliti, mempertimbangkan dan memperakukan kajian kegunaan tanah-tanah jajaran kereta api yang tidak digunakan untuk tujuan operasi kereta api (*derailed land*) untuk dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC bagi maksud dimuktamadkan;
  - ▶ Meneliti, mempertimbangkan dan memperakukan permohonan pemberimilikan untuk tanah-tanah rizab kereta api untuk dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC bagi maksud dimuktamadkan; dan
  - ▶ Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tanah-tanah kereta api yang mempunyai urusan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
- ▶ *To study, consider and endorse studies on land use at railway stretches that are not utilised for railway operation (derailed land) for RAC Board decision;*
  - ▶ *To study, consider and endorse applications for realienation of railway reserve land for RAC Board decision; and*
  - ▶ *Other matters related to railway land under the Federal Land Commissioner (FLC).*

KEAHLIAN MEMBERSHIP	STATUS	KEHADIRAN ATTENDANCE
YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching	Pengerusi <i>Chairman</i>	8/8
YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain (dilantik mulai 23 Jun 2022) <i>(appointed on 23 June 2022)</i>	Ahli <i>Member</i>	2/4
YBhg. Dato' Ir. Teh Kean Ming	Ahli <i>Member</i>	8/8
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah	Ahli Ex-Officio <i>Ex-Officio Member</i>	8/8

## JAWATANKUASA STRATEGIK DAN PELABURAN

- ▶ Meneliti, mempertimbangkan dan memperakukan cadangan Pelan Strategik Perniagaan dan Pelaburan yang dikemukakan oleh pihak Pengurusan RAC untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Meneliti Laporan Penilaian Pelaburan RAC dengan syor-syor penambahbaikan yang sewajarnya dan memperakukan laporan tersebut untuk dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah RAC;
- ▶ Memastikan setiap cadangan Pelan Strategik Perniagaan dan Pelaburan RAC serta cadangan Perniagaan dan Pelaburan RAC yang baharu berasaskan prinsip memelihara kepentingan serta menguntungkan RAC; dan
- ▶ Memastikan setiap pelaksanaan cadangan Pelan Strategik Perniagaan dan Pelaburan RAC serta cadangan Perniagaan dan Pelaburan RAC yang baharu dilaksanakan berdasarkan tadbir urus yang baik, berintegriti dan mematuhi peraturan, pekeliling dan garis panduan Kerajaan atau pun polisi dalaman RAC yang berkuat kuasa dan terpakai.

## STRATEGIC AND INVESTMENT COMMITTEE

- ▶ *To study, consider and endorse the proposed Strategic Business and Investment Plan submitted by RAC Management for Board decision;*
- ▶ *To study RAC's Investment Valuation Report with recommendations for improvement and endorse the report for RAC Board decision;*
- ▶ *To ensure the proposed RAC Strategic Business and Investment Plan as well as the proposed RAC's new Business and Investment are based on the principles of protecting the interest and generating profit for RAC; and*
- ▶ *To ensure the implementation of the proposed RAC Strategic Business and Investment Plan as well as the proposed RAC Business and Investment is based on good governance, practice of integrity and in compliance with Government regulations or RAC's in-house policies that are in force and applicable.*

KEAHLIAN MEMBERSHIP	STATUS	KEHADIRAN ATTENDANCE
YBhg. Dato' Teh Kean Ming	Pengerusi Chairman	6/6
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed	Ahli Member	6/6
YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching	Ahli Member	6/6
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah	Ahli Ex-Officio Ex-Officio Member	5/6



## JAWATANKUASA AUDIT

- ▶ Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- ▶ Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam;
- ▶ Mengkaji perancangan aktiviti audit yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar;
- ▶ Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperaku tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah;
- ▶ Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- ▶ Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah;
- ▶ Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta tatakelakuan pegawai/ kakitangan dan mengambil daya usaha menyasat sebarang pertelingkahan yang berlaku;
- ▶ Memastikan bahawa RAC sentiasa mengubah suai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia, Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa atau mana-mana pekeliling yang berkaitan;
- ▶ Melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pengauditan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa;
- ▶ Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan sesuai; dan
- ▶ Jawatankuasa hendaklah membentangkan laporan setiap suku tahun di mesyuarat Lembaga Pengarah. Sekiranya tiada pemerhatian audit diterima, Jawatankuasa boleh melaporkan sedemikian dalam laporan suku tahunnya.

Pada 2022, Mesyuarat Jawatankuasa Audit Khas telah diadakan pada 14 Jun 2022.

## AUDIT COMMITTEE

- ▶ *To study the need for an Internal Audit Unit including its charter;*
- ▶ *To study the internal control system's effectiveness and capability;*
- ▶ *To study planning of audit activities covering work scope, schedule, membership as well as coordination between Internal Auditor and External Auditor;*
- ▶ *To study reports from both internal and external auditors and endorse the next course of action for RAC Board decision;*
- ▶ *To study and advise the Board of Directors on matters related to financial statements, prospectus and other financial reports which are released;*
- ▶ *To study and advise the Board of Directors on the quantitative performance of activities that are subject to auditing and other matters related to responsibility as agreed upon by the Board;*
- ▶ *To establish compliance to regulations set by the Board of Directors as well as misconduct of officers/ staff and initiate investigation into any conflict that occurs;*
- ▶ *To ensure that RAC makes regular adjustments to its work processes and keeps abreast of trends in the accounting profession, including announcements by the Malaysian Institute of Accounts, the International Accounting Standards Board or any related circulars;*
- ▶ *To execute functions related to auditing set by the Board from time to time;*
- ▶ *Report to the management on misappropriation committed by staff for the necessary action; and*
- ▶ *The Committee should present quarterly reports at the Board of Directors' meetings. If no audit observation is received, the Committee can report it in its quarterly report.*

*A Special Audit Committee Meeting was held on 14 June 2022.*

KEAHLIAN MEMBERSHIP	STATUS	KEHADIRAN ATTENDANCE
YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed	Pengerusi Ganti   <i>Alternate Chairman</i>	1/1
YBrs. Sr. Dr. Ngoh Wei Ching	Ahli   <i>Member</i>	1/1
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah	Ahli Ex-Officio   <i>Ex-Officio Member</i>	1/1





## MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN

Tanggungjawab Lembaga Perolehan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 10 (vii) Pekeliling Perbendaharaan, Perolehan Kerajaan PK2.1

## PROCUREMENT BOARD MEETING

*The responsibilities of the Procurement Board are stated in Treasury Circular No. 10 (vii), Government Procurement PK2.1*

## MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

## DISCIPLINARY BOARD MEETING



### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.1)** **Management and Professional Group (No.1)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.2)** **Management and Professional Group (No.2)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah

### **Kumpulan Pelaksana (No.1)** **Implementer Group (No.1)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain

## MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

## DISCIPLINARY APPEAL BOARD MEETING



### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (No.1)** **Management and Professional Group (No.1)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

### **Kumpulan Pelaksana (No.1)** **Implementer Group (No.1)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

### **Kumpulan Pelaksana (No.2)** **Implementer Group (No.2)**

Pengerusi | *Chairman:*  
YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah



# Seksyen 3

## SECTION 3

### TADBIR URUS KORPORAT, INTEGRITI DAN PEMATUHAN

CORPORATE GOVERNANCE,  
INTEGRITY AND  
COMPLIANCE





# PENGENALAN

## INTRODUCTION

Aspek tadbir urus yang cekap, berintegriti, kawalan dalaman yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap menjadi teras kepada pengoperasian RAC selaku pengurus dan pemilik aset-aset kereta api yang dibiayai Kerajaan. Tadbir urus yang baik mampu membantu menjadikan industri rel negara berkembang secara tersusun mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

RAC percaya elemen ini yang disokong oleh kepimpinan yang berwawasan serta amalan pengurusan yang baik, dapat menyumbang kepada peningkatan akauntabiliti dan ketelusan dalam organisasi. RAC akan terus menumpukan usaha dalam meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan tadbir urus yang baik dengan:

- i. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan menerusi memperkukuh tadbir urus, memperkemas proses pentadbiran dan pengukuran prestasi;
- ii. Memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos dengan mengamalkan kewangan berhemat serta meningkatkan pemantauan pelaksanaan;
- iii. Menangani rasuah nyata dan tidak nyata dalam organisasi; dan
- iv. Meningkatkan tadbir urus korporat dan sistem penyampaian perkhidmatan dengan menambah baik rangka kerja perundangan dan kawal selia.

Sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api milik Kerajaan yang berjumlah lebih RM33.822 bilion, RAC komited untuk memastikan standard tadbir urus yang tinggi diamalkan sejajar dengan fungsi dan peranan Perbadanan ini untuk menterjemah aset-aset kereta api sebagai sesuatu yang bernilai tinggi dan mampu menjana hasil untuk Kerajaan.

Bagi mencapai hasrat ini, RAC sentiasa mengamalkan sikap terbuka dengan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk pemegang taruh dan pemain industri dalam membuat sesuatu keputusan yang adil dan saksama. Pandangan jabatan dan agensi lain, pihak yang terlibat dalam industri dan orang ramai diberi perhatian melalui proses makmal penilaian dan perundingan awam. Selain menggerakkan aspirasi pembangunan, kaedah tadbir urus yang dilaksanakan oleh RAC sangat mengutamakan kepentingan pengguna.

*Efficient governance, integrity, strong internal control as well as sound risk management practices are at the core of RAC's establishment as the manager and owner of Government-funded railway assets. Good governance can help the rail industry grow in an orderly manner in accordance with the policies formulated by the Government.*

*RAC believes these elements supported by visionary leadership as well as good management practices can contribute to increased accountability and transparency. RAC will continue to focus on raising awareness and practising good governance by:*

- i. Improving the service delivery system by strengthening governance, streamlining administrative processes and performance measurement;*
- ii. Enhancing utilisation and cost efficiency by exercising prudence in finance as well as strengthening implementation and monitoring practices;*
- iii. Dealing with tangible and intangible corruption in the organisation; and*
- iv. Strengthening corporate governance and the service delivery system by enhancing the legal and regulatory framework.*

*As the owner and manager of over RM33.822 billion worth of Government-owned railway assets, RAC is committed to ensuring that high standards of governance are practised throughout the organisation in line with the Corporation's functions to govern and interpret railway assets into high value property capable of generating continuous income for the Government.*

*To achieve this goal, RAC practises an open attitude by considering the views of various parties including stakeholders and industry players in making a fair and equitable decision. The views of other departments and agencies, other relevant industries and the public are taken into account through a laboratory evaluation process and public consultation. In addition to driving development aspirations, RAC's governance approach places great emphasis on the interest of consumers.*



## KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

Dalam merangka hala tuju strategik bagi memastikan RAC mampu melaksanakan fungsi dan peranannya pada 2022, amalan tadbir urus dan pembangunan organisasi RAC sentiasa ditingkatkan untuk memastikan Perbadanan ini terus berkembang dan berupaya menghadapi cabaran yang timbul daripada persekitaran dalam dan luar yang dinamik.

Kawalan dalaman dirangka untuk mengukuhkan akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kecekapan seterusnya meningkatkan kualiti pengurusan agar objektif organisasi tercapai. Ciri-ciri kawalan dalaman sedia ada di RAC adalah:

- ▶ Terma rujukan semua jawatankuasa dan mesyuarat ditakrif dengan jelas dan menggariskan peranan dan tanggungjawab setiap anggota secara terperinci;
- ▶ Struktur organisasi di RAC mempunyai panduan yang jelas mengenai tanggungjawab, penurutan kuasa dan tanggungjawab pegawai di semua peringkat organisasi;
- ▶ Pengurusan juga tertakluk kepada garis panduan dan polisi serta had penurutan kuasa dalam melaksanakan operasi harian, perolehan dan pelupusan aset;
- ▶ Mesyuarat Pengurusan diadakan setiap bulan untuk mengenal pasti, membincang dan menyelesaikan isu-isu utama pengurusan sumber manusia, pengurusan hartanah, operasi dan kewangan;
- ▶ Mesyuarat berkaitan dengan fungsi unit/bahagian diadakan secara berkala bagi mengenal pasti dan membincangkan isu-isu yang berbangkit;
- ▶ SOP diwujudkan sebagai suatu panduan yang menjelaskan secara terperinci mengenai bagaimana suatu proses harus dilaksanakan dan peranan serta fungsi tiap-tiap posisi dalam organisasi diketahui dengan jelas;
- ▶ Penyediaan pelan operasi dan belanjawan tahunan oleh setiap unit dan bahagian dinilai oleh pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- ▶ Garis panduan mengenai pengambilan dan pemecatan petugas disediakan, penyediaan *Training Needs Analysis* (TNA) dan program latihan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan pegawai berdaya saing dan diberi latihan sewajarnya bagi menjalankan tanggungjawab mereka;

*To ensure it was able to discharge its functions and roles in 2022, RAC continued with efforts to solidify its corporate governance practices and organisational development under the strategic roadmap so that it maintained its growth momentum albeit domestic and external challenges.*

*Towards this end, RAC has formulated an internal control system to strengthen accountability, integrity, transparency and efficiency, thereby improving the quality of management so that the organisational objectives are achieved. The features of the existing internal control system at RAC are as below:*

- ▶ *The terms of reference of all committees and meetings are clearly defined and the roles and responsibilities of each member are outlined in detail;*
- ▶ *The organisational structure in RAC has clear guidelines on the responsibilities, devolution and responsibilities of officers at all levels of the organisation;*
- ▶ *Management is also subject to guidelines and policies as well as devolution limits in carrying out day-to-day operations, acquisition and disposal of assets;*
- ▶ *Management meetings are held monthly to identify, discuss and resolve key issues of human resource management, property management, operations and finance;*
- ▶ *Meetings related to functions of units/divisions are held regularly to identify and discuss emerging issues;*
- ▶ *Standard Operating Procedures (SOP) are established as a guide that explains in detail how a process should be implemented and the role and function of each position in the organisation is clearly known;*
- ▶ *Preparation of annual operation plans and budgets by each unit and division, evaluated by management and approved by the Board;*
- ▶ *Guidelines on recruitment and dismissal of staff are prepared, preparation of Guidelines on Training Needs Analysis (TNA) and training programmes, annual performance appraisal and other relevant procedures to ensure staff are competitive and given appropriate training to carry out their responsibilities;*

## KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

- ▶ Mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Perbadanan Aset Keretapi yang merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi;
  - ▶ Melantik Pegawai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAB yang membantu daripada aspek kaunseling dalam pengurusan sumber manusia;
  - ▶ Peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang digubal oleh Kerajaan dari semasa ke semasa diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah bagi memastikan pengurusan organisasi, sumber manusia, aset, perolehan dan lain-lain aspek pengurusan dijalankan yang teratur dan berhemat;
  - ▶ UIP ditubuhkan sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Penubuhan unit ini juga akan melaksanakan inisiatif integriti, memantapkan tadbir urus terbaik dan membudayakan kerja berintegriti dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah laku di dalam organisasi;
  - ▶ Unit Audit Dalam yang berfungsi sebagai penilaian bebas terhadap keberkesanan kawalan dan proses tadbir urus yang baik serta memastikan perbelanjaan dilakukan dengan teratur dan dibenarkan selaras dengan peraturan semasa. Perancangan jadual lawatan pengauditan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
  - ▶ Pemantapan Prosedur Operasi Standard RAC dilakukan dari semasa ke semasa;
  - ▶ Penambahbaikan terhadap pengurusan Kewangan melalui memo arahan dalaman yang dibuat bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan memastikan operasi di RAC dipermudahkan; dan
  - ▶ Penubuhan Unit Rel selaras dengan usaha RAC untuk memantapkan tadbir urus dan aspek teknikal kereta api. Penubuhan unit ini menggariskan dua (2) fungsi utama iaitu Penetapan Polisi dan Perancangan Sektor Rel serta Pengurusan Aset Rel (Operasi Kereta Api).
- ▶ *Establishing the Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) of the Railway Assets Corporation which is an anti-corruption policy document at an organisational level aimed at addressing the problems and weaknesses of governance, integrity and anti-corruption in the organisation;*
  - ▶ *Appointing a Public Service Advisory Partner Officer or AKRAB to assist in the psychological aspect of human resource management;*
  - ▶ *Regulations and circulars enacted by the Government from time to time are adopted for approval of the Board of Directors to ensure that financial management, human resources, assets, procurement and other aspects of management are carried out in an orderly and prudent manner;*
  - ▶ *The Integrity and Compliance Unit was established as a focal point for the management of integrity-related issues at all public agencies. The unit will also implement integrity initiatives, solidify governance and instill integrity at the workplace in an effort to combat corruption and misconduct in the organisation;*
  - ▶ *The Internal Audit Unit serves as an independent assessment of the effectiveness of controls, good governance processes and ensures that expenditure is done in an orderly manner and authorised in accordance with current regulations. The planning of the audit visit schedule is presented to the Audit Committee Board for approval;*
  - ▶ *RAC fosters a culture of continuous improvement and innovation with its Standard Operating Procedures;*
  - ▶ *Financial management reporting best practices through internal memos to reduce bureaucratic red tape and ensuring that organisational operations at RAC are made simple; and*
  - ▶ *The establishment of the Rail Unit was in line with RAC's efforts to strengthen governance and railway technical aspects. It was incepted with two (2) key functions namely Policy Decision-Making and Planning for the Rail Sector as well as Rail Asset Management (Railway Operation).*



## KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

Berikut adalah senarai mesyuarat yang diadakan di RAC

*The following is a list of meetings held by RAC:*

<b>MESYUARAT PENGURUSAN</b> <i>MANAGEMENT MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>
<b>MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN</b> <i>JOINT DEPARTMENT COUNCIL MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <b>Pengerusi Pihak Pekerja :</b> <b>Puan Nazarisah binti Md Resat</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i> <i>Chairman of Joint Council of Employees:</i> <i>Puan Nazarisah binti Md Resat</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN AKAUN</b> <i>FINANCIAL ACCOUNTS MANAGEMENT COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN</b> <i>GOVERNMENT ASSET MANAGEMENT COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Pengurus Pentadbiran dan Kewangan</b> <i>Chairman: Administration and Finance Manager</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH</b> <i>ANTI-CORRUPTION COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT</b> <i>ICT STEERING COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN</b> <i>DEVELOPMENT WORKING COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>
<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH</b> <i>LAND TENANCY AND LEASE COMMITTEE MEETING</i>	<b>Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif</b> <i>Chairman: Chief Executive Officer</i>



## KAWALAN DALAMAN INTERNAL CONTROL

MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN  
SUMBER MANUSIA  
*HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT PANEL  
MEETING*

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chairman: Chief Executive Officer*

MESYUARAT PENTADBIRAN TANAH  
*LAND GOVERNANCE MEETING*

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chairman: Chief Executive Officer*

MESYUARAT JAWATANKUASA  
SEBUT HARGA  
*QUOTATION COMMITTEE MEETING*

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chairman: Chief Executive Officer*

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN  
ASET KERAJAAN (FASILITI)  
*GOVERNMENT ASSET (FACILITIES)  
MANAGEMENT COMMITTEE MEETING*

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chairman: Chief Executive Officer*

MESYUARAT KOORDINASI DI ANTARA  
RAC & KTMB  
*RAC & KTMB COORDINATION MEETING*

Pengerusi: Ketua Pegawai Eksekutif RAC dan  
Ketua Pegawai Eksekutif KTMB  
*Chairman: RAC and KTMB Chief Executive Officers*





# KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI

## FOSTERING ORGANISATIONAL INTEGRITY

Penubuhan Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) pada 2019 adalah selaras dengan arahan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Unit ini bertanggungjawab melaksanakan enam (6) fungsi teras yang digariskan di dalam pekeliling tersebut seperti berikut:

- (i) Tadbir Urus;
- (ii) Pengukuhan Integriti;
- (iii) Pengesanan dan Pengesahan;
- (iv) Pengurusan Aduan;
- (v) Pematuhan; dan
- (vi) Tatatertib

Selain menjalankan fungsi pengurusan integriti, unit ini juga melaksanakan fungsi audit dalam dengan melaksanakan aktiviti kawalan dalaman dan pematuhan prosedur kerja, laporan kewangan dan khidmat pengurusan.

### PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Bagi memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi, beberapa aktiviti pengukuhan integriti telah diadakan sepanjang 2022 seperti berikut:

#### a) PENERBITAN DAN HEBAHAN POSTER INFO INTEGRITI

Sebagai panduan dan peringatan kepada kakitangan RAC, sebanyak 22 poster berkaitan integriti telah diedarkan secara berkala bermula dari 11 Januari 2022 hingga 9 Disember 2022.

*The Integrity and Compliance Unit (UIP) was set up in 2019 in accordance with the directive issued by the Public Service Department through its Service Circular No 6 Year 2013 on the establishment of integrity units in all public agencies.*

*This unit is responsible for implementing six (6) core functions as outlined in the circular below:*

- (i) Governance;*
- (ii) Integrity Enhancement;*
- (iii) Complaints Management;*
- (iv) Compliance; and*
- (v) Discipline.*

*In addition to its integrity management function, this unit also conducts auditing of internal control and work procedure compliance, financial reports and service management.*

### INTEGRITY ENHANCEMENT PROGRAMMES

*To ensure the culture of integrity is embedded and institutionalised in the organisation, several integrity enhancement programmes were held during the year 2022 as below:*

#### a) INTEGRITY INFO POSTERS

*As a guide and information for RAC staff, 22 posters related to integrity were periodically distributed from 11 January 2022 to 9 December 2022.*

# KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI FOSTERING ORGANISATIONAL INTEGRITY

Peraturan 22, Bahagian I, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 601]

## Pegawai Dilarang BERPOLITIK

Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang "bertar" terhadap tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik.

Bertanding untuk apa-apa jawatan dalam sebuah mana parti politik.

Mengedarkan apa-apa jawatan dalam frag-mana parti politik.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

Peraturan 22, Bahagian I, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 601]

## SEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH SERTA CABUTAN BERTUAH ATAU LOTERI

Seorang pegawai tidak boleh mengadakan atau mengelolakan atau mengambil bahagian dalam, apa-apa cabutan bertuah atau loteri selain bagi maksud kebajikan.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

Peraturan 11, Bahagian I, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 601]

## MENYENGARA TARAF KEHIDUPAN YANG MELEBIHI EMOLUMEN DAN PERSENDIRIAN YANG SAH

Jika Ketua Jabatan berpendapat bahawa seseorang pegawai adalah atau nampaknya:

- Menyengara suatu taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirian yang lain yang sah, jika ada.
- Mengawal atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, sama ada harta atau harta tak alih, yang nilainya tidak selengkap dengan atau yang tidak boleh samanabahnya dijangka telah diperolehi oleh pegawai itu dengan emolumennya dan apa-apa pendapatan persendirian yang lain yang sah.

Ketua Jabatan hendaklah, melalui notis bertulis, memanggil pegawai itu supaya memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan itu tentang bagaimana dia dapat menyengara taraf kehidupan sedemikian atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangan.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

Peraturan 21, Bahagian II, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 600]

## TINDAKAN TATATERTIB KERANA TIDAK HADIR TANPA CUTI

Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munabah boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

Peraturan 12, Bahagian I, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 601]

## LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Seorang pegawai tidak boleh, sama ada secara LISAN atau BERTULIS atau dengan apa-apa cara lain:

- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh mencabar apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan atau Kerajaan tentang apa-apa isu.
- Membuat apa-apa ulasan tentang pelaksanaan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan.
- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memaparkan atau mengapungkan nama badan berkanun atau Kerajaan.
- Mengedarkan apa-apa pernyataan atau klasas, sama ada yang dibawahi olehnya atau mana-mana orang lain.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

Peraturan 17, Bahagian II, Akta Badan-Badan Berhukum (Tatatertib Surau) 2000 [Aka 601]

## PENERBITAN BUKU OLEH SEORANG PEGAWAI ADALAH DILARANG

Seorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau karya lain yang berasaskan maklumat rasmi terperangkap.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

PERATURAN 14, BAHAGIAN I, AKTA BADAN-BADAN BERHUKUM (TATATERTIB SURAU) 2000 [AKTA 601]

## Meminjamkan Wang Adalah Satu Kesalahan Tatatertib Jika :

Seorang pegawai tidak boleh meminjamkan wang dengan faedah, sama ada dengan atau tanpa cagaran.

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022

PERATURAN 15, BAHAGIAN II, AKTA BADAN-BADAN BERHUKUM (TATATERTIB SURAU) 2000 [AKTA 601]

## PENGLIBATAN DALAM PASARAN NIAGA HADAPAN

Tiada pegawai boleh melibatkan dirinya sebagai pembeli atau penjual atau belianya dalam pasaran niaga hadapan, sama ada pasaran tempatan atau luar negara.

3 JENIS PASARAN NIAGA HADAPAN:

- KOMODITI
  - Shell (MEXX)
  - Crude Palm Oil Futures (CPOF)
  - SOY BEAN Futures (SOF)
  - US\$ Crude Palm Oil Futures (CPOF)
  - Crude Palm Kernel Oil Futures (CPKF)
  - Options On Crude Palm Oil Futures (COPF)
  - Tin Futures (TFW)
- EKUITI
  - FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBSM)
  - FTSE Bursa Malaysia CCI (FBSM)
  - Bursa Malaysia (BM)
  - Bursa Malaysia (BM)
- KEWANGAN
  - 3 Month Kuala Lumpur Interbank Offered Rate (KLIBOR)
  - 3 Year Malaysian Government Bond (MAGB)
  - 5 Year Malaysian Government Bond (MAGB)
  - 10 Year Malaysian Government Bond (MAGB)

Info lanjut hubungi:

UAT INTEGRITI DAN PERUSAHAAN  
RUU PERKAWAN 46/2022



## KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI FOSTERING ORGANISATIONAL INTEGRITY

### b) TAKLIMAT CERAMAH

Pada tahun semasa, sebanyak dua (2) taklimat bertajuk Modul Pembudayaan Integriti telah dianjurkan pada tarikh berikut:

### b) BRIEFING TALK

*During the year, two (2) briefings on the Integrity Culture Module were organised on the dates below:*

KURSUS COURSE	TARIKH DATE
Taklimat Modul Pembudayaan Integriti Siri 1/2022 <i>Briefing on Integrity Culture Module Series 1/2022</i>	25 Mac March 2022
Taklimat Modul Pembudayaan Integriti Siri 2/2022 <i>Briefing on Integrity Culture Module Series 2/2022</i>	12 September 2022



### c) PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI RAC 2022 - 2026

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) RAC 2022-2026 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah RAC pada 21 Oktober 2022 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Bil 5/2022. Pelan ini merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang diwujudkan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Justeru, selaras dengan pengenalan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah Inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam dan Inisiatif 6.2.1 yang mewajibkan badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan sektor swasta mewujudkan OACP, RAC telah mewujudkan dokumen tersebut sebagai kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur bagi mengurangkan kerenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

### c) RAC ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN 2022 - 2026

*The RAC Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2022-2026 was approved by the RAC Board of Directors on 21 October 2022 through the RAC Board of Directors Meeting No 5/2022. This plan is an anti-corruption policy document at the organisation level to curb weaknesses and issues regarding governance, integrity and anti-corruption within the organisation.*

*The National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023 makes it mandatory for the public sector (under 2.1.5 Initiative) as well as statutory bodies, government-owned companies and the private sector (6.2.1 Initiative) to develop their OACP. Towards this end, RAC has developed its OACP with the objective of establishing an internal control framework for the implementation and monitoring of good governance to reduce bureaucratic red tape and to prevent acts of corruption, power abuse and misappropriation.*

## KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI FOSTERING ORGANISATIONAL INTEGRITY

Setiap satu daripada dasar-dasar tersebut mempunyai objektif yang jelas mengenai sifar toleransi terhadap amalan rasuah. Sekiranya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak ditangani, program dan aktiviti yang dirancang di bawah dasar dan pelan tindakan tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Setiap pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tabdir urus dan pemeraksanaan pencegahan rasuah.

Buku ini juga memastikan semua budaya kerja dan aktiviti yang dikendalikan sentiasa berteraskan amalan berintegriti dan tabdir urus yang baik serta bebas daripada unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Selain itu, Sudut Integriti juga diwujudkan di lobi utama pejabat ini.

*Each policy sets out clear objectives on the organisation's zero tolerance approach to corruption. Any acts of corruption, misappropriation and power abuse should be addressed across all sections of the organisation; otherwise, all planned programmes and activities under the policy and action plan will not be effectively implemented. Every action plan formulated should take into consideration the need to uphold integrity, strengthen governance as well as prevent and mitigate corruption risks.*

*This book ensures that all work culture and activities should at all times demonstrate integrity, good governance as well as zero tolerance for corruption, misappropriation and abuse of power.*

*At the same time, an integrity corner has been created at the main lobby of this office.*



### 4 BIDANG UTAMA OACP RAC 4 KEY RAC OACP PRIORITY AREAS

01

Bidang Khidmat Pengurusan  
*Management Services Area*

02

Bidang Pentadbiran, Polisi dan Penguatkuasaan  
*Administration, Policy and Enforcement Area*

03

Bidang Kewangan, Audit dan Kawal Selia Aset  
*Finance, Audit and Asset Governance Area*

04

Bidang Komersial dan Pembangunan  
*Commercial and Development Area*

Rajah 4: Pelan Antirasuah Organisasi RAC 2022 - 2026  
Diagram 4: Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) RAC 2022 - 2026



# LAPORAN AUDIT DALAM 2022

## INTERNAL AUDIT REPORT 2022

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan, dasar dan undang-undang yang berkuat kuasa dan diguna pakai di RAC, aktiviti audit dalam telah dilaksanakan.

*To ensure compliance with the regulations, policies and applicable laws at RAC, internal audit activities has been implemented.*

*Below is the status of RAC's audit reports for 2022:*

Berikut adalah status pelaporan audit dalam RAC pada 2022:

TAJUK PENGAUDITAN AUDIT TITLES	TEMPOH PENGAUDITAN AUDIT DATES	STATUS
Audit Penilaian Profil Risiko Setiap Bahagian/ Unit di RAC <i>Audit Risk Profile Assessment of each Division/Unit at RAC</i>	Januari - Mac 2022 <i>January - March 2022</i>	✓
Audit Pengurusan Panjar Wang Runcit <i>Petty Cash Management Audit</i>	April - Jun 2022 <i>April - June 2022</i>	✓
Audit Isu Pembayaran Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2015 - 2019 <i>Tax Return Audit Issue for Year of Assessment 2015-2019</i>	April - Jun 2022 <i>April - June 2022</i>	✓
Audit Minit Mesyuarat Pengurusan <i>Management Meeting Minutes Audit</i>	Julai - September 2022 <i>July - September 2022</i>	✓
Audit Pengurusan Aset Tak Alih <i>Immovable Asset Management Audit</i>	Oktober - Disember 2022 <i>October - December 2022</i>	✓
Kiraan Fizikal: Stocktake Inventory EMU Capital Spare RAC bersama Firma Audit Swasta Tetuan MNZWAJA dan KTMB di Depot EMU Sentul <i>Physical Inventory Count: Stocktake Inventory EMU Capital Spare RAC Together with Private Audit Firm Messrs MNZWAJA and KTMB at EMU Sentul Depot</i>	Disember 2022 <i>December 2022</i>	✓

Selain itu, aktiviti-aktiviti pengauditan oleh pihak audit luar turut diselaraskan seperti berikut:

*Besides that, UIP also coordinates audit activities conducted by external auditors as below:*

TAJUK PENGAUDITAN AUDIT TITLES	TEMPOH PENGAUDITAN AUDIT DATES	PASUKAN AUDIT AUDIT TEAM
Pematuhan Kutipan Hasil Sewa Hartanah <i>Rental Property Revenue Collection Compliance</i>	April - Disember 2022 <i>April - December 2022</i>	Jabatan Audit Negara (JAN) <i>National Audit Department (JAN)</i>
Penggunaan Kad Kredit Korporat <i>Corporate Credit Card Usage</i>	April - Jun 2022 <i>April - June 2022</i>	Unit Audit Dalam, Kementerian Pengangkutan <i>Internal Audit Unit Ministry of Transport</i>
Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bagi Tahun Berakhir 2021 <i>Railway Assets Corporation (RAC) Financial Statement for the Year Ended 2021</i>	Ogos - Oktober 2022 <i>August - October 2022</i>	Tetuan MNZWAJA (Firma Audit Swasta) <i>Messrs MNZWAJA (Private Audit Firm)</i>

## LAWATAN FIZIKAL PENGAUDITAN PEMATUHAN HASIL SEWA HARTANAH

### PHYSICAL TAX AUDIT COMPLIANCE VISIT ON PROPERTY REVENUE COLLECTION



LEMBAH KLANG (ZON TENGAH) | **KLANG VALLEY (CENTRAL)**  
12 HINGGA 14 APRIL 2022 | **12 TO 14 APRIL 2022**



NEGERI SEMBILAN & JOHOR BAHRU (ZON SELATAN) | **NEGERI SEMBILAN & JOHOR BAHRU (SOUTHERN ZONE)**  
15 HINGGA 17 JUN 2022 | **15 TO 17 JUNE 2022**





## LAWATAN FIZIKAL PENGAUDITAN PEMATUHAN HASIL SEWA HARTANAH

### PHYSICAL TAX AUDIT COMPLIANCE VISIT ON PROPERTY REVENUE COLLECTION



PERAK, PULAU PINANG & PERLIS (ZON UTARA) |  
**PERAK, PENANG & PERLIS (NORTHERN ZONE)**  
20 HINGGA 24 JUN 2022 | 20 TO 24 JUNE 2022



KELANTAN (ZON TIMUR) | **KELANTAN (EAST COAST ZONE):**  
4 HINGGA 7 JULAI 2022 | 4 TO 7 JULY 2022



**LAWATAN SESI KIRAAN FIZIKAL: STOCKTAKE INVENTORY EMU CAPITAL SPARE PERBADANAN ASET KERETAPI BERSAMA FIRMA AUDIT SWASTA (FAS) TETUAN MNZ WAJA DAN KTMB DI DEPOT EMU SENTUL**

**PHYSICAL COUNT VISIT: STOCKTAKE INVENTORY EMU CAPITAL SPARE RAILWAY ASSETS CORPORATION TOGETHER WITH PRIVATE FIRM MESSRS MNZWAJA AND KTMB AT EMU SENTUL DEPOT**



**LAWATAN FIZIKAL ASET BAGI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 2022**

**PHYSICAL ASSET AUDIT VISIT ON RAILWAY ASSETS CORPORATION FINANCIAL STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 2022**







# Seksyen 4

## SECTION 4

# PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK


**HOLISTIC PROPERTY  
MANAGEMENT**





Pendapatan utama RAC adalah daripada hasil urus niaga aset-aset yang dimiliki dan terletak hak kepada Perbadanan ini. Pendapatan daripada kategori ini dikenali sebagai hasil langsung atau hasil operasi. Penjanaaan pendapatan daripada aset-aset ini penting bagi memastikan kelangsungan operasi Perbadanan ini memandangkan RAC tidak lagi menerima peruntukan Belanja Mengurus daripada Kerajaan sejak 2015. Selain itu, penjanaaan hasil ini juga membolehkan RAC menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai pemilik dan pengurus aset dengan berkesan.

*RAC's main income is derived from proceeds of transactions of assets owned and vested in the Corporation. Income from this category is known as direct revenue or operating revenue. Revenue generation from these assets is important to ensure the viability and stability of the Corporation as RAC no longer receives Operating Expenditure allocation from the Government since 2015. In addition, revenue generation also enables RAC to carry out its duties and responsibilities as an asset owner effectively.*



Rajah 5: Jenis-jenis aktiviti komersial yang dijalankan RAC  
*Diagram 5: Types of commercial activities by RAC*

Bagi membolehkan pengurusan perniagaan teras RAC dibuat dengan lebih mudah, selamat dan efisien, *Railway Assets Intelligence System (RAILS)* telah digunakan secara sepenuhnya mulai tahun ini. Inisiatif ini merupakan pendekatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk membolehkan permohonan, semakan status, pembayaran sewaan serta penyelenggaraan aset dibuat secara dalam talian.

*To enable RAC's core business to be managed more easily, safely and efficiently, the Railway Assets Intelligence System (RAILS) has been fully operational since this year. This Information and Communications Technology (ICT)-based initiative allows applications, status review, rental payments as well as asset maintenance to be conducted online.*



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC

### RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Terdapat tiga (3) jenis aktiviti komersial yang dijalankan RAC iaitu Sewaan, Pajakan dan Tumpang Lalu. Aktiviti sewaan meliputi pelbagai jenis aset manakala pajakan dan tumpang lalu melibatkan tanah-tanah kereta api.

*Three (3) types of commercial activities are carried out by RAC namely Rental, Lease and Wayleave. Rental activities cover various types of assets while leasing and wayleave involve railway land.*



#### PENYEWAAN & PAJAKAN TANAH KERETA API

##### RENTAL & LEASE OF RAILWAY LAND

#### a) TERMA DAN SYARAT

Jadual berikut menunjukkan perbezaan terma dan syarat di antara sewaan dan pajakan:

#### a) TERMS AND CONDITIONS

*The following table shows the differences in terms and conditions between rental and lease:*

PERKARA ITEM	SEWAAN RENTAL	PAJAKAN LEASE
PEMOHON APPLICANT	Individu/ Syarikat/ Pertubuhan/ Sekolah/ Rumah Ibadat <i>Individuals/ Companies/ Organisations/ Schools/ Houses of Worship</i>	
TEMPOH SEWAAN/ PAJAKAN RENTAL/LEASE PERIOD	Maksimum lima (5) tahun <i>Five (5) years maximum</i>	Enam (6) tahun hingga maksimum 30 tahun <i>Six (6) years up to a maximum of 30 years</i>
TUJUAN PURPOSE	Aktiviti komersial dan bukan komersial termasuk pertanian <i>Commercial and non-commercial activities including agriculture</i>	Pembangunan tanah yang berkaitan dengan aktiviti kereta api dan aktiviti perniagaan <i>Land development related to railway and business activities</i>
PROSES KELULUSAN APPROVAL PROCESS	Mesyuarat Penyewaan dan Pajakan Tanah-Tanah RAC <i>RAC Land Rental and Lease Meeting</i>	i. Mesyuarat Penyewaan dan Pajakan Tanah-Tanah RAC <i>RAC Land Rental and Lease Meeting</i> ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC <i>RAC Board of Directors' Meeting</i> iii. Mesyuarat Jemaah Menteri <i>Cabinet Meeting</i>
STRUKTUR STRUCTURE	Sementara atau separa kekal <i>Temporary or semi-permanent</i>	Kekal <i>Permanent</i>
LOKASI PILIHAN PREFERRED LOCATION	i. Sepanjang jajaran kereta api tertakluk pada jarak keselamatan melebihi 40 kaki dari landasan <i>Along the railway stretch subject to a safety distance exceeding 40 feet from the tracks</i> ii. Bangunan (gudang/ kios/ kuarters) <i>Building (warehouse/ kiosk/ quarters)</i>	Tanah-tanah poket atau tanah surplus yang berpotensi bagi pembangunan berskala besar <i>Pocket land or surplus land with the potential for large-scale development</i>

## AKTIVITI KOMERSIAL RAC

### RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

LANJUTAN TEMPOH <i>EXTENSION</i>	Enam (6) bulan sebelum tamat <i>Six (6) months before termination</i>	Satu (1) tahun sebelum tamat <i>One (1) year before termination</i>
NOTIS PENAMATAN <i>TERMINATION NOTICE</i>	30 hari sebelum tamat <i>30 days before termination</i>	Enam (6) bulan sebelum tamat <i>Six (6) months before termination</i>
KADAR SEWA <i>RENTAL RATE</i>	Bayaran secara pukal, sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai pajakan yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) <i>Payment in bulk, monthly rent or annual rent based on the lease value determined by the Valuation and Property Services Department (JPPH)</i>	
KELULUSAN <i>APPROVAL</i>	Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan & Pajakan <i>Rental and Lease Committee Meeting</i>	Permohonan pajakan tanah rizab memerlukan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri manakala bagi tanah hak milik perlu mendapat kelulusan Menteri <i>Applications for reserve land lease are subject to the Cabinet Ministers' Meeting while the Minister's approval is required for RAC's titled land applications</i>

Semua permohonan sewaan bagi tujuan komersial tertakluk kepada ulasan teknikal daripada KTMB bagi tapak yang berada di dalam kawasan operasi termasuk kios persendirian. Bagaimanapun, pengecualian ini diberikan kepada kios sedia ada di dalam bangunan stesen dan tanah-tanah RAC yang tidak terlibat dengan operasi kereta api.

Namun, berdasarkan ketetapan yang diputuskan melalui Dasar Penyewaan/ Pajakan Tanah Kereta Api/ Ruang Stesen/ Kuarters dan Gudang Milik RAC, Perbadanan ini boleh menolak mana-mana permohonan penyewaan di sepanjang landasan kereta api yang terletak dalam jarak keselamatan iaitu kurang 40 kaki tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC.

Walaupun tanah-tanah rizab kereta api ditetapkan sebagai Zon Pengangkutan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebanyakan aktiviti sewaan yang diluluskan RAC adalah bagi tujuan komersial. Oleh itu, ulasan daripada PBT perlu diperoleh sebelum sesuatu permohonan penyewaan dipertimbangkan bagi memudahkan penyewa mendapatkan kebenaran merancang untuk membina struktur (separa kekal) dan memohon bekalan utiliti seperti air dan elektrik ke tapak sewaan. Ulasan daripada agensi-agensi lain juga diperlukan, sekiranya berkaitan.

*All rental applications for commercial purposes are subject to technical comments from KTMB for sites located within operational areas including private kiosks. However, exceptions are given to existing kiosks in the station building and RAC land that are not involved in railway operation.*

*However, based on the decision made through the Policy on Railway Land Rental/ Lease/ Station Space/ Quarters and Warehouse owned by RAC, the Corporation can reject any rental application along the railway tracks located within a safety distance of less than 40 feet without bringing it forth to the RAC Land Rental and Leasing Committee Meeting.*

*Although railway reserve land is designated as Transportation Zone by the Local Authorities (PBT), most RAC-approved rental activities are for commercial purposes. Therefore, local authorities' comments are needed before a rental application is considered as this would enable tenants to obtain planning approval to build structures (semi-permanent) and apply for utility supplies such as water and electricity to the rented site. Reviews from other agencies such as the Department of Environment and the Department of Veterinary Services are also needed, if relevant.*



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

### b) PENAMATAN

Sesuatu aktiviti komersial boleh ditamatkan serta merta sekiranya:

- ▶ Tunggakan bayaran hasil selama tiga (3) bulan;
- ▶ Melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian sewaan; dan
- ▶ Melanggar undang-undang dan peraturan perundangan semasa negara.

### c) AKTIVITI KOMERSIAL YANG TIDAK DIBENARKAN

RAC berhak menolak permohonan bagi aktiviti komersial berikut tanpa dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah.

### b) TERMINATION

*A commercial activity can be terminated immediately if:*

- ▶ *It is three (3) months in arrears;*
- ▶ *It breaches the terms in the rental agreement; and*
- ▶ *It violates the regulations and laws in force.*

### c) UNAUTHORISED COMMERCIAL ACTIVITIES

*RAC reserves the right to reject applications for the following commercial activities without being brought to the Land Leasing and Leasing Committee Meeting.*

## SEWAAN/ PAJAKAN YANG TIDAK DIBENARKAN UNAUTHORISED RENTAL/ LEASE



Rajah 6: Penyewaan/ pajakan yang tidak dibenarkan  
Diagram 6: Unauthorised rental/ lease

## AKTIVITI KOMERSIAL RAC

### RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

#### d) PERMOHONAN BAHARU SEWAAN

Sepanjang 2022, sejumlah 715 permohonan sewaan baharu telah diterima oleh RAC. Jumlah permohonan yang diterima ini adalah lebih rendah berbanding permohonan yang diterima pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 842 permohonan.

Punca utama pengurangan sebanyak 15.08 peratus atau 127 permohonan ini adalah kesan daripada pandemik COVID-19 yang berlaku selama dua (2) tahun yang menyebabkan terdapat sebilangan penyewa terpaksa menamatkan perniagaan mereka.

Terdapat juga segelintir penyewa yang tidak lagi berminat untuk meneruskan perniagaan dan ada juga yang membatalkan permohonan sewa di saat-saat akhir. Keadaan ini berpunca daripada demografik penyewa RAC terbesar yang terdiri daripada golongan B40. Golongan ini secara keseluruhannya terjejas akibat penularan pandemik tersebut.

Selain itu, bagi peniaga-peniaga yang berpotensi, mereka lebih cenderung untuk memilih stesen kereta api yang mempunyai jumlah pengguna yang tinggi, di mana tiada lagi kios dan kaunter mini mudah alih yang boleh disewa di stesen-stesen ini.

Namun begitu, RAC sentiasa mempertingkatkan usaha mempromosi dan mengiklankan produk-produk komersialnya dari semasa ke semasa melalui saluran media sosial dan juga pengiklanan di tapak.

Setelah permohonan baharu diproses, kesemua permohonan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajak Tanah RAC, yang bersidang setiap bulan untuk memberi pertimbangan sama ada ia diluluskan atau ditolak.

#### d) NEW RENTAL APPLICATIONS

*During the year 2022, a total of 715 new rental applications were received by RAC compared to 842 in the previous year.*

*The reduction of 15.08 per cent or 127 applications was mainly due to the COVID-19 pandemic which hit the nation for two (2) years since 2020, forcing some tenants to close their business.*

*Some tenants were no longer interested in running their business while some cancelled their rental applications at the eleventh hour. This situation was also due to the demographics of RAC tenants who were largely those from the B40 group. This group was among those adversely affected by the pandemic.*

*In addition, traders who thrived during the pandemic were more likely to choose railway stations with high rail passenger traffic and that these stations were not equipped with kiosks and mobile mini counters for rent.*

*However, RAC continues to intensify efforts by promoting and advertising its commercial products from time to time through the social media and also via on-site advertisements.*

*Once new applications have been processed, they will be brought forward to the Land Rental and Lease Committee Meeting, A decision to approve or reject the applications will be made at this monthly meeting.*

TAHUN YEAR	JUMLAH PERMOHONAN APPLICATION	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED
2020	879	706	80
2021	842	678	107
2022	715	456	128

Jadual 1: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa bagi tempoh 2020 - 2022  
Table 1: Number and status of rental applications by comparison for the period 2020 - 2021



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Jadual 1 menunjukkan perbandingan jumlah keseluruhan dan status permohonan sewaan yang diterima oleh RAC dari 2020 hingga 2021. Pada tahun semasa, jumlah permohonan sewa yang diterima telah mencatatkan penurunan sebanyak 15.08 peratus menjadikan sebanyak 127 permohonan berbanding 842 permohonan yang diterima pada 2021.

Pada 2022, tindakan pemutihan telah dilaksanakan melibatkan kawasan Kepong Sentral - Sungai Buloh - Matang Pagar - Kuang - Batu Arang bagi memastikan semua pendudukan yang berada di atas tanah rizab kereta api diberi penyewaan oleh RAC. Tindakan ini juga selaras dengan teguran audit yang mengarahkan supaya RAC memastikan aset-aset yang dimilikinya bebas daripada aktiviti pencerobohan. Melalui tindakan pemutihan ini, hasil pendapatan yang diterima melalui setinggian komersial dan kediaman dapat ditingkatkan.

*Table 1 shows a comparison in the total number and status of rental applications received by RAC from 2020 to 2021. During the current year, the number of applications received decreased 15.08 per cent, bringing the total figure to 127 compared to 842 in 2021.*

*In 2022, RAC undertook to legalise unlawful occupation of its railway reserve land in Kepong Sentral - Sungai Buloh - Matang Pagar - Kuang - Batu Arang areas through rental of the affected land. This initiative was in line with the audit reprimand which directed RAC to ensure that assets it owned were free from encroachment. Through this action, income received from commercial and residential squatters was expected to rise.*



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC

### RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Pada tahun semasa, Kelantan mencatatkan rekod permohonan sewaan tertinggi iaitu sebanyak 259 permohonan. Jumlah ini merangkumi 147 permohonan bagi aktiviti komersial, 25 permohonan bagi tujuan pertanian manakala bagi aktiviti bukan komersial, sebanyak 13 permohonan dicatatkan. Turut diterima ialah 74 permohonan yang berpunca daripada tindakan pemutihan setinggan kediaman.

Seterusnya, rekod permohonan tertinggi disusuli Selangor dengan 202 permohonan dan Pahang sebanyak 61 permohonan. Selain itu, sebanyak 55 permohonan diterima di Perak manakala di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur, ia masing-masing mencatatkan 54 dan 32 permohonan. Bagi negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, sejumlah 19 permohonan diterima diikuti Kedah (14), Johor (11), Perlis (5) dan Melaka (3).

Ringkasan jumlah dan status permohonan sewaan bagi 2022 adalah seperti di jadual dan graf di bawah:

*During the current year, Kelantan recorded the highest number of rental applications at 259. Of the total, 147 were applications for commercial activities, 25 for agricultural purposes and for non-commercial activities, 13 applications were recorded. A total of 174 applications were also received following the legalisation of squatters' dwellings.*

*Selangor took the second spot with 202 applications and Pahang with 61 applications. Elsewhere, 55 applications were received in Perak while Negeri Sembilan and Kuala Lumpur recorded 54 and 32 applications respectively. Others such as Penang received 19 applications followed by Kedah (14), Johor (11), Perlis (5) and Melaka (3).*

*The following is a summary of the number and status of rental applications for 2022:*

NEGERI STATE	ZON ZONE	JUMLAH PERMOHONAN APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	DALAM PROSES PENDING	TAMAT TERMINATED
Perlis		5	5	0	0	0
Pulau Pinang	Utara	19	13	5	1	0
Kedah	North	14	10	2	2	0
Perak		55	36	16	3	0
Selangor	Tengah	202	150	40	2	10
Kuala Lumpur	Central	32	14	14	0	4
Negeri Sembilan		54	38	7	9	0
Melaka	Selatan	3	3	0	0	0
Johor	South	11	6	2	2	1
Pahang	Timur	61	48	3	10	0
Kelantan	East Coast	259	133	39	85	2
<b>Jumlah Total</b>		<b>715</b>	<b>456</b>	<b>128</b>	<b>114</b>	<b>17</b>

Jadual 2: Jumlah dan status permohonan mengikut negeri pada 2022  
Table 2: Number and status of rental applications by comparison for the period 2022



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

Berdasarkan jadual yang ditunjukkan, RAC telah mengemukakan tawaran sewaan sebanyak 456 kepada individu/ syarikat yang berminat menjalankan aktiviti sewaan di atas tanah hak milik/ rizab kereta api. Jumlah ini termasuk 295 permohonan merupakan permohonan lanjutan sewa. Sebanyak 114 permohonan lagi masih dalam proses manakala 128 permohonan telah ditolak berdasarkan justifikasi berikut:

- i. Permohonan tidak mendapat sokongan daripada jabatan teknikal KTMB atas faktor keselamatan operasi kerana jarak tapak yang terlalu hampir dengan landasan;
- ii. Pemohonan yang tidak disokong oleh PBT kerana tidak selaras dengan pengezonan yang ditetapkan seperti berhampiran dengan zon kediaman;
- iii. Permohonan bertindih dengan tapak yang ditawarkan untuk penyewaan kepada pihak lain; dan
- iv. Tujuan penyewaan yang tidak dibenarkan seperti kediaman/ rumah ibadat dan tanaman kekal.

Bagi sewaan yang ditamatkan, berikut adalah faktor-faktor yang diberi perhatian:

- i. Tujuan sewaan bagi tempoh masa kurang daripada sebulan seperti tapak bazar/ ekspo dan lain-lain;
- ii. Penyewa tidak mampu untuk menjelaskan bayaran sewa;
- iii. Permohonan tidak mendapat kelulusan PBT;
- iv. Penyewa melanggar syarat sewaan yang ditetapkan oleh RAC; dan
- v. Tapak sewaan terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan/ RAC.

*Based on the table shown, RAC has submitted a total of 456 rental offers to individuals/ companies interested in carrying out rental activities on RAC-owned land or railway reserve land. This number includes 295 applications for rental extensions, 114 applications are still pending while 128 applications have been rejected based on the following justifications:*

- i. The application was not supported by KTMB technical departments due to operational safety factors as the site distance was too close to the tracks;*
- ii. The application was not supported by the local authority (PBT) as it did not meet the zoning criteria such as it was too close to the residential zone;*
- iii. The application overlapped with the the site offered for rental to other parties; and*
- iv. Unauthorised rental purposes such as residential/ house of worship and permanent crop cultivation.*

*Rental were terminated due to the following factors:*

- i. Purpose of rental was for a period of less than a month such as bazaar/ expo site, etc,;*
- ii. The tenant was unable to pay the rent;*
- iii. The application was not approved by the PBT;*
- iv. The tenant violated the tenancy conditions set by RAC; and*
- v. The rental site was involved with a Government/ RAC development project.*

## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Sewaan tanah hak milik di atas sebahagian Lot 1, Arau, Perlis bagi tujuan pusat komersial.

*Rental of titled land on part of Lot 1, Arau, Perlis as a commercial centre.*



Sewaan tanah rizab kereta api di atas sebahagian Lot 6846, Mukim Port Dickson, Daerah Port Dickson bagi tujuan tanaman Rock Melon.

*Rental of railway reserve land on part of Lot 6846, Mukim Port Dickson, Port Dickson District for Rock Melon farming.*



Sewaan tanah rizab kereta api di ruang bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur di atas sebahagian Lot 36, Kuala Lumpur bagi tujuan café.

*Rental of railway reserve land at the Kuala Lumpur Railway Station building on part of Lot 36, Kuala Lumpur for cafe purpose.*



Penyewaan tanah rizab kereta api bagi pembinaan papan iklan jenis "unipole" dua (2) muka berhampiran Empire Mall, Subang Jaya, di KM16.85 Mukim Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor. Papan iklan adalah milik Syarikat Media House Sdn. Bhd.

*Rental of railway reserve land for a two-sided unipole billboard near Empire Mall, Subang Jaya, at KM16.85 Mukim Subang Jaya, Petaling District, Selangor. The billboard is owned by Media House Sdn. Bhd.*



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

### e) LANJUTAN TEMPOH SEWAAN


Secara dasarnya, tempoh maksimum bagi sesuatu sewaan adalah selama tiga (3) tahun. Namun begitu, terdapat juga penyewa yang berminat untuk melanjutkan lagi tempoh sewaan bagi meneruskan aktiviti perniagaan di atas tapak yang disewa. Antara faktor utama yang diambil kira dalam meluluskan permohonan ini adalah rekod bayaran sewa yang baik dan konsisten.

Pada tahun semasa, sejumlah 295 permohonan lanjutan tempoh sewaan telah diproses dan diluluskan bagi pelbagai tujuan sewa. Pecahan maklumat permohonan lanjutan tempoh sewaan pada 2022 mengikut zon adalah seperti rajah berikut:

### e) RENTAL PERIOD EXTENSION

Basically, the maximum period for rental is three (3) years. However, there are tenants who are interested in extending the rental period to continue their business activities on the rented site. Among the key factors considered, the applicant has a good and consistent rental payment record.

During the current year, 295 applications for extension of rental period were processed and approved for various rental purposes. The breakdown of information on applications for extension of rental period for 2022 by zone is shown in the graph below:



Rajah 7: Pecahan jumlah permohonan lanjutan sewa mengikut zon pada 2022  
Graph 7: Breakdown in the number of applications for extension of rental period by zone in 2022

## AKTIVITI KOMERSIAL RAC

### RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



#### PAJAKAN LEASE

Selain aktiviti sewaan, RAC juga memproses permohonan pajakan tanah. Terdapat perbezaan yang ketara antara aktiviti di bawah sewaan dan pajakan yang antaranya melibatkan tempoh masa, notis penamatan, kelulusan, tujuan dan sebagainya. Pada 2022, tiada permohonan pajakan tanah diterima. Sehingga tahun semasa berakhir, sebanyak 11 pemajak yang masih aktif beroperasi di atas tanah hak milik rizab kereta api. Proses kelulusan pajakan tanah mengambil masa yang lama terutama bagi permohonan di atas tanah rizab kereta api yang mana memerlukan kelulusan peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri manakala bagi tanah hak milik RAC pula perlu mendapat kelulusan Menteri berserta maklumat yang lengkap dengan penilaian kadar yang terkini.

Memandangkan proses yang lama bagi sesuatu permohonan pajakan tanah, RAC telah mengambil inisiatif iaitu dengan mengenakan sewaan tanah bagi tempoh tiga (3) tahun sahaja kerana proses kelulusan hanya dibuat di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC, yang diadakan pada setiap bulan.

*Besides rental activities, RAC also processes applications for lease of railway land. There is a significant difference between rental and lease activities, in terms of period of tenancy, termination notice, approval, purpose, etc. In 2022, no applications for lease of railway land were received. As of the end of the current year, a total of 11 tenants were still actively operating on railway reserve titled land. The approval process for railway land lease applications can be lengthy as it is subject to consideration and approval at the Cabinet Ministers' Meeting while approval from the Minister is required for RAC titled land, and that applications must be complete with the latest valuation rates.*

*Given the lengthy process for every land lease application, RAC has taken the initiative to impose land rental for a period of three (3) years only. Applications are subject to approval by the RAC Land Rental and Lease Committee that sits every month.*



#### TUMPANG LALU WAYLEAVE

Sehingga penghujung 2022, sebanyak 898 laluan bagi aktiviti tumpang lalu yang masih aktif berada atas tanah hak milik RAC atau rizab kereta api. Ringkasan jumlah dan status permohonan tumpang lalu pada 2021 hingga 2022 adalah seperti di jadual dan graf berikut


*As at end-2022, a total 898 pathways for wayleave activities which are still operational are sited on RAC titled or railway reserve land. A summary of the number and status of wayleave applications from 2021 to 2022 is shown in the table and graph below:*

TAHUN YEAR	PERMOHONAN APPLICATION	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	ULASAN/TIDAK LENGKAP COMMENTS/ INCOMPLETE
2020	13	3	0	10
2021	42	19	1	23
2022	18	8	0	10



## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES

**JUMLAH DAN STATUS PERMOHONAN TUMPANG LALU DARI 2022 – 2020**  
**NUMBER AND STATUS OF APPLICATIONS FOR WAYLEAVE 2022-2020**



Graf 1: Perbandingan jumlah dan status permohonan untuk tumpang lalu dari 2020 - 2022  
Graph 1: Number and status of applications for wayleave from 2020 - 2022 by comparison

Berdasarkan jadual dan graf yang ditunjukkan, jumlah permohonan tumpang lalu pada 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 57 peratus iaitu sebanyak 18 permohonan yang diterima berbanding 42 permohonan yang dicatat pada tahun sebelumnya. Antara syarikat yang mengemukakan permohonan tumpang lalu ialah pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), East Coast Rail Link & China Construction & Communication, Sime Darby Property, Solar Citra Sdn. Bhd. dan lain-lain yang melibatkan tanah hak milik RAC atau rizab kereta api.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) permohonan telah diluluskan manakala 10 permohonan lagi masih dalam proses mendapatkan ulasan teknikal daripada KTMB memandangkan tapak yang dipohon berada dalam kawasan operasi.

Pada tahun semasa, RAC telah meluluskan sebanyak 15 permohonan tumpang lalu yang diterima pada 2021 tetapi tidak selesai diproses. Selain itu, baki permohonan pada tahun sebelumnya masih dalam tindakan RAC.

*Based on the table and graph shown, total applications for wayleave in 2022 stood at 18, down 57 per cent from 42 applications received in the previous year. Among the companies which submitted their applications were Tenaga Nasional Berhad (TNB), East Coast Rail Link & China Construction & Communication, Sime Darby Property, Solar Citra Sdn. Bhd., and others involving RAC titled or railway reserve land.*

*Of the total, eight (8) applications were approved while 10 others were still subject to technical comments from KTMB given that the sites applied for were situated in operational areas.*

*During the current year, RAC approved 15 applications for wayleave received in 2021 but the process had not been completed. Besides that, the remaining applications during the previous year were still pending action from RAC.*

## AKTIVITI KOMERSIAL RAC RAC COMMERCIAL ACTIVITIES



Permohonan tumpang lalu bagi kerja-kerja membina jambatan di Tanjung Pelepas, Johor. (KM31.0-KM32.5) oleh Seaport Worldwide Sdn. Bhd.

*Application for wayleave for construction works of a bridge at Tanjung Pelepas, Johor. (KM31.0-KM32.5) by Seaport Worldwide Sdn. Bhd.*



Tumpang lalu bagi kerja-kerja menanam kabel elektrik melintasi bawah landasan kereta api di Taiping, Perak. (KM93.991-KM94.031) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

*Wayleave for underground cable laying works at Taiping railway, Perak. (KM93.991-KM94.031) by Tenaga Nasional Berhad (TNB).*



Tumpang lalu bagi kerja-kerja menanam paip gas asli di Sungai Petani, Kedah. (KM30.25) oleh Gas Malaysia Distribution Sdn. Bhd.

*Wayleave for laying natural gas pipeline at Sungai Petani, Kedah. (KM30.25) by Gas Malaysia Distribution Sdn. Bhd.*



## PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

Hasil pendapatan RAC yang signifikan dijana melalui aktiviti sewaan aset dan tanah, pajakan tanah sama ada tanah jenis hak milik RAC atau rizab kereta api dan juga tumpang lalu.

Pada tahun semasa, hasil pendapatan RAC yang dijana melalui sumber ini meningkat sebanyak **20 peratus** dengan catatan hasil keseluruhan sebanyak **RM39.679 juta** berbanding **RM33.162 juta** yang diperoleh pada 2021.

Berikut adalah jadual perbandingan hasil sewaan, pajakan tanah dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan/ penurunan 2021 dan 2022:

*RAC's main income sources are generated from rental, land lease and wayleave activities on RAC titled and railway reserve land.*


*During the current year, RAC revenue rose **20 percent to RM39.679 million** compared to **RM33.162 million** achieved in 2021.*

*Below is the table on the comparison in terms of income from land rental, land lease and wayleave activities with the percentage of increase/decrease in 2021 and 2022:*

SUMBER PENDAPATAN SOURCE OF INCOME	2022 (juta/ million)	2021 (juta/ million)	PERATUS KENAIKAN/ (PENURUNAN) (juta) PERCENTAGE INCREASE/ (DECREASE) (million)
Sewaan/ Pajakan atas tanah hak milik RAC <i>Rental/ Lease on RAC titled land</i>	7.449	5.774	29
Sewaan/ Pajakan atas tanah rizab kereta api <i>Rental/ Lease on railway reserve land</i>	25.724	17.404	48
Tumpang Lalu <i>Wayleave</i>	6.506	9.984	(-35)
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>39.679</b>	<b>33.162</b>	<b>20</b>

Jadual 3: Perbandingan hasil sewaan/ pajakan tanah rizab, tanah hak milik dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan dan penurunan pada 2021 dan 2022

Table 3: Revenue from rental, land lease and wayleave by comparison with percentage of increase and decrease for 2021 and 2022



Graf 2: Perbandingan hasil sewaan, pajakan tanah dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan dan penurunan pada 2021 dan 2022

Graph 2: Revenue from rental, land lease and wayleave with percentage of increase and decrease in 2021 and 2022

## PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

Berdasarkan jadual dan graf yang ditunjukkan, kategori hasil RAC yang menunjukkan peningkatan memberangsangkan ialah aktiviti sewaan dan pajakan melibatkan tanah rizab kereta api di mana sebanyak 48 peratus berjaya dicatatkan. Ini menjadikan jumlah kutipan hasil pada tahun semasa mencatatkan kenaikan sebanyak RM25.724 juta berbanding RM17.404 juta yang diperolehi pada 2021.

Bagi hasil sewaan dan pajakan terhadap tanah yang berstatus tanah hak milik, peningkatan sebanyak 29 peratus berjaya dicatatkan menjadikan jumlah kutipan hasil bagi kategori ini ialah RM7.449 juta berbanding RM5.774 juta pada 2021.

Kenaikan hasil bagi kategori ini telah memberikan kesan yang besar ke atas jumlah keseluruhan kutipan hasil RAC pada tahun semasa. Kenaikan peratusan ini didorong oleh tindakan konsisten Bahagian Komersial sepanjang 2022 yang antaranya ialah:

- i. Pembukaan semula sektor ekonomi pasca pandemik COVID-19 yang membolehkan sebahagian penyewa RAC sedia ada untuk kembali menjalankan perniagaan mereka;
- ii. Mempelbagaikan kaedah promosi dengan tawaran kadar sewaan yang lebih berpatutan;
- iii. Memastikan ruang niaga di semua stesen kereta api termasuk kios sedia ada, ruang pejabat, kuarters yang kosong dikenakan sewaan mengikut nilai kadar semasa;
- iv. Menawarkan sewaan tanah bagi tujuan kediaman kepada setinggan di Kelantan secara berperingkat sebagaimana yang dipersetujui melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-81 Bilangan 5 Tahun 2017, yang meluluskan Cadangan Penyelesaian Isu Setinggan di atas Tanah Hak Milik RAC di Negeri Pahang dan Kelantan; dan
- v. Penyelesaian tunggakan oleh penyewa yang telah tamat tempoh sewaan tetapi masih lagi berminat untuk menduduki tapak.

Bagi hasil tumpang lalu pada 2022, terdapat penurunan hasil kutipan dengan catatan sebanyak 35 peratus. Pada tahun semasa, hanya RM6.506 juta berjaya dicatatkan berbanding RM9.984 juta pada 2021.

*Based on the table and graph shown, RAC revenue from rental and land lease activities on railway reserve land surged 48 percent to RM25.724 million compared to RM17.404 million in 2021. Revenue from rental and lease activities on titled land rose 29 percent, bringing total revenue collection to RM7.449 million in 2022 compared to RM5.774 million in 2021.*

*The higher revenue from this category (rental and lease activities on titled and reserve land) had a significant impact on RAC's overall revenue collection during the current year, thanks to measures undertaken by the Commercial Division throughout 2022, which included:*

- i. Reopening of the economic sectors post COVID-19 pandemic provided opportunities for some of RAC's existing tenants to resume their business operations;*
- ii. Diversifying promotional strategies through reasonable rental rates;*
- iii. Ensuring commercial spaces at all railway stations including existing kiosks, office space, vacant quarters are rented out based on current rates;*
- iv. Offering land rental for residential purposes to squatters in Kelantan in stages as agreed upon at the 81st Board of Directors' Meeting No 5 Year 2017 which approved the Proposal to Resolve the Issue of Squatters on RAC Titled Land in Pahang and Kelantan; and*
- v. Settlement of arrears by tenants who had ended their term of lease but were still interested in occupying their sites.*

*Revenue from wayleave however saw a drop of 35 percent to RM6.506 million during the current year compared to RM9.984 million in 2021.*



## PRESTASI HASIL DAN TUNGGAKAN REVENUE PERFORMANCE AND ARREARS

### TUNGGAKAN

Pada tahun semasa, jumlah tunggakan bagi kutipan hasil telah meningkat sebanyak 23 peratus daripada jumlah tunggakan yang dicatat pada 2021. Situasi ini menjadikan jumlah tunggakan setakat Disember 2022 ialah sebanyak **RM33.020 juta** berbanding RM26.780 juta pada tahun sebelumnya.

Antara punca peningkatan jumlah tunggakan ini adalah aktiviti perniagaan sebahagian besar penyewa RAC yang terjejas ekoran pandemik COVID-19. Walaupun negara pada masa ini berada di fasa peralihan ke endemik, kebanyakan penyewa masih mengalami kesukaran untuk membayar sewa secara konsisten. Selain itu, jumlah tunggakan juga berpunca daripada hutang lapuk sebanyak RM8 juta dan RM8.59 juta melibatkan tindakan undang-undang. Bagi menyelesaikan isu ini, RAC turut memberikan tawaran bayaran sewa secara berjadual untuk satu tempoh tertentu kepada penyewa yang tidak mampu menjelaskan bayaran sewa yang tertunggak secara *one off*. Langkah ini diambil adalah bagi membantu penyewa yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Bagi mengawal tunggakan semasa, RAC memberi fokus dengan menambah baik proses kerja serta melipatgandakan tindakan bagi memastikan tunggakan bayaran sewa tidak melebihi 90 hari. Di samping itu, tindakan undang-undang dan litigasi turut diambil terhadap penyewa/ pemajak yang gagal menjelaskan bayaran melebihi 90 hari dengan antaranya melalui penyerahan notis tuntutan, penghantaran notis peringatan serta mengadakan perbincangan dengan penyewa/ pemajak.

RAC juga dalam proses menambah baik kaedah-kaedah bayaran sewa dengan memperkenalkan inisiatif baharu seperti kaedah/ sistem bayaran secara dalam talian (sebagai contoh: DuitNow, QR Code & RAILS) bagi memudahkan penyewa membuat bayaran sewa dan sekali gus menambah baik terimaan/ pemantauan kutipan sewa RAC pada masa akan datang.

### ARREARS

*During the current year, total arrears for revenue collection increased 23 percent from the previous figure in 2021. This brought the total arrears as of December 2022 to **RM33.020 million** compared to RM26.780 million previously.*

*Among others, the increase in total arrears was brought about by the COVID-19 pandemic. Although the nation is currently transitioning into the endemic phase, most tenants are unable to pay up their rent in a consistent manner. Besides that, the total arrears are also due to bad debts totalling RM8 million and RM8.59 million involving legal action. At the same time, RAC also allowed tenants who could not afford to settle their arrears to make 'one-off' payments, taking into consideration the financial constraints faced by tenants who were upended by the COVID-19 pandemic.*

*To manage current arrears, RAC focused on improving the work process as well as beefing up its enforcement to ensure rental payment arrears did not exceed 90 days. In addition, legal and litigation action was also undertaken against tenants/ lessees who failed to settle their payments exceeding 90 days, in addition to issuing notices of claims, reminders as well as holding discussions with tenants/ lessees.*

*RAC is also in the process of improving its rental payment procedures by introducing cashless and contactless payment options such as DuitNow and QR code apps for customer convenience and ensuring faster payment collection for the Corporation. RAC has also introduced the Railway Assets Intelligence System (RAILS) which allows applications, status review, rental payments and asset maintenance to be conducted online.*

# PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Tanah merupakan aset terpenting dan terbesar yang dimiliki oleh RAC memandangkan ia merupakan sumber penjanaan hasil yang utama kepada Perbadanan ini. Oleh itu, pengurusan yang sistematik, cekap dan berkesan sesuai dengan peredaran zaman amat diperlukan agar nilai dan pulangan aset tersebut dapat dioptimumkan. Untuk tujuan itu, bagi pengurusan dan pentadbiran aset ini, Bahagian Pengurusan Hartanah telah dipertanggungjawabkan berdasarkan fungsi unit seperti berikut:

*Land is a vital asset and the largest owned by RAC. This asset is crucial in generating revenue for the Corporation. As such, a systematic and efficient management that is constantly evolving bodes well for the organisation to ensure the value and returns on these assets are optimised. Towards this end, the Property Management Division has been entrusted with the responsibility of managing and administering this key asset of RAC based on the following functions:*



Rajah 8: Unit dan Seksyen di bawah Bahagian Pengurusan Hartanah  
Diagram 8: Units and Sections under the Property Management Division

Selain pengurusan tanah-tanah kereta api bagi tujuan penjanaan hasil dan pembangunan projek perkeretaapian, RAC perlu mentadbir dan menguruskan tanah-tanah kereta api seluas 12,638 hektar selaras dengan Seksyen 92 (2), 93 dan 104, Akta Keretapi 1991 (Akta 463) iaitu meletakkan semua tanah-tanah kereta api yang dahulunya milik KTM dan PTP kepada Perbadanan ini.

*Besides managing railway land with income generating potential and railway development projects, RAC is entrusted with the responsibility of administering and managing 12,638 hectares of railway land in the country in accordance with Section 92 (2), 93 and 104 of the Railways Act 1991 (Act 463) that is, the vesting of all railway land previously owned by KTM and FLC to the Corporation.*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



Rajah 9: Aspek pengurusan tanah kereta api  
*Diagram 9: Railway land management aspects*

Urus tadbir tanah kereta api dilaksanakan bagi memastikan penyelarasan cukai tanah dan cukai taksiran dapat dibuat secara teratur di samping menyelesaikan sebarang pertikaian isu tanah yang melibatkan projek-projek Kerajaan. Selain itu, urus tadbir tanah kereta api yang baik juga akan memudahkan urusan penyewaan/ pajakan, tumpang lalu, pelaksanaan cadangan projek pembangunan dan bagi tujuan perekodan dalam RAILS. Selain itu, pentadbiran tanah turut melibatkan:

- i) Semakan bagi sebarang cadangan pengambilan balik tanah hakmilik dan pelepasan tanah berstatus rizab kereta api yang terlibat dengan projek Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan jalan raya, jambatan dan tebatan banjir;
- ii) Pengurusan permohonan pemberimilikan tanah rizab kereta api kepada hak milik bagi keperluan projek perancangan pembangunan;
- iii) Penilaian semula tanah-tanah rizab kereta api dan hak milik kereta api setiap lima (5) tahun;
- iv) Melaksana dan menyelia lantikan bagi kerja-kerja pengukuran tanah sama ada bagi tujuan penyediaan pelan prahitungan atau pelan butiran (*as-built*); dan
- v) Melaksanakan pemantauan tanah-tanah kereta api daripada pencerobohan, setingan, aduan awam serta koordinasi penguatkuasaan bersama agensi dan pihak berkuasa terlibat.

*Administration of railway land is important to prevent RAC from having to face disputes relating to land status with a third party in the future. It also serves to facilitate matters pertaining to land rental/ lease, wayleave, proposed development and to record information in RAILS. At the same time, land administration also involves:*

- i) Reviewing any proposals for re-alienation of titled land and surrender of railway reserve land involved in Federal Government projects such as construction of highways, bridges and flood mitigation efforts;*
- ii) Management of applications for alienation of railway reserve land to titled land for purposes of planning development projects;*
- iii) Revaluation of railway reserve and titled land every five (5) years;*
- iv) Implementing and supervising appointment for land survey works either for preparation of pre-computation plan (Pre-Comp Plan) or as-built; and*
- v) Monitoring of railway land against encroachment and unlawful occupation as well as managing public complaints and coordinating enforcement efforts with agencies and the relevant authorities.*

## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

### PENGURUSAN TANAH KERETA API

Perundangan yang digunakan RAC dalam mentadbir tanah kereta api adalah seperti berikut:



Rajah 10: Undang-undang yang digunakan dalam mentadbir tanah kereta api  
*Diagram 10: Laws for administration of railway land*

Pengurusan tanah kereta api berstatus hak milik dan rizab dilaksanakan selaras dengan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 92 (2), 93 dan 104, Akta Keretapi 1991 (Akta 463) iaitu meletakkan semua tanah-tanah kereta api yang dahulunya milik Pentadbiran KTM dan PTP kepada RAC. Proses meletakkan bagi tanah hak milik dibuat melalui peletakkan statutori iaitu melalui Borang 30A Seksyen (415[1][a]), KTN 1965 manakala bagi tanah rizab dibuat melalui permohonan pewartaan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 62, KTN 1965. Sehingga kini sebanyak 338 lot tanah telah dipindah milik daripada PTP kepada RAC.

Selain itu, pengurusan tanah kereta api yang dibuat di RAC melibatkan pengurusan pembermilikan, pelepasan, pengambilan, pecah sempadan/pecah bahagian, tukar syarat nyata dan kategori tanah seperti yang dinyatakan dalam geran asal tanah-tanah kereta api milik RAC sekiranya tanah tersebut terlibat dengan cadangan pembangunan dan lain-lain urusan berkaitan pentadbiran tanah.

### RAILWAY LAND MANAGEMENT

*Railway land administration is subject to provisions under these laws:*

*Management of railway titled and reserve land is undertaken in accordance with Section 92 (2), 93 and 104, Railways Act 1991 (Act 463), that is the vesting of all railway land previously owned by KTM and FLC to RAC. The process of vesting titled railway land is carried out under statutory vesting through Form 30A Section (415[1][a]), KTN 1965 while for reserve land, it goes through gazetting application based on provisions under Section 62, KTN 1965. To date, 338 land lots have been transferred from FLC to RAC.*

*Railway land administration also involves management of land alienation, disposal, acquisition, boundary realignment, sub-division and change in category of land use such as stated in the original grant of RAC railway land. This takes place when the related land is involved in a proposed development and other matters related to land administration.*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

### STATISTIK PENGURUSAN TANAH KERETA API TAHUN 2022 STATISTICS ON RAILWAY LAND MANAGEMENT IN 2022

PERKARA MATTERS	BILANGAN LOT NO OF LOTS
Pemberimilikan <i>Vesting of Rights</i>	4
Pelepasan Tanah (bagi projek Persekutuan) <i>Land Disposal (for Federal projects)</i>	2
Pengambilan Tanah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 468) <i>Land Acquisition Land Acquisition Act 1960 (Act 468)</i>	-
Pecah Sempadan / Pecah Bahagian <i>Boundary Realignment/Sub-Division</i>	2
Tukar Syarat Tanah <i>Change in Category of Land Use</i>	-

Jadual 4: Statistik pengurusan tanah kereta api  
Table 4: Statistics on railway land management

Selain itu, pengurusan tanah kereta api turut melibatkan penyediaan maklumat, ulasan, pandangan teknikal bagi tujuan kebenaran merancang kepada mana-mana projek atau PBT/ PBN atau mana-mana syarikat swasta yang memiliki tanah bersebelahan tanah keretapi bagi tujuan pembangunan turut disediakan. Jumlah permohonan ulasan oleh pihak berkaitan yang dibuat pada tahun semasa adalah seperti di jadual berikut:

*Besides that, information, comments, technical opinions for planning approval for any projects or local authorities (PBT/ PBN) or any private companies which own land adjacent for purposes of development are also provided. The number of applications for comments by the relevant authorities during the current year is shown in the table below:*

### PERMOHONAN PENGESAHAN STATUS TANAH / TANAH BERSEBELAHAN APPLICATIONS FOR VERIFICATION OF LAND/ADJACENT LAND STATUS

ZON ZONE	PBT LOCAL AUTHORITIES	JKPTG/ PTG & PEJABAT TANAH/ DAERAH JKPTG/ PTG & LAND/ DISTRICT OFFICE	LAIN-LAIN OTHERS
Utara <i>North</i>	10	31	4
Selatan <i>South</i>	2	6	-
Timur <i>East Coast</i>	2	7	6
Tengah <i>Central</i>	3	6	21
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>17</b>	<b>50</b>	<b>31</b>

Jadual 5: Jumlah permohonan pengesahan status tanah / tanah bersebelahan  
Table 5 Number of applications for verification of land/adjacent land status

## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Pengurusan cukai melibatkan perkara-perkara berikut iaitu:

- i. mengurus dan mengesahkan pembayaran cukai tanah (tanah berhak milik); dan
- ii. mengurus dan mengesahkan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan cukai taksiran bagi struktur/bangunan stesen yang berada di dalam tanah kereta api milik RAC.

Dalam usaha menyelesaikan isu cukai taksiran dan SMK harta teknikal aset kereta api yang digunakan bagi tujuan awam, mesyuarat sentiasa diadakan bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), MOT dan PBT untuk mendapatkan kesepakatan penyelesaian dalam perkara ini.

*Tax management involves the following:*

- i. *managing and verifying land tax payment (titled land) and*
- ii. *managing and verifying Contribution in Aid Rates (SMK) and tax assessment for railway station structure/building located on RAC-owned land.*

*To address issues related to tax assessment and SMK on railway technical assets which are used for public use, regular meetings are held together with the Ministry of Housing and Local Government (KPKT), MOT and the local authorities (PBT).*

### KOS PENTADBIRAN TANAH PADA 2022 LAND ADMINISTRATION COSTS FOR THE YEAR 2022

PERKARA MATTERS	JUMLAH (RM) TOTAL (RM)
Bayaran Cukai Tanah Hak Milik RAC <i>Land Tax Payment for RAC-owned land</i>	5.8 juta / setahun <i>5.8 million / annually</i>
Bayaran Cukai Taksiran/ Sumbangan Membantu Kadar (SMK) <i>Tax Assessment Payment/ Contribution in Aid Rates (SMK)</i>	1.4 juta / setahun <i>1.4 million / annually</i>
Tunggakan Cukai Taksiran (sehingga 2022) <i>Tax Assessment Arrears (as of 2022)</i>	28.2 juta <i>28.2 million</i>

Jadual 6: Jumlah kos pentadbiran tanah pada 2022  
*Table 6: Total land administration costs in 2022*

Justeru itu, pada 2022, beberapa sesi libat urus melibatkan pengurusan cukai telah diadakan iaitu:

*As such in 2022, several engagement sessions related to tax management were held:*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

01

**Sesi Libat Urus Antara Jabatan Kerajaan Tempatan, RAC & Pihak Berkuasa Tempatan Mengenai Kadar Cukai Taksiran/ Sumbangan Membantu Kadar Ke Atas Harta-Harta Teknikal**

***Engagement Session Between the Local Government Department, RAC & the Local Authorities on Tax Assessment/Contribution in Aid Rates on Technical Property***

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu Cukai Taksiran/Sumbangan Membantu Kadar Ke Atas Harta-Harta Teknikal Kereta Api. Sesi yang diadakan pada 7 Oktober 2022 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC. Mesyuarat pada sesi libat urus ini dipengerusikan bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah dan YBrs. En. Omran bin Omar selaku Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Sebanyak 31 PBT hadir ke sesi ini bagi mendengar cadangan dan seterusnya mendapatkan persetujuan bersama mengenai kaedah pengasingan kadar cukai taksiran atau SMK yang dikenakan ke atas harta-harta teknikal kereta api yang dimiliki atau diuruskan oleh RAC dengan harta komersial.

Sesi tersebut secara dasarnya telah menerima reaksi yang positif oleh kesemua PBT yang terlibat.

*The session was held to discuss issues related to Tax Assessment/ Contribution in Aid Rates on Railway Technical Property on 7 October 2022 which was officially opened by YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Secretary-General of the Ministry of Transport, who is also RAC Chairman. The engagement session was jointly chaired by RAC Chief Executive Officer, YBrs. En. Adam Bin Abu Hanipah and YBrs. En. Omran Omar, who is Deputy Director-General (Management and Development), Local Government Department (JKT).*

*A total of 31 PBT attended this session to listen to proposals and reach a consensus on the mechanism for separation of tax assessment rates or SMK imposed on railway technical property owned or managed by RAC from commercial property.*

*The session has generally received positive reaction from all PBT involved.*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

02

**Perbincangan Tunggakan Isu Cukai Taksiran Harta Teknikal RAC di Bawah Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Lawatan Tapak Bagi Aset-Aset RAC di Perlis**

***Discussion on the Issue of Tax Arrears on RAC Technical Property under the Kangar Municipal Council (MPK) and Site Visit on RAC Assets in Perlis***

Sesi ini diadakan untuk membincangkan isu tunggakan cukai taksiran di bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar (MPK). Perbincangan ini bagi mendapatkan maklum balas susulan daripada sesi libat urus yang diadakan pada 7 Oktober 2022 bagi permohonan RAC untuk mendapat pengecualian cukai taksiran yang dikenakan ke atas struktur kemudahan awam yang digunakan bagi tujuan melengkapkan keperluan di stesen seperti tandas, surau, platform, laluan masuk, ruang menunggu dan koridor dan lain-lain caj yang telah dikenakan sebelum ini serta kaedah dan tempoh bagi pembayaran tunggakan.

Lanjutan itu, lawatan tapak pada 5 hingga 7 Disember 2022 telah diadakan bersama MPK bagi mengesah dan mengenal pasti semua aset-aset RAC di negeri ini sama ada masih lagi digunakan atau tidak bagi tujuan pengenaan cukai. Lawatan tapak ini juga bagi memohon pengecualian ruang-ruang yang digunakan untuk tujuan awam.

*The session aimed to discuss the issue of tax assessment arrears under the Kangar Municipal Council (MPK). The meeting was also to seek feedback following the engagement session held on 7 October 2022 for RAC's application for tax assessment exemption on the structure for public amenities to accommodate visitors and passenger convenience such as toilet, surau, platform, front entry, waiting area and corridor, and other charges imposed earlier as well as procedures and period of payment for arrears.*

*Subsequently, a site visit was held on 5 to 7 December 2022 together with the MPK to verify and identify all RAC assets in the state whether they were still operational for tax purposes. This visit was also to seek exemption on the spaces utilised for the public.*






## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Bagi tujuan penyeliaan dan pengawalan, semua maklumat tanah sama ada berstatus hak milik atau rizab, data-data yang diperolehi akan di rekod dan dikemas kini dalam RAILS. Tindakan ini bertujuan untuk memudahkan urusan menyediakan maklumat dan dokumen tanah kepada bahagian/ unit di RAC, pemegang taruh dan pelanggan-pelanggan RAC. Dengan penyediaan maklumat dan data yang sistematik, ia membantu mengenal pasti tanah yang boleh menjana hasil yang optimum melalui penyewaan/ pajakan, peningkatan infrastruktur kereta api dan pelaksanaan cadangan projek pembangunan bercampur.

*For purposes of maintenance and control, all data collated on either titled or reserve land, will be recorded and updated into RAILS. This is to facilitate provision of information and documents on land matters to the division/unit at RAC, stakeholders and RAC customers. The systematic data collection helps RAC in identifying potential land that generates optimum revenue through rental/ lease, upgrading railway infrastructure and implementing mixed development projects.*

**STATISTIK TANAH KERETA API BERSTATUS HAK MILIK RAC DAN RIZAB PADA 2022**  
**STATISTICS ON RAC TITLED AND RESERVE LAND IN 2022**



Graf 3: Jumlah tanah kereta api berstatus hak milik dan rizab mengikut negeri pada 2022  
Graph 3: Number of railway titled and reserve land by state in 2022

Butiran tanah hak milik dan rizab kereta api mengikut negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam graf 3.

*Breakdown of railway titled and reserve land based on states as shown in the graph 3.*

## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Pada 2022, jumlah keseluruhan tanah berstatus hak milik adalah sebanyak 338 lot meliputi kawasan seluas 8,683.78 ekar. Jumlah ini termasuk 24 lot tanah di Pulau Pinang yang masih dalam permohonan peletakhakkan melalui tindakan Mahkamah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP) sebelum diserahkan kepada RAC.

Sebanyak 72 peratus atau 1,085 lot daripada tanah kereta api milik RAC adalah berstatus rizab yang digunakan sebagai jajaran kereta api bagi tujuan operasi merangkumi jajaran sepanjang 1,650 kilometer bermula dari Padang Besar, Perlis di Utara hingga ke Johor Bahru (Selatan) dan ke Tumpat, Kelantan (Pantai Timur).

Sehingga 31 Disember 2022, daripada keseluruhan 1,085 lot tanah rizab kereta api, hanya 239 lot sahaja yang telah diwartakan dan baki sebanyak 846 lot masih belum dibuat pewartaan di bawah Seksyen 62, KTN.

Bagi proses pewartaan jajaran keretapi di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Gemas ke Padang Besar, pelan prahitungan bagi Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka telah dikemukakan kepada MOT selaku wakil Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) untuk diangkat permohonan kepada JKPTG Negeri bagi semakan pelan dan pengemukaan Laporan Pengesahan Status Tanah.

Seterusnya, permohonan pewartaan akan diangkat semula kepada JKPTG Persekutuan untuk semakan, pindaan dan pengesahan lanjut oleh PTP selaku pegawai pengawal tanah persekutuan. Permohonan tersebut akan dikemuka kepada Pihak berkuasa Negeri terlibat untuk kelulusan pewartaan.

Bagi menyelesaikan isu tanah-tanah rizab milik RAC yang tiada salinan warta dalam simpanan, Perbadanan ini sentiasa membuat semakan dan carian dari semasa ke semasa melalui Jabatan Peguam Negara (JPN), Arkib Negara, Percetakan Nasional, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) serta sumber-sumber lain untuk membantu mendapatkan salinan warta tanah-tanah rizab kereta api tersebut.

*In 2022, RAC owns a total of 338 land lots covering 8,683.78 acres. The figure includes 24 land lots in Penang which are still in the process of vesting rights through a Court Order and the Penang Land and Mines Office (PTGPP) before being vested to RAC.*

*72 percent or 1,085 lots of RAC-owned land are reserve land used for railway operational purposes stretching across 1,650 kilometres of land from Padang Besar, Perlis in the North to Johor Bahru in the South and to Tumpat, Kelantan in the East Coast.*

*As at 31 December 2022, out of a total of 1,085 lots of railway reserve land, only 239 lots were gazetted and the remaining 846 lots had not been gazetted under Section 62 of the National Land Code (KTN).*

*On the process of gazetting railway operational areas for the Gemas-Padang Besar Electrified Double Tracking Railway Project, a pre-computation (pre-Comp) plan for the states of Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan and Melaka has been submitted to the Ministry of Transport as representative of the Ministry/Consumer Affairs Department. The next step is for the application to be submitted to the State JKPTG for plan review and the issuance of a Certification of Land Status Report.*

*Subsequently, application for gazetting will be submitted to the Department of Director General of Land and Mines (Federal) for review, amendments and further verification by the Federal Land Commissioner (FLC) as the officer having control of the Federal Reserve Land. The application will be submitted to the relevant state authority for gazetting approval.*

*To obtain copies of railway reserve land gazettes which are not kept by RAC, periodic reviews and searches are conducted by the Corporation through the Attorney-General's Department, National Archives, Percetakan Nasional, National Library, University Library, Land District Office as well as other sources.*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

### KERJA-KERJA UKUR TANAH

Selain pentadbiran tanah, RAC juga melaksanakan kerja-kerja ukur, pemetaan dan geodetik bagi memenuhi keperluan agensi. Tugasan ini dilaksanakan oleh Seksyen Ukur Tanah yang juga berperanan dalam menyediakan, menyemak, menyelaras dan menyediakan khidmat teknikal serta rujukan dalam bidang ukur kadaster, pemetaan, geodetik, pemetaan utiliti bawah tanah dan maklumat geospasial. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan projek pengukuran yang dilaksanakan mengikut tempoh, kos dan kualiti yang ditetapkan.

Antara projek yang sedang dilaksanakan pada 2022 adalah seperti berikut:

### LAND SURVEY WORKS

Besides land administration, RAC also undertakes surveying works, mapping and geodetics to meet the needs of the agency. The task is handled by the Land Survey Section which prepares, reviews, coordinates and provides technical services as well as serves as reference in cadastral surveying, mapping, geodetics, underground utility mapping and geospatial information. In addition, this section is responsible for ensuring the surveying project is implemented based on the period, cost and quality agreed upon.


Among the projects under implementation in 2022 are:

01

**Pengauditan, Verifikasi, Pengemaskinian, Penyusunan Senarai Induk Tanah-Tanah Kereta Api**

**Auditing, Verification, Updating, Compiling Complete Master Data List of Railway Land**


**JUMLAH KELUASAN TANAH MENGIKUT NEGERI PADA 2022**  
**TOTAL AREA OF LAND BY STATE IN 2022**



Graf 4: Jumlah keluasan tanah mengikut negeri pada 2022  
Graph 4: Total area of land by state in 2022


## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

### JUMLAH PERATUSAN TANAH KERETA API MENGIKUT NEGERI PADA 2022 TOTAL PERCENTAGE OF RAILWAY LAND BY STATE IN 2022



Carta 1: Jumlah peratusan tanah kereta api mengikut negeri pada 2022  
Chart 1: Total percentage of railway land by state in 2022

### JUMLAH PERATUSAN KELUASAN MENGIKUT JENIS TANAH KERETA API PADA 2022 TOTAL PERCENTAGE AREA BASED ON RAILWAY LAND USE IN 2022




Carta 2: Jumlah peratusan keluasan mengikut jenis tanah kereta api pada 2022  
Chart 2: Total percentage area based on railway land use in 2022



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

### JUMLAH PERATUSAN DAN KELUASAN TANAH KERETA API BERDASARKAN JENIS PEMILIKAN PADA 2022

#### TOTAL PERCENTAGE & AREA OF RAILWAY LAND BASED ON OWNERSHIP IN 2022



Carta 3: Jumlah peratusan dan keluasan tanah kereta api berdasarkan jenis pemilikan pada 2022  
Chart 3: Total percentage & area of railway land based on ownership in 2022

Projek ini bertujuan memastikan rekod tanah di bawah seliaan RAC adalah tepat, sah dan dapat dijadikan sebagai rujukan terkini pada masa hadapan.

*This project is implemented with the objective of ensuring land records under RAC's supervision is accurate, valid and with the latest information for future reference.*

02


**Kerja-Kerja Pengukuran dan Pengumpulan Data Melalui Kaedah *Light and Detecting Ranging* (LiDAR), *Laser Scanners*, Pemetaan Udara Ortofoto bagi Penyediaan Pelan Pra-Hitungan untuk tujuan Pewartaan Rizab Tanah Jajaran Kereta Api Seremban - Port Dickson, Negeri Sembilan**

***Surveying and Data Compilation Works Through Light And Detecting Ranging (LiDAR), Laser Scanners, Orthophoto Mapping Aerial Imagery for Pre-Computation Plan for purposes of Gazetting of Reserve Land along the Seremban-Port Dickson, Negeri Sembilan Railway Stretch***

Kerja-kerja ukur dan pengumpulan data di jajaran ini dilaksanakan untuk mewartakan tanah tersebut di bawah Seksyen 62, KTN bagi maksud kegunaan awam untuk menjaga hak dan kepentingan RAC selaras dengan kewujudan RAC di bawah Akta Keretapi 1991. Landasan kereta api Seremban - Port Dickson di Negeri Sembilan mula beroperasi pada 1891 dan dikendalikan Syarikat Kereta Api Sungai Ujong pada ketika itu. Perkhidmatan operasi kereta api di jajaran ini berakhir pada 2008.

*Surveying and data compilation works along the stretch are aimed at gazetting the land under Section 65 of the National Land Code for public use in order to protect the rights and interests of RAC in line with the Corporation's establishment under the Railways Act 1991. The Seremban-Port Dickson railway stretch in Negeri Sembilan became operational in 1891 and was managed by then Syarikat Kereta Api Sungai Ujong. The railway service operations along the stretch ended in 2008.*

## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



03

**Pelaksanaan Kerja-Kerja Pendigitalan Imej Ortofoto, Pengemaskinian dan Verifikasi Butiran Aset-Aset Kereta Api, Suntingan dan semakan pangkalan data RAILS bagi jajaran Gemas-Padang Besar**

***Implementation of Digitisation of Orthophoto Imagery, Updating and Verification of Details on Railway Assets, Editing and review of RAILS database for Gemas-Padang Besar stretch***

Pengemaskinian maklumat aset di seluruh jajaran kereta api dengan kaedah pendigitalan menggunakan data ortofoto tersedia dibuat agar keseluruhan data aset dapat diperoleh dengan cepat, jitu dan tepat. Inisiatif ini juga sebagai penyelesaian kepada pembangunan data digital melalui teknologi geospasial yang melibatkan jajaran kereta api.

*Updating of information on assets throughout the railway stretch with digitalising procedures using existing orthophoto data so that the overall asset data can be extracted fast, incisively and accurately. This initiative is also a solution to digital data development through geospatial technology involving railway tracks.*



## PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



04

**Pelantikan Perunding Jurukur Tanah Berlesen (CLS) Bagi Pengukuran dan Penyediaan Pelan Pra Hitungan Bagi Tujuan Pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara dan Pewartaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara Bagi Lot 37331 GN661/56 (Lot 75886 dan Lot 75887) Bandar Ipoh, Daerah Kinta**

***Appointment of Certified Land Surveyor (CLS) as Consultant for Surveying and Pre-Computation Plan for Vesting Rights under Section 76 of the National Land Code and Gazetteing under Section 62 of the National Land Code for Lot 37331 GN661/56 (Lot 75886 and Lot 75887) Ipoh City, Kinta District***

Bagi tujuan pelaksanaan Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral (PPHIS), pengukuran topografi dan penyediaan pelan prahitungan telah dibuat dengan melantik juruukur berlesen. Lot tersebut asalnya adalah tanah rizab kereta api persekutuan di bawah warta GN661-56.

*For purposes of implementing the Ipoh Sentral Property Development Project (PPHIS), topographic surveying and preparation of pre-Computation Plan were undertaken by appointing a licensed surveyor. The original lot is federal railway land reserve under the gazetted GN661-56.*

05

**Pelantikan Perunding Jurukur Tanah Berlesen (CLS) bagi Pengukuran dan Penyediaan Pelan Pra Hitungan bagi Tujuan Pewartaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara Bagi Negeri Selangor dan Pulau Pinang**

***Appointment of Certified Land Surveyor as Consultant for Surveying and Preparation of Pre-Computation Plan for Purposes of Gazetteing under Section 62 of the National Land Code for Selangor and Penang***

Lantikan Juruukur bagi pelaksanaan kerja-kerja ini dibuat setelah baki ukuran hak milik tanah bagi projek PLBE diselesaikan oleh pihak JUPEM. Pelan prahitungan yang disediakan oleh pihak juruukur akan diangkat oleh RAC kepada pihak PTP selaku pegawai pengawal tanah persekutuan melalui Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) iaitu MOT.

*Appointment of Surveyor for implementation works to be carried out after JUPEM completed the remaining survey on titled land for the PLBE project. The pre-Comp plan prepared by the surveyor will be submitted by RAC to the FLC as the controlling officer of federal land through the Ministry/Consumer Affairs Department (KJP) that is MOT.*

## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Selaku pemilik aset, RAC bertanggungjawab untuk memastikan aset-aset kereta api yang dimilikinya dipantau, diselenggara dan dibaik pulih bagi memastikan ia selamat digunakan. Pada masa ini, kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan berjadual aset yang terlibat dengan operasi kereta api adalah di bawah tanggungjawab syarikat operator kereta api iaitu KTMB manakala bagi aset di luar kawasan operasi, tugas tersebut dilaksanakan oleh RAC.

Bagi aset-aset kereta api yang rosak dan tidak lagi ekonomik untuk dibaik pulih, ia akan menjalani proses pelupusan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012). Kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan pelupusan aset kereta api dilaksanakan untuk tujuan seperti berikut:

*As an asset owner, RAC is responsible for ensuring that railway assets are monitored, well-managed and maintained so that they are always in good working order and safe to use. At present, monitoring and scheduled maintenance of operational railway assets are under KTMB's purview while those in non-operational areas are handled by RAC.*

*For damaged railway assets and are no longer economical for repair, they will go through RAC's disposal process in accordance with the Government Immovable Asset Management Procedure (General Order No. 2 Year 2012). Monitoring, maintenance and disposal of railway assets are undertaken for purposes below:*

### Pemantauan Monitoring

- Memastikan aset sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat
- Memastikan kerosakan awal yang ditemui dibaiki dengan segera
- Mengurangkan kos baik pulih tinggi untuk jangka masa panjang
- *To ensure the assets are in good working order*
- *To ensure the assets are in safe condition*
- *To reduce high maintenance costs for the long term*

### Penyelenggaraan Maintenance

- Meningkatkan jangka hayat aset
- Menjamin pulangan pelaburan tinggi kepada Kerajaan/RAC
- Mengoptimumkan nilai aset
- Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan/RAC
- *To extend asset life*
- *To ensure high returns for the Government/RAC*
- *To optimise asset value*
- *To improve the quality of Government/RAC service delivery*

### Pelupusan Disposal

- Memastikan pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik
- Membolehkan Kerajaan memperoleh hasil tidak langsung
- Menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos baik pulih yang tinggi
- *To ensure asset management is conducted systematically*
- *To enable the Government to generate indirect revenue*
- *To save operating expenses due to high maintenance costs*

### Penguatkuasaan Enforcement


- Bagi mencegah sebarang bentuk pencerobohan, kependudukan tanpa kebenaran dan lain-lain aktiviti yang boleh mengganggu operasi kereta api
- *To prevent from encroachment, unlawful occupation and other activities that can disrupt railway operations*



## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Senarai aset kereta api yang terlibat dengan aktiviti pemantauan, penyelenggaraan, pelupusan dan penguatkuasaan pada tahun semasa adalah seperti berikut:

List of railway assets involved for monitoring, maintenance, disposal and enforcement during the current year is as below:



### PEMANTAUAN DAN PENYENGGARAAN ASET KERETA API

Pemantauan dan penyelenggaraan aset kereta api dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan:

### MONITORING AND MAINTENANCE OF RAILWAY ASSETS

Monitoring and maintenance of railway assets are conducted to:



## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Pemantauan dan penyenggaraan aset kereta api yang dilaksanakan oleh RAC melibatkan aset-aset seperti kawasan tempat letak kenderaan di stesen kereta api yang tidak mempunyai operator, bangunan, tanah-tanah kereta api melibatkan aktiviti pemetongan rumput dan penebangan pokok yang membahayakan keselamatan awam, penyelenggaraan sistem saluran longkang serta pembaikan pagar sempadan.

Pada tahun semasa, sebanyak RM5 juta di peruntukkan RAC bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan tanah, pembaikan bangunan dan infrastruktur kereta api yang rosak.

*Monitoring and maintenance of railway assets undertaken by RAC cover assets such as carparks that are not managed by operators at railway stations, buildings, railway land involving activities such as grass cutting, clearing of bushes and shrubs, felling of tall trees which could pose danger to the public, cleaning of drains as well as undertaking repair of gates at the border.*

*During the current year, a total of RM5 million is allocated for RAC to undertake works related to land maintenance and restoration of damaged railway buildings and infrastructure.*



Gambar 1: Kerja-kerja pembersihan semak samun, menebang pokok dan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan.

*Picture 1: Cleaning works involving clearing of bushes and shrubs, felling of trees and on-site supervision*



## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

### PELUPUSAN ASET KERETA API

Aktiviti pelupusan dilaksanakan berdasarkan kepada hasil keputusan penilaian aset seperti berikut:

- i. Tidak selamat untuk digunakan;
- ii. Gagal mencapai tahap perkhidmatan dan fungsi yang ditetapkan;
- iii. Sangat usang dan tidak boleh digunakan lagi;
- iv. Kos operasi dan penyelenggaraan yang tidak ekonomik;
- v. Masih sempurna tetapi tidak digunakan kerana tiada keperluan;
- vi. Keperluan tapak bagi pembangunan baharu; atau
- vii. Tidak berfungsi memenuhi tujuan reka bentuk dan perundangan.


Kaedah pelupusan aset bergantung kepada klasifikasi dan jenis aset yang hendak dilupuskan seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012, Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

### DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

*Asset disposal activities are undertaken based on the following factors:*

- i. Not safe for use;*
- ii. No longer suitable for service delivery;*
- iii. Outdated technology;*
- iv. Uneconomical to maintain or to operate;*
- v. Still in good working condition but no longer supports the organisation's current needs;*
- vi. To make way for new development; or*
- vii. No longer meets design and legal standards.*

*Asset disposal is executed based on its classification and type and in accordance with the Government Immovable Asset Management Procedure (General Order No. 2 Year 2012).*



Aktiviti pelupusan ini penting dalam membantu Kerajaan/ RAC mengurangkan bebanan kos penyelenggaraan terhadap aset yang tidak lagi ekonomik selain memastikan pengurusan aset Kerajaan dilaksanakan dengan lebih efisien dan optimum. Antara aset-aset kereta api yang dilupuskan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

- i. Bangunan yang telah usang dan terbiar seperti kuarters;
- ii. Landasan kereta api terpakai Gred C dan ke bawah;
- iii. Penggalas kayu atau konkrit terpakai Gred C dan ke bawah; dan
- iv. Kelengkapan rel;

*Asset disposal is important in that it helps the Government/ RAC reduce the cost of maintaining assets that are no longer economical while ensuring the Government's asset management is undertaken with optimal effectiveness and efficiency. Below are among the railway assets that were disposed of throughout the year:*

- i. Dilapidated and neglected building such as quarters;*
- ii. Used railway tracks Grade C and below;*
- iii. Wooden sleepers or used concrete Grade C and below; and*
- iv. Rail equipment.*

## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Kerja-kerja pelupusan yang dilaksanakan oleh RAC adalah mengikut syarat-syarat dan tata cara yang berkuat kuasa termasuklah undang-undang, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Antaranya ialah:

- i. Secara tender terbuka;
- ii. Secara cabutan undi petender tertinggi;
- iii. Jualan terus secara runcit kepada syarikat atau individu yang berminat dan berkelayakan; dan
- iv. Secara sumbangan atau hadiah kepada jabatan/ agensi Kerajaan.

Aset-aset yang dilupuskan adalah aset yang dikelaskan sebagai Gred C ke bawah sahaja di mana tidak lagi selamat untuk digunakan. Bagi aset yang dikelaskan sebagai Gred B iaitu masih boleh digunakan, ia akan disimpan di yad penyimpanan atau depot sebagai simpanan alat ganti bagi tujuan penyelenggaraan luar jangka di masa akan datang. Semua aktiviti pelupusan di tapak telah dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik RAC dengan pemantauan pegawai RAC dan kerjasama pihak KTMB.

Sepanjang 2022, beberapa aktiviti pelupusan dilaksanakan yang melibatkan pelupusan mata benda terpakai seperti struktur jambatan besi, besi landasan, penggalas kayu atau konkrit dan kelengkapan rel. Aktiviti pelupusan ini dilaksanakan susulan daripada penyerahan inventori mata benda terpakai yang telah dibongkarkan di bawah pelaksanaan projek pembangunan atau baik pulih. Antaranya ialah Projek Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa 1 dan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahu (PLBEGJB). Kaedah pelupusan yang dilaksanakan adalah pelupusan secara jualan.

*Asset disposal works undertaken by the Corporation are based on existing procurement procedures in force including laws, Treasury Circular and other regulations issued by the Government from time to time. Among others:*

- i. Open tender;*
- ii. Ballot draw for the highest bidder;*
- iii. Direct retail sales to interested and qualified companies or individuals; and*
- iv. As contributions or gifts to Government departments/ agencies.*

*Disposed assets are those classified under Grade C and below and which can no longer be reused for railway operational operational maintenance. Grade B assets are kept in the yard or depot to be reused for railway operation such as for periodic maintenance or for unexpected maintenance works. The entire disposal process is carried out by the contractor appointed by RAC and is personally monitored by a RAC officer with cooperation from KTMB at the site.*

*Throughout 2022, disposal activities were conducted through used rail inventory such as steel bridge structure, steel tracks, wooden or concrete sleepers and rail equipment. Disposal is undertaken following the handing over of used rail inventory which are uncovered while a development project is in progress or during repair works. Among the projects are Phase 1 of the Klang Valley Double Tracking Project (KVDT) and Gemas-Johor Bahu Electrified Double Tracking Project (PLBE). The disposal procedures were carried out through sales.*



Gambar 2: Kerja-kerja pelupusan mata benda terpakai seperti besi landasan, kelengkapan rel dan jambatan besi  
Picture 2: Disposal of used inventory such as steel tracks, rail equipment and steel bridge



## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Selain daripada pelupusan secara jualan, RAC turut melaksanakan kaedah pelupusan secara sumbangan atau hadiah kepada agensi atau badan-badan Kerajaan.

Antara agensi atau badan-badan Kerajaan yang telah dipertimbangkan oleh RAC sepanjang 2022 ialah Markas Divisyen Ketiga Infantri, Batalion Ke-14 (RAMD) (Mekanize), Pusat Latihan Kor Polis Tentera Diraja (PULAPOT), Sekolah Kebangsaan Serting Ulu, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Taha dan beberapa lagi permohonan. Antara tujuan permohonan sumbangan ini dibuat adalah bagi kegunaan kem latihan tentera, keceriaan landskap di sekolah dan tempat-tempat awam.

*In addition, RAC also undertook asset disposal as contributions or gifts to Government departments/bodies.*

*During the current year, Government agencies/bodies which were given due consideration by RAC were Third Infantry Division Headquarters, 14th Battalion RAMD Mechanised, the Royal Military Police Training Centre (PULAPOT), Sekolah Kebangsaan Serting Ulu, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Taha and several other applications. The contributions were used for army camp training in addition to injecting vibrance into the landscape in schools and public places.*



Gambar 3: Sumbangan mata benda terpakai iaitu penggalas kayu landasan kepada beberapa agensi dan badan-badan Kerajaan.

*Picture 3: Used inventory contributions such as wooden rail sleepers to several Government agencies and bodies.*

Jadual berikut adalah rumusan aktiviti dan hasil yang dijana daripada aktiviti pelupusan secara jualan sepanjang 2022:

*The table below is a summary of activities and revenue generated from railway asset disposal works throughout 2022:*

SKOP KERJA WORK SCOPE	LOKASI STRETCH/ LOCATION	BERAT (TAN) WEIGHT (TONNES)	NILAI LUPUS (RM) DISPOSAL VALUE (RM)
Pelupusan jambatan besi terpakai <i>Disposal of used steel bridge</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yad Kulai,</li> <li>• Kempas, Mengkibol, Labis, Segamat</li> </ul>	873.87	1,192,832.55
Pembongkaran dan pelupusan mata benda terpakai jenis besi landasan <i>Uncovering and disposal of used inventory of steel track type</i>	Seremban - Port Dickson	886.01	664,507.50
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	Gemas - Tumpat	857.71	1,029,252.00
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yad Lafarge</li> <li>• Yad Serendah</li> <li>• Lafarge Yard</li> <li>• Serendah Yard</li> </ul>	360.08	486,108.00

## PENGURUSAN ASET KERETA API MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

Pelupusan mesin dan peralatan sistem <i>Automatic Fare Collection (AFC)</i> <i>Disposal of Automatic Fare Collection (AFC) System</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Stesen Keretapi Kuala Kubu Bahru</li> <li>• Stesen Keretapi Behrang</li> <li>• Stesen Keretapi Slim River</li> <li>• Kuala Kubu Bahru Railway Station</li> <li>• Behrang Railway Station</li> <li>• Slim River Railway Station</li> </ul>	-	35,792.00
Pelupusan mesin dan peralatan sistem <i>Automatic Fare Collection (AFC)</i> <i>Disposal of Automatic Fare Collection (AFC) System</i>	Depot EMU Sentul <i>EMU Sentul Depot</i>	-	68,500.00
Pelupusan mesin dan peralatan sistem <i>Automatic Fare Collection (AFC)</i> <i>Disposal of Automatic Fare Collection (AFC) System</i>	Stor Jurutera Wilayah Utara, Bukit Mertajam <i>Northern Region Engineer Store, Bukit Mertajam</i>	-	185,260.00
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	Salak Selatan - Seremban	494.15	617,687.50
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yad Taiping</li> <li>• Yad Tanjung Rambutan</li> <li>• Yad Pinang Tungal</li> <li>• Yad Prai</li> <li>• Taiping Yard</li> <li>• Tanjung Rambutan Yard</li> <li>• Pinang Tungal Yard</li> <li>• Prai Yard</li> </ul>	620.34	978,903.25
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yad Lafarge (Rawang)</li> <li>• Yad Serendah</li> <li>• Yad Seremban</li> <li>• Lafarge Yard (Rawang)</li> <li>• Serendah Yard</li> <li>• Seremban Yard</li> </ul>	2,787.65	3,538,442.80
Pelupusan besi landasan terpakai <i>Disposal of used steel tracks</i>	Yad Klang Selangor <i>Klang Yard, Selangor</i>	304.69	392,031.00
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>7,184.50</b>	<b>9,189,316.60</b>

Jadual 7: Rumusan aktiviti dan nilai hasil kerja-kerja pelupusan mata benda terpakai di sepanjang jajaran  
Table 7: Summary of activities and value of disposal works on used inventory along stretches





# Seksyen 5

## SECTION 5

# MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN INFRASTRUKTUR REL

**BOOSTING RAILWAY LAND  
DEVELOPMENT & IMPROVING  
RAIL INFRASTRUCTURE**





## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

Pewujudan kemudahan jaringan pengangkutan yang mampan dilihat satu daripada faktor yang menyokong kepada peningkatan aspek pembangunan dan nilai tanah di sesebuah kawasan. Pembangunan berorientasikan transit atau dikenali sebagai TOD yang merangkumi kewujudan pelbagai sektor seperti hab pengangkutan, komersial, pendidikan, perniagaan dan kediaman kini menjadi pilihan para pemaaju.

Sehubungan itu, pelaksanaan beberapa projek berkonsepkan TOD yang dilaksanakan RAC adalah selaras dengan hasrat Kerajaan melalui MOT, yang mahukan projek pembangunan yang dibuat pada masa ini mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan dan saling berhubung kait. Hasrat ini sejajar dengan satu daripada lima teras Dasar Pengangkutan Negara 2020-2030 iaitu mengoptimum, membina dan menyelenggara infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan bagi memaksimumkan kecekapan.

Pembangunan tanah-tanah kereta api milik RAC telah bermula seawal 2009. Sehingga penghujung 2022, antara projek pembangunan yang telah berjaya dilaksanakan oleh Perbadanan ini ialah pembinaan Stesen Kereta Api Kajang 2 dan Menara Sentral RAC di Brickfields, Kuala Lumpur. Projek-projek ini, selain meningkatkan nilai hartanah di kawasan tersebut, juga menjanjikan pulangan jangka masa panjang kepada RAC yang membolehkan Perbadanan ini terus menjalankan operasi dan fungsi sebagaimana yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991.

Sehingga kini, RAC masih lagi rancak menerima cadangan pembangunan daripada pemaaju swasta untuk membangunkan tanah-tanah RAC yang berpotensi terutama di kawasan Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang.

Dalam membangunkan tanah-tanah kereta api, beberapa aspek akan diambil kira termasuklah mengenai pulangan kepada RAC selain daripada penyata keperluan (*Needs Statement*). Berikut ialah jenis pulangan yang boleh dipertimbangkan oleh RAC dalam melaksanakan projek usaha sama dengan pihak swasta sebelum perancangan sesuatu projek dapat dimuktamadkan.

*A sustainable transportation network plays a crucial role in shaping development, improving access to Transit-Oriented Development (TOD) neighbourhoods, boosting their attractiveness and driving up real estate values. Today, the TOD, which encourages development near transportation hubs and encompassing commercial, education, business and residential sectors, is currently the preferred choice among developers.*

*Towards this end, several TOD projects undertaken by RAC have shown that they are in line with the Government's aspiration – through the Ministry of Transport – that current development projects provide linkages to the public transit offering various modes of transportation. This aspiration is in line with one of the five thrusts of the National Transport Policy 2020-2030 that is, to optimise, build and maintain transport infrastructure, services and networks for efficiency.*

*Development of RAC-owned land started as early as 2009. As at the end of 2022, the Corporation has successfully implemented several development projects, among others, Kajang 2 Railway Station and Menara Sentral RAC in Brickfields, Kuala Lumpur. Besides driving up real estate values, such development will provide RAC with a stable revenue growth in the long-term and allows the organisation to operate and function more effectively in accordance with the Railways Act 1991.*

*To date, RAC is still actively receiving development proposals from the private sector to develop potential RAC land especially in the Klang Valley and Penang.*

*Several aspects will be weighed in before railway land development takes place, among others the returns on investment for RAC in addition to the Needs Statement. Below are the types of returns given consideration before RAC finalises plans for a joint venture project with the private sector.*



## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS



Rajah 11: Jenis pulangan yang dinikmati RAC hasil usaha sama dengan pihak swasta  
Diagram 11: Types of returns for RAC through joint ventures with the private sector

### PERANCANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

Mulai 2022, negara memasuki fasa endemik selepas dua (2) tahun menghadapi penularan pandemik COVID-19. Perubahan ini telah memberi kesan positif kepada industri pembangunan hartanah di mana bidang tersebut dilihat semakin pulih dengan trend pembangunan yang dirancang pada tahun-tahun sebelum itu, dapat diteruskan.

Situasi ini turut memberi kesan kepada RAC. Pada 2022, Perbadanan ini telah menerima 11 permohonan daripada pemaju swasta untuk membangunkan tanah-tanah RAC. Hal ini masih dilihat sebagai positif walaupun bilangan permohonan yang diterima adalah sama seperti tahun sebelumnya. Pada tahun semasa, cadangan pembangunan tanah-tanah RAC yang diterima merangkumi kawasan Lembah Klang, Perak dan Negeri Sembilan.

### PROPERTY DEVELOPMENT PLANNING WITH THE PRIVATE SECTOR

After more than two (2) years of the COVID-19 pandemic, the nation entered the endemic phase starting 1 April 2022. Malaysia's shift to endemicity brought a positive impact on the property development sector, with a revival of projects planned in the previous years.

This situation had an impact on RAC. In 2022, the Corporation received 11 applications from private developers to develop RAC land. While this is considered a positive development for RAC, the number of applications received remained unchanged. During the current year, proposals for RAC land development covered the Klang Valley, Perak and Negeri Sembilan.

## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

TAHUN YEAR	JUMLAH PERMOHONAN CADANGAN PEMBANGUNAN TOTAL PROPOSED DEVELOPMENT PROPOSALS
2022	11
2021	11
2020	6

Jadual 8: Jumlah permohonan cadangan pembangunan tanah-tanah RAC dari 2020 hingga 2022

*Table 8: Total proposals for RAC land development from 2020 to 2022*

Berdasarkan proses memuktamadkan cadangan projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum ini, kertas cadangan pembangunan yang diterima akan diangkat ke Jawatankuasa Kerja Pembangunan RAC dan Lembaga Pengarah RAC untuk dinilai daripada segi pulangan yang akan diterima oleh Perbadanan ini dan kesesuaian projek yang akan dibangunkan sebelum dibawa ke peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, kelulusan YB Menteri dan Jemaah Menteri.

### PELAKSANAAN TAWARAN DOKUMEN REQUEST FOR PROPOSAL UNTUK MEMBANGUNKAN TANAH HAK MILIK RAC

Pada 2022, RAC telah mengorak langkah untuk membangunkan tanah-tanah RAC yang berpotensi melalui tawaran tender terbuka menerusi kaedah *Request for Proposal* (RFP), yang bertujuan mendapatkan kertas cadangan pembangunan bersesuaian daripada pemaju-pemaju swasta.

Sehubungan itu, sebanyak dua (2) lot tanah hak milik RAC telah ditawarkan melalui kaedah ini iaitu di Lot 315, Jalan Chan Sow Lin dan Lot 5, Jalan Ampang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dokumen RFP ini telah diiklankan buat pertama kalinya pada 30 dan 31 Januari 2023 dan kali kedua pada 5 Februari 2023 sebelum 6 Februari 2023 untuk tujuan lanjutan tarikh iklan.

Hasil daripada penilaian RFP yang dibuat, sebanyak sembilan (9) syarikat pemaju swasta telah disenarai pendek untuk memajukan dua (2) lot tanah tersebut. Kedua-dua lot tanah ini dapat menghasilkan nilai *Gross Development Value* (GDV) sebanyak RM879.45 juta dan mampu menghasilkan pembangunan yang berimpak tinggi kepada RAC.

*Prior to this, any development proposal received by RAC will be reviewed by the RAC Development Working Committee and the RAC Board of Directors in terms of expected returns for the Corporation and the feasibility of the project to be developed. It will then be presented to the Public-Private Sector Partnership Unit, the Prime Minister's Department, the Minister of Transport and the Cabinet for consideration and approval.*

### REQUEST FOR PROPOSALS TO DEVELOP RAC-OWNED LAND

*In 2022, RAC took another step forward by inviting bids in the open tender via Request for Proposal (RFP) from potential contractors for RAC-owned land with development potential.*

*Towards this end, two (2) lots of RAC land were offered through this procedure namely Lot 315, Jalan Chan Sow Lin and Lot 5, Jalan Ampang, Federal Territory Kuala Lumpur. This RFP document was advertised on 30 and 31 January 2023 and subsequently on 5 February 2023 and 6 February 2023.*

*After careful evaluation, nine (9) private property development companies were shortlisted to develop two (2) land lots. Both land lots could generate a Gross Development Value (GDV) of RM879.45 million with the potential of producing high impact development for RAC.*



## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS



Gambar 4: Iklan RFP yang dikeluarkan bagi mendapatkan kertas cadangan pembangunan daripada pemaju-pemaju swasta

Picture 4: RFP advertisement invites development proposals from private developers

### PROJEK PEMBANGUNAN YANG BERJAYA DILAKSANAKAN

Sehingga penghujung 2022, sebanyak enam (6) projek pembangunan tanah kereta api, satu (1) *Memorandum of Agreement* (MOA) dan *Memorandum of Development Agreement* (MODA) berjaya ditandatangani. Projek-projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

### DEVELOPMENT PROJECTS SUCCESSFULLY IMPLEMENTED

As of end of 2022, six (6) railway land development projects, one (1) *Memorandum of Agreement* (MOA) and (1) *Memorandum of Development Agreement* (MODA) were signed by RAC. The projects are as below:

## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

PROJEK PROJECT	NAMA SYARIKAT NAME OF COMPANY	JENIS PULANGAN TYPE OF RETURNS	TARIKH PERJANJIAN DATE OF AGREEMENT	STATUS
<b>KL Eco City (Stesen Kereta Api Abdullah Hukum) (Abdullah Hukum Railway Station)</b>	KL Eco City Sdn. Bhd.	<i>In Kind dan Tunai In Kind and Cash</i>	5 Mac 2013 <i>5 March 2013</i>	Siap <i>Completed</i>
<b>Stesen Kereta Api Kajang 2 Kajang 2 Railway Station</b>	Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.	<i>In Kind dan Tunai In Kind and Cash</i>	12 Oktober 2012 <i>12 October 2012</i>	Dalam pembinaan <i>Under construction</i>
<b>Penang Sentral</b>	Penang Sentral Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	11 Mac 2014 <i>11 March 2014</i>	Siap <i>Completed</i>
<b>Menara Sentral RAC</b>	Arah Asas Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i>	7 Mac 2016 <i>7 March 2016</i>	Dalam pembinaan <i>Under construction</i>
<b>Lot 151, Pudu</b>	LTS Skyline Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	8 November 2019	Peringkat Bayaran <i>Payment stage</i>
<b>Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral Ipoh Sentral Property Development Project</b>	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak) <i>Perak State Secretary Inc (SSI Perak)</i>	Belum dimuktamadkan <i>To Be Finalise</i>	23 Ogos 2021 <i>23 August 2021</i>	<i>Memorandum of Understanding (MOU)</i>
			19 Mac 2022 <i>19 March 2022</i>	<i>Memorandum of Agreement (MOA)</i>
<b>Lot 315, Chan Sow Lin</b>	Tanjung Ratna Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	26 Oktober 2022 <i>26 October 2022</i>	<i>Memorandum of Development Agreement (MODA)</i>

Jadual 9: Jumlah pembangunan yang telah dimuktamadkan melibatkan tanah rizab kereta api dan tanah hak milik RAC dari 2012 hingga 2022

*Table 9: Finalised projects for development of railway reserve and RAC-owned land from 2012 to to 2022*

Dalam hal ini, sebanyak dua (2) projek yang telah siap pada 2018 iaitu pembinaan KL Eco City dan penjualan tanah kepada Penang Sentral manakala satu (1) projek iaitu Lot 151, Pudu bersama LTS Skyline Sdn. Bhd. dalam peringkat pembayaran kepada RAC secara berperingkat bermula 2021 hingga 2024. Dua (2) projek pembangunan lagi masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu Stesen Kereta Api Kajang 2 dan pembinaan Menara Sentral RAC.

*In this regard, two (2) projects were completed in 2018 namely KL Eco City and sale of land to Penang Sentral while one (1) project that is Lot 151, Pudu together with LTS Skyline Sdn Bhd are in progressive payment stage to RAC from 2021 to 2024. Two (2) development projects are still in the implementation stage namely Kajang 2 Railway Station and construction of Menara Sentral RAC.*



## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

Pada tahun semasa, RAC telah menandatangani dua (2) perjanjian iaitu *Memorandum of Agreement (MOA)* bersama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI Perak) dan *Memorandum of Development Agreement (MODA)* bersama Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Kesemua projek ini memberi pulangan minimum sebanyak RM633.1 juta kepada RAC merangkumi pembayaran secara *one-off* dan berperingkat.

*During the current year, RAC signed two (2) agreements namely the Memorandum of Agreement (MOA) with Perak State Secretary Inc (SSI Perak) and a Memorandum of Development Agreement (MODA) with Tanjung Ratna Sdn. Bhd. All these projects provide minimum returns of RM633.1 million to RAC involving one-off and progressive payments.*

### PENCAPAIAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK KERETA API

### STATUS OF PLANNING & DEVELOPMENT OF RAILWAY PROJECTS

01

**Pembangunan Berkonsepkan *Transit Oriented Development (TOD)* Melalui Kolaborasi RAC dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bagi Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral**

***RAC in Tie-Up With Perak State Secretary Inc for Ipoh Sentral Property Development Based in Transit Oriented Development***

Projek Pembangunan Hartanah Ipoh Sentral (PPHIS) merupakan cadangan pembangunan berdasarkan kolaborasi di antara RAC dan SSI Perak. Tapak cadangan pembangunan adalah terletak di sebahagian Lot 75886 dan 75887, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan dengan keluasan sebanyak 65.60 ekar (2,857,536 kaki persegi).

Cadangan PPHIS ini berkonsepkan TOD dengan anggaran garis masa pelaksanaan projek selama 20 tahun. Anggaran *Gross Development Value (GDV)* bagi keseluruhan cadangan pembangunan ini adalah sebanyak RM5.0 bilion, namun tertakluk kepada perincian daripada pihak pemaju yang dilantik kelak.

Memorandum Perjanjian di antara RAC dan SSI Perak telah selesai ditandatangani pada 19 Mac 2022. Struktur kolaborasi di antara RAC dan SSI Perak yang dicadangkan ialah menerusi penubuhan anak syarikat (*Joint Venture Company, JV Co.*), dengan perkongsian hasil pulangan sebanyak 50:50. Struktur kolaborasi ini juga masih dalam penyelarasan kedua-dua pihak untuk dimuktamadkan.

*The Ipoh Sentral Property Development Project (PPHIS) is a proposed development based on collaboration between RAC and SSI Perak. The proposed development is sited on part of Lot 75886 and 75887, Kinta District, Perak Darul Ridzuan covering 65.60 acres (2,857,536 sq ft) of land.*


*The proposed project is based on TOD concept which is expected to be implemented over a period of 20 years. The Gross Development Value (GDV) estimates for the overall proposed development is RM5.0 billion, but subject to details from the appointed developer.*

*The MOA between RAC and SSI Perak was signed on 19 March 2022. The structure of the collaboration between RAC and SSI Perak which has been proposed in the MOA is the establishment of a subsidiary (Joint Venture Company, JV Co.) based on 50:50 profit-sharing. Both parties have yet to finalise the structure of the collaboration.*

## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS



Gambar 5: Majlis Menandatangani MOA Antara RAC dan SSI Perak pada 19 Mac 2022  
Picture 5: Signing of MOA between RAC and SSI Perak on 19 March 2022



Gambar 6: Pelan Cadangan Tapak Pembangunan Ipoh Sentral  
Picture 6: Proposed Site Development Plan of Ipoh Sentral



## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

02

**Projek Usaha Sama Bagi Projek Pembangunan Berkonsepkan *Transit Oriented Development* di Atas Lot 315, Chan Sow Lin, Kuala Lumpur bersama Tanjung Ratna Sdn. Bhd.**

***Joint Venture Between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd for Transit-Oriented Development Project At Lot 315, Chan Sow Lin, Kuala Lumpur***

Cadangan pembangunan berkonsepkan TOD di atas tanah Lot 315, Chan Sow Lin yang dianggarkan berkeluasan 3.49 ekar (152,460.03 kaki persegi) merupakan cadangan pembangunan berdasarkan usaha sama di antara RAC dan Tanjung Ratna Sdn. Bhd. (TRSB) selaku pembida yang berjaya bagi RFP yang dilaksanakan oleh RAC pada awal 2022.

Perjanjian yang dimeterai di antara RAC dan TRSB pada 26 Oktober 2022 dijangka dapat memberikan jaminan pulangan minimum di antara RM165.83 juta hingga RM216.65 juta kepada RAC, yang tertakluk kepada nisbah plot yang bakal diluluskan oleh PBT.

*The proposed development based on the TOD concept on Lot 315 at Chan Sow Lin measuring 3.49 acres (152,460.03 sq ft) is based on a joint venture proposal between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd (TRSB) as the successful bidder for the RFP which has been implemented by RAC in early 2022.*

*The agreement, signed between RAC and TRSB on 26 October 2022 is expected to generate minimum returns of between RM165.83 million to RM216.65 million to RAC, subject to the ratio of the plot of land to be approved by the Local Authority.*



Gambar 7: Majlis Menandatangani MODA Antara RAC dan Tanjung Ratna Sdn. Bhd. pada 26 Oktober 2022  
Picture 7: Signing of a MODA between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd on 26 October 2022

## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

03

**Sesi Libat Urus Bersama PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Pengubahan Zon Guna Tanah Serta Menaik Taraf Kelas Guna Tanah ke Atas Tanah Rizab dan Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi**

***Engagement Session With State PLANMalaysia and Local Authorities for Change Of Land Use Zone as Well as Upgrading of Land Use Class on Railway Assets Corporation Reserve And Titled Land***

Sejak 2019, RAC adalah antara agensi yang bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan dokumen Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD Penggantian) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK). Dokumen-dokumen ini penting kerana ia menterjemah polisi-polisi dan cadangan-cadangan am yang terkandung di dalam RSN.

Usaha-usaha menyediakan dokumen-dokumen tersebut adalah bagi memastikan kesinambungan rancangan pemajuan tempatan yang kebanyakannya akan tamat pada 2020. Oleh yang demikian, RAC berperanan sebagai pihak berkepentingan dalam memberi pandangan, ulasan sehingga penyempurnaan dokumen-dokumen tersebut. Skop kerja yang terlibat adalah perancangan zon guna tanah, cadangan jajaran kereta api baharu, cadangan stesen kereta api baharu, bangunan-bangunan bersejarah, mengemukakan bantahan awam dan lain-lain yang berkaitan.

Namun begitu, pada 2022 RAC telah mendapat persetujuan daripada Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan (Inisiatif 2022) untuk cadangan pengubahan zon guna tanah bagi keseluruhan tanah-tanah rizab dan hak milik RAC.

Sehubungan itu, RAC telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Penyelarasan ini melibatkan lima (5) Agensi PLANMalaysia Negeri dan lapan belas (18) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dengan jajaran kereta api. Berikut adalah senarai PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah terlibat dalam sesi libat urus bersama RAC sepanjang 2022:

*Since 2019, RAC is among the agencies which have been collaborating with the Local Authorities (PBT) in preparing documents for the State Structural Plan (RSN), District Local Plan (RTD) (Replacement) and Special Area Plan (RKK). These documents are important as they interpret policies and general proposals contained in the RSN.*

*Efforts to prepare the documents would ensure continuity of plans by local developers, the majority of which ended in 2020. As such, RAC plays the role as the interested party in providing its views and comments to ensure the documents are in order and complete. The work scope covers planning of land use zones, proposals for railway stretches, new railway stations, historical buildings, submitting public complaints and other related matters.*

*However in 2022, RAC has received approval from the Ministry of Transport Strategic Monitoring Plan Meeting (2022 Initiative) for the proposed change of land use zone for all RAC reserve and titled land.*

*Towards this end, RAC has held engagement sessions with the State PLANMalaysia and the Local Authorities. The sessions were in collaboration with five (5) State PLANMalaysia Agencies and eighteen (18) Local Authorities which were involved in the railway stretches. The list of State PLANMalaysia and Local Authorities involved in the engagement sessions with RAC during 2022 is as below:*



## PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

- (i) Ibu Pejabat PLANMalaysia, Putrajaya;
- (ii) PLANMalaysia@Selangor;
- (iii) PLANMalaysia@Kelantan;
- (iv) PLANMalaysia@Pahang;
- (v) PLANMalaysia@Negeri Sembilan;
- (vi) Majlis Perbandaran Kangar (MPK);
- (vii) Majlis Daerah Pendang (MDP);
- (viii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- (ix) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
- (x) Majlis Perbandaran Jasin;
- (xi) Majlis Perbandaran Temerloh;
- (xii) Majlis Daerah Tumpat;
- (xiii) Majlis Perbandaran Klang; dan
- (xiv) Majlis Daerah Jerantut.

- (i) *PLANMalaysia headquarters, Putrajaya;*
- (ii) *PLANMalaysia@Selangor;*
- (iii) *PLANMalaysia@Kelantan;*
- (iv) *PLANMalaysia@Pahang;*
- (v) *PLANMalaysia@Negeri Sembilan;*
- (vi) *Kangar Municipal Council (MPK);*
- (vii) *Pendang District Council (MDP);*
- (viii) *Kuala Lumpur City Hall (DBKL);*
- (ix) *Penang City Council (MBPP);*
- (x) *Jasin Town Municipal Council;*
- (xi) *Temerloh Municipal Council;*
- (xii) *Tumpat District Council;*
- (xiii) *Klang Municipal Council; and*
- (xiv) *Jerantut District Council.*

# PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

## INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

Selaras dengan fungsi dan peranan RAC sebagai pemilik dan pengurus aset, Perbadanan ini sentiasa memastikan penyediaan peruntukan tahunan yang mencukupi bagi membolehkan semua projek pembangunan perkeretaapian dan infrastruktur yang dalam fasa pembinaan dapat diteruskan seperti yang dirancang.

Melalui peruntukan Kumpulan Wang RAC, Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan (melalui MOT) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan usaha sama swasta, beberapa inisiatif projek pembangunan perkeretaapian termasuk peningkatan infrastruktur dan kemudahan kereta api telah dilaksanakan iaitu:

*In line with its functions and roles as asset owner and manager, the Corporation will always ensure that yearly allocation is adequate to enable all railway and infrastructure development projects which are under construction to proceed as planned.*

*Through RAC's internally generated funds and Federal Government Grant Allocation (through MOT) under the 12<sup>th</sup> Malaysia Plan (12MP), several initiatives have been implemented. Among the infrastructure development projects and railway facilities implemented by RAC are:*



Rajah 12: Senarai projek pembangunan dan peningkatan infrastruktur kereta api mengikut kategori peruntukan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh RAC

*Diagram 12: List of railway and infrastructure development projects based on their allocation categories which have and are being implemented by RAC*



## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

#### PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI

Berikut adalah projek-projek yang dilaksanakan menggunakan Kumpulan Wang RAC hingga 2022:

#### RAILWAY ASSETS CORPORATION'S INTERNALLY GENERATED FUNDS

*Below are projects implemented through RAC's Internally Generated Funds as of 2022:*



Rajah 13: Senarai projek peningkatan infrastruktur kereta api yang dilaksanakan melalui peruntukan Wang Hasil hingga 2022

*Diagram 13: List of railway infrastructure development projects implemented through RAC internally generated funds as of 2022*

Pada tahun semasa, RAC telah membelanjakan RM1.363 juta di bawah Kumpulan Wang RAC bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan menaik taraf kemudahan kereta api.

*During the current year, RAC has utilised RM1.363 million from the Corporation's internally generated funds for the implementation of infrastructure development projects as well as upgrading of railway facilities.*

## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

01

#### Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya (OKU) Stesen Kereta Api Tanjong Malim, Perak

#### *Facilities for the Public and Disabled Persons (OKU) at Tanjong Malim Railway Station, Perak*

Sebanyak RM6.5 juta telah diperuntukan bagi penyediaan kemudahan OKU di Stesen Keretapi Tanjong Malim, Perak;

- Pelaksanaan projek ini adalah lanjutan aduan daripada Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia Cawangan Tanjong Malim dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang mempunyai 480 ahli yang menghadapi kesukaran menaiki tren di Stesen Keretapi Tanjong Malim;
- Projek ini juga dijangka mengimbangi penyediaan keperluan infrastruktur keperluan OKU di seluruh jajaran kereta api;
- Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut :
  - Menyediakan parkir untuk OKU di kawasan hadapan stesen;
  - Membaik pulih dan menaik taraf tanjakan sedia ada dengan spesifikasi OKU;
  - Membina dan menaik taraf tandas sedia ada dengan spesifikasi OKU;
  - Membina kemudahan lif dengan spesifikasi OKU;
  - Memasang *tactile*; dan
  - Memasang CCTV
- Projek ini yang dimulakan pada 2019 telah siap sepenuhnya pada 31 Mei 2022; dan
- Sesi Penyerahan Projek telah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Muallim dengan disaksikan Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan kepada RAC selaku pemilik aset pada 27 Julai 2022.

*A total of RM6.5 million has been allocated for the OKU facilities project at Tanjong Malim Railway Station, Perak;*

- *The project is undertaken following complaints from the Tanjong Malim Branch of the Welfare Centre Council Malaysia and the Senior Citizens Activity Centre (PAWE) which has 480 members with difficulties in boarding trains at the Tanjong Malim Railway Station.*
- *The project is also expected to balance infrastructure needs for the disabled throughout all railway lines; and*
- *Among the facilities provided are:*
  - *Parking spaces for OKU in front of the railway station area;*
  - *Maintenance and upgrade of existing OKU wheelchair ramp;*
  - *Construction and upgrading existing toilets with OKU specifications;*
  - *Lift facilities with OKU specifications;*
  - *Installation of tactile; and*
  - *Installation of CCTV.*
- *This project which kicked off in 2019 will be fully completed on 31 May 2022.*
- *Project handover by the Muallim District Public Works Department witnessed by the Infrastructure & Transport Engineering Branch to RAC as asset owner on 27 July 2022.*





## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

02

#### Projek Kemudahan Rakyat dan Orang Kurang Upaya (OKU) Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak

*Facilities for Public and Disabled Persons (OKU) at Batu Gajah Railway Station, Perak*

- Sebanyak RM5.95 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Kemudahan OKU di Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak;
  - Pelaksanaan projek ini adalah lanjutan aduan daripada Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu Gajah melibatkan pengguna terutamanya golongan OKU yang menghadapi kesukaran menaiki tren di Stesen Keretapi Batu Gajah;
  - Projek ini juga dijangka mengimbangi penyediaan keperluan infrastruktur keperluan OKU di seluruh jajaran kereta api; dan
  - Projek OKU Batu Gajah ini sedang dalam peringkat reka bentuk dan kelulusan. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal suku pertama 2023.
- *A total of RM5.95 million has been allocated for the provision of OKU facilities at the Batu Gajah Railway Station, Perak;*
  - *The project is implemented following complaints received from the Batu Gajah Community Service Centre involving commuters especially disabled people who faced difficulties in boarding the train at Batu Gajah Railway Station;*
  - *The project is also expected to balance infrastructure needs for the disabled throughout all railway lines; and*
  - *This Batu Gajah OKU project is currently at the design stage and approval. It is expected to be implemented in the first quarter of 2023.*

Inisiatif ini akan memberi impak yang besar kepada rakyat terutama kepada golongan OKU dalam berkongsi faedah bersama. Penyediaan kemudahan ini juga merupakan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan keseragaman penyediaan kemudahan untuk OKU di semua kawasan awam.

Malah, elemen keselamatan pengguna kereta api dan masyarakat setempat juga adalah antara perkara yang sangat dititik berat dalam setiap reka bentuk projek pembangunan RAC.

*This initiative will bring a huge impact to the people especially for the disabled in sharing mutual benefits. It is also in line with the Government's aspiration of ensuring uniformity in the provision of facilities for the OKU at all public places.*

*In addition, the safety of railway users and the local community is highly emphasised in every RAC development project design.*

## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

03

#### Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban, Negeri Sembilan *Maintenance of Seremban Railway Station, Negeri Sembilan*

- Stesen Keretapi Seremban dibina di antara 1904 hingga 1910 dengan kos sebanyak RM26,000.00. Dahulunya, operasi kereta api ini diurus oleh Sungai Ujong Railway Co. Ltd sebelum diambil alih Federated Malay States Railways (FMSR) pada 1908 dan kemudiannya KTM mengambil alih tanggungjawab mengelola semua landasan di Malaya pada 1948. Stesen ini terus menawarkan layanan kereta api antara bandar di sepanjang jajaran utara - selatan serta menawarkan perkhidmatan pengiriman barang;
- Stesen kereta api ini telah mengalami beberapa kerosakan dan kerja-kerja penggantian, naik taraf dan baik pulih perlu dibuat memandangkan stesen ini mempunyai jumlah pengguna yang tinggi. Pada 2022, sejumlah 637,999 penumpang telah mendapatkan perkhidmatan rel di stesen ini;
- Sebanyak RM9.57 juta telah diperuntukkan bagi projek membaik pulih bangunan Stesen Keretapi Seremban, Negeri Sembilan;
- Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk memulihara bangunan Stesen Keretapi Seremban yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara. Bangunan ini mempunyai nilai sejarah yang unik di mana bangunan stesen kereta api ini adalah satu-satunya bangunan stesen kereta api yang mempunyai menara jam yang masih dipelihara;
- *The Seremban Railway Station was built between 1904 to 1910 at a cost of RM26,000.00. Prior to this, operations at the railway station were managed by Sungai Ujong Railway Co. Ltd before being taken over by Federated Malay States Railways (FMSR) in 1908. KTM later took over the responsibility of managing all railway lines in Malaya in 1948. The station continued to provide inter-town railway service along the north-south stretch as well as delivery of goods;*
- *After more than 100 years in service, the railway station is faced with several damages, and replacement, upgrading and maintenance works had to be undertaken given the high passenger traffic at the station. In 2022, a total of 637,999 passengers used the Seremban train service.*
- *A total of RM9.57 million was allocated for the maintenance of the Seremban Railway Station building in Negeri Sembilan;*
- *The implementation of this project is aimed at preserving the Seremban Railway Station building which was gazetted as a National Heritage Building by the National Heritage Department. This building has a unique historic value in that it is the only railway station building with a clock tower that is still being preserved;*



## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

- RAC telah melantik agensi pakar iaitu Jabatan Kerja Raya dalam pelaksanaan projek ini. JKR pada tahun ini komited dan giat bersama Lembaga Perindustrian Kayu (MTIB) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam melaksanakan projek ini dengan penyediaan Laporan Verifikasi Kayu dan Laporan Kajian Dilapidasi;
- Projek pemuliharaan bangunan Stesen Keretapi Seremban ini telah melaksanakan proses reka bentuk dan memperoleh kelulusan daripada agensi terlibat. Seterusnya, Surat Setuju Terima (SST) projek ini telah dikeluarkan pada 29 Disember 2022 kepada Jiwa Kental Sdn. Bhd. dan kontraktor dijangka mula kerja pada 11 Januari 2023; dan
- Pelaksanaan projek pemuliharaan stesen ini mengambil masa 104 minggu dan dijangka siap pada 7 Januari 2025, akan menjadi gerbang dan mercu tanda serta nadi pengangkutan awam yang berasaskan rel di Negeri Sembilan kerana ia mempunyai nilai sejarah yang tersendiri.
- RAC has appointed an agency expert from the Public Works Department (JKR) for the implementation of the project. JKR this year is committed and is actively working together with the Malaysian Timber Industry Board (MTIB) and the National Heritage Department (JWN) in implementing the project by preparing a Wood Verification and Dilapidation Survey Report;
- The preservation project of the Seremban Railway Station building has gone through the design process with approval from the relevant agency. Subsequently, a Letter of Acceptance (SST) for this project has been issued on 29 December 2022 to Jiwa Kental Sdn Bhd and the contractor is expected to start work on 11 January 2023; and
- Preservation work on the station, which will run for 104 weeks is expected to be completed on 7 January 2025 and is poised to become a new landmark and a key rail-based transport hub in Negeri Sembilan given its unique historical value.



Gambar 8: Kerja-kerja baik pulih bangunan Stesen Keretapi Seremban  
Picture 8: Maintenance of Seremban Railway Station

## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

04

#### Projek Membina Baharu Platform Tren Diesel Multiple Unit (DMU) di Jajaran Kereta Api Sektor Pantai Timur

#### *Construction of a New Platform for Diesel Multiple Unit (DMU) Trains at The East Coast Railway Stretch Sector*

- Pihak Kerajaan telah menyediakan 13 set tren keretapi baharu jenis *Diesel Multiple Unit* (DMU) untuk operasi di laluan kereta api Sektor Pantai Timur yang merangkumi negeri Kelantan dan Pahang.
  - Tren tersebut beroperasi secara henti-henti di kawasan pedalaman bagi perkhidmatan penumpang seperti pelajar dan guru sekolah, urusan harian penduduk setempat dan pelancongan.
  - Namun begitu, keadaan semasa stesen dan hentian kecil (tanpa platform) di 37 buah lokasi adalah tidak menepati piawaian, bahaya dan tidak selesa kepada para pengguna perkhidmatan tren tersebut.
  - Oleh itu, RAC mengambil inisiatif dengan melaksanakan kerja menaik taraf dan pembinaan baharu platform DMU secara berfasa seperti berikut:
- *The Government has provided 13 new Diesel Multiple Unit (DMU) trains for the East Coast railway sector covering Kelantan and Pahang.*
  - *The train service operates with intermediate stops at remote areas for passengers comprising students, school teachers and for the local community for their daily errands and tourists.*
  - *However, 37 locations comprising stations and small rail terminals (without platform) do not meet the rail safety standards, uncomfortable and could pose danger to passengers.*
  - *As such, RAC took the initiative through upgrading works and the construction of new DMU platforms in stages as below:*



Gambar 9: Platform di Hentian Keretapi Kuala Gris  
Picture 9: Platform at the Kuala Gris Railway Halt



## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PELAKSANAAN IMPLEMENTATION	JUMLAH STESEN/ HENTIAN NO OF STATIONS/TERMINALS	LOKASI & STATUS KEMAJUAN LOCATION & STATUS
<b>FASA 1</b> <b>PHASE 1</b>	Pembinaan di lapan (8) lokasi hentian <i>Construction at eight (8) terminals</i>	Bonut Susu – 98% To'Uban – 100% Kg. Baru Sg Mengkuang – 50% Ulu Temiang – 50% Kuala Gris – 85% Sri Mahligai – 50% Limau Kasturi – 90% Sg Temau – 30%
	Pembinaan di enam (6) lokasi stesen <i>Construction at six (6) stations</i>	Stesen Bukit Abu – 20% <i>Bukit Abu Station – 20%</i> Stesen I <i>Stations</i> (Bertam Baru / Kemubu / Temangan / Kuala Krau / Merapoh) - Baki pembinaan lima (5) stesen akan dilaksanakan pada 2023 <i>Construction of remaining five (5) stations to be implemented in 2023</i>
<b>FASA 2</b> <b>PHASE 2</b>	Pembinaan di 16 lokasi hentian <i>Construction of 16 terminals</i>	Hentian I <i>Terminal</i> (Bukit Panau / Pahi / Sg Keladi / Sg Nal / Sri Jaya / Sri Bintang / Sg Tasin / Kok Pasir / Kg Sg Serian / Pan Malayan / Bukit Betong / Mentara Baru / Teluk Gunung / Mengkarak / Jenderak / Mela) - kerja pembinaan akan dilaksanakan pada 2023 <i>construction works to start in 2023</i>
	Menaik taraf satu (1) stesen baharu <i>Upgrading one (1) new station</i>	Stesen Dabong <i>Dabong Station</i> - kerja pembinaan akan dilaksanakan pada 2024 <i>construction works to start in 2024</i>
<b>FASA 3</b> <b>PHASE 3</b>	Pembinaan di enam (6) lokasi hentian <i>Construction of six (6) terminals</i>	Hentian I <i>Terminal</i> ((Kerambit / Kg Berkam / Aur Gading / Cica Tinggi / Jerek Baru / Kg. Baru Bukit Abu) - perancangan pembinaan pada 2025 <i>Plans for construction in 2025</i>

Jadual 10: Senarai projek membina platform baharu tren Diesel Multiple Unit (DMU) di jajaran kereta api Sektor Pantai Timur

Table 10: List of new projects to build new platforms for Diesel Multiple Unit (DMU) trains at the East Coast Sector railway stretch.

## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

#### GERAN PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sepanjang 2022, RAC telah membelanjakan Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM6.203 juta yang diterima di bawah Peruntukan Perbelanjaan MOT.

Berikut adalah inisiatif yang sedang dilaksanakan Perbadanan ini menggunakan peruntukkan tersebut iaitu:

#### FEDERAL GOVERNMENT GRANT ALLOCATION

*In 2022, RAC utilised a total of RM6.203 million of the Federal Government Grant Allocation received under the MOT Expenditure.*

*Allocation for implementation of the initiatives below:*



Rajah 14: Senarai projek yang dilaksanakan di bawah Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan  
Diagram 14: List of projects implemented under the Federal Government Grant Allocation



#### PARK & RIDE STESEN KERETAPI RAWANG PARK & RIDE RAWANG

Inisiatif Kerajaan dalam pembangunan projek Park & Ride di Stesen Keretapi Rawang bertujuan untuk meningkatkan kemudahan awam di stesen kereta api di samping menggalakkan penggunaan pengangkutan rel sebagai pilihan utama rakyat.

Melalui konsep ini, sebuah bangunan tempat letak kenderaan secara bertingkat akan dibina bersama kemudahan-kemudahan lain seperti kawasan *drop by zone* bagi perkhidmatan bas, teksi dan kenderaan awam serta kemudahan berkaitan yang lebih selamat dan selesa.

Kerajaan telah memperuntukan RM54 juta bagi merealisasikan projek ini sebagai galakan kepada rakyat setempat menggunakan perkhidmatan tren komuter serta mengurangkan kepada kesesakan jalan raya di bandar raya Kuala Lumpur.

Projek ini telah bermula pada 8 November 2022 sehingga tempoh siap pada 10 November 2025.

*The Government's Park & Ride initiative at Rawang Commuter Station aims to improve public facilities at the railway station besides encouraging the people to use the train as their preferred choice of transportation.*

*Through this concept, a multi-storey parking building will be built along with other facilities such as drop by zone for buses, taxis and public vehicles as well as other facilities for public safety and comfort.*

*The Government has allocated RM54 million to realise this project as an incentive for the local community to use the commuter train service and reduce the heavy traffic in Kuala Lumpur.*

*Construction on the site, which began on 8 November 2022 is expected to be completed on 10 November 2025.*



## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES



Rajah 15: Hebahan yang dibuat mengenai penutupan tempat letak kenderaan Stesen Kereta Api Rawang bagi memberi laluan kepada Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Drop by Zone

Diagram 15: An announcement on the closure of a parking at Rawang Station to make way for the construction of an Elevated Carpark and Drop by Zone Project

## PROJEK DI BAWAH PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) 2021

### STRATEGIC PROGRAMME TO EMPOWER THE PEOPLE AND THE ECONOMY (PEMERKASA) 2021

# PEMERKASA

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

Lanjutan daripada inisiatif Kerajaan pada 2020 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN, Kerajaan telah meneruskan kesinambungan inisiatif baharu iaitu Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) 2021 bagi merencanakan semula ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 khususnya kepada sektor pembinaan.

RAC telah menerima peruntukan sebanyak RM9.234 juta secara keseluruhan di bawah pakej pembangunan ini. Peruntukan ini disalurkan oleh MOT secara berfasa kepada RAC. Antara projek pembangunan di bawah pakej ini adalah seperti berikut:

*After introducing the PRIHATIN Economic Stimulus Package (ESP) in 2020, the Government later announced the Strategic Programme to Empower the People and the Economy (PEMERKASA) in 2021 to boost Malaysia's recovery amidst the challenging COVID-19 economic landscape.*

*RAC received a total allocation of RM9.234 million under this development package. The allocation was channelled by MOT in stages to RAC. Among the development projects under this package are as below:*

## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

#### a) Projek Pembinaan *Park & Ride* Stesen Kereta Api Sektor Utara

- Membina kawasan parkir kenderaan dan tempat letak motosikal berbumbung tambahan di Stesen Keretapi Parit Buntar (Perak), Stesen Keretapi Bukit Tengah (Pulau Pinang) dan Stesen Kereta Api Gurun (Kedah);
- Kos pembinaan berjumlah RM971,000; dan
- Semua projek ini telah disiapkan pada suku kedua (Parit Buntar dan Gurun) dan suku keempat (Bukit Tengah) 2022.

#### b) Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Stesen serta Membekal dan Memasang CCTV di Stesen Keretapi Tanjong Malim

- Membekal dan memasang CCTV, membaik pulih *gutter* dan *rain water down pipe*, memasang kemudahan mengunci roda motosikal dan lain-lain kerja berkaitan;
- Kos pembinaan berjumlah RM370,000; dan
- Projek ini telah disiapkan pada penghujung Disember 2022.

#### a) *North Sector Commuter Station Park & Ride Project*

- *Building new additional vehicle parking areas and covered motorcycle parking at Parit Buntar Railway Station (Perak), Bukit Tengah Railway Station (Penang) and Gurun Railway Station (Kedah).*
- *Construction cost is RM971,000; and*
- *All projects had been completed in the second quarter (Parit Buntar and Gurun) and fourth quarter in 2022.*

#### b) *Station Infrastructure Facilities Upgrading Project and Supplying and Installing CCTV at Tanjong Malim Railway Station*

- *Supplying and installing CCTV, repairing gutters and rainwater downpipes, installing motorcycle wheel locking facilities and other related work;*
- *Construction cost is RM370,000; and*
- *This project was completed at the end of December 2022.*



Gambar 10: Kemudahan infrastruktur di Stesen Keretapi Tanjong Malim yang telah disiapkan  
Picture 10: Infrastructure facilities at Tanjong Malim Railway Station that has been completed



## PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

### INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

#### c) Projek Pembinaan Hentian Keretapi Kuala Gris, Kelantan

- Projek ini memberi manfaat kepada pelajar sekolah yang menggunakan perkhidmatan tren sebagai pengangkutan utama ke sekolah.
- Membina hentian kereta api baharu dengan kemudahan OKU dan lain-lain kerja berkaitan;
- Kos pembinaan berjumlah RM925,000; dan
- Status kemajuan projek sehingga akhir Disember 2022 adalah 80%.

#### c) Construction of Kuala Gris Halt, Kelantan

- The project will benefit students who use the train service as the main means of transportation to school.
- Construction of new railway terminal with OKU facilities and other related works;
- Cost of construction is RM925000; and
- Status: As at end December 2022, the project is 80 percent completed.



Gambar 11: Hentian Keretapi Kuala Gris  
Picture 11: Kuala Gris Railway Halt

Pelaksanaan semua projek PEMERKASA ini telah memberi faedah dan manfaat seperti berikut:

- i. Menjana peluang pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor CIDB kelas G1 dan G2 yang terkesan dengan pandemik COVID-19;
- ii. Meningkatkan taraf kemudahan yang terdapat di stesen-stesen kereta api;
- iii. Meningkatkan keselesaan orang ramai yang menggunakan pengangkutan rel, sekali gus menggalakkan penggunaan pengangkutan awam;
- iv. Penambahan bilangan kawasan parkir akan memberi peluang pendapatan kepada RAC melalui aktiviti sewaan kawasan tersebut kepada operator; dan
- v. Mewujudkan persepsi yang positif dan meningkatkan kepercayaan orang ramai untuk memilih kereta api sebagai medium pengangkutan awam.

Following are the benefits and advantages generated from the implementation of all PEMERKASA projects:

- i. Provided employment opportunities to CIDB G1 and G2 class contractors badly affected by the COVID-19 pandemic;
- ii. Improvement in facilities provided at the railway stations;
- iii. With extra comfort for railway passengers, more people are encouraged to use the public transport;
- iv. The increase in the number of vehicle parking areas will provide income opportunities for RAC through operator rental activities; and
- v. Positive perception towards the public transportation network, with increased trust and confidence among the public to use the train as an important means of transport.

# PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

## DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR

Projek-projek pembangunan yang telah dimuktamadkan, akan diselias dan diuruskan oleh Bahagian Pembangunan. Buat masa ini, sebanyak tiga (3) projek pembangunan yang dilaksanakan RAC hasil usaha sama dengan pihak swasta iaitu:

*Development projects which have been finalised will be supervised and managed by the Development Division. At present, three (3) development projects have been implemented by RAC in joint venture with the private sector:*



Rajah 16: Jumlah projek pembangunan yang telah dimuktamadkan melibatkan tanah rizab kereta api dan tanah hak milik RAC dari 2012 hingga 2022

Diagram 16: Total development projects finalised involving RAC railway reserve and titled land from 2012 to 2022

Pada 2022, sebanyak dua (2) projek pembangunan masih berstatus pembinaan iaitu Menara Sentral RAC dan Stesen Kereta Api Kajang 2 dengan pulangan pembangunan secara tunai dan *in kind* berjumlah RM145 juta.

*In 2022, a total of two (2) development projects are under construction namely Menara Sentral RAC and Kajang 2 Railway Station which will generate development returns in cash and in kind totalling RM145 million.*

Projek usaha sama ini adalah seperti berikut:

*The joint venture projects are as follows:*

### a) Projek Stesen Kereta Api Kajang 2

### a) Kajang 2 Railway Station Project

- Projek usaha sama ini merupakan projek kedua yang dilaksanakan oleh RAC melalui kerjasama dengan pihak swasta iaitu Srijang Kemajuan Sdn. Bhd;
- Penyiapan projek ini mampu menjana pelaburan di kawasan sekitar yang turut menerima impak positif; dan
- Tahun 2022 menyaksikan beberapa sesi pemeriksaan bangunan oleh pihak-pihak berkuasa telah dilakukan antaranya oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dilaksanakan bagi memastikan stesen ini dapat beroperasi dengan lancar.

- *The joint venture is the second project undertaken by RAC in collaboration with a private company, Srijang Kemajuan Sdn Bhd;*
- *When completed, the project is expected to generate investments in the surrounding areas, with spillover benefits for the local population; and*
- *The year 2022 saw many building inspections conducted by the local authorities, among others the Kajang Municipal Council (MPK), the Land Public Transport Agency (APAD) and KTMB to ensure a seamless operation.*



## PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

### DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR



Gambar 12: Stesen Kereta Api Kajang 2  
Picture 12: Kajang 2 Railway Station

## PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

### DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR

#### PROJEK PROJECTS

Pajakan 60 tahun di atas tanah rizab kereta api di Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor bagi tujuan pembangunan komersial dan kemudahan tempat letak kereta

*60-year lease on railway reserve land at Lot 853, Mukim Kajang, Hulu Langat District, Selangor for commercial development and carpark facilities*

#### PULANGAN KEPADA RAC RETURNS TO RAC

Pembinaan stesen kereta api yang baharu dengan kos RM20 juta dan pemberian hasil pulangan tunai setiap tahun untuk tempoh 60 tahun

*Construction of the new railway station at a cost of RM20 million provides yearly cash returns for RAC over a period of 60 years*

#### KEMUDAHAN FACILITIES

Stesen kereta api, kios, kawasan tempat letak kenderaan dan sebagainya

*Railway station, kios, carpark, etc.*

#### LUAS PEMBANGUNAN DEVELOPMENT AREA

4,868.13mp

*4,868.13sqm*

#### STATUS

99 peratus (Disember 2022) dan dalam peringkat mendapatkan kelulusan pengoperasian stesen daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

*99 per cent (December 2022) completed; pending approval from the Land Public Transport Agency (APAD) to operate the railway station*

#### TARIKH OPERASI DATE OF OPERATION

Stesen ini dijangka mula beroperasi pada Mac 2023

*The station is expected to be operational in March 2023*



## PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

### DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR

#### b) Menara Sentral RAC

- Menara Sentral RAC merupakan mercu tanda kebanggaan bagi Perbadanan ini memandangkan bangunan ini adalah menara pejabat pertama yang dibina oleh RAC melalui hasil kerjasama dengan pihak swasta iaitu Arah Asas Sdn. Bhd;
- Menara setinggi 30 tingkat ini yang terletak di Lot PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur mula dibina pada pertengahan 2019 dan dilengkapi dengan 22 tingkat pejabat, tujuh (7) tingkat kemudahan parkir kenderaan dan satu (1) tingkat medan selera dan kios;
- Menara ini terletak di kawasan strategik *Greater's Kuala Lumpur* iaitu berhadapan dengan Stesen KL Sentral. RAC menjangkakan sejumlah RM12 juta setahun akan dijana daripada penyewaan keseluruhan ruang pejabat, ruang komersial dan *food gallery* apabila menara ini siap kelak;
- Bagi mencapai fungsi keselesaan dan keselamatan, bangunan ini dilengkapi dengan sistem penghawa dingin berpusat, sistem pencegahan kebakaran, CCTV, kad akses keselamatan dan kemudahan lif; dan
- Reka bentuk menara ini yang moden dan unik mempunyai ciri-ciri *eco-friendly* daripada segi reka bentuk dan binaan bangunan bagi membolehkan ia mendapat pengiktirafan *Green Building Index Certification* (GBI). Sebanyak 70 peratus kaedah pembinaannya menggunakan *Industrial Building System* (IBS).

#### b) Menara Sentral RAC

- *Menara Sentral RAC is a landmark of pride for RAC as this building is the first office tower built by RAC jointly with the private sector, namely Arah Asas Sdn Bhd.*
- *This 30-storey tower which is located at Lot PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur was first constructed in mid-2019, complete with 22-storey office space, seven (7) -storey parking facilities and one (1) storey of food court and kiosks.*
- *This tower is located at the strategic Greater Kuala Lumpur which is opposite KL Sentral Station. RAC expects to earn RM12 million annually from rental of the entire office space, commercial area and food gallery when construction of the tower is completed.*
- *For safety and comfort, this building is equipped with a central air conditioning system, a fire prevention system, CCTV, security access card and lift facilities; and*
- *The modern and unique architectural design of the tower, which is incorporated with eco-friendly features, makes it eligible for the Green Building Index Certification (GBI) recognition. 70 per cent of the construction methods are based on the Industrial Building System (IBS).*



## PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

### *DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR*



Gambar 13: Menara Sentral RAC

*Picture 13: Menara Sentral RAC*



## PROJEK PEMBANGUNAN SECARA USAHA SAMA DENGAN SWASTA

### DEVELOPMENT PROJECTS IN JOINT VENTURE WITH THE PRIVATE SECTOR

#### PROJEK PROJECTS

Cadangan penswastaan pembangunan tanah milik RAC di PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur  
*Proposed privatisation of RAC-owned land development at PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur*

#### LOKASI LOCATION

No. 16, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

#### KOMPONEN BANGUNAN BUILDING COMPONENTS

Merangkumi ruang pejabat kira-kira 160,143 kaki persegi dan ruang komersial tidak kurang 9,389 kaki persegi serta kemudahan-kemudahan lain  
*Consisting of about 160,143 sq ft of office space and commercial area of not less than 9,389 sq ft and other facilities*

#### TEMPOH PEMBINAAN CONSTRUCTION PERIOD

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 26 Ogos 2019 dan dijangka siap pada 25 Februari 2023  
*Construction work started on 26 August 2019 and is expected to be completed on 25 February 2023*

#### STATUS

Kemajuan projek berakhir Disember 2022 adalah sebanyak 96.61 peratus di mana fizikal bangunan telah siap sepenuhnya  
*Work on the project ended in December 2022; 96.61 per cent completed. Physical building is fully completed*

#### CABARAN CHALLENGES

Projek pembinaan ini berhadapan dengan isu pendudukan penjaja di Jalan Tun Sambanthan 3 yang menghalang pembinaan jalan keluar dan akses bomba. Namun, RAC bersama pemegang taruh berusaha mencari jalan penyelesaian bagi kepentingan semua pihak dalam penyediaan projek ini  
*Construction was affected by petty traders at Jalan Tun Sambanthan 3 who obstructed construction works at the access road for the fire department. However, RAC remains committed to complete the project and is working together with its stakeholders to address the issue and hopes to reach a solution that works for all parties*



# Seksyen 6

## SECTION 6

**MEMPERKASA  
FUNGSI RAC  
& TINDAKAN  
PERUNDANGAN**  
**EMPOWERING RAC'S  
FUNCTIONS & LEGAL ACTION**





# MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN

## EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

Pemeteraian dokumen perjanjian adalah proses penting dalam memastikan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui oleh pihak-pihak dalam sesuatu urusan niaga dapat dilaksanakan dengan baik dan mengikat pihak-pihak terlibat secara perundangan.

Dokumen perundangan yang teratur dan boleh dikuatkuasakan akan memelihara dan menjamin hak dan kepentingan RAC dalam sesuatu urusan niaga yang telah dipersetujui.

*The signing of an agreement document is key to ensuring that the terms and conditions of the agreement agreed upon by the parties in a transaction can be executed accordingly and binding the parties involved legally.*

*An orderly and enforceable legal document will preserve and guarantee RAC's rights and interests in an agreed transaction.*

### KEMUKTAMADAN PERJANJIAN

Berikut adalah beberapa perjanjian yang dimuktamadkan sepanjang 2022 :

### FINALISED AGREEMENTS

*Some of the agreements which have been finalised throughout 2022 are as follows:*

**01**

***Memorandum of Agreement (MOA) di antara RAC dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI)***

***Memorandum of Agreement (MOA) between RAC and Perak State Secretary Inc (SSI)***

MOA ini telah ditandatangani pada 19 Mac 2022 bagi mengikat hasrat kedua-dua pihak dan sebagai tanda ikatan kerjasama dalam cadangan pembangunan projek Ipoh Sentral sementara mendapatkan kelulusan-kelulusan berkaitan dengan projek tersebut. Pihak RAC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah, manakala pihak SSI diwakili oleh Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak merangkap Pengerusi SSI, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

*The signing of the Memorandum of Agreement (MOA) on 19 March 2022 marks an important milestone on the road to implementing the Ipoh Sentral integrated development project, which is subject to approvals from the relevant authorities. At the event, RAC was represented by Chief Executive Officer YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah while SSI was represented by Perak State Secretary (SUK) who is also SSI Chairman, YB Dato Ahmad Suaidi bin Abul Rahim.*



## MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

02

### Perjanjian Lintasan Rata Awam (LRA) di antara RAC dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

#### *Public Level Crossing (LRA) Agreement between RAC and Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)*

Lintasan Rata Awam (LRA) merupakan lintasan rata di mana landasan kereta api dilintasi oleh jalan raya awam di lokasi-lokasi tertentu di sepanjang jajaran kereta api termasuk semua get, sawar, papan tanda, peranti, peralatan, sistem semboyan dan lain-lain pemasangan yang digunakan untuk tujuan atau berkaitan operasi, pengurusan dan penyelenggaraan lintasan rata tersebut. Bagi maksud tersebut, perjanjian LRA ini ditandatangani untuk menetapkan peranan dan obligasi masing-masing dalam pengoperasian LRA ini secara formal dan teratur. Melalui perjanjian ini, RAC telah bersetuju untuk melantik KTMB untuk mengoperasi, menyelenggara dan menguruskan 48 LRA bermula pada 2022 dengan kos sebanyak RM4.4 juta setahun.

Perjanjian LRA ini telah ditandatangani pada 22 Mac 2022 oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBr. En. Adam bin Abu Hanipah manakala KTMB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin.

*A level crossing is an intersection between a railway line and a road. Level crossings are usually demarcated by gates, barriers, signboards, devices, equipment or warning system and other installations used as safety measures or related to the operation, management and maintenance of the level crossings. Towards this end, a Public Level Crossing (LRA) agreement has been signed to define the role and obligations of both sides in executing the LRA in a formal and organised manner. Under the agreement, RAC has agreed to appoint KTMB to operate, maintain and manage 48 level crossings starting 2022 at a cost of RM4.4 million annually.*

*The LRA agreement was signed on March 22 2022 by RAC Chief Executive Officer YBr. En. Adam bin Abu Hanipah while KTMB was represented by Chief Executive Officer YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin.*

03

### Memorandum of Agreement (MOA) di antara RAC dan MYISP Dot Com Sdn. Bhd.

#### *Memorandum of Agreement (MOA) between RAC and MYISP Dot Com Sdn. Bhd.*

Majlis menandatangani MOA di antara RAC dan MYISP Dot Com Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 18 Mei 2022. MOA ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBr. En. Adam bin Abu Hanipah manakala MYISP diwakili Pengarah Urusan, YBr. En. Rashidi Aly Abdul Rais. Melalui MOA tersebut, MYISP akan menyediakan infrastruktur gantian Rangkaian Optik Ekspres (EON) di sepanjang koridor kereta api negara melibatkan tanah-tanah kereta api yang dimiliki RAC.

*The Memorandum of Agreement (MOA) between RAC and MYISP Dot Com Sdn. Bhd. was held on 18 May 2022. The MOA was signed by RAC Chief Executive Officer, YBr. En. Adam bin Abu Hanipah while MYISP was represented by its Managing Director, YBr. En. Rashidi Aly Abdul Rais. Under the MOA, MYISP will provide the Express Optical Network (EON) along the national railway corridor involving RAC-owned railway land.*

## MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

04

**Memorandum of Development Agreement (MODA) di antara RAC dan Tanjung Ratna Sdn. Bhd.**

**Memorandum of Development Agreement (MODA) between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd**

Memorandum Perjanjian Pembangunan yang ditandatangani pada 26 Oktober 2022 antara RAC dan Tanjung Ratna Sdn. Bhd. adalah berkaitan dengan pembangunan berorientasikan transit di atas tanah hak milik RAC, Lot 315, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur yang dicadangkan oleh syarikat tersebut melalui kaedah RFP.

*The Memorandum of Development Agreement (MODA) signed on 26 October 2022 between RAC and Tanjung Ratna Sdn Bhd is related to Transit-Oriented Development (TOD) on RAC-owned land at Lot 315, Jalan Chan Sow Lin in Kuala Lumpur which was proposed by the company through the Request for Proposal (RFP) procedure.*

05

**Perjanjian-perjanjian Lain  
Other Agreements**

Selain daripada perjanjian-perjanjian utama yang disenaraikan di atas, pelbagai jenis dokumentasi perundangan yang lain turut disediakan seperti perjanjian sewa, *non-disclosure agreement*, perjanjian perkhidmatan dan surat-surat aku janji.

*In addition to the main agreements listed above, various types of legal domentation are also provided among others, rental agreement, non-disclosure agreement, service agreement and letter of intent.*

172

**Perjanjian Sewa  
Rental Agreement**

11

**Non-Disclosure Agreement**

2

**Surat Aku Janji  
Letter of Intent**

Rajah 17: Statistik kepelbagaian dokumen perundangan yang ditandatangani pada 2022  
Diagram 17: Statistics on various legal documents signed in 2022



## MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

### TINDAKAN PERUNDANGAN

Dari semasa ke semasa, pengendalian dan pelaksanaan kes-kes litigasi oleh firma guaman yang dilantik adalah dipantau. Ini melibatkan kes-kes baharu dan kes-kes terdahulu yang sehingga kini masih berjalan di peringkat mahkamah. Antaranya;

### LEGAL ACTION

From time to time, RAC monitors litigation cases handled by appointed legal firms. These involve new and past cases which until now are still pending court hearing. Among others:

01

**Rayuan Sivil No: D-01(A)-101-02/2021 dan D-01(A)-102-02/2021 berkaitan pampasan tambahan bagi pengambilan tanah milik RAC untuk Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di atas lintasan kereta api di Pekan Tanah Merah, Kelantan**

**Civil Appeal No: D-01(A)-101-02/2021 and D-01(A)-102-02/2021 related to additional compensation for acquisition of RAC-owned land for the construction of the Elevated T-Junction Project over the Railway Track Land by the Public Works Department (PWD) in Tanah Merah, Kelantan.**

Pada 10 Ogos 2022, Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

On 10 August 2022, the Court of Appeal has made the following decisions:

**Rayuan Sivil No:**  
**Civil Appeal No:**  
**D-01(A)-101-02/2021**  
**Perayu: JKPTG Negeri Kelantan**  
**Appellant: Kelantan State JKPTG**

Mahkamah membenarkan sebahagian rayuan Perayu dan memutuskan bahawa nilai tanah ditetapkan pada RM350 sekaki persegi sahaja (RM1,672,800) berbanding RM811.95 sekaki persegi yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kota Bharu

*The Court partially allows the Appellant's appeal and ruled that the land value is set at RM350 per sqm only (RM1,672,800) compared to RM811.95 per sqm which was decided by the Kota Bharu High Court*

**Rayuan Sivil No:**  
**Civil Appeal No:**  
**D-01(A)-102-02/2021**  
**Perayu: Perbadanan Aset Keretapi**  
**Appellant: Railway Assets Corporation**

Membenarkan tuntutan terhadap Yuran ikhtisas Penilai Berdaftar bagi menyediakan Laporan dan Penilaian sebanyak RM36,224.90

*Allows professional fee claims for the Registered Valuer to prepare the Report and Valuation totalling RM36,224.90*

Caj bayaran lewat pada kadar 5% setahun ke atas jumlah nilai pampasan tambahan (RM1,672,800) dikira daripada tarikh penghakiman Mahkamah Tinggi sehingga tarikh bayaran penuh

*Late payment will be charged 5% per annum on the total additional compensation (RM1,672,800) with effect from the date of judgement at the High Court until a full settlement is made*

Walau bagaimanapun, tuntutan lain seperti kesan mudarat terhadap baki tanah tidak dibenarkan

*However, other claims such as the harmful impact on the remaining land are not allowed.*

## MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

Susulan daripada keputusan Mahkamah Rayuan tersebut, RAC telah memfailkan Notis Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan pada 7 September 2022 terhadap kedua-dua keputusan tersebut berikutan jumlah pampasan tambahan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah dikurangkan daripada RM6.824 juta kepada RM1.672 juta. Rayuan kes di peringkat Mahkamah Persekutuan ini masih berjalan.

*Following the decision by the Court of Appeal, RAC has filed a Notice of Appeal to the Federal Court on 7 September 2022 for both decisions as the total additional compensation awarded by the Kota Bharu High Court had been reduced from RM6.824 million to RM1.672 million. The Appeal hearing at the Federal Court is still ongoing.*

02

### Kes Saman Penjaja Terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Assuntha A/P Letchamanan & 4 Ors v DBKL

*Traders' Suit Against Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) - Assuntha A/P Letchamanan & 4 Ors v DBKL*

RAC melalui peguam yang dilantik, telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur untuk kebenaran arahan memerhati (*watching brief*) bagi prosiding kes ini bermula pada 19 Julai 2022 sehingga pelupusan penuh kes tersebut.

*RAC through its appointed lawyer has submitted an application to the High Court of Malaya in Kuala Lumpur to hold a watching brief over the court proceedings from 19 July 2022 until the end of the case.*

Prosiding ini melibatkan isu berkaitan halangan di tapak bina Menara Sentral RAC di Brickfields yang menyebabkan sebahagian skop kerja dalam projek Menara Sentral RAC iaitu penyambungan laluan utiliti dan akses bomba tertangguh akibat pendudukan struktur gerai 11 penjaja berada di atas laluan pejalan kaki sedia ada di Jalan Tun Sambathan 3. Prosiding kes ini masih berjalan.

*The case is related to obstruction at the Menara Sentral construction site in Brickfields which caused part of the construction work for the Menara Sentral RAC project that is an extension to the utility pathway and fire department access road to be disrupted due to the structural occupancy of 11 hawker stalls on the existing pedestrian crossing at Jalan Tun Sambathan 3. Court proceeding is still ongoing.*

03

### Saman Pemula (Originating Summon) PR1MA; dan Writ Saman & Penyata Tuntutan - RAC lwn. Pengarah Tanah & Galian Negeri Sembilan, Pendaftar Hak Milik Negeri Sembilan & PR1MA

*PR1MA Files Originating Summons; and Writ of Summons & Statement of Claim - RAC versus Director of Negeri Sembilan Land & Mines (PTG), Registrar of Titles Negeri Sembilan & PR1MA*

#### Saman Pemula (Originating Summon) PR1MA

PR1MA telah memfailkan saman pemula yang bertujuan untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membatalkan serta merta kaveat persendirian yang dimasukkan RAC ke atas Lot 3902, Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Pada sesi pendengaran kes di Mahkamah Seremban, Hakim telah memutuskan kes ini ditentukan melalui satu sesi mediasi.

#### PR1MA Original Summons

*PR1MA has filed an original summons with the objective of seeking a court order to remove with immediate effect a personal caveat entered by RAC on Lot 3902, Seremban District, Negeri Sembilan. During the hearing in the Seremban Court, the Judge ruled that the matter should be referred to a mediation session.*



## MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

Sesi mediasi telah dijalankan pada 25 April 2022 secara dalam talian dan RAC telah diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Kanan Hartanah dan Ketua Unit Perancangan Pembangunan Hartanah. Bagaimanapun, tiada sebarang persetujuan berjaya direkodkan. Seterusnya, pada 29 September 2022, Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan PR1MA terhadap RAC dengan kos sebanyak RM10,000.00 dan PR1MA telah memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut. Prosiding kes ini masih berjalan.

### **RAC lwn. Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Sembilan, Pendaftar Hak Milik Negeri Sembilan & PR1MA**

Dalam masa yang sama, RAC telah memfailkan tuntutan sivil di Mahkamah Tinggi bertarikh 8 November 2022 terhadap PTG Negeri Sembilan, Pendaftar Hak Milik Negeri Sembilan dan PR1MA berkaitan isu melibatkan Lot 3902, Daerah Seremban, Negeri Sembilan tersebut iaitu melibatkan pembermilikan tanah secara salah (*wrongful alienation*), pindah milik tanah yang tidak sah (*void transfer*) dan kecuaiian (*negligence*) dalam menyempurnakan pindah milik tanah tersebut. Prosiding kes ini masih berjalan.

*The session was held on 25 April 2022 via online and RAC was represented by the Chief Executive Officer, Senior Property Manager and Property Development Planning Unit Head. However, no agreement was reached. Subsequently on 29 September 2022, the High Court rejected PR1MA's claim against RAC with costs totalling RM10,000.00 and PR1MA has filed an appeal against the decision. Court proceeding is still ongoing.*

### **RAC versus Director of Negeri Sembilan Land and Mines (PTG), Registrar of Titles Negeri Sembilan & PR1MA**

*RAC has also filed a civil suit at the High Court dated 8 November 2022 against the Director of Negeri Sembilan Land and Mines (PTG), the Registrar of Titles Negeri Sembilan and PR1MA related to the issue involving Lot 3902, Seremban District in Negeri Sembilan pertaining to wrongful alienation, void transfer and negligence in executing the land ownership transfer. Court proceeding of the case is still ongoing.*

## 02

### Tuntutan Bayaran Tunggakan Hasil Sewa/ Pajakan RAC *Claims in Arrears of RAC Rental/Lease Revenue*

RAC melalui firma guaman yang dilantik telah mengemukakan sebanyak lapan (8) tuntutan tunggakan baharu terhadap penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan keseluruhan berjumlah RM7.98 juta.

Sebanyak tiga (3) penghakiman direkodkan sepanjang 2022 iaitu:

*RAC through its appointed legal firm has submitted eight (8) claims in new arrears totalling RM7.98 million from its tenants.*

*Another three (3) judgements have been recorded throughout 2022 as below:*

1

Penghakiman Mahkamah  
*Court Judgement*

**RM1,107,409.20**

2

Penghakiman Mahkamah  
*Court Judgement*

**RM579,175.50**

3

Perintah Orang Digarnis  
*Garnishee Order*

**RM1,262,836.75**



# Seksyen 7

## SECTION 7

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT

*DEVELOPMENT OF QUALITY  
HUMAN RESOURCES AND  
INCULCATING ICT CULTURE*





## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT *DEVELOPMENT OF QUALITY HUMAN RESOURCES AND INCULCATING ICT CULTURE*

Sebagai sebuah badan berkanun yang berpegang teguh kepada dasar-dasar Kerajaan dan pada masa yang sama turut menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, RAC komited ke arah pengukuhan dan pemantapan tadbir urus termasuk memastikan modal insan berkualiti dapat dilahirkan dan kemajuan teknologi ICT dapat diadaptasi. Langkah ini selaras dengan fokus bahawa perkhidmatan awam tidak lagi hanya sekadar mengadaptasi perubahan, malah perlu selangkah ke hadapan sebagai pemacu, pemikir dan pelaksana perubahan yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Bagi memastikan usaha memantapkan tadbir urus yang baik dapat dilaksanakan, Bahagian Khidmat Pengurusan yang merupakan tulang belakang kepada RAC harus berada di landasan yang tepat. Dalam mendukung peranan ini, lima (5) unit berikut telah berganding bahu bagi memastikan pengurusan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, perolehan dan pengurusan maklumat di RAC sentiasa menyokong *core business* yang dilaksanakan:

*As a statutory body that embraces Government policies whilst providing services to the people, RAC remains steadfast in its commitment to strengthening and consolidating governance including ensuring quality human capital is produced and the latest ICT advancements are adapted. This is in line with the focus that the civil service is no longer just adapting to change, but needs to take a step forward as a driver, thinker and implementer of change for the well-being of the people and the nation.*

*To ensure that good governance practices are in place, the Management Services Division (BKP) which is the backbone of RAC should be on the right track. To support this role, the following five (5) units - human resource management, administration, finance, procurement and information management - in RAC have been working closely as a team in embracing the Corporation's core business:*



Rajah 18: Unit-unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan  
Diagram 18: Units under the Management Services Division




# PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Dengan peranan RAC yang semakin berkembang, penguksuhan terhadap struktur organisasi Perbadanan ini adalah antara elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan RAC dapat melunaskan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan.

*With the evolving role of the RAC, a cohesive and efficient organisational structure is one of the key elements that should be given emphasis to ensure the Corporation is able to fulfil the functions and responsibilities that have been entrusted.*

Dalam hal ini, RAC giat merancang pembangunan organisasinya bermula daripada penubuhannya dan perkembangannya seperti rajah berikut:

*In this regard, RAC has been actively planning its organisational development since inception and its growth can be seen below:*



Rajah 19: Kronologi perubahan dan perkembangan organisasi di RAC  
Diagram 19: Organisational growth in RAC

## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Sehingga 31 Disember 2022, kedudukan perjawatan dan pengisian RAC mengikut kumpulan pegawai adalah seperti berikut:

*As of 31 December 2022, the staffing position and filling of posts of officers according to groups are as follows:*

KUMPULAN GROUP	PERJAWATAN POSTS			PENGISIAN FILLED		
	TETAP PERMANENT	COS	CFS	TETAP PERMANENT	COS	CFS
Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	-	-	-	-	-	-
Pengurusan dan Profesional <i>Management &amp; Professional</i>	15	26	16	13	24	16
Pelaksana <i>Implementer</i>	23	40	0	23	37	0
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>38</b>	<b>66</b>	<b>16</b>	<b>36</b>	<b>61</b>	<b>16</b>

Jadual 11: Pengisian jawatan mengikut kumpulan pegawai  
*Table 11: Staffing position and filling of posts of officers according to groups*

Hasil daripada Gerak Kerja Pelan Pengukuhan Perjawatan Perbadanan ini mulai 2014, pada 2017 RAC telah memperoleh kelulusan JPA bagi pertambahan 50 jawatan berasaskan *Contract of Service* (COS) dan pertambahan satu jawatan pada 2018. Seterusnya pada 2019, pertambahan seramai enam (6) orang pegawai bertaraf COS telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah RAC menjadikan keseluruhan pegawai COS di RAC adalah seramai 57 orang. Seterusnya pada 2021, RAC menerima kelulusan menambah sembilan (9) jawatan COS. Pertambahan jawatan COS ini dilihat mampu menjadi pemangkin untuk RAC terus kekal berdaya maju seiring dengan usaha ke arah transformasi pengurusan aset kereta api negara.

Di samping itu, pada 2019, buat pertama kalinya RAC melantik seramai tiga (3) pegawai lantikan kontrak secara *Contract for Service* (CFS) secara berperingkat yang mempunyai kepakaran tertentu bagi membantu RAC mencapai KPI yang ditetapkan selaras dengan hasrat Ketua Pegawai Eksekutif untuk menepati misi dan visi RAC secara keseluruhannya. Pelantikan pegawai secara CFS merupakan pembelian kontrak perkhidmatan daripada seseorang individu oleh RAC. Justifikasi pelantikan ini adalah berdasarkan kepada keperluan semasa pada tahun tersebut.

*As a result of the implementation of the Corporation's Employment Development Blueprint since 2014, RAC has obtained the Public Service Department (PSD)'s approval for an additional 50 posts on Contract of Service (COS) in 2017 and an additional one (1) post in 2018. In 2019, RAC Board of Directors approved an additional six (6) COS officers, bringing the total number to 57. In 2021, RAC approved an additional nine (9) COS positions. The increase in COS posts is seen as a catalyst for RAC to remain viable in line with efforts toward the transformation of the country's railway asset management.*

*Besides that, in 2019, RAC for the first time appointed three (3) officers on Contract for Service (CFS) in stages to help RAC achieve its Key Performance Indicator (KPI) targets in line with the Chief Executive Officer's aspiration to realise the mission and vision of the organisation. The appointment of CFS officers is regarded as RAC's investment in quality human capital given that the CFS officers bring with them years of experience and expertise in their respective fields. The justification for these appointments is based on needs during that year.*



## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Sehingga Disember 2022, RAC mempunyai seramai tujuh (7) orang CFS di Ibu Pejabat dan sembilan (9) kakitangan bertaraf CFS di Wilayah yang melaksanakan tugas bersifat operasi dan tadbir urus organisasi. Perjawatan CFS RAC adalah seperti berikut:

*As of December 2022, seven (7) CFS officers are attached at the Headquarters and nine (9) CFS officers of the same level are tasked with operational and organisational governance duties at the regional office. Following are CFS posts at RAC:*

JAWATAN POSTS	JUMLAH TOTAL
Pegawai Perhubungan Media dan Pengurusan Pemegang Taruh <i>Media and Stakeholder Relations Officer</i>	1
Pegawai Eksekutif Perancangan Hartanah <i>Property Planning Executive Officer</i>	2
Pegawai Eksekutif Komersial <i>Commercial Executive Officer</i>	1
Ketua Pegawai Kewangan <i>Chief Executive Finance</i>	1
Ketua Pegawai Rel <i>Chief Rail Officer</i>	1
Pegawai Eksekutif Undang-Undang <i>Legal Executive Officer</i>	1
Pegawai Komersial <i>Commercial Officer</i>	3
Pegawai Fasilitas <i>Facility Officer</i>	3
Penolong Pegawai Wilayah <i>Assistant Regional Officer</i>	3
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>16</b>

Jadual 12: Pengisian jawatan mengikut kumpulan pegawai  
*Table 12: Staffing position and filling of posts of officers according to groups*

### i. Penubuhan Unit Rel

Unit Rel ditubuhkan pada Ogos 2022 selaras dengan usaha untuk memantapkan tadbir urus teknikal aset kereta api selaras dengan fungsi dan peranan RAC sebagai pemilik dan pengurus aset termasuk aset-aset teknikal kereta api. Pewujudan unit ini juga sebagai langkah kawalan dalaman bagi memastikan pengurusan aspek teknikal kereta api dibuat dengan mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Penubuhan unit ini diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC yang ke-95 yang bersidang pada 26 November 2020. Unit ini dianggotai seramai lima (5) anggota dan mempunyai dua (2) fungsi utama iaitu:

### i. Establishment of RAC Rail Unit

*The Rail Unit was established in August 2022 to strengthen the governance of railway technical assets in line with RAC's functions and role as owner and manager of assets including railway technical assets. The unit is part of internal control measures to ensure the the railway technical management aspects are in compliance with the regulations in force. The setting up of the unit was approved at the 95th RAC Board of Directors' Meeting on 26 November 2020. The unit comprises five (5) members with two (2) main functions below:*

## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Fungsi bagi Seksyen Pengurusan Aset Rel (Operasi Kereta Api) yang adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan perancangan perolehan aset rel;
- ii. Melaksanakan proses pendaftaran sehingga pelupusan aset rel yang terlibat;
- iii. Menguruskan hal berkaitan insurans terhadap aset rel;
- iv. Menjadi penyelararas penyelenggaraan - KTMB/ Anak Syarikat/ MRO/ APAD (juga termasuk hal berkaitan dengan kemalangan dan rosot nilai aset rel).
- v. Memastikan semua aset dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan melaksanakan *due diligence* terhadap semua aset dan *rolling stock*;
- vi. Melaksanakan pengauditan terhadap kerja rutin penyelenggaraan aset rel berdasarkan kepada manual yang digariskan oleh KTMB; dan
- vii. Menyediakan *Term of Reference* (TOR) bagi pelaksanaan *due diligence* dan lain-lain perolehan berkaitan.

Fungsi bagi Seksyen Polisi dan Perancangan Sektor Rel adalah seperti berikut:

- i. Perancangan polisi dan perancangan industri kereta api;
- ii. Perancangan jarak keselamatan dan penyelenggaraan;
- iii. Melaksanakan kajian terhadap cadangan pembangunan yang melibatkan sektor rel – contohnya pewujudan jajaran baharu;
- iv. Melaksanakan perancangan dan penyelararas kolaborasi syarikat/ pihak ketiga berkaitan sektor rel; dan
- v. Melaksanakan kajian terhadap hala tuju *Railway Network Access Agreement* (RNAA).

Memandangkan unit ini baharu ditubuhkan, beberapa lawatan kerja diadakan bersama pemain industri bagi mendapatkan maklumat dan menjalinkan kerjasama strategik antaranya:

*The functions of the Rail Asset Management Section (Railway Operations) are as below:*

- i. To carry out rail asset procurement;*
- ii. To execute registration process until disposal of the rail asset involved;*
- iii. To manage insurance matters related to rail assets;*
- iv. To serve as maintenance coordinator - KTMB/ Subsidiaries/ MRO (Maintenance, Repair and Operations)/ APAD (Land Public Transport Agency) including matters related to accidents and rail asset value depreciation);*
- v. To ensure all assets are in good working condition and can still be used by conducting due diligence on all assets and rolling stock;*
- vi. To conduct auditing on routine rail asset maintenance based on the manual provided by KTMB; and*
- vii. To provide the Terms of Reference (TOR) for conducting due diligence and other matters related to procurement.*

*The functions of the Section on Policy and Planning of the Rail Sector are as below:*

- i. Policy and railway industry planning;*
- ii. Planning on safety distance and maintenance;*
- iii. To conduct a study on development proposals involving the rail sector – for example, the creation of new stretches;*
- iv. o carry out planning and coordination of companies/ third party collaboration related to the rail sector; and*
- v. To conduct studies on the direction of the Railway Network Access Agreement (RNAA).*

*Given that this is a new unit, several working visits were conducted together with industry players to gather information and establish strategic cooperation, among others:*



## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

i. Lawatan ke Depot Batu Gajah



i. Visit to Batu Gajah Depot



ii. Lawatan dan pemeriksaan ke lintasan rata awam di Stesen Keretapi Bahau.



ii. Visit and inspection of a public level crossing at Bahau Railway Station



iii. Lawatan ke Universiti Kuala Lumpur (UniKL) melalui Asia Rail Centre yang berperanan sebagai pusat profesional yang memfokuskan teknologi rel.



iii. Visit to Universiti Kuala Lumpur (UniKL) through Asia Rail Centre, a professional centre focusing on rail technology



## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

### ii. Pengoperasian Pejabat Urusan Wilayah

Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Bilangan 100 bertarikh 9 Julai 2021 telah bersetuju agar Pejabat Urusan Wilayah (PUW) diwujudkan bagi tiga (3) lokasi iaitu Utara, Timur dan Selatan. Pewujudan PUW ini bertujuan membantu pengurusan aset dan infrastruktur kereta api, pelaksanaan aktiviti komersial dan pembangunan hartanah serta menyelesaikan isu-isu aduan. Untuk permulaan operasi PUW, seramai sembilan (9) kakitangan bertaraf CFS telah dilantik ke jawatan masing-masing bagi mengisi kekosongan di pejabat urusan wilayah.

Gerak kerja mewujudkan pejabat PUW ini bermula mulai Jun hingga Disember 2022 bagi membolehkan PUW beroperasi bermula Januari 2023. Berikut adalah lokasi bagi ketiga-tiga PUW yang telah dikenal pasti:

### ii. RAC Regional Offices

*The 100th RAC Board of Directors' Meeting on 9 July 2021 approved the setting up of Regional Offices at three (3) locations - Northern, East Coast and Southern Regions. The regional offices will facilitate railway asset and infrastructure management, implementation of commercial activities and property development as well as in addressing complaints. To kick off the operation, nine (9) staff on Contract for Service (CFS) had been appointed to their respective positions at the regional offices.*

*Preparations were made from June to December 2022 before the regional offices become operational in January 2023. The three regional offices are located at the following locations:*

#### Pejabat Urusan Wilayah Utara Northern Regional Office

G-21, Pusat Perniagaan Perdana Jaya,  
Jalan Permatang Rawa,  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.  
T: 04-5720400  
F: 04-5720422  
E: puwu@rac.gov.my

#### Pejabat Urusan Wilayah Selatan Southern Regional Office

PS70, Jalan Bandar Satelit Sebang 3,  
Seksyen 1, Bandar Satelit Sebang,  
78000 Pulau Sebang,  
Alor Gajah, Melaka.  
T: 06-4150300  
F: 06-4150322  
E: puws@rac.gov.my

#### Pejabat Urusan Wilayah Timur East Coast Regional Office

PT5177, Jalan Kempas 1/2,  
Bandar Utama Gua Musang,  
18300 Gua Musang, Kelantan.  
T: 09-9140500  
F: 09-9140522  
E: puwt@rac.gov.my



## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Selain kerja-kerja penyediaan pejabat PUW, kemudahan ICT dan rangkaian di kesemua PUW turut disediakan agar pengoperasian pejabat-pejabat ini adalah dalam keadaan yang baik. Berikut ialah kemudahan ICT yang disediakan:


- ▶ Bilik rangkaian;
- ▶ Rangkaian dalaman LAN & Wireless;
- ▶ Rangkaian WAN internet;
- ▶ Rangkaian private GovNET MAMPU;
- ▶ Firewall;
- ▶ Switches;
- ▶ IPPBX & IP Phone; dan
- ▶ Komputer

Kesemua rangkaian PUW disambungkan terus ke Ibu Pejabat RAC bagi memudahkan akses perkongsian maklumat dan data yang lebih selamat serta terjamin melalui rangkaian MAMPU.

*To ensure a seamless operation, all regional offices will be equipped with ICT infrastructure and networks below:*

- ▶ Network room;
- ▶ LAN internal network & Wireless Network;
- ▶ WAN internet network;
- ▶ Private network GovNET MAMPU;
- ▶ Firewall;
- ▶ Switches;
- ▶ IPPBX & IP Phone; and
- ▶ Computers

*All regional networks are directly connected to RAC headquarters to enable the organisation to share data and information in a secure, lawful and respectful manner through the MAMPU network.*



## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

### iii. Pembangunan Modal Insan

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah prasyarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan demi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Justeru, pembangunan modal insan RAC diberi lebih perhatian bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan RAC yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif berteraskan kecemerlangan.

Pada 2022, sebanyak 51 program pembangunan kompetensi dalaman dan luaran telah dilaksanakan.

### iii. Human Capital Development

*A resilient and competitive human capital is an essential prerequisite to effectively move the Government's transformation agenda in achieving a high-income status. Therefore, greater attention is given to RAC's human capital development in order to produce more officers and staff with a progressive mindset geared towards excellence.*

*In 2022, a total of 51 internal and external competency development programmes were implemented.*



Rajah 20: Program Pembangunan Kompetensi RAC  
Diagram 20: RAC Competency Development Programmes

RAC juga komited bagi memastikan setiap pegawai diberikan latihan dalam bidang tugas masing-masing agar kompetensi dan kemahiran menjalankan tugas dapat dipertingkatkan. Selain itu, bagi tujuan peningkatan kerjaya pegawai, aspek pembangunan kompetensi teras bagi setiap pegawai turut diberi penekanan. Dalam hal ini, program-program latihan diklusterkan kepada empat (4) kategori iaitu:

*RAC is also committed to ensuring that its officers are given training in their respective areas of work so that their competency and skills in carrying out their duties can be improved. For career advancement purposes, the development of core competency for each officer is also emphasised. In this case, the training programmes have been clustered into four (4) categories namely:*




## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT



Rajah 21: Kluster program latihan  
Diagram 21: RAC Competency Development Programmes

Komposisi peratusan pegawai RAC yang dilatih berdasarkan empat kompetensi tersebut pada 2022 adalah seperti berikut:

The percentage of RAC officers who have been trained based on four competency categories in 2022 is as follows:



Carta 4: Peratusan pegawai yang dilatih berdasarkan kompetensi  
Chart 4: Percentage of officers trained based on competency

## PEMBANGUNAN ORGANISASI ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Pada 2022, seramai lapan (8) kakitangan RAC menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu tiga (3) bagi jawatan tetap dan lima (5) bagi jawatan kontrak.

### TETAP

- i. En. Mohd Khairi bin Mohd Taib; Jurutera Gred J41; dan
- ii. En. Rosdan bin Ahmad; Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22

### KONTRAK

- i. Pn. Siti Mariam binti Md Isa; Pegawai Tadbir Gred N44;
- ii. En. Nazrin Ridzuan bin Ariffin; Penolong Jurutera Gred JA29;
- iii. En. Muhammad Ali Taib bin Megat Muainuddin; Penolong Jurutera Gred JA29;
- iv. En. Muhammad Zahid Alif bin Abdul Aziz; Penolong Pegawai Penerangan Gred S29;
- v. En. Mohammad Hafiz Zahan bin Hasni Apani; Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29; dan
- vi. Pn. Sharifah Zalina binti Syed Walad; Penolong Pegawai Tadbir Gred N29

*In 2022, a total of eight (8) RAC staff received the Excellent Service Award (APC), namely three (3) for permanent positions and five (5) for contract positions.*

### PERMANENT

- i. *En. Mohd Khairi bin Mohd Taib; Engineer Grade J41; and*
- ii. *En. Rosdan bin Ahmad; Administrative Assistant (P/O) Grade N22*

### CONTRACT

- i. *Pn Siti Mariam binti Md Isa; Administrative Officer Grade N44;*
- ii. *En. Nazrin Ridzuan bin Ariffin; Assistant Engineer Grade JA29;*
- iii. *En. Muhammad Ali Taib bin Megat Muainuddin; Assistant Engineer Grade JA29;*
- iv. *En. Muhammad Zahid Alif bin Abdul Aziz; Assistant Information Officer Grade S29;*
- v. *En. Mohammad Hafiz Zahan bin Hasni Apani; Assistant Information Technology Officer Grade FA29; and*
- vi. *Pn. Sharifah Zalina binti Syed Walad; Assistant Administrative Officer Grade N29*





## PENGUKUHAN ICT STRENGTHENING ICT

Seiring perkembangan pesat ekonomi dan kemajuan pelbagai industri, amatlah penting bagi sesebuah organisasi memiliki kecekapan dalam menguruskan tugas dan perkhidmatan, sama ada dalaman mahu pun luaran.

Kemajuan teknologi komunikasi membolehkan organisasi berhubung dengan pelanggan, pengurusan dan pekerja secara lebih pantas dan efisien. Oleh itu, pada 2022, beberapa tindakan ke arah pengukuhan pendigitalan telah diambil Perbadanan ini iaitu:

*Technology has transformed how companies work, consumers behave and competitors do business. In order to confront the rapidly-evolving world, an organisation needs to have a system in place to adapt with the changes.*

*In the workplace, communication technology has many benefits, but without proper training, guidelines and thought, it is hard for companies to reap the rewards of the ever-evolving technology. While technology used incorrectly can impede communication, it can facilitate highly efficient and clear communication at its best. Towards this end, several initiatives were undertaken by the Corporation to boost digitalisation in 2022, such as:*

01

### Bengkel Penulisan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) RAC 2021-2025

#### Workshop on Writing the Strategic Digitalisation Plan (PSP) RAC 2021-2025

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) RAC untuk tempoh 2021 hingga 2025 dibangunkan dengan kerjasama MOT berserta khidmat nasihat serta perundingan daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

PSP RAC 2021-2025 adalah Pelan Strategik ICT kedua, yang menggariskan keperluan aplikasi dan data, infrastruktur ICT, tadbir urus ICT serta keupayaan ICT di Perbadanan ini. PSP RAC 2021-2025 telah diujarkannya dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 bagi menyokong keperluan proses kerja dan perkhidmatan di RAC. Pelan ini juga mengambil kira keperluan semasa kerajaan melalui pelan yang diperkenalkan seperti Jalanan Digital Negara (JENDELA), Pelan Digital Negara (MyDIGITAL) dan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

Dengan visi **Pendigitalan Aset Kereta Api Secara Inklusif Pemacu Pengurusan dan Pembangunan Sektor Rel Negara**, PSP RAC 2021-2025 merangkumi tiga (3) teras strategik dan 11 strategi bagi memastikan misi mengintegrasikan data aset kereta api secara berpusat dapat menyokong pembangunan sektor rel negara.

*The RAC Digitalisation Strategic Plan (PSP) for the period 2021 to 2025 was developed in collaboration with MOT as well as the advisory services and consultancy from the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).*

*The RAC PSP 2021-2025 is the second ICT Strategic Plan, which outlines the application and data requirements, ICT infrastructure, ICT governance as well as ICT capabilities in the Corporation. The plan has been aligned with the Public Sector Digitalisation Strategic Plan 2021-2025 to complement the work process and service requirements in RAC. The plan has also taken into account the current needs of the Government through plans that have been introduced such as the National Digital Network (JENDELA), the National Digital Plan (MyDIGITAL) and the National Transport Policy 2019-2030.*

*With the vision of **Inclusive Railway Asset Digitalisation as the Driver of National Rail Sector Management and Development**, the PSP 2021-2025 encompasses three (3) strategic thrusts and 11 strategies to ensure the mission of centrally integrating railway asset data can complement the development of the national rail sector.*

## PENGUKUHAN ICT STRENGTHENING ICT

Bagi tujuan dokumentasi, Bengkel Penulisan PSP RAC 2021-2025 diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2022 dengan penyertaan daripada wakil MAMPU dan MOT. Selain RAC, MOT dan Jabatan Laut Malaysia (JLM), yang turut membangunkan PSP masing-masing, turut menyertai bengkel ini.

*For documentation purposes, RAC organised a PSP 2021-2025 Writing Workshop from 21 to 23 February 2022 with participation from representatives of MAMPU and MOT. Besides RAC, MOT and the Marine Department (JLM) are also developing their respective PSP.*

Pada 8 Ogos 2022, Majlis Sign-off PSP diadakan di Pejabat RAC dengan kehadiran YBhg. Dato' Razali bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOT. Majlis ini adalah simbolik kepada penutup dan penyelesaian gerak kerja pembangunan PSP RAC, MOT dan JLM bersama-sama MAMPU yang dilaksanakan mulai Jun 2021.

*On 8 August 2022, a sign-off of the PSP was held at RAC office which was attended by MOT Deputy Secretary-General (Management) YBhg. Dato' Razali bin Mohamad. This event is symbolic as it marks the culmination of joint efforts in the development of the PSP for RAC, MOT and JLM together with MAMPU which took off in June 2021.*

### 02

#### Pembangunan Aplikasi Mudah Alih RAILS Development of RAILS Mobile App

Bermula 2022, *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) yang digunakan oleh RAC sebagai penyedia perkhidmatan dalam talian sejak 2017, telah ditambah baik dengan kemudahan akses secara terus menggunakan aplikasi telefon bimbit. Bagi memenuhi tuntutan aplikasi mobile di pasaran, RAILS boleh dimuat turun melalui sistem operasi iOS, Android dan Huawei.

*In 2022, RAC undertook measures to enhance customer engagement by providing them with easy and direct access to the Railway Assets Intelligence System (RAILS) via mobile applications. RAILS had been in operation since 2017 to allow the Corporation's asset rental management to be conducted online. RAILS mobile app can be downloaded through the mobile operating systems namely iOS, Android and Huawei.*

Usaha ini bagi menyokong hasrat kerajaan untuk menggalakkan akses perkhidmatan agensi kepada rakyat secara digital dengan cara yang lebih mudah, cepat dan tepat. Aplikasi mudah alih ini mula digunakan pada Disember 2022 oleh pelanggan RAC dan hasil daripada maklum balas yang diterima, langkah penambahbaikan aplikasi dilakukan sebelum ia mula digunakan sepenuhnya pada 2023.

*The development of RAILS mobile app is in line with the Government's aspiration that agencies deliver simple, fast and connected public services for all business and people through accurate data and digital capabilities. This mobile app was first introduced in December 2022. Following feedback received from RAC customers, steps were then taken to upgrade the app before it becomes fully operational in 2023.*

Sesi libat urus bersama-sama pelanggan/ penyewa RAC dilakukan dari semasa ke semasa melibatkan Unit Pengurusan Maklumat dan Bahagian Komersial.

*From time to time, RAC's Information Management Unit and the Commercial Division held engagement sessions with customers/tenants.*





## PEROLEHAN PROCUREMENT

Bagi semua aktiviti pembangunan dan pengurusan aset, RAC sentiasa berusaha memastikan setiap pengurusan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus terbaik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, merealisasikan nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

*For all development and asset management activities, RAC would always ensure continuous supply of materials and services to meet the Government needs from the best and reliable sources based on good governance practices, by adhering to the Government's procurement principles - public accountability, transparency, value for money, open and fair competition and fair dealing.*

## PIHAK BERKUASA MELULUS APPROVING AUTHORITY

Pihak Berkuasa Melulus (PBM) merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab untuk meluluskan sesuatu perolehan. RAC mempunyai tiga (3) peringkat PBM tertakluk kepada had nilai sesuatu perolehan mengikut Prosedur Perakaunan dan Kewangan (PPK) RAC seperti berikut:

*Approving Authority (PBM) refers to the party responsible for approving procurement – a strategic process that involves the acquisition of goods and services. There are three (3) levels of PBM at RAC and approvals are subject to the value limit of procurement as specified under the RAC Accounting and Finance Procedures (PPK) as follows:*

JENIS PEROLEHAN PROCUREMENT TYPE	HAD NILAI VALUE LIMIT	KATEGORI DANA FUND CATEGORY	PUNCA KUASA SOURCE	PIHAK BERKUASA MELULUS APPROVING AUTHORITY
Bekalan dan Perkhidmatan Supply and Services	Sehingga RM50k Up to RM50k	RAC / Persekutuan RAC / Federal	PK2	Ketua Pegawai Eksekutif Chief Executive Officer
	Melebihi RM50k hingga RM800k Exceeding RM50k to RM800k	RAC	PPK RAC Tahun 2021 PPK RAC Year 2022	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH RAC) Quotation Committee
	Melebihi RM50k hingga RM500k Exceeding RM50k to RM500k	Persekutuan Federal	PK2	
	Melebihi RM800k Exceeding RM800k	RAC	PPK RAC Tahun 2021 PPK RAC Year 2021	Lembaga Perolehan RAC RAC Procurement Committee
	Melebihi RM500k Exceeding RM500k	Persekutuan Federal	PK2	

## PIHAK BERKUASA MELULUS APPROVING AUTHORITY (APM)

JENIS PEROLEHAN PROCUREMENT TYPE	HAD NILAI VALUE LIMIT	KATEGORI DANA FUND CATEGORY	PUNCA KUASA SOURCE	PIHAK BERKUASA MELULUS APPROVING AUTHORITY
Kerja Work	Sehingga RM100k <i>Up to RM100k</i>	RAC	PPK RAC Tahun 2021 <i>PPK RAC Year 2021</i>	Ketua Pegawai Eksekutif <i>Chief Executive Officer</i>
	Sehingga RM50k <i>Up to RM50k</i>	Persekutuan <i>Federal</i>	PK2	
	Melebihi RM100k hingga RM800k <i>Exceeding RM100k to RM800k</i>	RAC	PPK RAC Tahun 2021 <i>PPK RAC Year 2021</i>	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH RAC) <i>Quotation Committee</i>
	Melebihi RM50k hingga RM500k <i>Exceeding RM50k to RM500k</i>	Persekutuan <i>Federal</i>	PK2	
	Melebihi RM800k <i>Exceeding RM800k</i>	RAC	PPK RAC Tahun 2021 <i>PPK RAC Year 2021</i>	Lembaga Perolehan RAC <i>RAC Procurement Committee</i>
	Melebihi RM500k <i>Exceeding RM500k</i>	Persekutuan <i>Federal</i>	PK2	

Jadual 13: Had nilai perolehan dan peringkat kelulusan PBM  
*Table 13: Procurement approval limit and PBM approval level*

Sepanjang 2022, sejumlah RM15 juta nilai perolehan dilaksanakan merangkumi beberapa kaedah perolehan seperti sebut harga, tender, lantikan terus perunding berserta kos siling, rundingan terus di bawah PK7 dan pembelian terus secara Pesanan Kerajaan seperti berikut:

*Throughout 2022, a total of RM15 million worth of procurements were implemented through various procedures such as quotation, tender, direct appointment of consultants with ceiling cost, direct negotiation under PK7 and direct purchase by Government Order as below:*

KAEDAH PEROLEHAN PROCUREMENT METHOD	BILANGAN PEROLEHAN PROCUREMENT (NUMBER)	JUMLAH (RM) TOTAL (RM)
Sebut Harga <i>Quotation</i>	35	10,541,347.84
Tender	-	-
Lantikan Terus Perunding Berserta Kos Siling <i>Direct Appointment of Consultants with Ceiling Cost</i>	3	1015137.17
Rundingan Terus PK7 <i>Direct Negotiation PK7</i>	1	51,320.00
Lantikan Terus (Kerja) <i>Direct Appointment (Work)</i>	12	863,998.50
Pembelian Terus (Perkhidmatan/ Bekalan) Secara Pesanan Kerajaan <i>Direct Purchase (Service/ Supply) By Government Order</i>	259	2,722,313.61
Pembelian Terus (Perkhidmatan/ Bekalan) Perolehan Bermasa <i>Direct Purchase (Service/ Supply) Purchasing for a Certain Period</i>	7	134,418.00
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>317</b>	<b>15,328,535.12</b>

Jadual 14: Jumlah dan kaedah perolehan yang dilaksanakan RAC sepanjang 2022  
*Table 14: Procurement methods and total procurements implemented by RAC throughout 2022*



## SISTEM TENDERWIZARD TENDERWIZARD SYSTEM

Bagi tujuan penambahbaikan, sistem perolehan secara elektronik yang dikenali sebagai TenderWizard RAC turut digunakan. Sistem ini dibangunkan selaras dengan pelaksanaan sistem e-Perolehan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan. Sistem ini juga lazim diguna pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan dan agensi kerajaan lain yang melaksanakan proses perolehan.

Sistem ini memudahkan kaedah perolehan khususnya bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, yang sebelum ini dilaksanakan secara manual di samping membantu mengurangkan penggunaan kertas. Sistem ini juga menggantikan kaedah pendaftaran pembekal/perkhidmatan sedia ada kepada sesuatu yang lebih sistematik dan teratur.

Dengan pelaksanaan sistem ini, hanya syarikat yang berdaftar sebagai Pembekal RAC yang boleh menyertai perolehan di RAC. Pendaftaran sebagai Pembekal RAC boleh dibuat melalui pautan <https://tenderwizard.my/RAC> dengan bayaran fi pendaftaran sebanyak RM150.00 bagi tempoh sah laku ialah 12 bulan daripada tarikh pendaftaran.

*For further improvements, the electronic procurement system known as RAC TenderWizard was also adopted. The system was developed in line with the implementation of the e-Procurement introduced by the Ministry of Finance. This system is often used by Federal Statutory Bodies and other Government agencies to ensure effectiveness in procurement processes.*

*This system is a user-friendly online application for procurement of goods and services through various procurement procedures especially for supply and services, which were previously conducted manually. At the same time, it also helps reduce the use of paper. This system also replaces the existing method of registration of vendors/services to one that is more systematic and organised.*

*With the implementation of this system, only companies registered as RAC Vendors can apply for procurements at RAC. Registration as RAC Vendors can be conducted through this link at <https://tenderwizard.my/RAC> with a registration fee of RM150.00 for a period that is valid for 12 months from the date of registration*

Home E-Tenders About Us User Benefits Contact Us Register Login More

**RAC**  
RAILWAY ASSETS CORPORATION

**Sistem ePerolehan  
Railway Assets Corporation**

SELAMAT DATANG KE LAMAN WEB ePEROLEHAN PERBADANAN ASET

LOGIN

News

AKAUN PEMBEKAL  
AKAN DI AKTIFKAN  
SETELAH PEMBAYARAN  
PENDAFTARAN DIBUAT

Quick Links

System Requirement  
FAQ  
Install the DWF Viewer

CF TENDERWIZARD is robust, feature-rich end to-end solution for e-Tendering, e-Procurement and e-Auction. It is an exclusively web-based product for buying goods and services through quotations RFQ/RFP, tenders (limited and open), reverse / forward auctions of goods through tender-cum-auction.

This online system will cover to all aspects of procurement including vendor registration, tender preparation, Purchase Requests, bid upload, bid document purchase, bid preparation and bid submission, bid



# Seksyen 8

## SECTION 8

### PENGURUSAN ADUAN AWAM & PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC

**PUBLIC COMPLAINTS  
MANAGEMENT &  
RE-IMAGING AND BRANDING  
OF RAC**





## PENGURUSAN ADUAN AWAM

### MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS

Pengurusan aduan merujuk kepada proses mengendalikan aduan yang diterima oleh sesebuah organisasi. Pengurusan aduan yang berkesan adalah penting bagi membolehkan aduan ditangani dengan segera, adil dan berkesan.

Dalam hal ini, RAC mengguna pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2022: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam dalam menguruskan aduan yang diterima. Sehingga penghujung 2022, Perbadanan ini menerima sejumlah 124 kes aduan dan 41 pertanyaan. Berikut adalah butiran mengenai jumlah kes yang diterima mengikut bulan dan status kes-kes tersebut.

*Complaints management refers to the process of handling complaints received by an organisation. An effective management of complaints is key to ensuring an organisation can respond and address the complaints immediately, fairly and effectively.*

*In this respect, RAC is guided by the Public Administration Circular No.2 Year 2022: Improvement of Public Complaints Management Process in managing complaints received. As at the end of 2022, the Corporation received a total of 124 complaints and 41 enquiries. Following is a breakdown of total cases received monthly and their status:*

BULAN MONTH	JUMLAH ADUAN COMPLAINTS (NUMBER)	SELESAI RESOLVED
Januari January	8	8
Februari February	8	8
Mac March	9	9
April	8	8
Mei May	10	10
Jun June	13	13
Julai July	10	10
Ogos August	8	8
September	11	11
Oktober October	15	15
November	9	9
Disember December	15	15
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>124</b>	<b>124</b>

Jadual 15: Jumlah dan kaedah perolehan yang dilaksanakan RAC sepanjang 2022  
Table 15: Procurement methods and total procurements implemented by RAC throughout 2022



## PENGURUSAN ADUAN AWAM MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS

Daripada jadual aduan yang ditunjukkan, pada tahun semasa, kesemua 124 aduan yang diterima berjaya diselesaikan hasil tindakan proaktif yang dilaksanakan antaranya:

- i. Pelantikan operator untuk menguruskan tempat letak kereta api termasuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan;
- ii. Pelantikan kontraktor pembersihan dan penyelenggaraan tanah-tanah kereta api di setiap zon; dan
- iii. Kerjasama dengan pihak KTMB bagi memastikan semua aduan diambil tindakan dan diselesaikan.

Sehingga penghujung 2022, Bahagian Pengurusan Hartanah mencatat penerimaan aduan tertinggi iaitu 68 kes diikuti Bahagian Komersial dengan 47 kes, Bahagian Pembangunan dengan empat (4) kes, Bahagian Khidmat Pengurusan 1 kes dan lain-lain unit empat (4) kes.

*From the table of complaints shown, during the current year, 124 complaints were resolved as a result of proactive measures undertaken, among others:*

- i. The appointment of an operator to manage the railway station carpark including carrying out cleaning and maintenance works;*
- ii. The appointment of a contractor for cleaning and maintenance of railway land at every zone;*
- iii. Cooperation with KTMB to ensure all complaints are immediately acted upon and resolved.*

*As of 2022, the Property Management Division received the highest number of complaints with 68 cases followed by the Commercial Division (47 cases), Development Division with four (4) cases, Management Services Division (1) and other units with four (4) cases.*

## SALURAN ADUAN MELALUI APLIKASI MUDAH ALIH RAILS COMPLAINTS' CHANNEL VIA RAILS MOBILE APPLICATION

Pada tahun semasa, RAC telah memperkenalkan saluran aduan melalui aplikasi RAILS yang kini diperkenalkan secara dalam talian. Pengenalan aplikasi ini merupakan inisiatif RAC dalam memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat aduan atau pertanyaan berkaitan fungsi dan peranan Perbadanan ini di mana-mana jua. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma melalui Google Playstore, Apps Store dan Huawei Apps Gallery.

*During the current year, RAC has introduced a complaints' channel through the RAILS application which is now available online. The app is RAC's initiative in providing access for users to lodge a complaint or make enquiries anywhere on matters related to the function and role of this Corporation. Free download of the app is available through Google Playstore, Apps Store and Huawei Apps Gallery.*



## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Sepanjang 2022, sebanyak 10 majlis dan program rasmi termasuk beberapa program yang melibatkan kerjasama dengan pihak swasta telah diadakan. Penganjuran majlis dan program rasmi ini merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan ini untuk memperkukuh dan mempromosikan perniagaan teras dan jenama RAC kepada pihak-pihak berkepentingan.

Berikut adalah maklumat berkaitan majlis dan program rasmi yang telah dianjurkan:

*In 2022, RAC organised 10 official events and programmes involving collaboration with the private sector. The official events and programmes are part of RAC's efforts to consolidate and promote its core business and branding to the relevant parties.*

*Below are the official events and programmes which were held during the year:*



### HARI USAHAWAN NEGARA 2022 NATIONAL ENTREPRENEURS DAY 2022

25 - 28 Mac 2022: Penyertaan RAC sebagai pempamer pada Hari Usahawan Negara (HUN) 2022 di Pusat Dagangan Dunia di Kuala Lumpur. Dalam program ini, Perbadanan ini telah menawarkan penyewaan kios dan kaunter mini mudah alih yang tersedia di stesen-stesen kereta api sepanjang jajaran.

*25 - 28 March 2022: RAC is among the exhibitors at the National Entrepreneurs Day 2022 (HUN 2022) at the World Trade Centre in Kuala Lumpur. At this programme, the Corporation offered rental of kiosks and pushcarts at the existing railway stations along the stretches.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN LINTASAN RATA AWAM ANTARA RAC DAN KTMB SIGNING OF A PUBLIC LEVEL CROSSING (LRA) AGREEMENT BETWEEN RAC AND KTMB

22 Mac 2022: Majlis Menandatangani Perjanjian Pengoperasian Perkhidmatan Lintasan Rata Awam (LRA) Antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dokumen itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBr. En. Adam bin Abu Hanipah manakala KTMB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin. LRA merupakan satu daripada elemen penting bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan penumpang serta pergerakan orang ramai yang melintasi landasan kereta api di jajaran lama.

Buat masa ini, LRA masih aktif digunakan dalam pengoperasian perkhidmatan kereta api di beberapa sektor terutamanya di Pantai Timur bermula dari Stesen Keretapi Gemas di Negeri Sembilan ke Stesen Keretapi Tumpat di Kelantan. Melalui perjanjian ini, RAC telah bersetuju untuk melantik KTMB untuk mengoperasi, menyelenggara dan menguruskan 48 buah LRA dengan kos sebanyak RM4.4 juta setahun hingga Disember 2022 bermula tahun ini.

*22 March 2022: Signing of a Public Level Crossing (LRA) Service Operation Agreement between Railway Assets Corporation (RAC) and Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). The document was signed by RAC Chief Executive Officer YBr. En Adam bin Abu Hanipah while KTMB was represented by Chief Executive Officer YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin. LRA is one of the key elements in ensuring the smooth running of the operation and passenger safety as well as the movement of users of railway crossings at the old stretches.*

*At present, the LRA is still operational at several railway stations especially at the East Coast sector starting from Gemas Railway Station in Negeri Sembilan to Tumpat Railway Station in Kelantan. Under this agreement, RAC agreed to appoint KTMB to operate, maintain and manage 48 LRAs at a cost of RM4.4 million a year up to December 2022 starting from this year.*



## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC

### RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA RAC DAN MYISP DOT COM SDN. BHD.**

**SIGNING OF A MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOA) BETWEEN RAC AND MYISP DOT COM SDN. BHD.**

18 Mei 2022: Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan MYISP Dot Com Sdn. Bhd. Berhubung Cadangan Pembangunan Rangkaian Optik Ekspres – Sambungan Backbone dan Aset Infrastruktur Rangkaian Di Sepanjang Koridor Kereta Api Nasional. Melalui memorandum tersebut, MYISP akan menyediakan infrastruktur gentian Rangkaian Optik Ekspres (EON) di sepanjang koridor keretaapi negara melibatkan tanah-tanah kereta api yang dimiliki oleh RAC.

Kolaborasi ini membuktikan bahawa MYISP selaku pemain industri, bersedia untuk menjadi pesaing yang sihat dalam menyediakan infrastruktur jalur lebar yang pantas selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kerjasama ini merupakan satu daripada aktiviti pengkomersialan tanah-tanah milik RAC secara optimum yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan RAC secara berterusan.

Memorandum perjanjian in itelah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah manakala MYISP diwakili Pengarah Urusan, YBrs. En. Rashidi Aly Abdul Rais dengan disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada YB Menteri Pengangkutan YBrs. En. Quek Tai Seong.



18 May 2022 : Signing of a Memorandum of Agreement (MOA) between Railway Assets Corporation (RAC) and MYISP Dot Com Sdn. Bhd. on the Proposed Development of the Express Optical Network (EON) – Backbone Extension and Infrastructure Asset Network along the National Railway Corridor. Under the memorandum, MYISP will provide the EON fibre infrastructure along the national railway corridor involving RAC-owned land.

*This collaboration proves that MYISP as an industry player is prepared to compete on a healthy footing by providing fast broadband service in line with the Government's aspiration under the 12th Malaysia Plan. This cooperation is part of RAC's optimum commercialisation of its land which is expected to generate continuous income for the Corporation.*

*The MOA was signed by RAC Chief Executive Officer, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah while MYISP was represented by its Managing Director, YBrs. En. Rashidi Aly Abdul Rais witnessed by the Political Secretary to YB Minister of Transport YBrs. En. Quek Tai Seong.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### MAJLIS PENYERAHAN PROJEK DI BAWAH PEMERKASA ZON UTARA DI STESEN KERETAPI PARIT BUNTAR HANDING OVER OF PEMERKASA PROJECT FOR THE NORTHERN ZONE AT PARIT BUNTAR RAILWAY STATION

17 Jun 2022: Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBr. En. Adam Abu Hanipah dan Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Pn. Norhafisah Mohamad menyaksikan Majlis Penyerahan Projek PEMERKASA Zon Utara oleh para kontraktor kepada RAC di Stesen Keretapi Parit Buntar. Sejumlah RM3.43 juta disalurkan bagi melaksanakan 13 projek pembangunan dan naik taraf di stesen-stesen kereta api di zon ini.

17 June 2022: RAC Chief Executive Officer, YBr. En. Adam Abu Hanipah and Kerian District Council Secretary Pn. Norhafisah Mohamad witnessed the handing over of the PEMERKASA Project for the Northern Zone by the contractors to RAC at Parit Buntar Railway Station. A total of RM3.43 million was allocated to implement 13 development projects and upgrading of railway stations at this zone.



### PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN 2022 ZON UTARA MEET-THE-CLIENTS-DAY 2022 FOR THE NORTHERN ZONE

18 & 19 Jun 2022: Sekitar Program Hari Bertemu Pelanggan 2022 Zon Utara yang berlangsung di Stesen Keretapi Taiping, Perak dan Stesen Keretapi Butterworth, Pulau Pinang. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk:

18 & 19 June 2022: Meet-the-Clients-Day 2022 for the Northern Zone at Taiping Railway Station, Perak and Butterworth Railway Station, Penang. Its main objectives are:

- ▶ Memudahkan urusan penyewaan (permohonan dan pembayaran) tanah kereta api secara bersemuka;
  - ▶ Mempromosikan produk komersial RAC seperti kios dan kaunter mini mudah alih sedia ada di stesen kereta api;
  - ▶ Memudahkan penyaluran aduan orang ramai/ penyewa kepada RAC; dan
  - ▶ Pendedahan secara hands-on terhadap aplikasi RAILS kepada para penyewa RAC.
- ▶ To facilitate rental transactions (applications and payments) of railway land on a face-to-face basis;
  - ▶ To provide easy access for the public/ tenants to channel their complaints to RAC; and
  - ▶ To provide hands-on exposure to RAILS application for RAC tenants.

## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Program tersebut turut dimeriahkan dengan Kempen Derma Darah dan Organ, penyertaan reruai promosi daripada KTMB dan perkhidmatan Mobile JPJ.

*Other activities during the programme included a Blood and Organ Donation Campaign as well as promotional booths from KTMB and RTD Mobile services.*



### PENGIKTIRAFAN KLUANG RAIL COFFEE SEBAGAI THE OLDEST RAILWAY KOPITIAM IN MALAYSIA

### PRESENTATION OF CERTIFICATE TO KLUANG RAIL COFFEE AS THE OLDEST RAILWAY KOPITIAM IN MALAYSIA

18 Julai 2022: Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBr. En. Adam bin Abu Hanipah menyaksikan pengiktirafan Kluang Rail Coffee sebagai *The Oldest Railway Kopitiam in Malaysia* oleh Malaysia Book of Records. Kluang Rail Coffee menjadi antara tarikan pelancong di Kluang, Johor terutama kepada penggemar kopi, merupakan penyewa kiosk RAC di Stesen Keretapi Kluang.

*18 July 2022: RAC Chief Executive Officer YBr. En. Adam bin Abu Hanipah witnessed the presentation of certificate to Kluang Rail Coffee which has been inducted into the Malaysia Book of Records as the Oldest Railway Kopitiam in Malaysia. Kluang Rail Coffee, which is one of the tourist attractions in Kluang, Johor especially among coffee lovers, is also RAC kiosk's tenant at Kluang Railway Station.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### RAIL TECHNOLOGY EXPO 2022

11 - 14 Ogos 2022: Penyertaan RAC sebagai pempamer pada *Rail Technology Expo* (RTX 2022) yang dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong di KL Sentral. Ekspo anjuran MOT, *National Rail Centre of Excellence* (NRCOE), *Technology Depository Agency* (TDA) & *Malaysia Rail Industry Corporation* (MARIC) menjadi platform kepada pemain-pemain industri rel di negara ini untuk mempamerkan produk, teknologi serta kepakaran tempatan. Melalui penyertaan pada pameran ini, RAC dapat berkongsi maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan terutama melibatkan aktiviti komersial kepada para pengunjung.

*11 - 14 August 2022: RAC's participation as exhibitor at the Rail Technology Expo (RTX 2022) which was officially opened by Minister of Transport YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong at KL Sentral. The expo, organised by the MOT, National Rail Centre of Excellence (NRCOE), Technology Depository Agency (TDA) & Malaysia Rail Industry Corporation (MARIC), serves as a platform for national rail industry players to promote their products, technology as well as local expertise. At the expo, RAC was able to share information and services offered especially those related to its commercial activities, with the visitors.*



### SESI LIBAT URUS ANTARA JABATAN KERAJAAN TEMPATAN, RAC & PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENGENAI KADAR CUKAI TAKSIRAN/ SUMBANGAN MEMBANTU KADAR KE ATAS HARTA-HARTA TEKNIKAL ENGAGEMENT SESSION BETWEEN THE LOCAL GOVERNMENT DEPARTMENT, RAC & THE LOCAL AUTHORITIES ON TAX ASSESSMENT/ CONTRIBUTION IN AID RATES ON TECHNICAL PROPERTIES

7 Oktober 2022: Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC merasmikan Sesi Libat Urus Antara Jabatan Kerajaan Tempatan, RAC dengan pihak PBT

*7 October 2022: Secretary-General of the Ministry of Transport YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak who is also RAC Chairman officially opened the Engagement Session between the Local Government Department, RAC and the Local*

## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Mengenai Kadar Cukai Taksiran/ Sumbangan Membantu Kadar Ke Atas Harta-Harta Teknikal hari ini. Sebanyak 30 PBT hadir ke sesi mesyuarat ini, yang bertujuan untuk mendapatkan persetujuan mengenai kaedah pengenaan kadar cukai taksiran atau sumbangan membantu kadar ke atas harta-harta teknikal kereta api yang dimiliki atau diuruskan oleh Perbadanan ini daripada PBT yang terlibat. Buat masa ini, jumlah harta teknikal yang dimiliki RAC termasuklah 187 stesen kereta api, 24 depot dan 10 setor. Harta-harta teknikal ini tidak bersifat komersial kerana ia digunakan bagi menyokong perkhidmatan operasi kereta api. Namun, aset-aset ini telah dikenakan cukai.

*Authorities (PBT) on Tax Assessment/Contribution in Aid Rates on Technical Property today. A total of 30 PBT attended the session aimed at seeking a consensus on the mechanism for separation of the assessment /contribution in aid rates on railway technical property owned or managed by RAC from the PBT involved. At present, RAC-owned technical assets include 187 railway stations, 24 depots and 10 stores. These are non-commercial in nature as they are used to support railway operational services. However, these are after-tax assets.*



### PEMETERIAAN MEMORANDUM PERJANJIAN PEMBANGUNAN ANTARA RAC DAN TANJUNG RATNA SDN. BHD.

#### SIGNING OF MEMORANDUM OF DEVELOPMENT AGREEMENT BETWEEN RAC AND TANJUNG RATNA SDN. BHD.

26 Oktober 2022: Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah dan Pengarah merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tanjung Ratna Sdn. Bhd. YBhg. Datuk Julian Lau Joo Liang menandatangani Memorandum Perjanjian Pembangunan di antara kedua-dua pihak bagi Cadangan Pembangunan Berorientasikan Transit di atas Lot 315, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur hari ini. Tanjung Ratna Sdn. Bhd. merupakan syarikat pembida yang berjaya dalam Request for Proposal (RFP) bagi cadangan pembangunan di atas lot seluas 3.4 ekar itu.

*26 October 2022: RAC Chief Executive Officer YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah and Director and Chief Executive Officer of Tanjung Ratna Sdn. Bhd. YBhg. Datuk Julian Lau Joo Liang signed the Memorandum of Development Agreement (MODA) between both parties for the Proposed Transit-Oriented Development on Lot 315, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur today. Tanjung Ratna Sdn Bhd is one of the successful bidders under the Request for Proposal (RFP) for the proposed development on the 3.4 acre land.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### PEMETERAIAN PERJANJIAN PEMBELIAN TANAH ANTARA RAC DAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK SIGNING OF MEMORANDUM OF AGREEMENT FOR THE PURCHASE OF LAND BETWEEN RAC AND THE ADMINISTRATIVE AND DIPLOMATIC SERVICE ASSOCIATION

2 Disember 2022: Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian Tanah Antara Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dan RAC telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah dengan Naib Presiden PPTD Tn. Hj. Abdul Halim Hamzah. Majlis ini dilaksanakan susulan persetujuan RAC untuk menerima tawaran penjualan tanah daripada PPTD yang terletak di Lot 5504, Mukim Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam, Selangor, berkeluasan 47.17 ekar. Merujuk kepada Pelan Struktur Negeri Selangor 2035, kawasan ini telah dikenal pasti sebagai Pusat Pertumbuhan Strategik iaitu destinasi bagi pelaburan dan pembangunan perbandaran.



2 December 2022: A Memorandum of Agreement Signing Ceremony for the Purchase of Land was held between the Administrative and Diplomatic Service Association (PPTD) and RAC. RAC was represented by Chief Executive Officer YBrs. En Adam bin Abu Hanipah while PPTD Vice President Tn. Hj. Abdul Halim Hamzah signed on behalf of the association. The event was held following RAC's approval to accept the offer to acquire 47.17 acres of land at Lot 5504, Mukim Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam District, Selangor from PPTD. Referring to the Selangor State Structural Plan, this area was identified as a Strategic Growth Centre that is as a destination for investment and town development.



### LAWATAN KERJA LEMBAGA PENGARAH RAC KE MENARA SENTRAL RAC WORKING VISIT OF RAC BOARD OF DIRECTORS TO MENARA SENTRAL RAC

2 Disember 2022: Lembaga Pengarah RAC diketuai Pengerusinya YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak melakukan lawatan ke Menara Sentral RAC di Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur. Menara Sentral RAC dibina di atas tanah berkeluasan 0.438 ekar merupakan *in-kind* yang diterima Perbadanan ini hasil daripada projek penswastaan melalui kaedah pertukaran tanah yang dibuat bersama Arah Asas Sdn. Bhd.

Dengan kos pembinaan berjumlah RM125 juta, menara ini dibina dengan menggunakan 70 peratus Industrial Building System (IBS) dan telah menerima penarafan sebagai GBI Certified. Menara Sentral RAC menawarkan penyewaan bangunan pejabat dan ruang komersial kepada pihak-pihak yang berminat apabila siap kelak.



2 December 2022: RAC Board of Directors led by Chairman YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak visited Menara Sentral RAC at Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur. Menara Sentral RAC was built on a 0.438 acre land with returns in kind received by the Corporation from privatised projects through the land exchange process with Arah Asas Sdn Bhd.

The modern and unique architectural design of the tower, which is incorporated with eco-friendly features, makes it eligible for the Green Building Index Certification (GBI) recognition. Seventy (70) per cent of the construction methods are based on the Industrial Building System (IBS). When completed, RAC will offer rental of office and commercial spaces at Menara Sentral RAC.

## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Bagi tujuan pengukuhan kerjasama dan hubungan baik dengan pemegang-pemegang taruh, kunjungan hormat dan lawatan ke atas rakan sejawatan turut dilaksanakan dari semasa ke semasa yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En Adam bin Abu Hanipah. Antaranya ialah:

*To foster cooperation and good relations with stakeholders, courtesy calls and visits with counterparts were held involving RAC Chief Executive Officer YBrs. En Adam bin Abu Hanipah. Among others:*



### LAWATAN KERJA RAC KE JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH RAC WORKING VISIT TO SABAH STATE RAILWAY DEPARTMENT

10 Februari 2022: Lawatan kerja ke Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pengoperasian perkhidmatan kereta api di negeri itu. Selain itu, delegasi RAC turut dibawa melawat ke Stesen Keretapi Halogiat untuk melihat *concrete sleeper* yang dibeli oleh pihak JKNS daripada RAC. Kelengkapan rel tersebut adalah bagi menggantikan wooden sleeper bagi jajaran Beaufort ke Halogiat.

*10 February 2022: A working visit to the Sabah State Railway Department (JKNS) was held to seek further details on the railway service operations in the state. On the itinerary was a visit to the Halogiat Railway Station and while here, the RAC delegation was shown the concrete sleepers the JKNS bought from RAC. The rail equipment was a replacement of wooden sleepers for the Beaufort-Halogiat stretch.*



### LAWATAN KERJA RAC KE LEMBAGA PELABUHAN JOHOR WORKING VISIT TO JOHOR PORT AUTHORITY

15 Mac 2022: Lawatan kerja RAC ke Lembaga Pelabuhan Johor diketuai YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Muhamed, Ahli Lembaga Pengarah RAC. Lawatan ini diadakan bagi mendengar taklimat mengenai pelaksanaan Badan Berkanun Yang Diasingkan & Dibebaskan Saraannya memandangkan LPJ telah berjaya mendapatkan penarafan tersebut pada 1 Januari 2018. Selain itu, delegasi RAC turut dibawa melawat ke pusat kawalan pelabuhan.

*15 March 2022: RAC working visit to Johor Port Authority (LPJ) led by YBhg. Dato' Dr Amiruddin Muhamed, a Member of RAC Board of Directors. This visit was to gain insights into the implementation of the Statutory Bodies with Separate Remuneration (BBDS) scheme given that LPJ has been awarded the status on 1 January 2018. Besides that, the RAC delegation was also taken on a tour to the port control centre.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC *RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC*



### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN *COURTESY CALL TO NEGERI SEMBILAN STATE SECRETARY*

31 Mac 2022: Kunjungan hormat ke atas Setiausaha Kerajaan Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik di Wisma Negeri, Seremban. Antara yang dibincangkan ialah cadangan pewartaan dan pemberimilikan tanah rizab kereta api milik RAC di negeri itu.

*31 March 2022: Courtesy visit on Negeri Sembilan State Secretary YB Dato' Dr Razali bin Ab Malik at Wisma Negeri, Seremban. Among the topics discussed were proposed gazetting and alienation of RAC-owned railway reserve land in the state.*



### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA PENGARAH MAMPU *COURTESY CALL TO DIRECTOR-GENERAL OF MAMPU*

7 April 2022: Kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail. Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah berkongsi pengalaman dalam teknologi ICT dan pemodenan perkhidmatan yang dapat memanfaatkan mereka.

*7 April 2022: Courtesy visit on Director-General of the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail. During the visit, both sides shared their experiences in embracing digital technology and modernisation of services for mutual benefit.*



## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### LAWATAN KERJA KE KELANTAN WORKING VISIT TO KELANTAN

28 April 2022: Lawatan Kerja ke Kelantan dengan program dimulai dengan lawatan ke tanah milik RAC Lot 1708, Mukim Palekbang, Tumpat yang terlibat dengan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan pengambilan tanah bagi pembinaan jambatan baharu Palekbang-Kota Bharu oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Selain itu, beliau turut melawat lokasi berikut:

- ▶ Stesen Keretapi Tumpat dan kawasan depot sedia ada dan tapak pembinaan depot yang baharu.
- ▶ Lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang;
- ▶ Lawatan ke Stesen Keretapi Rantau Panjang & jambatan kereta api yang menghubungkan Malaysia-Thailand dan kuarters kereta api di sekitar kawasan Rantau Panjang.



*28 April 2022: Working visit to Kelantan. First on the itinerary was a visit to RAC land on Lot 1708, Mukim Palekbang, Tumpat which is involved in Phase 1 of the Sungai Kelantan Integrated River Basin Development Project (PLSB) by the Drainage and Irrigation Department and land reclamation for the construction of a new bridge from Palekbang to Kota Bharu by the East Coast Economic Region Development Council. During the visit, he also visited the locations below:*

- ▶ *Tumpat Railway Station and existing depot areas and new depot construction site.*
- ▶ *Visit to the Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS) complex at Rantau Panjang.*
- ▶ *Visit to Rantau Panjang Railway Station & the Malaysia-Thai railway bridge as well as the railway quarters around Rantau Panjang areas.*



### LAWATAN KERJA KE PULAU PINANG WORKING VISIT TO PENANG

10 Mei 2022: Lawatan kerja ke Pulau Pinang dan menghadiri Mesyuarat Bagi Membincangkan Cadangan Pembesaran Kilang MSM Perai Berhad yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II, YB. Prof. Dr. P. Ramasamy.

*10 May 2022: Working visit to Penang. While here, he attended a meeting to discuss the proposed expansion of MSM Perai Berhad factory, chaired by Penang Deputy Chief Minister II, YB. Prof. Dr. P. Ramasamy.*



## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Dalam pembentangan yang dibuat oleh pihak MSM, cadangan pembesaran kilang tersebut melibatkan Lot 286, yang diduduki kira-kira 250 penduduk setinggan dikenali dengan nama Kampung Manis dan sebahagian lagi tanah merupakan kawasan paya bakau. MSM merupakan pemajak tanah RAC di Perai sejak 1 Disember 2009 sehingga kini. Beliau kemudian mengadakan lawatan ke kilang MSM Prai Berhad.

Beliau turut dibawa melawat Lot 252 yang disewakan sebagai tapak pejabat bagi kegunaan pembangunan Lot 253, tanah kereta api di Bukit Seraya, Seberang Perai Tengah bagi melihat dengan lebih dekat kawasan seluas 230 ekar yang telah disewakan bagi tujuan pertanian dan bangunan The Federated Malay States Railways (FMSR).

*During the presentation, MSM unveiled its plan for factory expansion at Lot 286 which is currently being occupied by some 250 residents of Kampung Manis and squatters while another portion of land is a mangrove swamp. MSM has been a tenant of RAC land in Perai since 1 December 2009 to date. YBr. En. Adam also visited MSM Prai Berhad factory.*

*He was also taken on a visit to Lot 252 which is rented as a site office for development at railway land Lot 253, Bukit Seraya, Seberang Perai Tengah for agriculture purposes and the building of The Federated Malay States Railways (FMSR).*



### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TAMPIN

#### COURTESY VISIT TO YANG DIPERTUA TAMPIN DISTRICT COUNCIL

2 Jun 2022: Lawatan ke Gemas dan menghadiri Mesyuarat Berkaitan Tawaran Sewaan Ruang di Stesen Keretapi Gemas (lama) yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin (MDT) YBr. Tn. Zahari bin Md Afandi di MDT Cawangan Gemas. Melalui tawaran sewaan ini, Stesen Keretapi Gemas (lama) akan berubah wajah menjadi sebuah muzium kereta api yang dikendalikan oleh pihak MDT. Muzium tersebut akan dilengkapi dengan beberapa kios jualan di samping pameran peralatan dan lokomotif kereta api lama.



*2 June 2022: Visit to Gemas for a meeting on the Rental Space Offer at Gemas Railway Station (old) chaired by Yang Dipertua Tampin District Council (MDT) Tn. Zahari bin Md Afandi at Gemas MDT branch. Under the rental offer, Gemas (old) Railway station will be given a makeover and turned into a railway museum to be managed by MDT. The museum will be equipped with several sales kiosks with an exhibition of old railway equipment and locomotive.*

## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### LAWATAN LEMBAGA PENGARAH RAC KE IPOH, PERAK WORKING VISIT OF RAC BOARD OF DIRECTORS TO PERAK

1 Julai 2022: Pengerusi Lembaga Pengarah RAC YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, yang juga Ketua Setiausaha MOT, mengadakan lawatan ke beberapa lokasi aset kereta api di Ipoh antaranya Stesen Keretapi Ipoh dan Hotel Majestic sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-107. Turut hadir barisan Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif & pihak pengurusan RAC.

*1 July 2022: RAC Chairman YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, who is also MOT Secretary-General, visited several railway asset locations in Ipoh among others Ipoh Railway Station and Majestic Hotel in conjunction with RAC Board of Directors' 107th Meeting. Also present Board Members, RAC Chief Executive Officer and RAC management.*



### KUNJUNGAN HORMAT KE SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG COURTESY VISIT TO PENANG PORT COMMISSION

1 Ogos 2022: Delegasi RAC telah disambut oleh Pengurus Besar SPPP YBrs. Pn. Monaliza Suhaimi dan barisan pengurusannya. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai pelaksanaan Badan Berkanun Diasingkan Saraan selain taklimat pengurusan operasi oleh pihak SPPP. Delegasi RAC kemudian dibawa melawat ke Terminal Swettenham Pier Cruise.

*1 August 2022: The RAC delegation was received by SPPP General Manager YBrs. Pn. Monaliza Suhaimi and its management. Among others, issues such as the implementation of the Statutory Bodies with Separate Remuneration (BBDS) scheme were discussed in addition to an operational management briefing by SPPP. The RAC delegation was later taken on a tour of the Swettenham Pier Cruise Terminal.*





## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### KUNJUNGAN HORMAT UNDANG LUAK JOHOL KE RAC COURTESY VISIT BY UNDANG LUAK JOHOL TO RAC

5 Oktober 2022: YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Dato' Muhammad bin Hj. Abdullah, Undang Luak Johol dan delegasinya hari ini mengadakan kunjungan hormat ke RAC. YTM Dato' telah diberi penerangan mengenai projek-projek pembangunan dan berkenalan dengan pegawai-pegawai RAC.

*5 October 2022: YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Dato' Muhammad bin Hj. Abdullah, Undang Luak Johol and his delegation visited RAC. During the visit, YTM Dato' was briefed on the development projects undertaken by RAC and was also introduced to its officers.*



### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS DATUK BANDAR KUALA LUMPUR COURTESY VISIT TO DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

27 Oktober 2022: Kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah dan perbincangan isu-isu berkaitan pembangunan Menara Sentral RAC di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini. Antara isu yang dibincangkan adalah Permohonan Pengecualian Syarat Pelebaran Jalan Tun Sambanthan 3, pemindahan penaja berhampiran dan Cadangan Perizaban Tanah Kerajaan Sebagai Kawasan Hijau. Di akhir perbincangan tersebut, DBKL bersetuju untuk membantu RAC menyelesaikan isu-isu berbangkit bagi memastikan pembukaan Menara Sentral RAC mengikut jadual.

*27 October 2022: Courtesy visit on Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah to discuss issues related to the development of Menara Sentral RAC at Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) today. The meeting among others discussed Applications for Exemption of Conditions for Road Widening at Jalan Tun Sambanthan 3, relocation of nearby traders and Proposed Gazetting of Government Land as Green Areas. At the end of the meeting, DBKL agreed to help resolve the emerging issues to ensure the opening of Menara Sentral RAC takes place according to schedule.*



## PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



### KUNJUNGAN HORMAT RAC KE ATAS KETUA PENGARAH UKAS COURTESY VISIT TO DIRECTOR-GENERAL OF UKAS

10 November 2022: Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBrs. Adam bin Abu Hanipah ke atas Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar bagi meningkatkan kerjasama awam swasta terutamanya berkaitan projek-projek pembangunan perkeretaapian yang sedang dan akan dilaksanakan RAC termasuk Cadangan Pembangunan Bercampur di Mukim Damansara, Petaling Jaya dan Cadangan Pembangunan di Bangsar, Kuala Lumpur.

*10 November 2022: Courtesy visit on Director-General of the Public Private Partnership Unit (UKAS), Prime Minister's Department (JPM) YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar to strengthen public-private sector cooperation especially related to railway development projects, both ongoing and those that will be undertaken by RAC including the Proposed Mixed Development at Mukim Damansara, Petaling Jaya and the Proposed Development in Bangsar, Kuala Lumpur.*





# PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME

Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mampu memberikan laluan yang kondusif dan efektif dalam mempromosi fungsi dan jenama sesebuah organisasi.

Sebagai agensi Kerajaan, RAC tidak ketinggalan untuk melaksanakan program seumpama ini bagi melahirkan rasa keprihatinan, memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dititikberatkan di samping meningkatkan imej organisasi.

Pada tahun ini, beberapa program CSR telah dilaksanakan melibatkan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Menerusi program-program berkenaan, usaha untuk memperkenalkan RAC sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan infrastruktur dan projek-projek kereta api di negara ini dapat dilaksanakan.

*Corporate Social Responsibility (CSR) is a thoughtful and practical way to give back to society. It is also an effective marketing and branding strategy for an organisation to be socially accountable – to itself, its stakeholders and the public.*

*As a Government agency, RAC remains committed to enhancing the socio-economic well-being of the people as well as improving the organisation's image.*

*This year, several programmes have been drawn up involving various levels of the community to promote RAC as a Government agency responsible for the implementation of infrastructure development and railway projects.*



### PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH IBADAT YANG TERLIBAT DENGAN BANJIR

#### HANDING OVER OF CONTRIBUTIONS TO HOUSES OF WORSHIP AFFECTED BY FLOODS

7 Januari 2022: Penyerahan sumbangan kepada Masjid Al Ehsan & Surau Al Hidayah di Hulu Langat dan Surau Nurul Iman, Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam yang terkesan akibat tragedi banjir besar di Selangor. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC En. Adam bin Abu Hanipah dan Ketua Pegawai Kewangan RAC, En. Mohd Farid bin Awang. Antara sumbangan yang dibuat adalah barangan elektrik, perabot dan kelengkapan ibadah.

*7 January 2022: Handing over of contributions to Masjid Al Ehsan & Surau Al Hidayah in Hulu Langat and Surau Nurul Iman, Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam which were badly hit by the massive floods in Selangor. The event was officiated by RAC Chief Executive Officer YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah and RAC Chief Financial Officer En. Mohd Farid bin Awang. The contributions include electrical appliances, furniture and Muslim prayer materials.*



## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME



### PERPUSTAKAAN MINI RAC DI STESEN KERETAPI BUTTERWORTH RAC MINI LIBRARY AT BUTTERWORTH RAILWAY STATION

17 Januari 2022: Penyiapan Perpustakaan Mini RAC di Stesen Keretapi Butterworth. Perpustakaan ini merupakan yang kedua disediakan oleh RAC untuk kegunaan pengguna rel selepas yang pertama di Stesen Keretapi Dabong, Kelantan.

17 January 2022: RAC Mini Library is officially opened to the public at Butterworth Railway Station. This library is the second provided by RAC for use by rail commuters. The first mini library was set up at Dabong Railway Station, Kelantan.



### PROGRAM ZIARAH RAMADAN 1443H ZIARAH RAMADAN 1443H PROGRAMME

15 April 2022: Majlis penyerahan sumbangan berupa pek berbuka puasa, barangan keperluan dapur dan wang tunai di bawah Program Ziarah Ramadan 1443H telah diadakan untuk empat (4) rumah kebajikan iaitu:

15 April 2022: Handing over of contributions comprising buka puasa food packs, groceries and cash under the Ziarah Ramadan 1443H programme at four (4) welfare homes namely:

- ▶ Pondok Tahfiz Mahfuzah di Batang Kali, Selangor;
- ▶ Pertubuhan Anak Yatim & Asnaf (Teratak Ummi), Taman Melewar, Batu Caves;
- ▶ Akademi Komtas Tiga Lil Banat, Kampung Delek Kanan, Klang; dan
- ▶ Pondok Rumi Sufi Jawi (Raudhoh Sufiyyah Suniyyah Salafiyah), Bandar Baru Sungai Buloh.

- ▶ Pondok Tahfiz Mahfuzah at Batang Kali, Selangor;
- ▶ Pertubuhan Anak Yatim & Asnaf (Teratak Ummi), Taman Melewar, Batu Caves;
- ▶ Akademi Komtas Tiga Lil Banat, Kampung Delek Kanan, Klang; and
- ▶ Pondok Rumi Sufi Jawi (Raudhoh Sufiyyah Suniyyah Salafiyah), Bandar Baru Sungai Buloh.





## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME



### SESI PENYERAHAN BANTUAN BANJIR BALING HANDING OVER OF BALING RELIEF ASSISTANCE

15 Julai 2022: Sesi Penyerahan Bantuan Banjir Baling oleh warga kerja RAC yang terdiri daripada wakil Kelab Sosial dan Kebajikan RAC (KSKRAC), Majlis Bersama Jabatan, PUSPANITA dan AKRAB. Program yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia diadakan atas rasa keprihatinan dan simpati kepada beberapa kampung di Baling, yang terkesan akibat banjir besar yang melanda kawasan mereka pada 4 Julai 2022. Lebih 40 kotak makanan dan barangan keperluan peribadi termasuk tikar, bantal dan selimut bernilai lebih RM10,000 diagihkan kepada penduduk kampung yang terlibat.

*15 July 2022: Handing over of Baling Relief Assistance by RAC staff comprising representatives of RAC Social and Welfare Club (KSKRAC), Joint Department Council, PUSPANITA and Public Services Counselling Associates (AKRAB). The programme was held in collaboration with the Yayasan Food Bank Malaysia to ease the burden of the flood victims in several villages in Baling, who were badly hit by the massive floods in several areas in the district on 4 July 2022. More than 40 food packs and food essentials including mats, pillows and blankets worth over RM10,000 were distributed to the affected villagers.*



### PENYIAPAN MURAL DI STESEN TAMAN WAHYU MURAL PAINTING AT TAMAN WAHYU STATION

14 September 2022: Penyiapan mural bertemakan Bunga Raya sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 bagi kawasan hadapan Stesen Taman Wahyu. Bunga Raya, yang dilambangkan sebagai Bunga Perpaduan, diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 28 Julai 1960.

*14 September 2022: The main entrance of the Taman Wahyu Station was given a colourful makeover with a mural painting themed Bunga Raya (hibiscus), the national flower in conjunction with the National Day and Malaysia Day 2022 celebrations. The hibiscus, a symbol of unity, was declared the National Flower by Malaysia's first Prime Minister Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj on 28 July 1960.*



## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME



### PENYIAPAN MURAL BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN MURAL PAINTINGS WITH UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

8 November 2022: Kerja-kerja menyiapkan mural berkonsepkan kereta api telah dilaksanakan Universiti Malaysia Kelantan secara kolaborasi dengan RAC di Banglo Gredar berhampiran Stesen Keretapi Ipoh. Projek ini telah disertai 24 pelajar daripada Fakulti Senibina & Ekistik.

8 November 2022: Works on adorning Banglo Gredar near Ipoh Railway Station with colourful mural paintings depicting railways have been completed. The project was undertaken in collaboration between RAC and Universiti Malaysia Kelantan, with participation from 24 students from the Faculty of Architecture & Ekistics.



### PELAKSANAAN INISIATIF LITTLE FREE LIBRARY IMPLEMENTATION OF THE LITTLE FREE LIBRARY INITIATIVE

11 November 2022: Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah dan Timbalan Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) YBrs. Profesor Dr. Marzita binti Puteh menandatangani Memorandum Perjanjian antara kedua-dua pihak bagi pelaksanaan inisiatif *Little Free Library* (LFL) di lima (5) stesen kereta api di Perak iaitu Ipoh, Kampar, Tanjong Malim, Kuala Kangsar dan Taiping. LFL merupakan sebahagian daripada projek komuniti yang digerakkan oleh *Little Free Library* iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berpusat di Amerika Syarikat dengan berkonsepkan peminjaman buku untuk semua secara percuma tanpa perlu menjadi ahli.

11 November 2022: RAC Chief Executive Officer YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah and Deputy Vice Chancellor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) YBrs. Profesor Dr. Marzita binti Puteh signed a Memorandum of Agreement for the implementation of the *Little Free Library* (LFL) initiative at five (5) railway stations in Ipoh, Kampar, Tanjong Malim, Kuala Kangsar and Taiping. LFL is part of a community project undertaken by *Little Free Library*, a non-profit organisation based in the United States with a motto, "Take A Book And Leave A Book" which means that the book is provided free to the public.





## PROGRAM DALAMAN INTERNAL PROGRAMMES

Program dalaman dengan penglibatan warga kerja RAC turut diadakan sepanjang tahun semasa bertujuan untuk meningkatkan semangat setiakawan dan kerjasama berpasukan.

*Internal programmes involving RAC staff were held during the year to foster camaraderie and esprit de corps in the organisation.*



### RETREAT KEY PERFORMANCE INDICATOR RAC 2022

16 - 18 Mac 2022: Penganjuran *Retreat Key Performance Indicator* (KPI) RAC telah diadakan bagi membincangkan hala tuju dan seterusnya menetapkan KPI yang perlu dicapai RAC pada 2022. Retreat selama 3 hari ini bertujuan untuk menyusun strategi dan pelan tindakan bagi memastikan sasaran kerja 2022 dapat dicapai dengan jayanya. Bermula 2022, RAC akan melalui satu transformasi di mana pencapaian RAC diukur melalui *performance-based organization*.

*16 - 18 March 2022: A retreat was held to discuss the future direction and set Key Performance Indicators (KPIs) for RAC in 2022. The three-day retreat was aimed at formulating strategies and action plans to ensure RAC achieve its performance targets for the year. Starting 2022, RAC will undergo a transformation whereby achievements at work will be based on performance-based organisation (PBO) concept.*



### SESI PERKONGSIAN ILMU KNOWLEDGE-SHARING SESSION

30 Mac 2022: Sempena kedatangan Ramadan, warga kerja RAC mengikuti Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk "*Road To Ramadan: Apa Persediaan Anda*" bersama Ustaz Mohammad Hafiz Bin Abdul Khodir. Turut diadakan majlis bacaan Yasin.



*30 March 2022: In welcoming Ramadan, RAC staff attended a knowledge-sharing session titled "Road To Ramadan: Apa Persediaan Anda" with Ustaz Mohammad Hafiz Bin Abdul Khodir. A Yasin recital session was also held during the programme.*

## PROGRAM DALAMAN INTERNAL PROGRAMMES



### PROGRAM KASIH RAMADAN KASIH RAMADAN PROGRAMME

13 April 2022: Program Kasih Ramadan bersama Ahli Lembaga Pengarah RAC iaitu penyerahan pek berbuka puasa kepada warga kerja RAC telah diadakan buat julung kalinya. Sebanyak 140 pek juadah disediakan dan diagihkan kepada seluruh warga kerja RAC.

*13 April 2022: For the first time, the Kasih Ramadan programme was held together with RAC Board Members - handing over of buka puasa packs to RAC staff. A total of 140 food packs were distributed to all RAC staff.*



### SESI TOWNHALL TOWNHALL SESSION

22 April 2022: Penganjuran Sesi Townhall Bil 1/2022 diadakan dengan acara utama adalah penyampaian amanat oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah. Turut diadakan ialah pemberian cenderamata Syawal kepada semua kakitangan RAC hasil sumbangan Kelab Sosial dan Kebajikan (KSKRAC) dan cenderamata kepada 33 kakitangan RAC yang menyertai Program Tadarus Al-Quran.

*22 April 2022: A Townhall session (No. 1/2022) was held with the key message delivered by RAC Chief Executive Officer YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah. At the event, Syawal souvenirs were presented to all RAC staff as contribution from RAC Social and Welfare Club (KSKRAC) as well as to 33 RAC staff who participated in the Tadarus Al-Quran programme.*





## PROGRAM DALAMAN INTERNAL PROGRAMMES



### MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN PENUBUHAN RAC KE-30 RAC'S 30<sup>TH</sup> ANNIVERSARY CELEBRATION

5 Ogos 2022: Sambutan Ulang Tahun Penubuhan RAC Ke-30 telah diadakan pada Sesi Townhall Bil 2/2022. Sesi ini dimulakan dengan penyampaian amanat oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah diikuti penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo Ulang Tahun Penubuhan RAC Ke-30. Beliau kemudian melancarkan Kejohanan Sukan RAC 2022, yang akan mencapai kemuncak pada minggu kedua Oktober sempena sambutan Hari Sukan Negara. Pengisian aktiviti seterusnya ialah sesi bacaan Yasin dan doa selamat selain ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Haslin Baharim dengan tajuk “Pekerja Hebat, Gaji Berkat”.

*5 August 2022: RAC marked the 30<sup>th</sup> anniversary of its establishment with a celebration at the Townhall Session (No.2/2022). RAC Chief Executive Officer, YBrs. En. Adam bin Abu Hanipah delivered his keynote address to the staff and later presented prizes to winners of the Logo Creation Contest in conjunction with RAC's 30th anniversary celebration. He later launched the RAC 2022 Sports Tournament, which will end during the second week of October in conjunction with the National Sports Day. A Yasin recital and Doa Selamat session was held in addition to a ceramah presented by Ustaz Haslin Baharim titled “Pekerja Hebat, Gaji Berkat”.*



## PROGRAM DALAMAN INTERNAL PROGRAMMES



### SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT RAC TAHUN 2022 RAC NATIONAL SPORTS DAY 2022

14 Oktober 2022: Kejohanan Hari Sukan Negara Peringkat RAC Tahun 2022 sempena sambutan Hari Sukan Negara di Kompleks Sukan Uptown Sports, Bangi.

14 October 2022: The 2022 RAC Sports Tournament was held in conjunction with the National Sports Day at Uptown Sports Complex, Bangi.





# KEBERKESANAN MEDIA SOSIAL


## EFFECTIVENESS OF SOCIAL MEDIA

Komunikasi digital memainkan peranan penting dalam strategi RAC menyampaikan maklumat serta pendedahan berkaitan dasar dan pelaksanaan program/ aktiviti yang dianjurkan. Ia turut menjadi medium interaktif dengan orang awam selain meningkatkan keberkesanan komunikasi.



RAC menggunakan platform laman sesawang dan media sosial iaitu Facebook, Instagram dan Twitter bagi menempatkan mesej secara strategik serta mengoptimumkan saluran media sosial terbabit mengikut keistimewaan masing-masing dengan perkongsian video, infografik bersiri, hebahan kempen, pautan ke laman sesawang dan sebagainya. Antara hebahan yang dibuat melalui media sosial adalah seperti berikut:

*Digital communication played an important role in RAC's strategic communication plan for effective public engagement. It has served as an essential and interactive medium for disseminating information and sharing insights into the programmes/ activities undertaken by the Corporation.*

*RAC leverages on the website and social media platforms such as Facebook, Instagram and Twitter to post messages in a strategic manner and optimise social media channels based on their uniqueness by sharing videos, infographic series, campaign announcements, links to website, etc. Below are among the announcements made through the social media:*



# KEBERKESANAN MEDIA SOSIAL INTERNAL PROGRAMMES







# Seksyen 9

## SECTION 9

### INISIATIF KELESTARIAN HIJAU DAN TENAGA BOLEH BAHARU

*GREEN SUSTAINABILITY  
AND RENEWABLE ENERGY  
INITIATIVES*





# PELAN HALA TUJU TENAGA BOLEH BAHARU RAC RAC'S RENEWABLE ENERGY ROADMAP

Pada 2021, RAC mengerakkan Inisiatif Tenaga Boleh Baharu (TBB) dengan objektif untuk mengenal pasti peluang bagi mengurangkan kos operasi iaitu kos penggunaan tenaga dalam sektor pengangkutan rel dan menjana pendapatan melalui ladang solar.

Inisiatif ini seiring dengan aspirasi *Sustainable Development Goal* (SDG) 2030, terutamanya bagi mencapai dua matlamat berikut:

- i. Matlamat 9 - Membina Infrastruktur Kukuh, Mempromosikan Industri yang Menyeluruh dan Mampan serta Merangsang Inovasi; dan
- ii. Matlamat 11 - Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Menyeluruh, Selamat, Kukuh dan Mampan.

Kedua-dua matlamat ini menekankan penyediaan sistem pengangkutan yang mampan dan infrastruktur yang berdaya tahan untuk menyokong pembangunan sosio ekonomi.

Sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif kerajaan ini, RAC meneroka dan memperkenalkan dua (2) inisiatif baharu bertujuan untuk menyediakan fasiliti pengangkutan yang cekap, bersih dan memberi impak yang minimum kepada alam sekitar dan sumber semula jadi.

Di antara inisiatif baharu yang diterokai ialah pemasangan lampu solar untuk kegunaan stesen-stesen kereta api termasuk di kawasan tempat letak kenderaan. Melalui inisiatif ini, ia akan membantu RAC mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik, membantu pengurangan pelepasan karbon, dan memastikan pencahayaan di kawasan tempat letak kereta api sentiasa dalam keadaan baik sekaligus menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Selain itu, RAC juga sedang mengkaji keberkesanan untuk menggunakan lampu LED sebagai sumber pencahayaan di semua stesen-stesen kereta api. Beberapa syarikat pengeluar telah dikenal pasti dan kajian pasaran sedang dijalankan untuk melihat impak secara langsung kepada peratus penjimatan elektrik daripada kadar penggunaan semasa.

*RAC's Renewable Energy (RE) initiative took off in 2021 with the objective of identifying opportunities to reduce operating costs, that is, energy costs in the rail transport sector and to generate income through the solar farm.*

*This initiative is in line with the Sustainable Development Goals (SDG) 2030 aspiration, especially in achieving the two goals below:*

- i. Ninth (9th) Goal – Resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialisation and foster innovation;*
- ii. Eleventh (11th) Goal – Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable.*

*Both goals focus on providing sustainable transportation and resilient infrastructure to enhance socio-economic growth and improve accessibility.*

*In support of the Government's initiative, RAC has introduced two (2) new initiatives to ensure the transport system is efficient, clean and resilient with minimal impact on the environment and natural resources.*

*Among the initiatives undertaken by RAC are equipping railway stations in the country with solar power including at vehicle parking areas. This initiative will help lower RAC's electric energy consumption costs, reduce carbon emissions and ensuring railway car park lighting is always in good working condition for the safety and wellbeing of commuters.*

*At the same time, RAC is also studying the effectiveness of installing light-emitting diodes (LED) at all railway stations. Several manufacturers have been identified and market studies are being conducted to assess the direct impact of LED installation on electricity usage, in terms of the percentage of electricity savings from the current usage.*



## PELAN HALA TUJU TENAGA BOLEH BAHARU RAC RAC'S RENEWABLE ENERGY ROADMAP

Industri automotif di negara ini telah memulakan fasa yang mencabar mulai 2020 dan seterusnya dengan pelbagai teknologi baharu dicipta dan diperkenalkan di seluruh pasaran global. Industri automotif berkembang dengan ketara sejak Dasar Automotif Nasional (NAP) diperkenalkan. Produk inovatif dan teknologi disruptif telah memainkan peranan penting dalam evolusi ini.

*The Malaysian automotive industry started to experience a challenging phase from 2020 onwards with the new technology invasion and shockwaves created across global market and emerging trends. The industry grew significantly since the introduction of the National Automotive Policy (NAP). Innovative products and disruptive technology played a key role in this evolution. (Disruptive technology in business refers to an innovation that has the potential to replace existing technologies and system).*



Rajah 22: Dasar Automotif Negara  
Diagram 22: National Automotive Policy

Sejajar dengan pengenalan Dasar Automotif Nasional (NAP), RAC merancang untuk bekerjasama dengan syarikat berpotensi untuk menyediakan stesen pengecas kenderaan elektrik (ChargeEV) di stesen-stesen kereta api terpilih mulai 2023.

*In line with the introduction of the National Automotive Policy (NAP), RAC plans to collaborate with companies with the potential to provide electric vehicle charging stations (ChargeEV) at selected railway stations beginning 2023.*

## PELAN HALA TUJU TENAGA BOLEH BAHARU RAC RAC'S RENEWABLE ENERGY ROADMAP

Kemudahan ini adalah satu daripada usaha RAC untuk menyokong pemilikan kenderaan elektrik di Malaysia. Inisiatif ini juga dikenal pasti dapat menjadi sumber pendapatan baru kepada RAC. Di samping itu, ia memberi peluang kepada pengguna untuk menggunakan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh RAC sambil menunggu kenderaan mereka dicas, sekali gus membuktikan komitmen Perbadanan ini untuk menyediakan kemudahan di bawah satu bumbung.

Penerokaan inisiatif baharu ini menggambarkan komitmen RAC dalam menyokong agenda hijau negara yang menggalakkan pengangkutan lestari. Kerajaan memberi tumpuan kepada pengangkutan lestari bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada sektor pengangkutan.

Sokongan RAC bagi meluaskan rangkaian ChargeEV bakal mengukuhkan lagi ekosistem kenderaan elektrik di Malaysia serta menggalakkan masyarakat beralih kepada kenderaan elektrik. Ini selari dengan Pelan Mobiliti Elektrik dan Pelan Induk Teknologi Hijau yang didukung oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang menyasarkan bahawa menjelang 2030, sebanyak 100 peratus pendaftaran baharu bagi kenderaan hak milik persendirian adalah terdiri daripada kenderaan hibrid dan elektrik.

*The facilities bode well for the nation given that the Government is currently promoting electric vehicle ownership among Malaysians. This initiative is also identified as a new revenue source for RAC in addition to providing opportunities for users to use RAC's network of facilities and services while waiting for their vehicles to be charged. The project is also a testament to RAC's commitment in ensuring its facilities are made available to the public under one roof.*

*This new initiative also reflects RAC's commitment to the nation's green agenda which encourages sustainable transportation. Malaysia is pushing for the use of green technology in transportation to reduce the intensity of greenhouse gas emissions from the sector.*

*RAC's effort at expanding the ChargeEV network is expected to strengthen the Malaysian electric vehicle ecosystem and encourage the public to shift to electric vehicles. This is also in line with the National Electric Mobility Blueprint (EMB) and the Green Technology Master Plan which had envisaged EVs including hybrid types will make up 100 per cent of all new private vehicle registrations by 2030. Both the EMB and the Green Technology Master Plan are part of the initiatives of the Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA).*





# Seksyen 10.

SECTION 10

## PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

PENGURUSAN KEWANGAN  
DAN AKAUN





## PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN FINANCIAL AND ACCOUNTS MANAGEMENT

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen penting dalam sesebuah organisasi bagi memastikan sumber kewangan diurus dan dikawal baik dengan mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Penyata Kewangan RAC disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan yang ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Piawaian ini bertujuan meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan penyata kewangan serta kebolehbandingan penyata kewangan ini dari semasa ke semasa dengan penyata kewangan entiti lain.

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, RAC telah menggunakan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan atau ringkasnya SAGA untuk menguruskan sistem perakaunan di Perbadanan ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1/2011.

*Financial and Accounts Management is an integral element in an organisation to ensure the financial resources are well managed and under control by complying with the Treasury Instructions and Financial Regulations in force.*

*The RAC Financial Statement was prepared based on the historical cost convention and in compliance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) framework. The MPSAS is aimed at enhancing the relevancy and credibility of the financial statement. In addition, the financial statement should be comparable across different time periods as well as with reports of other entities.*

*As a Federal Statutory Body, RAC has adopted the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) to manage the Corporation's accounts system in line with the Public Administration Development Circular No. 1/2011.*





# PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI *ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSETS CORPORATION FUND*

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang PAK) secara rasminya ditubuhkan pada 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah RAC agar urusan kewangan RAC dikenali dengan satu Kumpulan Wang.

Penubuhan Kumpulan Wang RAC adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 “Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut “Kumpulan Wang”).

Mengikut Seksyen 98 (2) Akta Keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada:

- a) “apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;
- b) apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan
- c) wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusniaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Perbadanan.”

Manakala Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 menjelaskan bahawa “Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan perkhidmat-perkhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran”.

*The Railway Assets Corporation Fund (RAC Fund) was officially established in 2011 with the approval from the RAC Board of Directors to allow the RAC’s financial operations to be referred to as a Fund.*

*The establishment of the RAC Fund is in accordance with Section 98 (1) of the Railways Act 1991 which states that “For the purposes of this Part, there shall be established a Railway Assets Corporation Fund (hereinafter referred to as ‘the Fund’).*

*According to Section 98 (2) of the Railways Act 1991, the Fund shall consist of:*

- a) *“such sums as may be provided by the Federal Government from time to time for the purposes of the Corporation under this Part;*
- b) *such sums as may be made available from time to time to the Corporation by way of loans; and*
- c) *moneys earned or arising from any sale of property or any other transaction relating to property or investments, mortgages, charges or debentures acquired by or vested in the Corporation.”*

*Section 98 (3) of the Railways Act 1991 clearly states that “the Fund shall be expended for the purposes of paying any expenditure lawfully incurred by the Corporation for carrying into effect the provisions of this Part and the remuneration of officers and servants appointed and employed by the Corporation, including superannuation allowances, pensions or gratuities.”*

# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

## FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Secara keseluruhannya, pada tahun semasa RAC mencatatkan hasil defisit sebanyak RM484 juta dengan mengambil kira tanggungan peruntukan susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM625 juta. Belanja susut nilai yang tinggi ini berpunca daripada pelbagai jenis aset kereta api yang berjumlah RM26.959 bilion yang diserahkan kepada Perbadanan ini daripada projek-projek perkeretapi di seluruh negara. Hampir kesemua aset ini adalah aset operasi yang digunakan oleh KTMB dan tidak menyumbang kepada penajaan hasil kepada RAC.

Berikut adalah penerangan kepada analisa prestasi kewangan RAC pada 2022.

### SUMBER HASIL


Menurut Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), hasil langsung yang terdiri daripada komponen sewaan tanah, tumpang lalu, keuntungan atas pelupusan aset dan pendapatan-pendapatan lain dikenali dengan nama **Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran** manakala hasil daripada pelunasan geran dikenali sebagai **Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran**.

Overall, RAC incurred a deficit of RM484 million after provision for diminution in value for property, plant and machinery totalling RM625 million during the current year. The higher depreciation expenses was attributable to various railway assets worth RM26.959 billion which were handed over to the Corporation from the railway projects nationwide. Almost all assets were operational assets utilised by KTMB without generating revenue for RAC.

Below is an analysis of RAC's financial performance in 2022.

### SOURCE OF REVENUE

According to the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), direct revenue comprising land rental, wayleave, profit on asset disposal and other income component is known as **Revenue From Exchange Transactions** while revenue from amortisation of government grant is known as **Revenue From Non-Exchange Transactions**.



Rajah 23: Kategori hasil dan jumlah pendapatan RAC pada 2022  
Diagram 23: RAC revenue category and total income in 2022



## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS


Pada tahun semasa, RAC telah mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM156.7 juta dengan RM93 juta yang merupakan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran iaitu hasil yang direkod daripada aset yang dipermodalkan tanpa melibatkan penerimaan tunai (pelunasan geran).

Manakala baki RM63.7 juta adalah hasil daripada urus niaga pertukaran yang dijana daripada aktiviti penyewaan, keuntungan atas pelupusan aset dan pendapatan-pendapatan lain antaranya hibah simpanan tetap. Selaras dengan perniagaan utama RAC, hasil urus niaga pertukaran merupakan pendapatan yang signifikan kepada Perbadanan ini memandangkan aktiviti tersebut melibatkan urus niaga secara tunai dan digunakan dalam menjalankan operasi RAC (pentadbiran dan pengurusan aset) mulai 2015 apabila Perbadanan ini tidak lagi menerima geran peruntukan daripada Kerajaan. Pada 2022, RAC telah mencatatkan penurunan untuk kategori hasil ini sebanyak 70 peratus berbanding RM217 juta yang direkodkan pada 2021.

*During the current year, RAC has recorded total revenue of RM156.7 million, of which RM93 million were revenue from non-exchange transactions that is, revenue generated from capitalised assets without involving cash receipts (amortisation of grant).*

*While the remaining RM63.7 million were revenue from exchange transactions generated from activities such as rental, profit on disposal of assets and other income among others 'hibah' (gift) from fixed deposits. In line with RAC's core business, revenue from exchange transactions are significant income for the Corporation given that the activity involved cash transactions and are utilised for conducting RAC operations (administration and asset management) starting 2015 when the Corporation no longer received grant allocation from the Government. In 2022, RAC registered a decline in the revenue category by 70 per cent from RM217 million achieved in 2021.*

### HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN BAGI TAHUN 2012 - 2022 REVENUE FROM EXCHANGE TRANSACTIONS FOR 2012-2022



Graf 5: Hasil urus niaga pertukaran bagi tahun kewangan 2012 – 2022  
Graph 5: Revenue from exchange transactions for financial years 2012-2022

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS


Penurunan mendadak ini dapat dilihat pada graf 5 disebabkan oleh hasil daripada penjualan tanah kepada pemaju projek melibatkan Lot 151, Pudu iaitu LTS Skyline Sdn. Bhd. berharga RM182.6 juta yang diterima pada tahun 2021 telah direkodkan sebagai hasil terakru dengan jumlah RM109.56 juta. Graf 5 juga menunjukkan jumlah hasil RAC yang diterima daripada urus niaga pertukaran ini dari 2012 hingga 2022.

The significant decline can be seen from graph 5. The situation was attributable to revenue from the sale of land to the developer of the project at Lot 151, Pudu that is, LTS Skyline Sdn Bhd valued at RM182.6 million received in 2021 which were recorded as accrued revenue totalling RM109.56 million. Graph 5 also shows total revenue received by RAC from exchange transactions from 2012-2022.

### HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN

### REVENUE FROM EXCHANGE TRANSACTIONS

**PERBANDINGAN HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN PADA 2022 DAN 2021**  
**REVENUE FROM EXCHANGE TRANSACTIONS BY COMPARISON IN 2022 AND 2021**



Graf 6: Perbandingan hasil urus niaga pertukaran bagi tahun 2022 dan 2021  
Graph 6: Revenue from exchange transactions by comparison for 2022-2021

Graf 6 menunjukkan perbandingan jumlah hasil yang diperoleh daripada komponen-komponen dalam urus niaga pertukaran pada 2022 dan 2021.

Graph 6 shows total revenue received from components in exchange transactions by comparison in 2022 and 2021 .



## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

### i. SEWAAN TANAH DAN TUMPANG LALU

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 89 (1) Akta Keretapi 1991, peranan RAC sebagai pemilik kepada aset-aset kereta api telah diperkukuhkan dengan meletakkan pengurusan sewaan tanah, bangunan termasuk kios (di dalam kawasan stesen kereta api), tempat letak kereta di stesen-stesen kereta api dan tumpang lalu di bawah tanggungjawab RAC sepenuhnya.

Bagi memastikan penjanaan hasil yang berterusan kepada RAC, tanah-tanah dan bangunan yang sesuai dan berada di dalam keadaan yang kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat-syarikat atau individu-individu yang berminat, bergantung kepada kekosongan dan kesesuaian lokasi.

Hasil sewaan merupakan pendapatan sewaan atau pajakan ke atas jenis tanah kereta api sama ada berstatus hak milik dan rizab. Selain sewaan tanah, hasil sewaan juga diperoleh daripada penyewaan aset-aset yang berada di atas tanah milik RAC seperti bangunan, kuarters, gudang, premis perniagaan dan juga pengiklanan melalui pemasangan billboard. Selain itu, aktiviti tumpang lalu juga merupakan sebahagian daripada sumber hasil kepada RAC. Hasil sewaan dan tumpang lalu yang direkodkan oleh RAC adalah sewaan atau tumpang lalu yang mana perjanjiannya telah dimeterai di antara RAC dengan para penyewa.

Berikut adalah graf yang menunjukkan perbandingan hasil sewaan (termasuk billboard) mengikut jenis tanah dan tumpang lalu dari 2012 hingga 2022 manakala jadual 16 menunjukkan paparan jumlah dan peratusan (kenaikan/penurunan) bagi aktiviti-aktiviti ini termasuk bagi penyewaan jentera, yang mula memberikan pendapatan kepada RAC, berbanding 2021.

### i. LAND RENTAL AND WAYLEAVE

*In line with provisions under Section 89 (1) of Railways Act 1991, RAC's role as owner of railway assets has been strengthened after taking full responsibility over the management of rental of land, buildings including kiosks (inside railway stations), car parks at railway stations and wayleave.*


*In a bid to generate continuous revenue for RAC, strategically sited land and conducive located buildings will be rented out to interested corporate bodies, companies or individuals, depending on site availability and suitability.*

*Rental revenue is income derived from rental or leasing of railway land on titled and reserve land. It is also generated from assets on land owned by RAC such as buildings, quarters, warehouses, business premises as well as billboard advertisements. In addition, wayleave activities also partly contributed to RAC's revenue. Revenue recorded and collected by RAC from rental and wayleave is based on the respective agreements inked between the Corporation and the tenants.*

*The graph below shows rental revenue (including billboard) based on land type and wayleave by comparison from 2012 to 2022 while table 16 shows total and percentage (increase/decline) for these activities including rental of machinery, which began to generate income for RAC, compared to 2021.*

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

### PERBANDINGAN HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN PADA 2022 DAN 2021 REVENUE FROM EXCHANGE TRANSACTIONS BY COMPARISON IN 2022 AND 2021



Graf 7: Perbandingan hasil bagi aktiviti sewaan/pajakan mengikut jenis tanah dan tumpang lalu dari 2012 hingga 2022

Graph 7: Revenue from rental/lease activities based on land type and wayleave by comparison from 2012 to 2022

KATEGORI SEWAAN / TUMPANG LALU RENTALWAYLEAVE CATEGORY	2022 / RM	2021/ RM	PERATUS KENAIKAN/ (PENURUNAN) PERCENTAGE INCREASE/ (DECREASE)
Billboard Atas Tanah Hak Milik Billboard On Titled Land	15,160.00	-	100%
Billboard Atas Tanah Rizab Billboard On Reserve Land	392,400.00	36,608.00	972%
Sewa Tanah Hak Milik Rental On Titled Land	7,433,935.34	5,773,496.54	29%
Sewa Tanah Rizab Rental on Reserve Land	24,663,505.40	17,368,168.27	42%
Tumpang Lalu Wayleave	6,506,443.26	9,983,550.70	-35%
Jentera Machinery	667,741.94	-	100%
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>39,679,185.94</b>	<b>33,161,823.51</b>	<b>20%</b>

Jadual 16: Jumlah dan peratusan kenaikan dan penurunan bagi aktiviti sewaan (tanah dan billboard) dan tumpang berbanding tahun 2021

Table 16: Total and percentage of increase and decrease for rental activities (land and billboard) and wayleave compared to year 2021



## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Daripada jadual dan graf di atas, dapat disimpulkan bahawa keseluruhan prestasi hasil sewaan pada 2022 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding 2021. Kategori hasil yang meningkat naik secara mendadak adalah aktiviti sewaan billboard di atas tanah rizab sebanyak 972 peratus manakala bagi aktiviti tumpang lalu penurunan sebanyak 35 peratus adalah dicatatkan.

### ii. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

Kenaikan hasil pada 2022 turut disumbang oleh pendapatan daripada simpanan deposit tetap bagi dana sedia ada dengan pulangan keuntungan pada kadar antara dua (2) peratus ke empat (4) peratus. Kedudukan dana ini adalah berdasarkan keperluan aliran tunai pada satu-satu tempoh masa. Faktor kestabilan ekonomi mempengaruhi pihak institusi kewangan untuk menawarkan pulangan yang lebih tinggi bagi menjamin simpanan prinsipal pendeposit. Namun begitu, Perbadanan ini masih memberi fokus kepada peningkatan hasil melalui perniagaan teras yang dijalankan dan tidak bergantung sepenuhnya dengan pendapatan-pendapatan lain terutama faedah simpanan tetap sebagai pendapatan utama.

### iii. KEUNTUNGAN ATAS PELUPUSAN ASET

Hasil-hasil lain juga turut merangkumi komponen terimaan seperti hasil jualan bahan-bahan lusuh seperti besi rel dan kayu-kayu landasan yang diperoleh daripada aktiviti pembongkaran landasan lama dan aktiviti perobohan kuarters, jualan borang tender, sebut harga dan jualan salinan pelan. Tahun 2022 mencatatkan penurunan keuntungan atas pelupusan aset berjumlah RM10 juta. Keuntungan atas pelupusan aset adalah penjualan sebahagian Lot 523 dan Lot 525 di daerah Seberang Perai, Pulau Pinang berjumlah RM3.1 juta.

*From the table and graph above, it can be summarised that rental revenue's overall performance in 2022 saw a 20 per cent increase over 2021. Revenue from billboard rental on reserve land surged 972 per cent while revenue from wayleave declined 35 per cent.*

### ii. OTHER INCOME

*The higher revenue in 2022 was attributed to income from fixed deposits for existing funds with returns of two (2) to four (4) per cent. The fund's position is based on cash flow needs at a given period of time. Economic stability also influences financial institutions to offer returns with guarantees on the principal amount for its depositors. RAC remains focused on boosting revenue through its core businesses and is not fully dependent on other income sources especially interest on fixed deposits.*

### iii. PROFIT ON DISPOSAL OF ASSETS

*Other revenue also covers receipts' component such as revenue from sales of scrap materials such as steel rails and wooden tracks acquired from dismantling of old tracks and demolition of quarters, sales of tender forms, quotations and copies of plans. The year 2022 saw a reduction in profit on disposal of assets totalling RM10 million. Profit on asset disposal was derived from the sale of part of Lot 523 and Lot 525 in Seberang Perai district, Penang totalling RM3.1million.*

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

### HASIL URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

#### i. PELUNASAN GERAN

Pelunasan geran merupakan Geran Kerajaan Persekutuan yang direkodkan oleh RAC bagi projek-projek pembangunan perkeretapian yang telah dipermudahkan atau dikategorikan sebagai perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur. Pelunasan geran dilaksanakan selaras dengan piawaian yang digariskan dalam MPSAS 23, para 117 dimana geran bagi aset tetap dilunaskan mengikut hayat aset manakala bagi penyelenggaraan infrastruktur ianya dilunaskan apabila kerja-kerja penyelenggaraan dikira sebagai belanja.

Pada 2022, RAC merekodkan pelunasan geran berjumlah RM93 juta bagi permodalan satu (1) unit jentera landasan *Unimat Compact Tamper Machine*, dua (2) unit jentera landasan *Duomatic Tamper dan Track Machines (Linsinger Rail Milling Machine)* di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru. Selain itu, RAC juga merekodkan pelunasan geran di bawah Geran PEMERKASA berjumlah RM594 ribu bagi dua (2) projek membina baharu dan menyiapkan kawasan tempat letak kereta searas, tempat letak motosikal berbumbung di Stesen Keretapi Gurun, Kedah dan Stesen Keretapi Parit Buntar, Perak.

### REVENUE FROM NON-EXCHANGE TRANSACTIONS

#### i. AMORTISATION OF GRANT

*Amortisation of grant is Federal Government Grant recorded by RAC for railway development projects that have been capitalised or categorised as infrastructure maintenance expenditure. The amortisation of the grant is implemented in accordance with the standards outlined in MPSAS 23 paragraph 117 wherein the grant for fixed assets is amortised over the life of the assets while the grant for infrastructure maintenance is amortised when maintenance works are calculated as expenses.*

*In 2022, RAC recorded amortisation of grant totalling RM93 million as capital for one (1) unit of Unimat Compact Tamper Machine, two (2) units of Duomatic Tamper and Track Machines (Linsinger Rail Milling Machine) under the Gemas-Johor Bahru Electrified Double-Tracking Rail Project. Besides that, RAC has also registered amortisation of grant under PEMERKASA totalling RM594,000 for two (2) projects for the construction of a one-level car park area, a covered motorcycle car park at Gurun Railway Station, Kedah and Parit Buntar, Railway Station, Perak. .*

### PERBELANJAAN

Perbelanjaan di RAC dikategorikan seperti berikut:

### EXPENDITURE

RAC's expenditure is categorised as below:



Rajah 22: Jumlah dan pecahan kategori belanja di RAC  
Diagram 22: Total expenses and breakdown of expenses at RAC




## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

### a) PERBELANJAAN PENTADBIRAN

### a) ADMINISTRATIVE EXPENDITURE

#### JUMLAH PERBELANJAAN TAHUNAN DARI 2012 - 2022 TOTAL ANNUAL EXPENDITURE FROM 2012-2022



Graf 8: Jumlah perbelanjaan tahunan dari 2012 hingga 2022  
Graf 8: Total annual expenditure from 2012 to 2022

Mulai 2015, RAC tidak lagi menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan operasinya. Dalam hal ini, RAC telah menggunakan rizab tunai daripada dana Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan aset.

Pada tahun semasa, sejumlah RM55 juta telah diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan aset RAC dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 90 peratus iaitu RM49.18 juta telah dibelanjakan pada 2022.

Menyedari hakikat bahawa kesemua perbelanjaan di RAC adalah menggunakan sumber sendiri, sebahagian besar peruntukan iaitu RM37.53 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran emolumen, elaun tetap dan juga bagi perkhidmatan dan bekalan untuk kegunaan RAC

*Since 2015, RAC no longer receives allocation from the Federal Government to conduct its operations. Towards this end, RAC has fully utilised the Railway Assets Corporation Fund to cover its administrative and asset management expenditures.*

*During the current year, a total of RM55 million has been allocated for RAC's administrative and asset management expenditures, and of the total, 90 per cent or RM49.18 million were spent in 2022.*

*Cognisant of the fact that all expenditure at RAC are utilised from its own funds, the bulk of allocation that is RM37.53 million were spent on payments of emoluments, fixed allowances and for services and supplies for RAC use.*

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Pada tahun semasa, jumlah keseluruhan belanja tahunan menunjukkan kenaikan sebanyak 43 peratus menjadikan jumlah belanja yang dibuat adalah berjumlah RM49 juta berbanding jumlah belanja tahun sebelumnya sebanyak RM28 juta. Kenaikan perbelanjaan ini adalah disebabkan pelaksanaan pelbagai projek melibatkan penambahbaikan, pengurusan, penyelenggaraan dan pembaikan aset kereta api seperti kerja pembersihan di atas tanah rezab keretapi di Jalan Kebun Teh, Johor Bahru, Kota Setar, Kedah, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain negeri. Selain daripada itu, belanja projek ini melibatkan kerja-kerja penyiasatan tanah dan meracun di kawasan tersebut. Pelaksanaan dan pembayaran akan dilakukan pada 2022 dan 2023.

### b) PERBELANJAAN PENGURUSAN ASET

Sepertimana perbelanjaan pentadbiran, Perbadanan ini turut menggunakan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung sepenuhnya semua perbelanjaan berkaitan pengurusan aset. Perbelanjaan di bawah tajuk ini merangkumi perbelanjaan bagi tujuan pembayaran cukai tanah, cukai taksiran, bayaran bagi penilaian aset serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan aset yang lain seperti pembersihan kawasan dan penyelenggaraan kecil.

Tindakan ini selaras dengan usaha dan hasrat RAC dalam memastikan bahawa aset (terutama tanah kereta api di kawasan jajaran yang berhampiran kawasan kediaman dan tumpuan awam) diselenggara dengan baik bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan memastikan tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran sentiasa dalam keadaan yang bersih bagi memastikan kesejahteraan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan berkenaan. Pada tahun semasa, sejumlah RM17.890 juta telah dibelanjakan untuk bayaran cukai tanah, cukai taksiran dan kerja-kerja melibatkan penyelenggaraan aset kereta api.

*During the current year, total annual expenses shows an increase of 43 per cent, bringing the total expenses to RM49 million compared to RM28 million during the previous year. The increase in expenditure was brought about by the implementation of various projects involving improvements, management, maintenance, repairs of railway assets such as cleaning works on railway reserve land at Jalan Kebun Teh, Johor Bahru, Kota Setar, Kedah, Kuala Lumpur, Pulau Pinang and other states. In addition, expenses for this project involves works related to land*



### b) ASSET MANAGEMENT EXPENDITURE

*Just like the administrative expenditure, the Corporation also utilises the allocation from the Railway Assets Corporation Fund to fully cover all expenses related to asset management. The expenditure under this topic is for purposes of land tax payment, tax assessment, payment for asset valuation as well as expenditure on maintenance and management of other assets such as cleaning up of areas and minor maintenance.*

*These are in line with RAC's efforts and aspiration towards ensuring that assets (especially railway land at railway stretches near residential areas and public places) are well-maintained to avoid encroachments by irresponsible parties and to ensure that railway land along the stretches are clean for the wellbeing of the nearby residents. During the current year, a total of RM17.890 million was spent on land tax, tax assessment and works related to maintenance of railway assets.*




## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Merujuk kepada graf 9, jumlah perbelanjaan pengurusan aset pada 2022 telah mencatat kenaikan sebanyak 49 peratus (iaitu RM5.9 juta) berbanding tahun sebelumnya iaitu RM11.984 juta.

*Referring to graph 9, total asset management expenditure in 2022 increased 49 per cent to RM5.9 million compared to RM11.984 million previously.*

**PERBELANJAAN PENGURUSAN ASET TAHUN 2012 - 2022**  
**ASSET MANAGEMENT EXPENDITURE FOR 2012-2022**



Graf 9: Jumlah perbelanjaan pengurusan aset dari 2012 hingga 2022  
*Graph 9: Total asset management expenditure from 2012 to 2022*

# ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN FINANCIAL POSITION ANALYSIS

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menjana hasil, kedudukan kewangan RAC pada 2022 kekal stabil dengan peningkatan tunai sebanyak tujuh (7) peratus berbanding 2021. Jumlah tunai di RAC pada 2022 adalah berjumlah RM605 juta.

*Albeit the various challenges in generating revenue, RAC's financial position in 2022 remained stable with a seven (7) per cent increase in cash flow compared to 2021. RAC's total cash flow in 2022 stood at RM605 million.*


## i. Aset dan Liabiliti Semasa RAC

Berdasarkan Penyata Kewangan RAC yang berakhir pada 31 Disember 2022, dinyatakan bahawa aset semasa RAC adalah melebihi liabiliti semasa dengan jumlah perbezaan RM156 juta. Nisbah semasa bagi aset dan liabiliti adalah 1.33 kali ganda. Nisbah ini menunjukkan kekuatan tunai RAC dalam membayar liabiliti semasa jika diperlukan. Situasi ini secara langsung membuktikan Perbadanan ini mempunyai kemampuan untuk kekal relevan dan efektif dalam melaksanakan fungsi utama RAC sebagai pemilik aset kereta api di negara ini. Graf 10 menunjukkan nisbah aset semasa dan liabiliti semasa bermula 2012 sehingga 2022.

## i. RAC's Current Assets and Liabilities

*Based on RAC's Financial Statement for the year ended Dec 31, 2022, RAC's current assets exceeded current liabilities with a total difference of RM156 million. The ratio of current assets to liabilities is at 1.33 times. The ratio shows RAC has a strong cash position to settle its current liabilities, if the need arises. This situation proves that the Corporation remains relevant and effective in performing its functions as the nation's railway asset owner. Graph 10 shows the ratio of current assets and current liabilities from 2012 to 2022.*

**NISBAH ASET SEMASA DAN LIABILITI SEMASA TAHUN 2012 - 2022**  
**RATIO OF CURRENT ASSETS AND LIABILITIES 2012-2022**



Graf 10: Nisbah aset semasa dan liabiliti semasa RAC dari 2012 hingga 2022  
*Graph 10: Ratio of RAC's current assets and liabilities from 2012 to 2022*

## ii. Aset Bukan Semasa RAC

RAC merupakan pengurus dan pemilik bagi semua aset kereta api seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 89, Akta Keretapi 1991. Komponen utama aset bukan semasa RAC adalah Hartanah, Loji & Peralatan (PPE) dan Kerja Dalam Pelaksanaan (KDP).

## i. RAC's Non-Current Assets

*RAC is the caretaker and owner of all railway assets as stated in Section 89 of the Railways Act 1991. The key components of RAC's non-current assets are Property, Plant & Equipment (PPE) and Work under Implementation (WIP).*




## ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN FINANCIAL POSITION ANALYSIS

Pada 2022, nilai buku bersih PPE telah berkurangan sebanyak RM507 juta disebabkan peruntukan susut nilai berjumlah RM605 juta, penambahan permodalan aset berjumlah RM93 juta dan selebihnya adalah daripada pelupusan aset. Berikut adalah graf pergerakan hartanah, loji dan peralatan RAC bermula 2012 sehingga 2022.

*In 2022, total net book value of the PPE was reduced to RM507 million due to depreciation provision totalling RM605 million, additional asset capitalisation of RM93 million and the balance from disposal of assets. The graph below shows the movement of property, plant and equipment at RAC from 2012 to 2022.*

### JUMLAH HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN PADA 2012 - 2022 TOTAL PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT 2012 - 2022



Graf 11: Jumlah hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki RAC dari 2012 hingga 2022  
*Graph 11: Total property, plant and equipment owned by RAC from 2012 to 2022*

KPD terdiri daripada dua (2) kaedah projek pembangunan iaitu:

- Projek yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC; dan
- Projek yang dilaksanakan oleh KTMB dan dibiayai oleh Kerajaan.

*Current work under implementation consists of two (2) development projects namely:*

- *Projects implemented and funded by RAC; and*
- *Projects implemented by KTMB and funded by the Government.*

RAC dalam proses melaksanakan pelarasan data bagi KDP KTMB dan baki terkini KDP bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh KTMB serta Geran Kerajaan Persekutuan. Jumlah KDP di dalam rekod RAC pada 2022 adalah bernilai RM6.9 bilion.

*RAC is in the process of streamlining the data for KTMB's Work under Implementation (WIP) with the latest balance of WIP for development projects undertaken by KTMB and under the Federal Government Grant. Total WIP in RAC's record in 2022 stood at RM6.9 billion.*

## PEMBAYARAN BALIK HUTANG REPAYMENT OF DEBTS

Pinjaman Kerajaan Persekutuan (secara terus), Pinjaman Semula dan Pinjaman Komersial yang diambil alih oleh RAC daripada pentadbiran KTM pada tarikh yang sama KTMB diwujudkan iaitu pada Julai 1991. Selain mewarisi kesemua aset-aset kereta api setelah pembubaran pentadbiran KTM, Perbadanan ini juga mengambil alih kesemua liabiliti dan hutang-hutang pada ketika itu yang dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion.

Pada 31 Disember 2007, RAC telah selesai membayar sebahagian daripada liabiliti berkenaan. Seterusnya, MOF telah meluluskan permohonan untuk membuat hapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi Pinjaman Disusun Semula berjumlah RM651.057 juta.

Selaras dengan langkah itu, tanggungan hutang RAC secara keseluruhannya pada 2022 adalah berjumlah RM419,937,000. RAC juga telah membuat pembayaran berjumlah RM2.3 juta daripada dana Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi dan jumlah baki semasa ini adalah berdasarkan jadual seperti berikut:

*Federal Government Direct Loans, Relending Loans and Commercial Loans had been taken over by RAC from KTM Administration the same day KTMB was established in July 1991. Apart from inheriting all of the railway assets after the dissolution of the KTM Administration, the Corporation also assumed all liabilities and debts, which were then estimated at RM1.763 billion.*

*On Dec 31, 2007, RAC settled payment for part of the liabilities. Subsequently, the Ministry of Finance (MOF) approved the write-off application for Federal Government Loans for a Restructured Loan of RM651.057 million.*

*Following this, RAC's RAC's total liabilities in 2022 stood at RM419,937,000. RAC also made payments totalling RM2.3 million from the Railway Assets Corporation Fund with the current balance shown in the table below:*

JENIS HUTANG TYPES OF DEBT	JUMLAH DIAMBIL ALIH TOTAL TAKEN OVER (1992) (RM)	BAKI PADA 31/12/2022 BALANCE AT 31/12/2022 (RM'000)
Kerajaan <i>Government</i>	1,179,786,127	0
Komersial <i>Commercial</i>	30,101,631	0
UK Malaysia Aid	58,498,000	42,175
Pinjaman Semula <i>Relending Loan</i>	554,021,881	377,762
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>1,763,909,639</b>	<b>419,937</b>

Jadual 17: Baki Hutang Pinjaman Kerajaan pada 2022  
Table 17: Table 17: Balance of Unpaid Government Loans in 2022



## PEMBAYARAN BALIK HUTANG REPAYMENT OF DEBTS

Berdasarkan jadual di atas hutang yang telah diambil alih daripada Pentadbiran KTM boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu:

### i. Pinjaman Komersial

Pada asalnya RAC telah mengambil alih empat (4) jenis hutang komersial daripada Pentadbiran KTM dan telah dibayar sepenuhnya pada 2006 terdiri daripada:

- a) Bank Dunia berjumlah RM6,977,680 (telah habis diayar pada 1996);
- b) UMBC berjumlah RM2,500,00 (telah habis dibayar pada 1997);
- c) Kredit Pembekal Ganz Mavang bernilai RM5,439,501 (telah habis dibayar pada 2001); dan
- d) RHB Bank (dahulunya Kwong Yik Bank) berjumlah RM15,184,450 (telah habis dibayar pada 2006).

### ii. Pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus

Pinjaman ini adalah pinjaman yang diterima secara terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Pentadbiran KTM. Pada asalnya RAC mengambil alih 76 pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus berjumlah RM1,249,830,478.71. Pada 1996, Perbendaharaan telah menyusun semula 75 daripada 76 pinjaman ini (kecuali UK Malaysia Aid) kepada satu pinjaman yang baharu di mana jumlah pokok 75 pinjaman sebanyak RM1,221,827,567.15 menjadi satu pinjaman baru berjumlah RM1,508,116,279.54 dengan kadar faedah sifar. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 19 tahun dengan peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan.

*Based on the table above, loans which had been taken over by RAC from the KTM Administration can be divided into three (3) types:-*

### i. Commercial Loans

*Originally, RAC took over four (4) types of commercial loans from the KTM Administration which had been fully settled in 2006 namely from:*

- a) World Bank for a total of RM6,977,680 (fully settled in 1996);*
- b) UMBC for a total of RM2,500,000 (fully settled in 1997);*
- c) Ganz Mavang Supply Credit for a total of RM5,439,501 (fully settled in 2001); and*
- d) RHB Bank (formerly Kwong Yik Bank) for a total of RM15,184,450 (fully settled in 2006).*

### ii. Direct Loans from the Federal Government

*The loans were received directly from the Federal Government by the KTM Administration. Initially, the RAC took over 76 direct loans from the Federal Government amounting to RM1,249,830,478.71. In 1996, the Treasury restructured 75 out of the 76 loans (except UK Malaysia Aid) to a new loan where the principal amount of the 75 loans worth RM1,221,827,567.15 became a new loan totalling RM1,508,116,279.54 with zero per cent interest rate. The new loan must be settled within a period of 19 years using the allocation from the Government.*

## PEMBAYARAN BALIK HUTANG REPAYMENT OF DEBTS

### iii. Pinjaman dari luar yang dipinjamkan semula oleh Kerajaan Persekutuan

Mengikut perjanjian ini, Pentadbiran KTM perlu membayar bayar balik apa sahaja yang dibayar oleh Kerajaan kepada pemberi pinjaman termasuk faedah, kawat dan tukaran mata wang asing. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang diperolehi Kerajaan dari luar negara khusus untuk sesuatu projek dan ia dipinjamkan semula kepada Pentadbiran KTM dengan cara back-to-back. Pada masa ini terdapat tujuh (7) pinjaman jenis ini yang dikenal pasti iaitu:

- a) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Jepun
- b) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Jepun
- c) Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Jepun
- d) Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Jepun
- e) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 juta, Republik Jerman (RS7266026) – Selesai pembayaran pada 2006.
- f) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 juta, Republik Jerman (RS7665029) – Selesai pembayaran pada 2006.
- g) Ssang Yong, Korea – Selesai pembayaran pada 2003.

### iii. Relending Loans (External Loans) Reallocated by the Federal Government

*According to this agreement, the KTM Administration has to reimburse any amount paid by the Government to the lenders, including interest, telegraphic and foreign exchange. These loans, obtained by the Government from foreign sources, were meant for specific projects and reallocated to the KTM Administration on back-to-back basis. At present, seven (7) of such loans have been identified, namely:*

- a) *Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Japan*
- b) *Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Japan*
- c) *Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Japan*
- d) *Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Japan*
- e) *Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 million, RepublikJerman (RS7266026) – Fully settled in 2006.*
- f) *Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 million, RepublikJerman (RS7665029) – Fully settled in 2006.*
- g) *Ssang Yong, Korea – Fully settled in 2003.*



# Seksyen 11

## SECTION 11

### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON  
RAC'S FINANCIAL STATEMENT  
FOR THE YEAR ENDED  
31 DECEMBER 2022**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN ASET KERETAPI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Perbadanan Aset Keretapi dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Aset Keretapi pada 31 Disember 2022, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

**a. Hartanah, Loji dan Peralatan**

Baki hartanah, loji dan peralatan dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2022 sejumlah RM26,959,835,731 berbeza dengan baki yang dinyatakan dalam laporan pergerakan aset tetap sejumlah RM26,964,094,170. Perbezaan sejumlah RM4,258,439 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana ketiadaan dokumen sokongan dan maklumat terperinci aset tersebut juga tidak dapat disediakan.



#### **b. Kerja Dalam Pelaksanaan**

Dua projek dalam pelaksanaan telah siap dan memperoleh sijil perakuan siap kerja atau sijil penyediaan dan pematuhan tidak diiktiraf dan direkodkan sebagai aset atau perbelanjaan. Perkara ini menyebabkan kerja dalam pelaksanaan telah terlebih nyata sejumlah RM19,112,573 dan perbelanjaan susut nilai tidak diambil kira dalam tahun kewangan semasa.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

#### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Aset Keretapi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

#### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Perbadanan, Perbadanan Aset Keretapi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Perkara Utama Audit**

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan dalam sijil ini.

#### **Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463]. Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Aset Keretapi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Aset Keretapi;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan

Aset Keretapi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Aset Keretapi tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Anggota Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain tidak disimpan dengan sempurna seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Perbadanan, Perbadanan Aset Keretapi berdasarkan keperluan Akta Keretapi 1991 [Akta 463] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
12 DISEMBER 2023



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Perbadanan  
PERBADANAN ASET KERETAPI**

Kami, DATO' JANA SANTHIRAN MUNIYAN dan DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN ASET KERETAPI pada 31 DISEMBER 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



NAMA : DATO' JANA SANTHIRAN  
MUNIYAN  
GELARAN : PENERUSI  
TARIKH : 26 JUN 2023  
TEMPAT : KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA  
ARAS 9, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN  
PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



NAMA : DATO' DR. AMIRUDDIN BIN  
MUHAMED  
GELARAN : AHLI  
TARIKH : 26 JUN 2023  
TEMPAT : KEMENTERIAN KEWANGAN  
SEKTOR PENGURUSAN  
STRATEGIK BADAN BERKANUN  
BAHAGIAN SYARIKAT PELABURAN  
KERAJAAN  
NO. 5 JALAN PERSIARAN  
PERDANA PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
PERBADANAN ASET KERETAPI**

Saya, AZHAR BIN AHMAD, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Bandar Baru Bangi )  
Selangor )  
pada 26 JUN 2023 )



Di hadapan saya,



310A Diamond Complex,  
Bangi Business Park,  
Jalan Medan Off Jln Persiaran,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2022**

	<u>Nota</u>	<b>2022</b> RM'000	<b>2021</b> Dinyatakan semula RM'000
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Akaun Belum Terima	6	27,756	23,725
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	7	604,806	567,179
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>632,562</b>	<b>590,904</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	8	26,959,836	27,466,871
Aset Tak Ketara	9	98	104
Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan	10	6,991,375	6,883,743
Akaun Belum Terima	6	82,170	109,560
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>34,033,479</b>	<b>34,460,278</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>34,666,041</b>	<b>35,051,182</b>
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar	11	52,087	31,787
Pinjaman	12	410,547	409,924
Tanggungan Cukai Pendapatan		14,216	32,703
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>476,850</b>	<b>474,414</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Pinjaman	12	9,390	11,576
Liabiliti Cukai Tertunda	13	80	4,606
Geran Kerajaan Persekutuan	14	8,669,461	8,568,047
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>8,678,931</b>	<b>8,584,229</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>9,155,781</b>	<b>9,058,643</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>25,510,260</b>	<b>25,992,539</b>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>			
Rizab Penilaian Aset	15	7,964,177	7,964,177
Keuntungan Terkumpul	16	17,546,083	18,028,362
<b>Jumlah Aset Bersih/Ekuiti</b>		<b>25,510,260</b>	<b>25,992,539</b>

**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
		RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<b>Hasil</b>			
Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran	17	93,095	15,082
Hasil daripada Urusniaga Pertukaran	18	63,793	217,352
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>156,888</b>	<b>232,434</b>
<b>Perbelanjaan</b>			
Emolumen	19	4,372	3,307
Perkhidmatan dan Bekalan	20	11,310	9,629
Penajaan, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	21	999	1,175
Perbelanjaan Lain	22	625,470	614,074
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>642,151</b>	<b>628,185</b>
<b>Kurangan sebelum cukai</b>		<b>(485,263)</b>	<b>(395,751)</b>
<b>Cukai</b>	23	<b>1,467</b>	<b>25,341</b>
<b>Kurangan bersih tahun semasa</b>		<b>(483,796)</b>	<b>(370,410)</b>

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Rezas Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
<b>2021</b>			
<b>Dinyatakan Semula</b>			
<b>Pada 1 Januari 2021</b>	7,964,177	19,060,209	27,024,386
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	19,060,209	27,024,386
Pelarasan tahun lalu	-	(661,437)	(661,437)
Kurangan bersih bagi tahun semasa	-	(370,410)	(370,410)
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>7,964,177</b>	<b>18,028,362</b>	<b>25,992,539</b>
<b>2022</b>			
<b>Pada 1 Januari 2022</b>	7,964,177	18,028,362	25,992,539
	7,964,177	18,028,362	25,992,539
Kurangan bersih bagi tahun semasa	-	(482,279)	(482,279)
<b>Pada 31 Disember 2022</b>	<b>7,964,177</b>	<b>17,546,083</b>	<b>25,510,260</b>

2021 - Pelarasan melibatkan rekod restrospektif bagi hasil akruan penjualan tanah, pelarasan pengiraan susut nilai dan pelarasan pengiraan cukai tertunda bagi tahun 2020.



PERBADANAN ASET KERETA API  
Dilubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>Dinyatakan semula RM'000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Kurangan	(483,796)	(370,410)
<u>Pergerakan Bukan Tunai</u>		
Susut Nilai	(604,624)	(604,936)
Bayaran Cukai	-	-
Perubahan dalam peruntukan bagi hutang ragu	(5,837)	3,188
Perubahan dalam pemiutang	(20,281)	18,609
Perubahan dalam pinjaman	23,058	28,657
Perubahan dalam peruntukan berkaitan dengan kos pekerja	(19)	(150)
Perubahan dalam modal kerja	(101,414)	57,700
Perubahan dalam aset semasa lain	(24,084)	111,531
Perubahan dalam kerja dalam pembinaan	107,634	729,594
Perubahan dalam penghutang	6,504	(768,208)
	<b>(619,063)</b>	<b>(424,015)</b>
<i>Penghasilan Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</i>	<b>(135,267)</b>	<b>(53,605)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Belian hartanah, loji dan peralatan	97,582	(27,899)
<i>Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan</i>	<b>97,582</b>	<b>(27,899)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Hasil daripada pinjaman	58	1
<i>Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan</i>	<b>58</b>	<b>1</b>
Kenalkan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	37,627	81,503
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	567,179	485,676
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>604,806</b>	<b>567,179</b>

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar <sup>A</sup> RM'000	Varian Bajet <sup>AA</sup> RM'000
	Asal RM'000	Akhir RM'000		
<b>TERIMAAN</b>	<b>76,308</b>	<b>76,308</b>	<b>91,182</b>	<b>14,874</b>
Faedah dan Simpanan Tetap	11,913	11,913	12,343	430
Lain-lain Hasil	27,390	27,390	39,160	11,770
Sewaan dan Pajakan	37,005	37,005	39,679	2,674
<b>EMOLUMEN</b>	<b>3,835</b>	<b>4,535</b>	<b>4,372</b>	<b>163</b>
Bayaran Imbuhan Tahunan & Bantuan kewangan	409	359	330	29
Elaun Lebih Masa	63	63	53	10
Elaun Tetap	843	1,473	1,467	6
Faedah Kewangan Yang Lain	388	308	256	52
Gaji dan Upahan	1,820	1,520	1,478	42
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	312	812	788	24
<b>PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>	<b>18,776</b>	<b>11,457</b>	<b>11,310</b>	<b>147</b>
Bekalan & Bahan-bahan lain	191	286	286	-
Bekalan Bahan Mentah & Bahan Untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	154	55	54	1
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	1,904	969	911	58
Perbelanjaan Perjalanan dan sara hidup	999	594	560	34
Perhubungan dan Utiliti	271	141	139	2
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Lain Yang dibeli & Hospitaliti	12,003	7,153	7,130	23
Sewaan	3,254	2,259	2,230	29
<b>ASET</b>	<b>4,500</b>	<b>11,879</b>	<b>7,025</b>	<b>4,854</b>
Kelengkapan Pejabat dan Ubahsuai	4,500	3,899	279	3,620
Kerja Dalam Pelaksanaan	-	7,980	6,746	1,234
<b>PENAJAAN, PEMBERIAN &amp; KENAAN BAYARAN TETAP</b>	<b>2,481</b>	<b>2,631</b>	<b>2,562</b>	<b>69</b>
Bayaran Pinjaman	2,400	2,400	2,340	60
Faedah, Dividen & Kenaan Bayaran Hutang Negara	40	170	163	7
Gantian Cuti Rehat & Pemberian Dalam Negeri	41	61	59	2
<b>PERBELANJAAN LAIN</b>	<b>24,989</b>	<b>24,079</b>	<b>23,906</b>	<b>173</b>
Bayaran lain-tanah rezab dan milik	24,974	17,964	17,890	74
Bayaran-bayaran lain	15	3,015	2,957	58
Cukai Pendapatan		3,100	3,059	41
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>54,581</b>	<b>54,581</b>	<b>49,175</b>	<b>5,406</b>
<b>JUMLAH LEBIHAN</b>	<b>21,727</b>	<b>21,727</b>	<b>42,007</b>	<b>20,280</b>

<sup>A</sup> Terimaan dan Perbelanjaan adalah bagi transaksi dalam tunai sahaja<sup>AA</sup> Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota di halaman 7 hingga 30 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022****1. MAKLUMAT UMUM****1.1 Kegiatan Utama**

Kegiatan utama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ini adalah untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara semua aset, liabiliti dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dipindahmilik kepada RAC melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan juga membangunkan infrastruktur kereta api. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama ini di sepanjang tahun.

**1.2 Kelulusan Penyata Kewangan**

Penyata kewangan ini telah diedarkan dan dituluskan melalui resolusi Anggota Perbadanan pada 26 Jun 2023.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING****2.1 Asas Perakaunan**

Penyata kewangan RAC telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS). Piawaian ini bertujuan untuk meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan penyata kewangan serta kebolehbandingan penyata kewangan ini dari semasa ke semasa dengan penyata entiti lain.

Geran mengurus adalah geran yang diterima untuk tujuan membiayai kos operasi Perbadanan dan diambilkira sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Manakala geran pembangunan adalah geran yang diterima untuk tujuan projek-projek tertentu. Sebarang perbelanjaan untuk program ini dilunaskan apabila ia dibelanjakan.

**2.2 Perubahan Polisi Perakaunan**

Piawaian berikut akan berkuatkuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. RAC memilih untuk menerima pakai awal piawaian ini bermula pada tahun 2021 dan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022.

- MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Kerajaan Am
- MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
- MPSAS 24, Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai
- MPSAS 31, Aset Tak Ketara

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)**

**2.3 Tukaran Matawang**

Urus niaga dalam matawang asing di sepanjang tempoh telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang menghampiri kadar berkuatkuasa pada tarikh urus niaga. Aset-aset dan tanggungan matawang asing bersifat kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan telah dinilai kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh itu. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran telah diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

**2.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Semua tunai dan kesetaraan tunai merupakan wang simpanan RAC di dalam bank sama ada akaun semasa atau simpanan tetap. Berdasarkan MPSAS 2, RAC menetapkan simpanan deposit tetap sebagai kesetaraan tunai pada asas ia mudah ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**2.5 Nilai Aset Terjejas**

Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, RAC mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan. Nilai aset terjejas akan dilaksanakan apabila RAC dapat mengenalpasti dengan jelas aset yang tidak ekonomi dan perlu dirosot nilai.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semua aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan dimana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan.

**2.6 Instrumen-instrumen Kewangan**

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila RAC telah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengaturan kontrak. Faedah, dividen dan laba serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Instrumen-instrumen kewangan diseimbangkan apabila RAC mempunyai hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai  
Bagi lujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk di bank dan deposit yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai, bersih daripada overdraf bank belum jelas.

(ii) Penghutang  
Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalis dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran peruntukan rosot nilai penghutang dibuat pada nilai hutang bagi penghutang yang telah menerima 'Letter of Demand (LOD)' dan pada kadar 4% bagi baki hutang yang melebihi RM500,000.00 dalam tempoh tahun kewangan. Kadar faedah 4% adalah berdasarkan nilai faedah pinjaman yang dikenakan oleh kerajaan atas baki tunggakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)****2.6 Instrumen-instrumen Kewangan (samb.)**

- (iii) Pemiutang  
Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

**2.7 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan**

Kerja-kerja dalam pelaksanaan merupakan projek-projek infrastruktur kereta api dan projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC serta projek pembangunan yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan yang masih belum siap sepenuhnya semasa penyata ini disediakan. Ianya diakaunkan sebagai kerja-kerja dalam pelaksanaan apabila kontraktor projek yang berkaitan membuat tuntutan pembayaran kemajuan.

Kerja-kerja dalam pelaksanaan sama ada akan dipermudahkan ke aset tetap mengikut jenis-jenis aset yang berkenaan atau diakaunkan sebagai belanja penyenggaraan infrastruktur melalui penyerahan *Certificate of Practical Completion* (CPC).

**2.8 Permodalan Aset**

Aset Tetap terdiri daripada hartanah, loji dan peralatan dan kerja-kerja dalam pelaksanaan yang mana pengiktirafan aset adalah berasaskan MPSAS 17-Hartanah, Loji dan Peralatan, dan dipermudahkan apabila aset-aset berkenaan siap sepenuhnya mengikut kontrak yang dibuat kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Bagi aset-aset yang dibeli, hanya aset kos seunit RM3,000.00 atau lebih akan dianggap sebagai aset tetap. Aset-aset yang dinilai kurang RM3,000.00 akan dianggap sebagai belanja dan direkodkan di bawah inventori peralatan pejabat.

**2.9 Penyenggaraan Infrastruktur**

Penyenggaraan infrastruktur adalah kerja-kerja penyenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur tersebut. Dalam keadaan biasa, kos penyenggaraan yang dibiayai oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam kerja-kerja pelaksanaan. Ianya akan dikira sebagai belanja apabila sesuatu projek penyenggaraan itu selesai.

**2.10 Pinjaman Jangka Pendek**

Pinjaman Jangka Pendek merupakan jumlah tunggakan Pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan. Jumlah Pinjaman Jangka Panjang ditolak jumlah ini menjadikan baki Pinjaman Jangka Panjang kelihatan rendah.

**2.11 Geran Dan Pelunasan Geran**

Geran Operasi yang diterima untuk operasi RAC daripada urus niaga bukan pertukaran diambil kira sebagai hasil. Geran Kerajaan diterima untuk pembiayaan aset dan penyenggaraan infrastruktur daripada urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai liabiliti dan dikira sebagai pendapatan tertunda. Apabila pembiayaan dan penyenggaraan selesai geran kerajaan diiktiraf sebagai aset atau perbelanjaan infrastruktur, pelunasan geran hendaklah dilaksanakan dengan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. RAC merujuk kepada peruntukan MPSAS 23-*Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*, para 44, 45 dan 50.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**3. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI**

- 3.1 Sebelum tahun 2005, Aset Tetap telah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Pada tahun 2005, RAC telah menilai semula aset-aset tetap RAC dengan menetapkan nilai pada masa itu dan baki usia guna aset-aset berkenaan pengiraan susut nilai tahunan. RAC menggunakan nilai-nilai baru ini bermula tahun 2006.
- 3.2 Aset tidak ketara yang diperolehi direkodkan mengikut kos perolehan pada awal pengiktirafan. Pada tahun kewangan berikutnya, aset tidak ketara direkodkan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Perisian komputer dilunaskan secara garis lurus berdasarkan usia guna selama 3 tahun.
- 3.3 Susut nilai tidak diperuntukkan bagi semua jenis tanah milik bebas dan tanah rizab. Bagi kesemua aset yang lain, susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus dengan memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Susut nilai aset dikira dari seperti berikut:
- Aset diperolehi pada 15hb atau sebelumnya, susut nilai aset dikira pada awal bulan tersebut; dan
  - Aset diperolehi pada 16hb atau selepasnya, susut nilai aset dikira pada awal bulan berikutnya.
- 3.4 Anggaran hayat kegunaan aset-aset tetap RAC seperti berikut :-

	<u>Jumlah Tahun</u>
Grading dan Terowong	99
Jambatan dan Pembetung	99
Tanah Pajakan	30-99
Landasan	60
Yad Atur	60
Semboyan dan Komunikasi	33
Bangunan & Parkir	50
Sistem Elektrifikasi	25
Loji & Jentera	25
Kenderaan Keretapi	20-25
Pagar	15-25
Kenderaan Jalan Raya	10
Sistem Tiket	10
Ubahsuai pejabat	10
Komputer dan Perisian komputer	3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5
Peralatan Latihan	5
Inventori	-

- 3.5 Selepas proses penilaian semula aset-aset RAC, aset-aset yang masih ada nilai, disusutnilaikan berdasarkan nilai baru dan anggaran usia guna baru yang diberikan oleh jurunilai yang menilai aset-aset RAC.
- 3.6 Aset-aset yang diperolehi selepas penilaian semula direkodkan mengikut kos perolehan dan disusutnilaikan secara garis lurus berdasarkan usia guna seperti yang dinyatakan dalam nota 3.4.
- 3.7 Pada masa ini, aset-aset infrastruktur keretapi milik RAC digunakan oleh satu pelanggan sahaja. Sekiranya syarikat tersebut ditutup dan aset-aset infrastruktur ini dijual, kemungkinan besar RAC tidak mendapat pulangan menyamai dengan nilai buku bersih (kecuali tanah dan bangunan), sebaliknya RAC akan mendapat nilai harga barang lusuh sahaja.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022****3. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI (samb.)**

- 3.8 Oleh kerana aset-aset infrastruktur kereta api selalui di senggara (*major* atau *minor*), penjejasan aset adalah rendah dan mencukupi dengan susut nilai tahunan yang dikenakan ke atas aset-aset tersebut.

**4. PENGIKTIRAFAN HASIL****4.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset akan diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, RAC akan mengurangkan amaun bawaaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut nilai kos diiktiraf sebagai projek yang telah siap, aset yang dibeli atau belanja.

**4.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran**

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

4.2.1 Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaaan awal aset tersebut.

4.2.2 Hasil sewa dari hartanah merupakan pendapatan sewaan dan pajakan ke atas tanah-tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rizab kereta api. Hasil sewa dari hartanah yang dikutip oleh RAC melalui pengeluaran inbois bulanan berdasarkan prinsip perakaunan terakru.

4.2.3 Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

**5. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN****5.1 Manfaat Jangka Pendek**

5.1.1 Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022****5. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN (samb.)****5.2 Pelan Sumbangan Terancang**

- 5.2.1 Seperti diperuntukan oleh undang-undang, RAC di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 5.2.2 Ahli Lembaga Pengarah tidak dibayar pencen oleh RAC. Manakala bagi kakitangan yang memilih opsyen pencen, RAC mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) setiap bulan, manakala bayaran pencen kakitangan dibuat oleh kumpulan wang tersebut apabila mereka bersara kelak.

**5.3 Manfaat Jangka Panjang**

- 5.3.1 Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.
- 5.3.2 Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akrual adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.
- 5.4 RAC juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pegawai kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 5.5 RAC tidak membuat bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan RAC kecuali apa-apa yang layak kepada mereka berdasarkan lantikan dan arahan-arahan Kerajaan.
- 5.6 RAC tidak pernah membuat apa-apa kontrak bagi mana-mana pihak kakitangan atau Ahli Lembaga Pengarah. RAC juga tidak pernah dalam keadaan yang mengetahui memasuki mana-mana kontrak atau perjanjian bagi menguntungkan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan RAC.



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
**TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022**

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**6. AKAUN BELUM TERIMA**

	<u>2022</u> RM'000	<u>2021</u> Dinyatakan semula RM'000
Deposit Dan Prabayar	1,805	1,302
Faedah Akan Diterima	5,701	2,897
Pendahuluan Diri	-	-
Pendahuluan Pelbagai	-	1
Penghutang Pelbagai	465	202
Penghutang Sewaan	33,020	26,780
Pinjaman Kakitangan	199	140
Pembayaran Berjadual LTS	82,170	109,560
	123,360	140,882
Tolak: Peruntukan Rosot Nilai Penghutang	(13,434)	(7,597)
	<b>109,926</b>	<b>133,285</b>

**7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	<u>2022</u> RM'000	<u>2021</u> RM'000
Baki Tunai Di Bank	20,783	16,779
Simpanan Tetap	584,023	550,400
	<b>604,806</b>	<b>567,179</b>

MPSAS 2 – Termasuk dalam tunai dan kesetaraan tunai adalah simpanan tetap untuk tempoh 3 bulan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Simpanan tetap selain tempoh 3 bulan telah mencapai tahap matang pada tahun 2022.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 8. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

2022 Kos	Pada	Permodalan	Tambahan/ Petupusan/ Pelarasan	Pada
	1.1.2022	RM'000	RM'000	31.12.2022
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Alat Komunikasi	315,039	-	-	315,039
Alat Semboyan	1,382,485	-	-	1,382,485
Bangunan Operasi Kereta api	323,451	-	-	323,451
Bangunan Parkir	86,174	594	-	86,768
Bangunan Pejabat	38,524	-	224	38,748
Grading	443,930	-	-	443,930
Inventori Kereta api	15,392	8,401	-	23,793
Jambatan	3,952,373	-	-	3,952,373
Kelengkapan Pejabat	1,463	-	55	1,518
Kenderaan Kereta api	3,041,653	-	-	3,041,653
Kenderaan Pejabat	3,324	90	-	3,414
Komputer	3,531	-	-	3,531
Kuarters	115,495	-	-	115,495
Lain-lain Bangunan	286,147	-	-	286,147
Landasan	9,157,013	-	-	9,157,013
Loji & Jentera	651,352	64,010	-	735,362
Pagar	63,778	-	-	63,778
Pembentung	904,120	-	-	904,120
Pencawang	229	-	-	229
Sistem Elektrifikasi	2,899,423	-	-	2,899,423
Sistem Tiket	113,341	-	-	113,341
Stesen	945,574	-	4,887	950,461
Tanah – Milik bebas	721,828	-	(166)	721,662
Tanah - Pajakan	256,153	-	(514)	255,639
Tanah - Rizab	7,352,029	-	-	7,352,029
Terowong	650,917	-	-	650,917
	<b>33,724,738</b>	<b>93,095</b>	<b>4,486</b>	<b>33,822,319</b>

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 8. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN (samb.)

2022 Susut nilai terkumpul (sambungan)	Pada	Susut nilai	Susut nilai	Susut nilai	Pada
	1.1.2022	Semasa	Pelepasan	Semasa	31.12.2022
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Alat Komunikasi	78,267	9,547	-	87,814	
Alat Semboyan	353,413	41,893	-	395,306	
Bangunan Operasi Kereta api	144,406	6,469	-	150,875	
Bangunan Parkir	8,360	1,731	-	10,091	
Bangunan Pejabat	11,211	807	-	12,018	
Grading	153,452	4,480	-	157,932	
Jambatan	539,766	39,889	-	579,655	
Kelengkapan Pejabat	1,156	50	-	1,206	
Kenderaan Kereta api	1,453,521	152,083	-	1,605,604	
Kenderaan Pejabat	1,681	313	-	1,994	
Komputer	3,531	-	-	3,531	
Kuarters	53,597	2,304	-	55,901	
Lain-lain Bangunan	43,406	5,723	-	49,129	
Landasan	1,590,167	151,633	-	1,741,800	
Loji & Jentera	148,021	26,690	-	175,711	
Pagar	31,155	4,252	-	35,407	
Pembentung	181,881	9,125	-	191,006	
Pencawang	40	5	-	45	
Penjajaan nilai aset - kereta api	73,048	-	-	73,048	
Sistem Elektrifikasi	963,216	110,176	-	1,073,392	
Sistem Tiket	61,630	10,342	-	71,972	
Stesen	212,483	18,993	-	231,476	
Tanah - Milik Bebas	-	-	-	-	
Tanah - Pajak	40,348	1,543	-	41,891	
Terowong	109,110	8,569	-	115,679	
	<b>6,257,966</b>	<b>604,617</b>	<b>-</b>	<b>6,862,483</b>	

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

2021 Dirivatakan semula	Pada 1.1.2021		Permodalan		Tambahani/ Pelupusan/ Pelarasan		Pada 31.12.2021	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Kos</b>								
Alat Komunikasi	315,039	315,039	-	-	-	-	315,039	315,039
Alat Semboyan	1,382,485	1,382,485	-	-	-	-	1,382,485	1,382,485
Bangunan Operasi Kereta api	323,451	323,451	-	-	-	-	323,451	323,451
Bangunan Parkir	86,768	86,768	(595)	(595)	-	-	86,173	86,173
Bangunan Pejabat	38,748	38,748	(224)	(224)	-	-	38,524	38,524
Grading	443,930	443,930	-	-	-	-	443,930	443,930
Inventori Kereta api	23,793	23,793	(8,401)	(8,401)	-	-	15,392	15,392
Jambatan	3,952,373	3,952,373	-	-	-	-	3,952,373	3,952,373
Kelengkapan Pejabat	1,518	1,518	(55)	(55)	-	-	1,463	1,463
Kenderaan Kereta api	3,041,653	3,041,653	-	-	-	-	3,041,653	3,041,653
Kenderaan Pejabat	3,414	3,414	(90)	(90)	-	-	3,324	3,324
Komputer	3,531	3,531	-	-	-	-	3,531	3,531
Kuarters	115,495	115,495	-	-	-	-	115,495	115,495
Lain-lain Bangunan	286,147	286,147	-	-	-	-	286,147	286,147
Landasan	9,157,013	9,157,013	-	-	-	-	9,157,013	9,157,013
Loji & Jentera	735,362	735,362	(84,010)	(84,010)	-	-	651,352	651,352
Pagar	63,778	63,778	-	-	-	-	63,778	63,778
Pembentung	904,120	904,120	-	-	-	-	904,120	904,120
Pencawang	229	229	-	-	-	-	229	229
Sistem Elektrifikasi	2,899,423	2,899,423	-	-	-	-	2,899,423	2,899,423
Sistem Tiket	113,341	113,341	-	-	-	-	113,341	113,341
Stesen	950,461	950,461	(4,887)	(4,887)	-	-	945,574	945,574
Tanah – Milik bebas	721,663	721,663	-	-	166	166	721,829	721,829
Tanah - Pajakan	255,638	255,638	-	-	514	514	256,152	256,152
Tanah - Rizab	7,352,029	7,352,029	-	-	-	-	7,352,029	7,352,029
Terowong	650,917	650,917	-	-	-	-	650,917	650,917
	<b>33,822,319</b>	<b>33,822,319</b>	<b>(98,262)</b>	<b>(98,262)</b>	<b>680</b>	<b>680</b>	<b>33,724,737</b>	<b>33,724,737</b>

NOTA-NOTA KEPADA AKALIN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2022

## 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

2021 Dinyatakan semula Susut nilai terkumpul	Pada		Susut nilai		Susut nilai		Pada	
	1.1.2021	RM'000	Semasa	RM'000	Pelupusan	RM'000	31.12.2021	RM'000
(sambungan)								
Alat Komunikasi	68,542		9,725		-		78,267	
Alat Semboyan	310,656		42,757		-		353,413	
Bangunan Operasi Kereta api	137,860		6,546		-		144,406	
Bangunan Parkir	6,637		1,724		-		8,361	
Bangunan Pejabat	10,401		811		-		11,212	
Grading	149,205		4,247		-		153,452	
Jambatan	500,340		39,426		-		539,766	
Kelengkapan Pejabat	1,104		51		-		1,155	
Kenderaan Kereta api	1,300,375		153,145		-		1,453,520	
Kenderaan Pejabat	1,382		300		-		1,682	
Komputer	3,529		2		-		3,531	
Kuarters	51,261		2,336		-		53,597	
Lain-lain Bangunan	37,683		5,723		-		43,406	
Landasan	1,439,462		150,705		-		1,590,167	
Loji & Jentera	124,787		24,234		-		149,021	
Pagar	26,859		4,296		-		31,155	
Pembentung	172,964		8,917		-		181,881	
Pencawang	35		5		-		40	
Penjelasan nilai aset - kereta api	73,048		-		-		73,048	
Sistem Elektrifikasi	850,582		112,634		-		963,216	
Sistem Tiket	51,287		10,342		-		61,629	
Slesen	193,534		18,949		-		212,483	
Tanah - Milik Bebas	-		-		-		-	
Tanah - Pajakan	38,805		1,543		-		40,348	
Terowong	102,601		6,509		-		109,110	
	<b>5,652,939</b>		<b>604,927</b>				<b>6,257,866</b>	

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

Nilai buku bersih

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Alat Komunikasi	227,225	236,772
Alat Semboyan	987,179	1,029,072
Bangunan Operasi Kereta api	172,576	179,045
Bangunan Parkir	76,677	77,812
Bangunan Pejabat	26,730	27,312
Grading	285,998	290,478
Inventori Kereta api	23,793	15,392
Jambatan	3,372,718	3,412,607
Kelengkapan Pejabat	312	308
Kenderaan Kereta api	1,436,049	1,588,133
Penjelasan nilai aset - kereta api	(73,048)	(73,048)
Kenderaan Pejabat	1,420	1,642
Komputer	-	-
Kuarters	59,594	61,898
Lain-lain Bangunan	237,018	242,741
Landasan	7,415,213	7,566,846
Loji & Jentera	559,651	502,331
Pagar	28,371	32,623
Pembentung	713,114	722,239
Pencawang	184	189
Sistem Elektrifikasi	1,826,031	1,936,207
Sistem Tiket	41,369	51,712
Stesen	718,985	733,091
Tanah - Milik bebas	721,662	721,829
Tanah - Pajak	213,748	215,804
Tanah - Rizab	7,352,029	7,352,029
Terowong	535,238	541,807
	<b>26,959,836</b>	<b>27,466,871</b>

2022

Pertambahan jumlah aset adalah termasuk pemodalan bagi Projek Naiktaraf Kemudahan OKU Stesen Tanjung Malim, *Tamper Machine* dan *Linsinger Rail Milling Machine*.



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
**TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022**

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**9. ASET TAK KETARA**

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM'000	RM'000
<b><u>Kos</u></b>		
Pada awal tahun kewangan	5,052	5,052
Tambahan		-
Pada akhir tahun kewangan	5,052	5,052
<b><u>Pelunasan Terkumpul</u></b>		
Pada awal tahun kewangan	4,948	4,945
Tambahan	6	3
Pada akhir tahun kewangan	4,954	4,948
	<b>98</b>	<b>104</b>

**10. KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN**

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Baki pada awal tahun	6,883,743	6,154,148
Tambahan	258,496	751,665
Pindahan ke hartanah,loji dan peralatan	(150,864)	(22,070)
Baki pada akhir tahun	<b>6,991,375</b>	<b>6,883,743</b>

**11. AKAUN BELUM BAYAR**

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM'000	<u>Dinyatakan semula</u> RM'000
Deposit Pelaksanaan Tender/Sebut Harga	7,298	9,916
Deposit Sewa	4,865	4,387
Pemiutang/Pemiutang Projek	5,714	5,191
Peruntukan Manfaat Pekerja	219	200
Wang Jaminan Pelaksanaan	1,678	2,630
Sewaan Kehadapan	9,245	9,463
Pelbagai Deposit Diterima	17,337	-
Terimaan Tidak Dikenalpasti	5,731	-
	<b>52,087</b>	<b>31,787</b>

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 11. AKAUN BELUM BAYAR (samb.)

## PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	<u>2022</u>	<u>2021</u>
	RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Baki awal tahun	200	50
Pelarasan	-	(1)
Peruntukan tahun semasa	19	151
Pembayaran tahun semasa	-	-
Baki pada akhir tahun	219	200

Peruntukan manfaat pekerja di selaraskan hanya di peruntukan bagi pegawai tetap lantikan RAC tidak termasuk pegawai pinjaman dan pegawai kontrak. Peruntukan manfaat pekerja adalah atas nilai obligasi masa depan mungkin timbul dan dikira pada nilai terdiskaun tahun semasa.

## 12. PINJAMAN

	Nota	Pokok RM'000	Faedah RM'000	Jumlah RM'000
<b>2022</b>				
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	(a)	8,645	745	9,390
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)		14,298	18,487	32,785
Relending Loan	(b)	267,369	110,393	377,762
		<b>290,312</b>	<b>129,625</b>	<b>419,937</b>
<b>2021 (Dinyatakan Semula)</b>				
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	(a)	9,352	2,224	11,576
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)		15,154	17,008	32,162
Relending Loan	(b)	267,369	110,393	377,762
		<b>291,875</b>	<b>129,625</b>	<b>421,500</b>

**Nota (a)**

Pinjaman UK Malaysia Aids merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada 2 September 1974 untuk pembelian 25 buah Lokomotif diesel, 150 Bogie Pallet Wagon dan membayar elaun kepada jurutera pelatih. Dalam tahun 2012, pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah membuat penjadualan semula pembayaran pokok dan faedah bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2028 dan faedah yang ditangguhkan adalah sebanyak RM15,223,519. Kadar faedah adalah 6.5% setahun dan pembayaran tahunan sebanyak RM2,339,897.

**Nota (b)**

Pinjaman *Relending Loan* adalah pinjaman daripada Kerajaan Jepun untuk membiayai pembelian lokomotif. Jumlah Yen(¥) yang diterima adalah sebanyak ¥13,395,261,040. Jumlah tersebut telah selesai dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi pihak RAC. Amaun di atas adalah jumlah terhutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tarikh lembaranimbangan.



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**13. LIABILITI CUKAI TERTUNDA**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>Dinyatakan semula RM'000</b>
Pada 1 Januari	4,606	(721,774)
Peruntukan Cukai Tertunda tahun Semasa (Nota 23)	(4,526)	726,380
	<b>80</b>	<b>4,606</b>

**14. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>Dinyatakan semula RM'000</b>
Baki pada awal tahun	8,568,047	7,964,311
Terimaan Geran pada tahun semasa	217,942	639,490
Pelarasan	(23,523)	(20,673)
Geran direalisasi	(83,005)	(15,081)
Baki pada akhir tahun	<b>8,669,461</b>	<b>8,568,047</b>

**15. RIZAB PENILAIAN ASET**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Rizab Penilaian Aset	7,964,177	7,964,177
	<b>7,964,177</b>	<b>7,964,177</b>

Pada tahun 2005, penilaian semula aset-aset RAC telah dilaksanakan oleh Syarikat MGI-Aljeffri, Chartered Accountants (M) iaitu di bawah projek "The Establishment of New Fixed Assets Register for RAC".

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**16. KEUNTUNGAN TERKUMPUL**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>Dinyatakan semula RM'000</b>
Pada 1 Januari	18,028,362	19,060,209
Lebihan/Kurangan bersih bagi tahun semasa	(482,279)	(370,410)
Pelarasan	-	(661,437)
	<b>17,546,083</b>	<b>18,028,362</b>

2022 – Pelarasan melibatkan rekod hasil terlebih catat pada tahun 2021.

**17. HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN**

<b>Pelunasan Geran :</b>	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pelunasan Geran Kerajaan Persekutuan	93,095	15,082
Pelunasan Geran Projek Pembangunan RAC	-	-
	<b>93,095</b>	<b>15,082</b>

MPSAS 23 - Pelunasan geran dilaksanakan apabila RAC mengiktiraf suatu pertambahan aset bersih dan perbelanjaan infrastruktur bagi geran diterima daripada Kerajaan.

**18. HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Faedah atas Simpanan	12,344	9,962
Faedah Pinjaman Kakitangan	10	11
Hasil Jualani/Jualan Barang Lulus	11,760	174,217
LAD Projek	-	-
Sewa daripada hartanah	39,679	33,162
	<b>63,793</b>	<b>217,352</b>

**19. EMOLUMEN**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Bayaran Imbuan Tahunan dan Bantuan kewangan	330	298
Elaun Lebih Masa	53	30
Elaun Tetap	1,467	953
Faedah Kewangan Yang Lain	256	210
Gaji dan Upahan	1,478	1,425
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	788	391
	<b>4,372</b>	<b>3,307</b>



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**20. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN**

	<b>2022</b> RM'000	<b>2021</b> RM'000
Bekalan dan Bahan-bahan lain	286	119
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	54	29
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	911	717
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	560	204
Perhubungan dan Utiliti	139	285
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang dibeli dan Hospitaliti	7,130	6,242
Sewaan	2,230	2,033
	<b>11,310</b>	<b>9,629</b>

**21. PENAJAAN, PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP**

	<b>2022</b> RM'000	<b>2021</b> RM'000
Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara	777	872
Ganjaran	26	128
Gantian Cuti Rehat	33	108
Pemberian Dalam Negeri	163	67
	<b>999</b>	<b>1,175</b>

**22. PERBELANJAAN LAIN**

	<b>2022</b> RM'000	<b>2021</b> <u>Dinyatakan</u> <u>semula</u> RM'000
Bayaran lain-penyelesaian aset	604,823	602,074
Bayaran lain-tanah rizab dan milik	17,890	11,984
Bayaran-Bayaran Lain	2,957	16
	<b>625,470</b>	<b>614,074</b>

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**23. CUKAI**

Perbelanjaan cukai tahun semasa terdiri daripada:

	<b>2022</b> RM'000	<b>2021</b> <u>Dinyatakan</u> <u>semula</u> RM'000
Cukai pendapatan tahun semasa	3,059	21,018
Pelarasan cukai pendapatan tahun semasa	-	(772,739)
Cukai tertunda tahun semasa (Nota 13)	(4,526)	726,380
	<u>(1,467)</u>	<u>(25,341)</u>
Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan:		
Kurangan bersih sebelum cukai	(485,263)	(395,751)
Kadar cukai pendapatan pada 24%	<u>(116,463)</u>	<u>(94,980)</u>
Penggunaan kerugian cukai yang sebelum ini tidak diiktiraf	-	-
Pelarasan kesan cukai terhadap:-		
Pendapatan tidak dikenakan cukai	153,784	148,724
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	(34,987)	(6,513)
Peruntukkan cukai tertunda tahun semasa	(3,801)	(72,572)
Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan berakhir	<u>(1,467)</u>	<u>(25,341)</u>

**24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN**

Berikut adalah ringkasan item yang dilaporkan semula disebabkan terdapat pelarasan tahun lalu terhadap penyata kewangan 2021.

	<b>Sebagaimana</b> <b>Dilaporkan</b> <b>Terdahulu</b>	<b>Sebagaimana</b> <b>Dilaporkan</b> <b>Semula</b>
	<b>2021</b> RM'000	<b>2021</b> RM'000
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>		
Tanah – Pajak	296,553	256,153
Susut Nilai Terkumpul	<u>6,184,818</u>	<u>6,181,933</u>

Susut nilai terkumpul berdasarkan pengiraan semula melalui migrasi sistem kewangan.

**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)**

<b>ASET SEMASA / ASET BUKAN SEMASA</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Semula</b>
	<b>2021 RM'000</b>	<b>2021 RM'000</b>
Akaun Belum Terima	-	109,560
Tunai dan Kesetaraan Tunai	564,936	567,179

Pelarasan bagi akaun belum terima adalah perekodan akruan bagi penjualan tanah LTS Skyline Sdn Bhd dan perubahan tunai adalah aktiviti pelaksanaan penyata penyesuaian bank.

<b>LIABILITI SEMASA</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Semula</b>
	<b>2021 RM'000</b>	<b>2021 RM'000</b>
Akaun Belum Bayar	31,968	31,787

Pelarasan perekodan bagi akaun belum bayar adalah hasil dari pelarasan peruntukan manfaat pekerja dan hasil daripada aktiviti pelaksanaan penyata penyesuaian bank.

<b>PERBELANJAAN LAIN</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu</b>	<b>Sebagaimana Dilaporkan Semula</b>
	<b>2021 RM'000</b>	<b>2021 RM'000</b>
Bayaran lain-tanah rizab dan milik	12,056	11,984

Pelarasan perbelanjaan bagi bayaran cukai tanah hak milik hasil daripada aktiviti pelaksanaan penyata penyesuaian bank.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

	Rezas Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
<b>2021</b>			
<b>Dinyatakan Semula</b>			
<b>Pada 1 Januari 2021</b>			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,177	19,060,209	27,024,386
	<u>7,964,177</u>	<u>19,060,209</u>	<u>27,024,386</u>
Pelarasan tahun semasa	-	(661,437)	(661,437)
Kurangan bersih bagi tahun semasa	-	(370,410)	(370,410)
	<u>7,964,177</u>	<u>18,028,362</u>	<u>25,992,539</u>
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>7,964,177</b>	<b>18,028,362</b>	<b>25,992,539</b>
<b>2021</b>			
<b>Dilaporkan Terdahulu</b>			
<b>Pada 1 Januari 2021</b>			
	7,964,176	19,060,209	27,024,385
	<u>7,964,176</u>	<u>19,060,209</u>	<u>27,024,385</u>
Pelarasan tahun semasa	-	(2,023)	(2,023)
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	(455,330)	(455,330)
	<u>7,964,176</u>	<u>18,602,856</u>	<u>26,567,032</u>
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>7,964,176</b>	<b>18,602,856</b>	<b>26,567,032</b>



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)**

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu	Sebagaimana Dilaporkan Semula
	<u>2021</u> RM'000	<u>2021</u> RM'000
<b>ASET CUKAI TERTUNDA</b>		
Pada 1 Januari	(721,774)	-
Peruntukan Cukai Tertunda Aset Semasa	(44,804)	-
	<b>(766,578)</b>	
	<u><u>2021</u></u> RM'000	<u><u>2021</u></u> RM'000
<b>LIABILITI CUKAI TERTUNDA</b>		
Pada 1 Januari	-	(721,774)
Peruntukan Cukai Tertunda tahun Semasa	-	726,380
	-	<b>4,606</b>

Perubahan cukai tertunda daripada aset kepada liabiliti adalah hasil pengiraan semula dan pelarasan yang telah dilaksanakan pada tahun 2022.

**KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN**

	Sebagaimana Dilaporkan Terdahulu	Sebagaimana Dilaporkan Semula
	<u>2021</u> RM'000	<u>2021</u> RM'000
Pagar KDVT P.Klang	49	49
Pagar KVDT Kajang	725	725
Baikpulihan Bukit Tembok	1,535	1,535
KTMB	4,694,994	4,694,823
Menara Sentral RAC	-	125,000
Naiktaraf OKU TG Mallm	3,695	3,695
NKRA KTMB	2,051,955	2,051,956
Pagar KVDT KL	243	243
Pagar KVDT Rawang	116	116
Pagar&PTanda Gemas	57	57
Pelbagai	1,630	1,630
Projek Pemeraksa	311	311
Projek Pre Prihatin	2,193	2,193
Baikpulihan Pagar KVDT	734	734
Ubahsuai Pejabat	676	676
	<b>6,758,913</b>	<b>6,883,743</b>

Merekod Kerja Dalam Pelaksanaan bagi Menara Sentral RAC berjumlah RM125juta.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## 24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (samb.)

## PINJAMAN

	<u>Pokok</u> RM'000	<u>Faedah</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<b><u>2021 (Dinyatakan Semula)</u></b>			
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	9,352	2,224	11,576
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)	15,154	17,008	32,162
Relending Loan	267,369	110,393	377,762
	<b>291,875</b>	<b>129,625</b>	<b>421,500</b>
<b><u>2021 ( Dilaporkan Terdahulu)</u></b>			
UK Malaysian Aids (Lebih 12 bulan)	11,327	-	11,327
UK Malaysian Aids (Kurang 12 bulan)	14,455	17,956	32,411
Relending Loan	267,369	110,393	377,762
	<b>293,151</b>	<b>128,349</b>	<b>421,500</b>

Pelarasan perekodan faedah pinjaman bagi UK Malaysian Aids.

## 25. MANFAAT PEKERJA

	<u>2022</u> RM'000	<u>2021</u> RM'000
<b><u>Manfaat Jangka Pendek</u></b>		
Gaji dan upah	5,774	4,847
Bonus	150	11
Sumbangan keselamatan sosial	61	59
<b><u>Manfaat Jangka Panjang</u></b>		
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	203	197
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	533	410
Gantian Cuti Rehat	37	108

Jumlah staf yang berkhidmat di RAC ialah 131 orang yang terdiri daripada jawatan tetap 36 orang, kontrak (COS) 61 orang, kontrak (CFS) 16 orang dan pekerja khidmat RAC (PKRAC) 18 orang.

Kumpulan Pengurusan & Profesional : 54 orang  
Kumpulan Pelaksana : 77 orang



**PERBADANAN ASET KERETA API**  
Ditubuhkan dibawah Akta Kereta api 1991 (Akta 463)  
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**26. ANGGOTA PENGURUSAN UTAMA RAC**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Elaun Tetap	439	328
Lain-lain elaun (Faedah tahunan, <i>In-kind</i> )	24	25
	<b>463</b>	<b>353</b>

MPSAS 20 - Anggota pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti RAC secara langsung dan tidak langsung.

**27. KONTINGENSI ASET**

**Projek Usaha Sama Di Atas Tanah Milik RAC oleh pihak KTMB: Pembangunan Projek Usaha Sama Yang Melanggar Akta Kereta api 1991.**

Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak RAC mendapati wujud kontingensi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan hartanah RAC. Kontingensi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik RAC yang dilaksanakan oleh pihak KTMB dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah kereta api antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah RAC selepas Akta Kereta api 1991 berkuatkuasa.

KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada 5 syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan RAC. Tindakan ini telah mengakibatkan RAC kehilangan hak ke atas tanah-tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain daripada itu, RAC juga telah dinafikan hak atas faedah-faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**27. KONTINGENSI ASET (samb.)**

Jadual dibawah menunjukkan keluasan dan kos tanah bagi 5 lokasi tanah yang telah dipindah milik selepas Akta Kereta api 1991 serta faedah dalam bentuk tunai dan bukan tunai yang diterima oleh pihak KTMB:

Lokasi tanah RAC	Keluasan tanah (Ekar)	Kos tanah (RM'Juta)	Faedah bukan dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai yang telah diterima oleh KTMB (RM'Juta)
Bukit Tunku, Kuala Lumpur	42.5	26.70	-	100.58	77.2
Port Dickson, Negeri Sembilan	10.9	16.10	35.630 (Unit Kondominium )	15.69	0.6
Prai Perdana, Pulau Pinang	54.7	8.90	7.128 (Unit apartment) 5.2 (Unit bangunan pejabat)	11.15	8.45
Sentul Raya, Kuala Lumpur	294.0	105.62	2.4 (Saham) 100.0 (Call Option) 69.210 (Unit kediaman)	34.00	34.00
KL Sentral, Kuala Lumpur	75.3	178.00	13.0 (Saham) 390.0 (Slesen Kereta api) 7.0 (Loan stocks)	125.00	10.00
	<b>477.40</b>	<b>335.32</b>	<b>629.568</b>	<b>286.42</b>	<b>130.25</b>


Isu *ultra vires* terhadap Akta Kereta api 1991 [Akta 463] berhubung pelaksanaan projek usaha sama antara Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pihak-pihak swasta bagi lima (5) tanah hak milik/rizab kereta api yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Kali ke-96 yang bersidang pada 24 Disember 2021.


Berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan melalui Mesyuarat *Problem Solving Committee* yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2016 yang telah bersetuju supaya isu tanah ini tidak dilanjutkan dan RAC akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia melalui surat RAC.100-15/3/2 Jld. 2 (10) bertarikh 11 Februari 2022.





**Perbadanan Aset Keretapi  
(Railway Assets Corporation)**

 Level 16, IOI City Tower 2,  
Lebuhraya IRC, IOI Resort City,  
63502 Putrajaya Sepang,  
Selangor Darul Ehsan

 603-8733 2020

 603-8733 2222 / 6018

 Perbadanan Aset Keretapi/Railway Assets Corporation

 RailwayAssetsMy

 aduan@rac.gov.my

[www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)